

**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KESEBELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 19****Isnin****25 April 2005**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL MENANGGUHAKN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1):</b>	
• <b>Kenaikan Tambang Feri Pulau Pinang</b> - <i>Y.B. Tuan Lim Hock Seng (Bagan)</i>	(Halaman 21)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005	
<b>Jawatankuasa:-</b>	
<b>Jadual:-</b>	
Maksud B. 15	(Halaman 22)
Maksud B. 41	(Halaman 83)
Maksud B. 50 (halaman 148)	
<b>USUL-USUL:</b>	
Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 2004	
<b>Jawatankuasa:-</b>	
Maksud P. 15	(Halaman 22)
Maksud P. 21	(Halaman 81)
Maksud P. 28	(Halaman 82)
Maksud P. 29	(Halaman 82)
Maksud P. 41	(Halaman 83)
Maksud P. 48	(Halaman 148)
Maksud P. 52	(Halaman 168)
Maksud P. 70	(Halaman 168)
Maksud P. 71	(Halaman 183)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 29)

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT**

Isnin, 25 April 2005

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)  
***mempengerusikan Mesyuarat***]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Richard Riot Jaem:** Selama pagi dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan saya. Saya ingin perkataan '*hitam*' itu dipotong. Jadi, soalan akan berbunyi:

“...menyatakan rancangan kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil lada yang menghadapi krisis kewangan akibat kemerosotan harga komoditi tersebut.”

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor satu.

1. **Tuan Richard Riot Jaem [Serian]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan rancangan kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil lada yang menghadapi krisis kewangan akibat kemerosotan harga komoditi tersebut.

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini industri lada menghadapi masalah kemerosotan harga, sama ada di peringkat ladang mahupun di peringkat hiliran. Harga pasaran dunia bagi komoditi ini, pada ketika ini adalah pada paras yang rendah kerana jumlah bekalan lada adalah lebih daripada jumlah permintaan.

Pada bulan Februari tahun ini, harga purata adalah RM4,320 setan metrik bagi lada hitam dan RM7,200 setan bagi lada putih. Harga yang rendah bagi lada telah mengakibatkan ramai pekebun kecil tidak dapat menyelenggarakan kebun mereka dengan sempurna. Ini telah menyebabkan pengeluaran lada berkurangan dan seterusnya menjejaskan pendapatan pekebun-pekebun kecil.

Menyedari hakikat ini, kementerian melalui Jabatan Pemasaran Lada Hitam atau JPLH dan Jabatan Pertanian Sarawak telah merangka beberapa program dan projek bagi membantu

pekebun-pekebun kecil lada dan juga membangunkan industri lada dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Objektif keseluruhan program ini dan projek tersebut adalah untuk menjamin supaya pekebun-pekebun lada menikmati pendapatan yang lebih baik daripada hasil tanaman mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedang berusaha untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi membantu pekebun-pekebun kecil di Sarawak untuk meningkatkan produktiviti penanaman lada dan pendapatan mereka. Bentuk bantuan tersebut adalah seperti membaik pulih kebun lada, menanam semula lada, bantuan dalam pengendalian tapak semaian dan juga pengeluaran lada tambah nilai.

Di samping itu, kementerian juga bercadang untuk mengadakan perbincangan lanjut dengan negara-negara pengeluar utama lada seperti Indonesia dan Vietnam untuk mencari jalan yang terbaik dalam usaha untuk menstabilkan lada-lada supaya pekebun-pekebun lada dapat menikmati pendapatan yang berpatutan. Sekian.

**Tuan Richard Riot Jaem:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana kerajaan telah dan sedang berusaha untuk mencari jalan membantu pekebun-pekebun kecil lada. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh para pekebun lada adalah masalah yang saya fikir satu masalah yang besar yang perlu diatasi oleh kerajaan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, 10 tahun yang lalu, semasa harga getah jatuh menjunam di bawah *production cost*, kerajaan telah memperkenalkan beberapa skim untuk membantu para pekebun kecil getah. Antara skim yang telah diperkenalkan itu ialah skim dalam mana subsidi 30 sen diberi kepada setiap kilogram susu getah yang dijual.

Jadi, soalan saya, untuk membantu meringankan bebanan yang dipikul oleh para pekebun kecil lada ini adakah kerajaan bersedia untuk memperkenalkan skim yang serupa itu, iaitu dengan memberi subsidi secara *cash* sebanyak tidak kurang daripada RM1 kepada setiap kilogram lada yang dijual. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih, Yang Berhormat. Keseluruhan objektif bantuan yang kita akan adakan bagi membantu pekebun-pekebun kecil ialah untuk menambah baik pengusaha dalam ladang yang mereka miliki. Maksud saya ialah kita hendak meningkatkan produktiviti di peringkat kebun mereka dan sebab itu jenis bantuan yang kita cadangkan kepada kerajaan ialah untuk membaik pulih kebun lada supaya dengan insentif yang diterima oleh pekebun-pekebun itu mereka boleh mengendalikan dan juga menyelenggarakan kebun mereka dengan cara yang baik.

Oleh sebab itu, maka, kita punya cadangan ialah untuk 6,000 sehektar yang mereka miliki, iaitu kira-kira RM3 sepokok yang ada di dalam kebun mereka. Saya rasa ini boleh

menambah sedikit, menampung sedikit kos penyelenggaraan dan juga kos keluaran yang sekarang di dalam paras RM5.68 sepokok. Maknanya dengan bantuan itu ia boleh terima RM3 sepokok.

Kita juga cadangkan satu skim baru iaitu skim untuk penanaman semula di mana nilai bantuan yang kita akan minta daripada kerajaan ialah 16,000 sehektar bagi tiga tahun, untuk dibahagikan tiga tahun, iaitu 8,000 bagi tahun pertama, 4,000 bagi tahun kedua dan 4,000 lagi bagi tahun ketiga.

Saya juga sebut tadi di dalam jawapan asal iaitu bantuan pengendalian tapak semaian. Ini pun kita akan menyalurkan kepada Jabatan Pertanian Sarawak supaya jabatan itu mempunyai kewangan untuk mengadakan tapak semaian supaya jenis klon yang bagus itu, yang bermutu tinggi itu boleh dibekalkan kepada pihak pekebun.

Yang Berhormat, semua ini adalah untuk menolong individu pekebun di peringkat bawahan iaitu di peringkat pekebun itu. Kita harap dengan adanya bantuan seperti ini industri lada akan menjadi satu tanaman yang cukup, memberi cukup pendapatan kepada pekebun dan masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan bahawa harga pemasaran lada banyak dipengaruhi oleh pasaran lada di Singapura. Soalan saya, mengapa pula Malaysia tanam lada, yang menentukan harga pula Singapura? Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Soalan yang baik, Tuan Yang di-Pertua. Memang kita rasa tidak patut tetapi mengikut tradisi perniagaan lada ini, Singapura adalah satu pasaran pemprosesan yang besar, di mana dari segi tradisinya banyak negara dari luar seperti di Eropah ada hubungan kait yang rapi dengan pengusaha-pengusaha pemprosesan di Singapura sebab itu Singapura menjadi tumpuan pasaran sedunia.

Tetapi kini sedikit sebanyak sudah bertukar kerana lain-lain negara seperti di Vietnam dan Indonesia, *traders* ataupun pengusaha untuk pemprosesan ini sudah meningkat dan mereka juga akan ambil alih peranan ini. Malaysia, buat masa sekarang, jumlah lada yang kita keluarkan masih nombor empat dari pengeluaran dunia, iaitu selepas negara Vietnam, Indonesia dan juga India, yang mendahului kita dari segi jumlah yang kita keluarkan. Sekian.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan soalan saya ingin mengalu-alukan kehadiran adik-adik sekolah daripada Melaka dan Rompin dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat di peringkat akar umbi daripada Kuala Terengganu dan juga Kemaman yang hadir pada hari ini.

2. **Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]** minta Perdana Menteri menyatakan dalam usaha menjadikan Parlimen Malaysia bertaraf Parlimen dunia pertama apakah langkah kerajaan mengatasi kekurangan kakitangannya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]** Tuan Yang di-Pertua, pihak pentadbiran Parlimen Malaysia telah pun memanjangkan kertas untuk pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi cadangan penstrukturan semula organisasi termasuk menaik taraf dan kajian semula jawatan Parlimen Malaysia pada 12 Ogos 2004 yang lalu. Cadangan kertas itu juga adalah untuk memohon agar bilangan kakitangan Parlimen Malaysia dapat dipertingkatkan sejajar dengan peningkatan keperluan perkhidmatan yang perlu diberikan khususnya kepada Ahli-ahli Parlimen.

Ini adalah demi untuk memartabatkan dan memperkasa institusi ini sebagai sebuah institusi perundangan yang tertinggi di Malaysia. Perancangan dan penelitian yang menyeluruh telah dilakukan sebelum permohonan ini dibuat. Setakat hari ini pihak pentadbiran Parlimen Malaysia masih lagi menunggu maklum balas dari Jabatan Perkhidmatan Awam berkenaan permohonan tersebut.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang bijaksana. Di Amerika Syarikat para mahasiswa yang terbaik di universiti mereka sentiasa berebut-rebut untuk menjadi pembantu kepada ahli kongres kerana ini adalah peluang untuk terlibat dalam proses pembuatan dasar dan undang-undang negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan daripada saya, apakah tanda aras (*benchmark*) yang kita gunakan dalam penyiapan kakitangan Parlimen kita yang berasaskan kepada:

- (i) mutu kerjanya sebagai pembantu golongan pembuat undang-undang; dan
- (ii) nisbah bilangan kakitangannya kepada bilangan Ahli Parlimen yang ada bagi mengatasi masalah apa yang disebutkan masalah "Ahli Parlimen bodoh" yang Yang Berhormat Menteri sebutkan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya jawab yang akhir itu dahulu. Itu yang lebih diminati.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mengenai yang "bodoh" itu dahululah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, yang "bodoh"....[*Ketawa*] Sebenarnya, saya ingin menyatakan bahawa sewaktu ditanya berkenaan dengan soalan-soalan dan perkara-perkara yang dibangkit oleh dua Ahli Parlimen iaitu berkenaan dengan uniform dan juga memberikan dadah kepada penagih, saya telah mengatakan iaitu bahawa kita mesti berhati-hati.

Dalam pertemuan itu saya berkata, semasa saya kecil dahulu, bapa saya berpesan kepada saya iaitu kalau sekiranya kita tidak tahu tentang sesuatu hal adalah lebih baik kita duduk diam daripada dianggap bodoh oleh orang; lebih baik lagi daripada kita menyuarakan dan orang kata kita "bodoh". Saya tidak kata Ahli Parlimen "bodoh", saya kata sewaktu saya kecil dahulu bapa saya yang menasihatkan saya.

Oleh sebab itu *angle* yang diambil .....itu terpulanglah kepada akhbar. Tidak mungkin saya mengatakan Ahli Parlimen saya sendiri "bodoh" kerana saya sendiri yang menjaga Ahli-ahli Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat anggap kita semua pandailah. [*Dewan riuh dengan ketawa*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, memang betul. Perkara ini kalau diletakkan dalam akhbar... Nazri mengatakan bapanya menasihatkan dia semasa kecil, saya ingat habislah masalah itu. Itulah yang saya hendak berikan penerangan. Terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kemaman beri kesempatan kepada saya.

Sebenarnya dari segi persediaan untuk kemudahan Ahli Parlimen tidak boleh dibanding dengan apa yang berlaku di Amerika Syarikat. Malah saya dukacita untuk menyatakan bahawa tidak ada *benchmark* sebenarnya. Kita bermula daripada kosong. Sebab tidak ada pun satu jawatan untuk Ahli-ahli Parlimen yang memberikannya *in turn* ataupun *research officer* yang dikaitkan dengan dia. Baru-baru ini pun baru hendak buat. Yang Berhormat Speaker mencadangkan, iaitu kita akan menyediakan 10 orang *research officer* untuk kegunaan 200 orang - yang anggota pentadbiran tidak kiralah - hendak digunakan oleh 100 lebih Ahli Parlimen.

Saya ingat, walaupun ada *positive move*, tetapi masih lagi tidak mencukupi. Yang Berhormat bagi Kemaman, saya rasa agak jauh lagilah untuk kita hendak mencapai status yang sama. Namun dalam usaha kita untuk menaikkan martabat dan kedudukan Parlimen, kita mesti pastikan bahawa yang terbaik itu mesti diusahakan untuk Ahli-ahli Parlimen kita. Itulah juga mengapa Perdana Menteri mencadangkan supaya ada seorang Menteri menjaga Parlimen supaya banyak perkara yang berkaitan dengan Parlimen itu boleh diketengahkan kepada pihak yang berkuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa pihak pentadbiran Parlimen masih menunggu balasan daripada JPA mengenai satu kertas cadangan untuk mempertingkatkan perkhidmatan Parlimen, sungguhpun ia sudah dikemukakan pada bulan Ogos tahun lalu. Bukankah ini menunjukkan bahawa JPA tidak ada satu *sense of urgency* untuk mewujudkan Parlimen sebagai *first world Parliament* - tidak faham

betapa pentingnya Parlimen menjadi *first world Parliament*? Bukankah ini sebenarnya satu perkara yang sangat *outrageous*.

Nampaknya Parlimen bukan sahaja jabatan kepada satu kementerian, tetapi tidak setaraf dengan satu jabatan - JPA. Kenapa Parlimen perlu *subordinate* kepada JPA? JPA yang perlu *subordinate* kepada Parlimen! *[Tepuk]* Bukankah perkara mengenai kemudahan-kemudahan dan keistimewaan-keistimewaan yang sepatutnya dinikmati oleh Ahli-ahli Parlimen perlu ditentukan dan diputuskan oleh Parlimen sendiri? Bukannya diikuti dan dilaksanakan oleh JPA dan bukan sebaliknya. Siapa tuan? Parlimen tuan atau JPA tuan? *[Dewan riuh]*

Kenapa *house committee* sampai sekarang tidak bermesyuarat? Semua cadangan patut melalui *house committee*. Apa yang kita perlukan bukannya 10 orang penyelidik. Apa gunanya 10 orang penyelidik? Mana ada *first world Parliament* yang ada 10 orang penyelidik sahaja? Di mana-mana *first world Parliament* sekurang-kurangnya Ahli Parlimen ada *a couple of researcher*. Bukankah kita bermula....bukannya bermula dengan kosong! 50 tahun kemerdekaan, kita bermula dengan kosong? Malu Parlimen! Bukankah kita perlu memulakan dengan sekurang-kurangnya seorang Ahli Parlimen dengan seorang *researcher* dan kita mahu JPA laksanakan ini. *[Disampuk]* Kalau tidak apa guna Parlimen *subordinate* kepada JPA? Apa guna Menteri di Jabatan Parlimen *subordinate* kepada JPA? Bolehkan kita mendapat jawapan .....

**Seorang Ahli:** Soalan, soalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** .....supaya orang tidak kata kita Ahli-ahli Parlimen *untouchable* sungguhpun ada orang yang cakap "bodoh" dalam Parlimen ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat berhujah tetapi tidak ada soalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan. Soalannya ialah kenapa kita *subordinate* JPA? *[Dewan riuh]* Siapa tuan? JPA tuan atau Parlimen tuan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Parlimen menjadi sebahagian daripada Jabatan Perdana Menteri ini semenjak tahun 1957. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor jadi wakil rakyat pada tahun 1969, baru tahun lepas bangkit.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Baru tahun lepas bangkit.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya? Baru tahun lepas bangkit. Bermakna selama hari ini .....

**Tuan Lim Kit Siang:** *Point of order.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Banyak tahun...

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Banyak tahun. Banyak tahun.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yalah, tahun lepas yang.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah...

**Tuan Lim Kit Siang:** Baca "*Time Bomb in Malaysia*".

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ha, Betul, betul. Baca.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baca "*Malaysia The Dangerous 80s*", baca "*Malaysia the Present Identity*", semua di dalam buku itu. Okey?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini...apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tahun 1957 kita merdeka...selama 48 tahun sampai sekarang. Jadi sudah tentulah suatu perkara yang hendak dilakukan secara drastik yang akan mengeluarkan Parlimen daripada JPM adalah satu perkara yang agak kejutan (*cultural shock*), sebab itu kita kena terus berusaha. Sebab itulah Perdana Menteri melantik saya menjadi Menteri untuk menjaga - baru tahun lepas sahaja!

Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat oleh kerana saya menjadi Menteri ialah perkara ini dibangkitkan - ada jalan. Ha, itu dia. Kalau saya tidak menjadi Menteri, tidak berbangkit perkara ini. Sebab itulah kita kena mengambil masa sedikit.

Saya bersetuju bahawa Parlimen sepatutnya dia mesti sama dengan eksekutif dan juga *judiciary*. Namun begitu kalau *judiciary* itu dianggap bebas, kita tengok *judiciary* juga daripada segi pelantikan kerja-kerjanya di bawah JPA juga. Ini adalah satu perkara yang kita perlu lakukan, satu perkara yang telah puluhan tahun yang telah diamalkan dan hendak ditukar, maka itu akan memakan masa sedikit.

Walau bagaimanapun saya akan terus memantau perkara ini dan akan memperingatkan kepada Ketua Setiausaha Negara tentang apa yang telah pun dibangkit oleh kita semua.

Soal "bodoh" ini...sebab itu saya kata dia pekak - Ipoh Timor ini, saya baru sekejap bercakap tadi. Saya ingat betul telinga di sebelah kirinya...mungkin dia tidak dengar apa yang saya katakan sebentar tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa dia?

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu saya beritahu yang dinasihatkan oleh bapa saya. Kalau hendak anggap ucapan itu "bodoh", itu "bodoh"lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu daripada anggapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi kita telah bersetuju bahawa kita semua pandai. *[Dewan riuh dengan ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya. Tapi saya minta supaya peruntukan diberi untuk membetulkan telinga kiri dia yang pekak itu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Begitu *offensive*. Tarik balik.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Begitu *offensive* di Dewan yang mulia ini.

**Puan Chong Eng:** Personal. Personal.

**Tuan Lim Kit Siang:** Personal atau dia *dumb, mute and blind* tidak perlulah. Tarik balik *offensive remark* semacam itu.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya harap ....kalau kita tidak menghina Dewan yang mulia, harap Yang Berhormat Menteri tarik balik - *Point of Order*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, macam inilah. Sebenarnya saya hendak beritahu iaitu saya sudah jelaskan perkara ini tadi, dia tidak dengar juga. Jadi, tidak apalah, saya kata bukan dia pekak, dia ada telinga tetapi dia tidak dengar. *[Dewan riuh dengan ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia pun cakap bodoh! *[Ketawa]*

3. **Tuan Chong Hon Min [Sandakan]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah wujud pelan penaiktarafan Lapangan Terbang Sandakan sebagai sebuah lapangan terbang bertaraf antarabangsa yang dapat memajukan lagi industri pelancongan di Sandakan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Sandakan yang telah mengemukakan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan tidak mempunyai rancangan atau pelan untuk menaikkan taraf Lapangan Terbang Sandakan kepada sebuah lapangan terbang bertaraf antarabangsa sepenuhnya memandangkan jumlah kendalian penumpang domestik dan antarabangsa di lapangan terbang ini masih lagi rendah. Terima kasih.

**Tuan Chong Hon Min:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dari jawapan yang diberi oleh kementerian yang berkenaan, saya dapati bahawa pembangunan jalan raya berjumlah lebih kurang RM600 juta, projek bekalan air berjumlah RM450 juta dan juga

pembangunan industri pelancongan dan juga IKS akan dijangka dilaksanakan di kawasan Sandakan.

Dengan persiapan projek-projek tersebut, permintaan pengangkutan udara seperti penggunaan Lapangan Terbang Sandakan akan dijangka meningkat. Jadi, dengan persiapan projek-projek ini tanpa kemudahan lapangan terbang yang secukupnya, maka usaha-usaha untuk melaksanakan projek ini pun tidak efektif. Tambahan pula Sandakan telah diisytiharkan sebagai sebuah bandar alam semula jadi pada 18 Mei yang lalu, jadi aktiviti-aktiviti pelancongan telah pun disediakan bagi pelancong dari luar dan dalam negeri. Pandangan saya dengan persiapan projek-projek yang saya sebutkan tadi, kalau tidak ada kemudahan lapangan terbang yang secukupnya, pelaksanaan projek-projek ini pun tidak efektif. Jadi mohon pandangan dan penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya menjawab tadi setakat hari memang tidak ada perancangan untuk hendak meningkatkan taraf Lapangan Terbang Sandakan ke tahap antarabangsa. Apabila kita memandangkan angka-angka yang telah dikemukakan iaitu dalam segi jumlah pengendalian penumpang mengikuti sektor domestik ataupun antarabangsa di Lapangan Terbang Sandakan. Saya bagi angka ini kepada Yang Berhormat, iaitu pada tahun 2000 hanya 452,763 penumpang domestik dan 61 antarabangsa. Dalam tahun 2001, 400 ribu lebih yang mana antarabangsanya adalah 5,330.

Dalam tahun 2002 penumpang domestik adalah 446,521 dan bagi antarabangsa 3,092 orang penumpang dan pada 2003 penumpang domestik adalah 490 ribu dan antarabangsanya hanyalah 182. Dalam tahun 2004 penumpang domestik adalah 573,952 dan penumpang antarabangsanya adalah 261. Menengok daripada angka-angka ini nampaknya Lapangan Terbang Sandakan ini belum mencukupi untuk dinaikkan taraf antarabangsa kalau dibandingkan dengan Kota Kinabalu yang mengendalikan tidak kurang pada 4 juta penumpang setahun.

Jadi persiapan-persiapan lain itu saya rasa adalah juga baik untuk Sandakan tetapi dalam segi persiapan atau persediaan untuk passenger trafik di lapangan terbang pada ketika ini belum mencapai keperluan itu. Terima kasih.

4. **Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk membendung rakyat dan pendatang asing yang melakukan pembunuhan ataupun pergaduhan di negara kita yang didapati semakin serius.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia sentiasa mengambil langkah-langkah kawalan dan pengawasan bagi membendung kegiatan pembunuhan dan pergaduhan yang

dilakukan oleh rakyat Malaysia mahupun oleh pendatang asing di negara ini. Antara langkah-langkah kawalan yang telah diambil ialah:

- (i) mengenal pasti, memantau dan mengambil tindakan terhadap kegiatan jenayah bersindiket, ini termasuk gengsterisme, cetak rompak, kegiatan meminjam wang tanpa lesen, penyeludupan senjata api dan juga pelacuran;
- (ii) meningkatkan rondaan cegah jenayah di kawasan-kawasan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi dan di sempadan-sempadan negara;
- (iii) menambahkan jumlah operasi dan tangkapan terhadap mereka yang didapati melakukan pembunuhan dan pergaduhan serta menuduh mereka di mahkamah;
- (iv) meningkatkan aktiviti-aktiviti lain seperti perjumpaan dengan kumpulan masyarakat untuk menyedarkan masyarakat mengenai peranan mereka dalam membantu membanteras jenayah;
- (v) mengadakan operasi bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sering berlaku pergaduhan dan juga pembunuhan.
- (vi) menjalankan operasi Ops Nyah bersama pasukan Gerak Am, Rela dan Rukun Tetangga untuk mengurangkan bilangan pendatang tanpa izin di negara ini;
- (vii) melarang pekerja asing dari suku kaum berbeza bekerja di tempat yang sama bagi mengelakkan pergaduhan dan mengehadkan hanya 50 orang pekerja asing untuk tinggal di setiap rumah kongsi dan memastikan mereka dipisahkan mengikut kaum dan kerakyatan. Terima kasih.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum saya bertanyakan soalan tambahan, saya ingin berkongsi dan statistik jenayah keganasan yang meningkat sejak 30 tahun yang lalu dari 3,192 dan mendadak sehingga 22,790. Penduduk Malaysia 25.45 juta dengan polis 88,684 iaitu ratio 1:286 penduduk. Maknanya, kita kekurangan lebih kurang 23 ribu anggota polis. Ini satu perkara yang membimbangkan.

Cuma soalan tambahan saya, peningkatan yang berlaku, yang ingin saya kaitkan tentang pendatang tanpa izin ataupun pekerja asing ini yang berkemungkinan tidak mempunyai semangat pemahaman budaya kita di negara ini dan apakah kerajaan ingin menimbangkan tentang mewujudkan satu program khusus untuk mendidik mereka sebelum mereka memasuki

ke negara kita dan bagaimana kerajaan dapat melihat sama ada mereka ini mempunyai rekod jenayah di negara masing-masing sebelum di bawa masuk ke Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan perangkaan yang Yang Berhormat beri. Malah kita lihat penglibatan pendatang asing dalam kes bunuh sahaja kalau kita melihat perangkaan daripada tahun 2002, *suspect* yang terlibat dalam kes bunuh pendatang asing, ia meningkat. Tahun 2002 - 92 kes; tahun 2003 - 178 kes dan tahun 2004 meningkat kepada 320 kes; dan sehingga Februari tahun ini sudah melibatkan 43 kes. Puratanya pendatang tanpa izin yang terlibat dalam kes bunuh ialah lebih kurang 21%. Bukan sahaja *suspect* malah kalau kita lihat mangsa-mangsa kes bunuh untuk pendatang tanpa izin juga meningkat, di mana pada tahun 2002 - 73 kes sahaja; tahun 2003 meningkat kepada 109 kes, tahun 2004 kepada 135 kes; dan tahun ini 23 kes yang melibatkan pendatang-pendatang asing.

Begitu juga kes-kes jenayah yang lain seperti kes jenayah harta benda juga, kita lihat pendatang asing ini terlibat puratanya lebih kurang 2.2%. Kes-kes yang melibatkan kecederaan, seperti seksyen 324 dengan 326 juga, pendatang asing terlibat lebih kurang 4% kes dan bagi perangkaan 2003 hingga 2004 kesnya meningkat daripada 192 kes kepada 246 kes. Ini bermakna pertambahan kes melibatkan kekerasan, yang melibatkan kecederaan ini sebanyak 51.5%.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya pendatang-pendatang asing ini diberikan kursus, saya difahamkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun membuat satu dasar di mana pekerja-pekerja asing selain daripada Indonesia, mereka ini dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang akan diadakan di negeri asal mereka dan pekerja-pekerja asing ini akan dibuat tapisan dahulu sebelum mereka dibenarkan datang ke Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minggu lepas kita diberitahu bahawa banyak kesalahan-kesalahan berlaku dari segi jenayah ialah oleh kerana seseorang itu tidak boleh mengawal emosinya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat di negara-negara lain umpamanya di New Zealand apabila kecurian banyak berlaku pada satu ketika, pada awal tahun 2000 mereka membuat satu penyelidikan kenapa kecurian berlaku.

Di Australia apabila banyak pembunuhan berlaku mereka buat pada tahun 2002 penyelidikan khusus iaitu research dibuat kenapa perkara in berlaku. Jadi rancangan dan pelan tindakan boleh dibuat mengikut garis panduan yang diterima daripada penyelidikan oleh pihak institusi yang dilantik khas oleh kerajaan. Sekarang kita membuat tiap-tiap pelan dan tindakan itu hanya secara rambang berlandaskan apa yang berlaku sehingga tidak mengetahui latar belakang di sebaliknya.

Persoalan saya, Tuan Yang di-Pertua ialah adakah kerajaan bercadang untuk mengujudkan satu institut selidiki untuk jenayah ini supaya kita boleh menyelidik tiap-tiap satu fenomena yang berlaku disebut oleh Yang Berhormat bagi Muar tadi, kenapa ia berlaku dan sebab-sebab dia berlaku, emosi dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Santubong. Kita akui bahawa setakat ini kita hanya tahu sebab-sebab ertinya punca-punca, punca pembunuhan itu berlaku. Walau bagaimanapun cadangan Yang Berhormat untuk di tubuh satu institut untuk mengkaji mengenai kes-kes jenayah ini, dengan itu satu cadang yang baik dan Insya-Allah saya akan mengemukakan kepada pihak kerajaan. Terima kasih.

**5. Tuan Che Azmi bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus]** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan jawatan imam masjid berijazah yang telah diluluskan oleh JPA. Sehingga kini berapa imam masjid yang mempunyai sekurang-kurangnya ijazah pertama yang dilantik di seluruh negara secara tetap, sementara ataupun kontrak dan skim gaji yang ditawarkan. Mengapa kerajaan tidak menetapkan jawatan imam sekurang-kurangnya berkelulusan ijazah pertama.

**Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan jawatan imam berijazah yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam ialah seramai 16 orang. Manakala jumlah imam berijazah di seluruh negara yang dilantik secara tetap, kontrak atau sementara ialah seramai 16 orang.

Semua jawatan imam di masjid tiga utama, Masjid Wilayah Persekutuan, Masjid Negara, Masjid Putrajaya dan Masjid Wilayah Persekutuan dan semua masjid negeri adalah imam-imam berijazah sama ada lantikan tetap ataupun kontrak. Imam masjid di peringkat persekutuan dan negeri dilantik atas skim perkhidmatan pegawai hal ehwal Islam yang mana jawatan imam ini adalah tetap dan berpencen.

Buat masa ini kerja tidak menetapkan jawatan imam-imam di semua masjid di seluruh negara berdasarkan skim ijazah kerana kedudukan dan taraf masjid dan skop pengimaran yang berbeza antara masjid Persekutuan dan masjid negeri, masjid daerah, masjid mukim dan masjid dan masjid kampung.

Di samping itu bebanan tugas juga berbeza mengikut peringkat masjid. Terima kasih.

**Tuan Che Azmi bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih, Setiausaha Parlimen. Kita lihat pada hari ini institusi-institusi masjid belumlah kita boleh banggakan lagi. Orang-orang di kawasan kita memerlukan program-program masjid yang lebih kurang sama, kalau tidak sama, lebih kurang sama dengan program-program ataupun aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh masjid-masjid yang disebutkan tadi. Tetapi apalah daya pada masjid-masjid berkenaan kerana

kemudahan yang ada dan tenaga pengurusan yang ada tidaklah begitu mampu untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang seperti mana masjid-masjid yang disebutkan tadi.

Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya melihat kembali terutama dari segi struktur pengurusan masjid-masjid yang tidak disebutkan tadi seperti mana masjid-masjid di kawasan-kawasan Parlimen seperti mana juga kawasan-kawasan Ahli-ahli Parlimen lain. Jadi, soalan tambahan saya, tadi ada Setiausaha Parlimen menyebutkan tentang perbezaan dari segi skop pengimarahkan masjid, saya hendak tahu apakah perbezaan-perbezaan yang dimaksudkan tersebut. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya bila kita menyebut tentang skop pengimarahkan kita merujuk kepada kelas-kelas takmir yang dilakukan di masjid-masjid, yang mana untuk kelas takmir ini pada setiap masjid sama ada di daerah, mukim ataupun kampung, seorang guru dilantik sebagai guru takmir untuk mengendalikan kelas-kelas pengajian, yang mana guru tersebut paling kurangnya terpaksa mempunyai kelulusan empat senawi dan majoriti mereka adalah ustaz-ustaz yang telah berpencen.

Jadi, sekurang-kurangnya melalui kelas-kelas takmir ataupun skop pengimarahkan yang telah disebut tadi kerajaan sedikit sebanyak membantu masjid-masjid di daerah, mukim ataupun kampung bagi penduduk-penduduk setempat. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan imam-imam ini, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam belanjawan yang lalu ada mengumumkan dan mengisytiharkan bahawa para imam di seluruh negara akan diberikan elaun tetap bulanan sebanyak RM450.00. Baru-baru ini saya terbaca dalam akhbar perdana laporan-laporan yang menyatakan bahawa imam-imam di seluruh negara ini mengeluh kerana elaun RM450.00 itu belum diterima lagi sehingga kini apakah penjelasan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam hal ini.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tumpatsebenarnya bayaran imbuhan bulanan masjid yang telah dijanjikan oleh pihak kerajaan sebanyak RM450.00 telah pun dihantar bermula pada bulan Januari 2005, yang mana peruntukan ini telah dihantar melalui Jabatan Akauntan Negara. Mungkin ada sedikit kelewatan tetapi setakat ini telah pun dihantar. Terima kasih.

6. **Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan:-

- (a) bilakah Kerajaan akan melaksanakan Dasar Bioteknologi Negara; dan
- (b) apakah insentif yang akan diberikan oleh kerajaan untuk menggalak dan memperhebatkan aktiviti R&D bioteknologi.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Kong Cho Ha]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan mengadakan konvensyen bio Malaysia 2005 pada 28 hingga 30 hari bulan April ini di pusat konvensyen antarabangsa Putrajaya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan merasmikan bio Malaysia, pada pagi 28 April, iaitu hari Khamis ini.

Pada masa yang sama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan melancarkan dan mengumumkan dasar bio-teknologi negara dan bersama dengan bio-Malaysia akan juga diadakan pameran oleh industri-industri bio-teknologi di negara kita dan hasil-hasil penyelidikan dalam bidang bio-teknologi oleh pusat-pusat penyelidikan negara kita dan juga hasil penyelidikan dari institusi pengajian tinggi negara kita. Negara kita akan memberi keutamaan dalam sektor bio-teknologi yang berikut iaitu:

- (i) *Agriculture* bio-teknologi adalah kerana kekuatan kita selama ini dalam bidang pertanian dan perladangan dan kita nampak banyak pengeluaran, *value added products* dengan izin dan *down stream industry* dapat diwujudkan di bidang agro-bioteknologi.
- (ii) *Health-care* bio-teknologi - kerana negara kita adalah di antara negara-negara yang *most bio-diversified* di dunia ini dan semua kaum di negara kita mempunyai ubat-ubat herba tradisional masing-masing dan oleh itu banyak penyelidikan boleh dijalankan di bidang *health care bio-technology*.
- (iii) Industri bio-teknologi - Negara kita mempunyai kemudahan dan prasarana yang baik untuk menjalankan industri bio-teknologi. Kita juga mempunyai sumber asli yang kaya dan kita dapat mereka nilai dari sumber-sumber asli yang ada dan juga kita dapat menawarkan kemudahan kita untuk *clinical trail*, *contract manufacturing* dan pengeluaran ubat-ubat *generic* pada masa yang akan datang.

Untuk bahagian (b), semua insentif galakan pelaburan serta pembangunan komprehensif membabitkan R & D bio-teknologi yang akan merangkumi insentif-insentif yang sedia ada seperti *pioneer status*, tabung penyelidikan, potongan cukai dan insentif-insentif ini distrukturkan mengikut model MDC yang ada sekarang.

Pembangunan *knowledge infrastructure* akan diberi keutamaan dalam insentif-insentif pembangunan industri bio-teknologi seperti menguatkuasakan undang-undang harta intelek, pembangunan sumber manusia atau *knowledge workers* dan *collaboration* di antara saintis-saintis antarabangsa dan semua insentif-insentif ini juga akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 28 April 2005.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya pada bulan Februari 2005, Kabinet telah meluluskan satu pembentukan Institusi Kajian Herba, Sumber Asli dan Vaksin iaitu sebuah institusi yang secara langsung terlibat dengan perkara-perkara dengan penyelidikan dan pembangunan (R & D) dan hasil dari ini diharapkan Malaysia dapat menghasil dan mengeluarkan ubat-ubatan dan juga vaksin.

Oleh kerana bidang ini adalah sesuatu bidang yang baru dan memerlukan latihan-latihan yang benar-benar khusus selain daripada belanja yang begitu besar, kita tahu bahawa kajian untuk menghasilkan ubat-ubatan dan vaksin ini bukan sahaja memerlukan berbagai-bagai peringkat kepakaran iaitu daripada *research, pre-clinical development and clinical development* juga memerlukan belanja yang cukup besar untuk menghasilkan sesuatu produk sekurang-kurangnya di peringkat antarabangsa ini memerlukan USD200 juta iaitu lebih kurang RM1 bilion, wang Malaysia.

Saya ingin tahu berapa ramaikah, kerana ini melibatkan belanja kerajaan yang begitu besar, berapa ramaikah rakyat Malaysia yang sudah dilatih dan yang sedang diberi latihan ke arah kerana bidang ini suatu bidang yang khusus dan saya juga ingin tahu di institusi manakah mereka ini dilatih.

**Dato' Kong Cho Ha:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat sendiri pun terlibat dalam projek ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, negara kita tidak bercadang bersaing dengan firma-firma besar seperti *Fitser, Dupon* dan *Rolch* dan sebagainya untuk pengeluaran ubat yang terkemuka kerana ini akan menelan banyak wang penyelidikan.

Untuk mewujudkan makmal-makmal juga akan memerlukan wang yang banyak. Oleh kerana itu negara kita telah bercadang untuk mengadakan penyelidikan bersama dengan institusi-institusi pengajian tinggi yang ada di dalam negara kita di mana mereka selain daripada menjalankan penyelidikan pada masa yang sama juga boleh membangunkan sumber manusia kita di negara kita.

**[Soalan No. 7 – Y.B. Tuan Alexander Nanta Linggi kapit] tidakhadir]**

**8. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah mekanisme yang akan diguna pakai oleh Bank Pembangunan PKS dalam mengatasi masalah pinjaman serta keupayaan berniaga usahawan yang terlibat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**

Tuan Yang di-Pertua, bentuk dan struktur Bank Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana ataupun Bank IKS masih lagi di peringkat perbincangan dengan pihak-pihak berkaitan dan belum lagi dimuktamadkan. Walau bagaimanapun garis panduan sedia ada akan dijadikan asas untuk mempertimbangkan sesuatu permohonan atau pembiayaan. Contohnya latar belakang pemohon termasuk maklumat berhubung tanggungan sedia ada pemohon dengan lain-lain institusi kewangan, perihal projek termasuk maklum aspek teknikal, pasaran, pengurusan dan kewangan serta keperluan menyediakan cagaran.

Walaupun bagaimanapun penilaian ke atas kriteria pemohon adalah berbeza dari yang dilaksanakan oleh bank-bank komersial. Manakala syarat-syarat pinjaman yang dikenakan adalah lebih mudah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terperanjat Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Apa hal Kepong?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada panggil, nanti sekejap panggil.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada datang *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Kepong, tidur ya.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Apa selesai dengan Kepong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak adalah. Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya terperanjat jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Maksudnya belum wujud lagi apa-apa. Sedangkan telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya ulangi sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Sudah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahun yang lalu. Kenapa lambat sangat?

Payahlah Perdana Menteri hendak buat kerja yang mengetuai kerajaan kalau pihak-pihak yang terbabit tidak mengambil tindakan. Rakyat kecewa Tuan Yang di-Pertua, bukan salah Perdana Menteri. Tetapi jentera pentadbiran tidak membantu. Saya bertanya ini kerana dalam fikiran saya bank ini telah pun wujud.

Orang Melayu yang mendengar pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasai bahawa ini lagi satu saluran yang boleh membantu bumiputera dalam usaha mereka meningkatkan perindustrian ataupun dalam lapangan perindustrian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soalanlah ini. Soalanlah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan tidak keluar?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soalan sayalah. Yang Berhormat Menteri kena faham lah apa yang saya sebutkan mana soalan, mana dia punya pertanyaan. Dia punya hallah Tuan Yang di-Pertua. Saya mengemukakan pandangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu, maksud saya hendak soal ini ialah apabila bank ini dilancarkan, dia jangan seperti bantuan-bantuan yang disediakan oleh kerajaan selama ini seperti mencurah garam ke laut – sia-sia.

**Seorang Ahli:** Air ke daun keladi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya mengharapkan apabila bank ini ditubuhkan, ia benar-benar dapat membantu menolong usahawan-usahawan bumiputera dalam lapangan industri kecil dan sederhana ini benar-benar boleh berdaya saing, dapat dipertahankan, dapat ..... macam-macam lah Tuan Yang di-Pertua. Maknanya, matlamatnya kejayaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Selesai Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Selesai.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dato' lah yang terbaik di dunia [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hah, terima kasihlah [*Ketawa*]

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Kita ..... Perdana Menteri telah mengumumkan sebuah bank IKS. Bukan hendak menubuhkan satu kaunter baru, tetapi hendak menubuhkan sebuah bank. Maknanya perlu teliti dalam perkara ini dan mengambil masa sedikit. Kalau kita tergojoh-gojoh mungkin berlaku kesilapan.

Setakat ini seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Sri Gading memang pinjaman IKS oleh bank-bank komersial bila permohonan dibuat kepada bank-bank komersial ini oleh peminjam-peminjam memang bank komersial mempertimbangkan seperti pinjaman bank yang lain. Maknanya termasuklah bank-bank juga minta cagaran. Ini kadang-kadang hendak pinjam RM500,000 dia minta cagaran RM500,000 juga.

Kepada peminjam-peminjam di IKS memang tidak boleh hendak menyediakan cagaran seperti itu. Sebab itu dalam hal ini garis panduan sedang digubal supaya bank ini boleh ditubuhkan dan memberi berbagai-bagai kelonggaran. Juga dilihat ada cadangan saya kata

supaya tidak mengambil cagaran dan hanya membuat bayaran balik secara *process factoring* maknanya segala bayaran dibayar terus kepada bank dan bank proses balik dan diuruskan bersama dengan bank. Ini satu cara yang boleh kita dapat menolong IKS ini.

Saya boleh beri jaminan di sini bahawa bank IKS ini akan memberi kemudahan dan kelonggaran kepada peminjam-peminjam yang akan datang dan setakat ini kalau ikut laporan yang ada ..... sekarang ini RM8.9 bilion yang telah diluluskan RM81 bilion oleh bank-bank komersial yang lain termasuk Bank Industri dan juga Bank Pembangunan dan Infrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin proses akan berjalan dan kemungkinan besar bank ini akan dapat ditubuhkan pada penghujung tahun ini.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya berkongsi pendapat yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Sri Gading bahawa IKS ini merupakan suatu industri yang penting di negara kita. Kalau tidak silap saya lebih kurang 60% perindustrian dan perusahaan di negara kita adalah daripada golongan IKS.

Mengapa kerajaan mengambil masa yang terlalu lama untuk menubuhkan Bank IKS ini. Adakah Yang Berhormat boleh memberitahu kepada Dewan ini bahawa suatu tarikh yang tepat atau suatu yang dirancang untuk membuka bank ini kepada orang ramai seperti tarikh untuk operasinya dan juga apakah modal yang telah dipersetujui oleh kerajaan untuk menubuhkan bank ini kerana IKS ini sangat penting untuk pembangunan negara kita dalam masa-masa yang akan datang ini.

Saya hendak tahu apakah rancangan ataupun satu skim iaitu berkongsi dengan risiko dengan pengusaha-pengusaha IKS ini. Saya hendak tahu semua cadangan dan juga persetujuan yang telah dilakukan oleh kerajaan. Bolehkah saya mendapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tadi bahawa bank ini dijangka akan beroperasi sebagai sebuah bank IKS pada penghujung tahun ini. Sekarang sedang rancak dirancang dan dirangkakan. Ini bermakna bahawa pinjaman ini diberhentikan, tidak. Bank Komersial masih berjalan dan masih boleh membuat pinjaman cuma peraturannya dan syarat-syaratnya memang ketatlah dan diuruskan oleh bank-bank komersial dan dia ikut syarat-syarat yang ada pada mereka.

Saya ingat boleh bersabar sebab sekarang sudah bulan April, tidak lama lagi. Saya cakap tadi mungkin dalam hujung tahun ini tetapi lebih awal daripada itu. Seperti yang telah saya sebutkan tadi syarat-syarat akan dilonggarkan untuk memberi kemudahan kepada IKS ini. Sekarang ini kadar pinjaman 3.75% hingga 5% bergantung kepada sektor yang berkenaan. Maknanya banyak kelonggaran yang akan dibuat oleh bank ini.

9. **Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan tahap penyiasatan Duti Anti Lambakan mengenai import polyethylene, treapthalate yang berasal dari China Taipei, Republik Indonesia, Republik Korea dan Thailand serta nyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi duti lambakan tersebut.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Mah Siew Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penyiasatan Anti Lambakan ke atas import polyethylene and treapthalate daripada Chinese, Taipei, Republik Indonesia, Republik Korea dan Thailand telah dimulakan pada 27 Januari 2005 berdasarkan satu petisyen yang dikemukakan oleh industri tempatan. Petisyen berkenaan mengandungi bukti-bukti *prima facie* untuk memulakan penyiasatan, iaitu harga jualan di pasaran Malaysia adalah lebih rendah berbanding dengan harga jualan di pasaran negara-negara asing itu, dan ini telah membawa kemudaratan kepada industri tempatan. Permohonan ini adalah mengikut peruntukan yang ditetapkan di bawah Akta Duti Timbal-Balas dan Anti-Lambakan 1993 [Akta 504] dan Peraturan-peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994.

Pada masa ini ianya masih berada di peringkat penyiasatan awal dan keputusan sama ada duti anti-lambakan akan dikenakan atau tidak, akan dibuat dalam tempoh empat bulan dari tarikh permulaan penyiasatan. Kementerian ini percaya bahawa tindakan anti-lambakan yang diambil adalah wajar bagi membendung kegiatan perdagangan tidak adil oleh syarikat-syarikat asing. Terima kasih.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah oleh kerana ini juga merupakan tindakan balas yang akan diusahakan oleh kerajaan, tetapi apakah ada negara-negara lain juga mengambil tindakan yang sama kepada produk-produk yang kita nyatakan tadi, kerana kita juga merupakan salah sebuah negara pengeluaran polyethylene dan treapthalate yang agak besar di dunia ini. Terima kasih.

**Dato' Mah Siew Keong:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti tadi yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, oleh itu kementerian kita adalah mengikut proses yang ditetapkan sebelum kita mengenakan duti anti-lambakan, sebab yang diberitahu negara lain juga boleh *retaliate* atau tindakan balas terhadap produk-produk negara kita jika mereka anggap bahawa kita tidak adil.

Produk dari Malaysia turut telah diambil tindakan anti-lambakan oleh negara asing. Setakat ini 22 produk negara kita telah dikenakan tindakan anti-lambakan oleh negara asing seperti dalam *iron and steel, chemical, textile and rubber*. Contohnya, Kesatuan Eropah telah mengambil tindakan anti-lambakan terhadap produk seperti *colour TV receiver*, dengan izin *pipe and iron steel*, dan Indonesia juga telah mengambil tindakan anti-lambakan terhadap produk kertas dan *uncoated writing paper*, dengan izin ke atas negara kita.

Kementerian kita sentiasa menolong dan memberi khidmat nasihat kepada industri yang dikena anti-lambakan untuk memastikan tindakan negara-negara asing ini juga konsisten dengan syarat WTO. Terima kasih.

10. **Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan bilangan kontraktor kelas F di negara ini dan apakah langkah-langkah atau pendekatan terbaru kementerian dalam usaha mengurangkan bilangan kontraktor kelas F.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Mac 2005 terdapat seramai 35,220 kontraktor kelas F iaitu 75.4% daripada jumlah yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). Dalam usaha untuk mengurangkan bilangan yang ramai ini, kementerian sedang menjalankan kajian mengenai perkara ini dan ianya dijangka siap dalam masa 2 bulan lagi. Dalam tempoh tersebut semua pemohon bagi lesen F telah dibekukan.

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalan saya, dengan suntikan RM2.4 bilion baru-baru ini yang telah dikeluarkan oleh kerajaan, saya ingin tahu sama ada kelas-kelas F yang masih lagi ada sekarang ini diberi peluang untuk mendapat agihan-agihan daripada RM2.4 bilion ini?

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Itulah sebenarnya hasrat kerajaan untuk membeku buat sementara supaya kita cuba projek-projek besar setempat itu dapat diagih kepada kontraktor-kontraktor kelas F untuk melaksanakan projek-projek tersebut. Tetapi apa yang berlaku hari ini terdapat juga syarikat milik besar mempunyai *proxy* sendiri kelas F untuk melaksanakan projek individu menyebabkan kelas F individu sendiri tidak mendapat pekerjaan dan menyebabkan pelbagai masalah untuk kita membangun kelas-kelas F atau yang memiliki kelas-kelas F pada masa ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup untuk soal jawab Lisan.

**[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]**

**USUL****USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 18(1)****Kenaikan Tambang Feri Pulau Pinang****11.06 pagi.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mulai 1 Mei 2005 tambang feri Pulau Pinang akan dinaikkan antara 10% hingga 100% dan ini adalah satu kenaikan tambang yang drastik. Kenaikan ini akan menyulitkan pengguna-pengguna perkhidmatan feri ini terutamanya dua kategori penumpang, iaitu motosikal dan penumpang berjalan kaki. Tambang motosikal akan dinaikkan sebanyak 43% iaitu dari RM1.40 kepada RM2.00, manakala tambang penumpang berjalan kaki akan dinaikkan sebanyak 100% iaitu dari 60 sen hingga RM1.20.

Memandangkan seramai 5.4 juta penumpang setahun menggunakan perkhidmatan feri dan mutu perkhidmatan pun belum ditingkatkan, malahan perkhidmatan feri selepas pukul 12.30 malam hingga 6.00 pagi telah dimansuhkan, kenaikan tambang feri ini adalah tidak munasabah dan membebankan orang ramai. Oleh kerana perkara ini adalah berkenaan kenaikan tambang feri Pulau Pinang yang akan berkuat kuasa mulai 1 Mei ini, dan ekoran daripada kenaikan tambang feri ini ia akan menjejaskan tidak kurang daripada 5.4 juta orang yang menggunakan perkhidmatan feri ini, maka ini adalah satu perkara yang tertentu dan berkepentingan orang ramai dan perlu disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya usul yang berkepentingan orang ramai ini tidak dapat diluluskan, maka ini menunjukkan parti pemerintah 'BN' tepat maknanya iaitu 'barang naik' dan bukan 'BN' – 'membela nasib rakyat' dalam slogan pilihan raya umum.

Berdasarkan hujah di atas saya amat berharap, Tuan Yang di-Pertua, akan membenarkan usul ini dibahaskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi kawasan Bagan pada 19 April 2005. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu, syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai, dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa – tertentu; perkara ini adalah perkara yang tertentu; sama ada kepentingan orang ramai – ia adalah bagi kepentingan orang ramai; berkehendak disegerakan – perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b) usul ini hendaklah ditempohkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahas selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2004) 2005**

**DAN**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.2) 2004**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.2) 2004 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari kedua]**

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Maksud B.15 [Jadual] –**

**Maksud P.15 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.15 dan Kepala Pembangunan P.15 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Ipoh Timor.

**11.11 pagi.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.15, Butiran 020100 – Program/Aktiviti - Hubungan Dua Hala Politik dan Ekonomi. Baru-baru ini negara dan benua Asia bergelora dengan isu negara bukan sahaja dengan negara Jepun dan China, oleh kerana keengganan negara Jepun untuk mengakui jenayah perang enam puluh tahun dahulu, tetapi dalam negara kita juga. Semalam ada beratus-ratus pertubuhan masyarakat China sama ada dalam Kuala Lumpur, Ipoh, Muar di seluruh Malaysia bermesyuarat protes

meletakkan seal-seal persatuan-persatuan dengan membuat protes yang keras terhadap keengganan negara Jepun untuk mengakui, meminta maaf dengan jujur dan ikhlas mengenai jenayah perang enam puluh tahun dahulu.

Sungguhpun Perdana Menteri Jepun, Koizumi dalam ucapan beliau di Persidangan Kemuncak (*Summit Conference*) Afrika-Asia dengan terbuka kali yang pertama dalam satu mesyuarat multilateral atau antarabangsa, ada melahirkan perasaan *apologetic* mengenai kelakuan *aggression* dan jenayah perang enam puluh tahun dahulu, tetapi ini ada menimbulkan soalan sama ada jujur dan ikhlas, oleh kerana ini bukan kali yang pertama lahir perasaan itu dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara Jepun. Dalam tahun 1995 –Murayama, Perdana Menteri Jepun daripada Parti Sosialis kali yang pertama ada meminta maaf oleh kerana *war crimes* Jepun, tetapi nampaknya ia merupakan satu *apology* seorang sahaja atau Parti Sosialis Jepun sahaja tetapi tidak membayangkan, tidak mewakili pandangan, pendapat *consensus* kelas *elite* dan memerintah di Jepun.

Sebab itu dalam sepuluh tahun ini sungguhpun kali yang pertama Perdana Menteri Jepun, Murayama ada membuat kenyataan meminta maaf, tetapi tidak ada kredibiliti khasnya seperti apa yang berlaku pada hari Jumaat di Jakarta. Sungguhpun Perdana Menteri Koizumi ada meminta maaf di mesyuarat itu, tetapi pada pagi hari yang sama lebih daripada 80 Ahli-ahli Parlimen parti pemerintah adalah melawat Yasukuni Shrine di mana 14 *Class A War Criminal* tersebut adalah dikebumikan untuk *memorialize*, untuk memberi hormat kepada kelas *A Japanese war criminal*.

Mana ada *konsistensi*? Mana ada kredibiliti negara Jepun dalam perkara ini? Oleh sebab itu saya berharap bahawa kalau negara Jepun mahu menjadi anggota dan mahu diterima sebagai sokongan usahanya untuk menjadi ahli tetap dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu dalam satu reformasi *United Nation*, apa yang dicakapkan oleh Koizumi perlu diikuti dengan tindakan (*action*) yang jujur semacam yang pertama untuk memberhentikan segala ubahsuai (*revision*) buku-buku teks Jepun di mana semua dosa-dosa atau jenayah perang 60 tahun dahulu ada di *white-wash* di mana *Nanjing Massacre* pada tahun 1937 dan 1938 adalah dianggap sebagai *Nanjing Inciden* - apabila sebenarnya 300,000 orang telah dibunuh ada *massacred* 30,000 ke 60,000 wanita telah diperkosa (*raped*) dan di mana *comfort women* 100,000 ke 200,000 orang wanita sama ada di negara China atau Korea dan *South East Asia* ada digunakan untuk memberi *comfort* kepada askar-askar Jepun tetapi sampai sekarang tidak ada *compensation* yang sewajar dan setimpal diberi. Kita mahu semua ganti rugi yang setimpal diberi kepada mangsa-mangsa *atrocities* yang dilakukan oleh Jepun 60 tahun dahulu dalam satu perang mereka sebagai dengan izin, *War of Liberation* sebenarnya ialah satu *Japanese War* untuk *colonization*.

Saya harap negara kita membuat satu pendirian bahawa sama ada kerajaan Malaysia boleh sokong usaha Jepun untuk menjadi ahli tetap baru dalam *Security Council* ialah bergantung kepada sama ada Jepun boleh *pass the test* bahawa *apology* ialah jujur dan ikhlas diikuti dengan tindakan-tindakan yang disebut. Sebenarnya Nobutaka Machimura Menteri Luar Jepun yang baru-baru ini ada memainkan satu peranan yang besar dalam kontroversi negara Jepun dan China, peranan beliau sebagai Menteri Pendidikan tahun 2001 ialah untuk meluluskan *text book* yang kontroversial ini di mana *white-wash* semua perang jenayah Jepun 60 tahun dahulu. Ini mustahak, oleh kerana bukan sahaja rakyat di Benua Asia boleh memaafkan Jepun kalau dia cakap sahaja - 'cakap tidak serupa bikin', kata minta maaf tetapi tindakan tidak menunjukkan dia rasa *remorseful*. Germany pun sekarang mahu ada usaha untuk menjadi ahli tetap *Security Council* selepas satu reformasi UN. Tetapi kalau Germany berkelakuan yang sama, sungguhpun minta maaf .....dan Germany dengan terbuka ada meminta maaf oleh kerana *passed atrocities* tahun 30-an 40-an tetapi mereka tidak semacam Jepun ada pemimpin-pemimpin pergi ke Memorial Nazi yang tidak menunjukkan bahawa mereka tidak cakap serupa bikin. Kalau mereka ada buat begitu, kalau Germany ada kata bahawa mereka ada minta maaf tetapi pemimpin-pemimpin Canselor Germany pergi *Nazi shrine* apa pendirian negara-negara Eropah seperti Perancis, UK dan negara-negara lain yang menjadi mangsa *War of Aggression Nazi Hitler* dan tentu mereka tidak akan setuju. Tentu mereka akan menuntut (*demand*) bahawa negara Germany perlu jujur dan ikhlas mengenai *war crime* mereka. Ya?

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]:** Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan cadangan dan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor kerana berdasarkan kepada rekod sejarah Jepun dan juga Germany mengenai apa yang disebut *atrocities* atau pun kekejaman mereka dalam peperangan yang lalu maka sepatutnya mereka tidak boleh disokong untuk menganggotai Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bagaimana kalau negara-negara lain misalnya Amerika Syarikat sendiri pun ada rekodnya dalam Perang Vietnam misalnya, Rusia juga ada rekod kekejaman mereka misalnya dalam Peperangan Afghanistan dan dalam banyak lagi peperangan yang lain, dan sudah tentu ada negara-negara lain lagi yang sekarang ini sudah pun menjadi anggota kepada Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mempunyai rekod-rekod perang dan jenayah mereka yang tersendiri, apakah mereka juga perlu dikeluarkan daripada Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu tersebut? Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Saya bersetuju. Kalau kita ada kuasa dan kalau kita mahu semua anggota ahli tetap dalam *Security Council* jujur dan ikhlas. Kalau kita ada kuasa untuk dikeluarkan mereka yang ada *crime* yang semacam ini yang tidak dibersihkan tidak

dilepaskan mungkin tetapi kita tidak ada kuasa itu. Tetapi sekarang kita ada kuasa untuk menentukan sama ada Jepun wajar atau tidak wajar untuk menjadi ahli tetap dalam *Security Council* dan sebab itu saya kemukakan soalan, kalau Germany berkelakuan semacam Jepun adakah negara-negara Eropah yang sekarang memberi sokongan kepada Germany untuk menjadi ahli tetap dalam *Security Council* agar Amerika terus memberi sokongan kalau Germany sungguhpun kata minta maaf tetapi pemimpin-pemimpin Germany pergi setiap tahun ke Memorial Nazi untuk memberi penghormatan kepada mereka. Itulah satu contoh yang saya percaya Yang Berhormat bagi Kemaman pun bersetuju. Kalau begitu negara-negara Eropah sekarang yang memberi sokongan kepada Germany untuk menjadi *permanent member Security Council* pun kita akan memberi sokongan, bukan? Itulah yang bersama.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Dari segi memorial, saya rasa di Amerika Syarikat sendiri misalnya di Washington, ada memorial perang mereka sendiri. Misalnya Memorial Perang Vietnam di antara katanya memorial yang begitu menyentuh hati, untuk mengingatkan orang dia tentang kehebatan mereka dalam peperangan Vietnam termasuk tindakan-tindakan kejam tentera-tentera mereka. Jadi isunya apakah Malaysia juga mesti mengambil tindakan untuk mengingatkan kembali sejarah-sejarah ini dalam menentukan kredibiliti Bangsa-bangsa Bersatu yang ada sekarang?

**Tuan Lim Kit Siang:** Nampaknya Yang Berhormat bagi Kemaman mengelak dan lari daripada contoh yang saya berikan mengenai *example* Germany sekarang. Kenapa dia lari daripada contoh itu?. Bukankah ini menunjukkan inilah satu perkara yang *contemporary* dan yang perlu ditangani dan contoh-contoh yang diutarakan oleh Yang Berhormat Kemaman itu benar, adalah memorial bukan sahaja Amerika Syarikat tindakan negara lain yang ada *war crime*, tetapi kita menghadapi masalah sekarang sama ada sesiapa di dunia ada kuasa untuk menukar struktur dalam United Nation. Itulah masalahnya. Bukan saya menentang tetapi saya bersimpati. Tetapi kalau Yang Berhormat bagi Kemaman buat cadangan supaya Malaysia buat satu pendirian mungkin kita boleh memberi sokongan kita boleh berbincang dalam perkara itu. Saya harap bahawa dalam perkara ini negara Malaysia boleh ambil satu tindakan yang jelas. Kita tahu ada puak-puak yang mengatakan tidak perlulah negara Jepun untuk meminta maaf di atas *war crime* 60 tahun dahulu.

Kita ada suara-suara dalam kerajaan puak pemerintahan. Sebenarnya puak-puak *right wing* dan *militaries* Jepun mereka mendapat sokongan dari luar negara Jepun. Antara personaliti-personaliti yang terkemuka *right wing militaries* ialah Gabenor Tokyo iaitu Ishihara dan dalam buku beliau *Voice of Asia* dengan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir ada mengeluarkan pandangan-pandangan mengenai masa depan dan *direction* depan Asia dalam hal ehwal antarabangsa. Tetapi kita tidak boleh memberi apa-apa sokongan mengenai pendirian

dan pandangan semacam ini dan saya harap dalam perkara ini kalau tidak isu ini akan berulang balik (*repeated*) di masa hadapan dan akan menjadi satu elemen *instability* kepada Asia dan kepada antarabangsa. Oleh kerana kita tidak mahu perkara ini terus menjadi satu faktor yang membawa kepada *international instability*.

Yang kedua, saya merujuk kepada 03100 pertubuhan serantau kerjasama ASEAN. Kita perlu mengambil iktibar daripada apa yang berlaku dalam *Afro-Asian summit* baru-baru ini di mana isu Jepun - negeri China dan *war crimes* 60 tahun dahulu *overshadow* semua isu dalam *Afro-Asian summit* untuk memperingatkan *Bandung Conference* lima puluh tahun dahulu (*50th Anniversary Bandung Conference*). Isu yang *overshadow* semua ialah *Japanese Issue*.

Pada akhir tahun ini kita akan mengadakan *East Asia Summit* di mana kita akan menjadi tuan rumah. Kalau kita tidak berjaga-jaga satu isu yang akan *over shadow East Asia Summit* akan *overshadow ASEAN Summit Kuala Lumpur* dan isu ini ialah kedudukan Myanmar sebagai bakal pengerusi ASEAN 2006. Kita tidak mahu *East Asia Summit* atau *Kuala Lumpur ASEAN Summit* di *overshadow* oleh isu ini dan isu ini kita perlu ambil satu pendirian yang awal bahawa selain daripada *Junta Military Myanmar* rela untuk menunjukkan *democratization* termasuk membebaskan Aung San Suu Kyi pemimpin pembangkang atau *National League for Democracy* Aung San Suu Kyi dan a *Nobel Peace Laureate* dan juga mengadakan dialog politik yang bermakna di mana untuk memulihkan dan mengembalikan *democratization* dan *national unity – national reconciliation* bahawa ASEAN tidak boleh membenarkan Myanmar menjadi pengerusi ASEAN 2006 oleh kerana kita tidak membolehkan satu *rogue nation* menjadi ASEAN sebagai satu *rogue organisation*. Kalau *rogue nation* boleh menjadi pengerusi ASEAN maka ASEAN menjadi *rogue organisation* dan tempat reputasi ASEAN di dunia akan menjadi satu mangsa.

Baru-baru ini kita tengok apa yang berlaku dalam *United Nations Commission of Human Rights*, empat negara ada dinamakan sebagai *rogue nation* mengenai Hak Asasi dan Myanmar adalah satu daripada empat negara itu - Belarus dan negara-negara yang lain. Ini on the eve of ASEAN perlu buat satu keputusan sama ada membenarkan Myanmar menjadi pengerusi ASEAN 2006. Dalam laporan *United Nations Commission of Human Rights* yang bermesyuarat di Geneva baru-baru ini a *long list of indictment* mengenai pencabulan hak-hak asasi oleh Myanmar. Sebagai contoh bahawa ini *United Nations Commission of Human Rights expresses its great concern, dengan izin, the on going systematic violation of human rights including civil, political, economic, social and cultural rights of the people of Myanmar, in particular discriminations and violations suffered by persons belonging to ethnic minorities, women and children, especially in the non-ceasefire areas.*

Kedua, *the fact that the special rapporteur on the Commission of Human Rights for Myanmar, Tan Sri Razali Ismail, has been unable to visit the country for more than a year despite*

*repeated requests.* Di mana wakil-wakil UN pun tidak boleh buat lawatan ke Myanmar. Apa kredibiliti, legitimasi Myanmar sebagai *responsible international player*. Bukan sahaja duta atau wakil UN tidak boleh melawat Myanmar, Ahli-ahli Parlimen Malaysia pun tidak boleh melawat Myanmar.

Yang Berhormat bagi Kota Bharu sebagai Pengerusi ASEAN *Inter Parliamentary Organization* dan pun Ahli-ahli Parlimen ASEAN yang lain yang mahu melawat Myanmar pun tidak boleh. Adakah negara ini boleh patut menjadi Pengerusi ASEAN di mana Ahli-ahli Parlimen pun tidak boleh melawat Myanmar. Apa yang mereka mahu semua ini hak-hak asasi yang dicabuli sewenang-wenangnya.

Ketiga, *the ongoing systematic and consistent harassment of members of the National League for Democracy and other opposition activist in particular the events of May 2003 and the fact there is no full and independent enquiry has been initiated despite repeated requests* ialah Depayin Massacre May 2003.

Keempat, *the extension of the house arrest of The National League for Democracy General Secretary, Aung San Suu Kyi and her deputy 'Tin Oo' for another year and the persistent denial of the human rights and fundamental freedom including freedom of movement and association as well as the continued detention of other senior leaders of the National League for Democracy and of the leadership of other political parties or ethnic minorities, particularly the recent detention of Khuan Htun Oo and Sai Nyunt Lwin, Chairman and General Secretary respectively of the Shan Nationalities League for Democracy and Sao Tso Ten, Chairman of the Shan State Peace Council.*

Kelima, *continuing restriction place on the National League for Democracy and other political parties which prevented them from participating in the recently reconvened National Convention.*

Keenam, *extra judicial killings, rape and other forms of sexual violence persistently carried out by members of the armed forces continuous use of torture, renewed instances of political arrests continuing imprisonment and other detentions including of prisoners whose sentences have expired, prisoners helped in 'comunicado' while awaiting trial forced relocations, destruction of livelihood, confiscation of the land by the armed forces, forced labour including child labour, trafficking in persons, denial the freedom of assembly association, expression and movement, discrimination prosecution on the basis of religion or any background, disrespect for the rule of law and the lack of independence of the judiciary, unsatisfactory conditions of definitions, systematic use of child soldiers, violation of the rights of education and the inadequate standard of living including food and medical care.*

Ketujuh, *the situation of the large number of internally displaced persons and the flow of refugees to neighbouring countries and the recalls in this context, the obligations of Myanmar under International Law.*

Kelapan, *the renewal of tax by military forces ceasefire groups in violation of ceasefire agreements and subsequent and continuing violations of human rights in particular the deterioration of the enjoyment human rights by the affected population.*

Kesembilan, *the fact that the government of Myanmar has not yet undertaken all the relevant measures to allow the joint government of the Union of Myanmar, International Labour Organization plan of action for the elimination of forced labour. Practices in Myanmar to come into force and that the senior military decision failed to meet the ILO very high level team during the visit from 21 to 23 February 2005 despite its mandate to evaluate the attitude of the Myanmar authorities at the highest levels towards forced labor.*

Sebenarnya Tuan Pengerusi, kalau mahu teruskan itu setengah jam pun tidak cukup.

**Tuan Pengerusi:** Gulung, gulung. Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi itu perlu cukup untuk menunjukkan bagaimana kita boleh membenarkan sebuah *rogue nation* menjadikan Pengerusi ASEAN dan menjadikan ASEAN menjadi *rogue organization*.

Saya harap sebenarnya dua, tiga hari dahulu kita pun ada baca mengenai tuduhan yang dibuat mengenai *nationality* bahawa askar-askar Myanmar ada menggunakan senjata *chemical*. Baru-baru ini, kita baru membuat satu undang-undang mengenai mengharamkan *chemical weapon* sebagai dalam masa *civilized time* tetapi di Myanmar *chemical weapons* digunakan.

Saya haraplah perkara ini khasnya dalam hari yang terakhir Parlimen Malaysia, Ahli-ahli Parlimen boleh bersatu padu menunjukkan kepada ASEAN kepada dunia bahawa kita prihatin dalam perkara ini, bahawa kita mahu terus mempelopori *public and international opinion* bahawa kerusi Pengerusi ASEAN 2006 tidak boleh diberikan kepada Myanmar selain daripada ada perubahan-perubahan yang menunjukkan ia rela menjadi sebuah negara yang mengikuti norma-norma *international* yang minimum dan saya harap bahawa kita boleh ada satu perbahasan. Kalau kita Parlimen tidak boleh mengadakan satu perbahasan, kita sangat malu kita sudah beritahu kepada negara-negara yang lain, Ahli-ahli Parlimen yang lain, kita terus berdebat tetapi kalau akhir-akhir kita undur ke belakang saya rasa *dignity*, matlamat, kredibiliti Ahli-ahli Parlimen Malaysia, Parlimen Malaysia, kerajaan Malaysia akan terjejas.

Akhirnya saya berharap bahawa kita boleh satu penjelasan, saya tidak mahu cakap panjang lebar tetapi sekurang-kurangnya saya berharap bahawa kita boleh ada satu penjelasan yang memuaskankan hati mengenai apa yang dikeluarkan dalam surat khabar baru-baru ini, bahawa Malaysia menggunakan RM5.3 juta untuk mendapat peluang untuk bekas Perdana Menteri Tun

Dr Mahathir untuk melawat Rumah Putih "*White House*" selepas tahun dahulu sama ada ianya benar. Kenapa kita perlu membelanjakan RM5.3 juta supaya kita boleh mendapatkan jemputan untuk bekas Perdana Menteri untuk *White House* jumpa *President United States* dan adakah wang itu keluar daripada *Public Cofus* dan kita mahu satu pendirian satu penjelasan dalam perkara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana Menteri dari Jabatan Perdana Menteri akan membawa usul ke Dewan ini, maka, Dewan ini bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, silakan.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.38 pagi**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai di bahas dan diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2004 (2005) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2004 yang dijadualkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu mesyuarat akan di tangguh sehingga pukul 10.00 pagi esok hari".

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

[Tuan Pengerusi *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Sri Gading.

**11.39 pagi**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan B.15, Kementerian Luar Negara dan sedikit sahaja Tuan Pengerusi saya hendak menyentuh berkaitan dengan Persidangan Afro-Asia.

Persidangan ini telah pun dijalankan di peringkat awal yang dipelopori oleh negara-negara Asia dan Afrika yang baru mendapat kemerdekaan yang dibuat di Bandung pada 18 hingga 24 April tahun 1955. Waktu itu negara kita belum mencapai kemerdekaan, kita masih dikenali dengan nama Malaya, tanah jajahan British. Dan waktu itu persidangan yang penting ini, persidangan yang dipelopori oleh negara-negara Asia dan Afrika yang baru saja mendapat kemerdekaan daripada penjajah yang memberikan fokus kepada saranan kepada penjajah-penjajah supaya segera memerdekakan negara-negara yang dijajah oleh mereka. Negara Britain, Perancis, Belgium dan sebagainya yang menjadi penjajah kepada negara-negara kebanyakannya berada di Asia dan di Afrika.

Dua hari yang lalu ataupun semalam, maka 100 lebih negara-negara yang merdeka di dunia ini termasuk kita telah bersama-sama menyambut 50 tahun persidangan *Afro-Asia* ini ataupun Asia Afrika ini. Di Bandung juga di tempat yang sama di mana persidangan pertama telah pun diwujudkan. Matlamat yang dilahirkan daripada persidangan ini ialah untuk keamanan, kedamaian, kemakmuran dan keadilan sosial. Matlamat ini tidak pernah berubah daripada tahun 1955 sehinggalah ke hari semalam di mana sambutan 50 tahun disambut oleh 100 lebih negara.

Dan saya nak ambil peluang ini untuk melahirkan penghargaan dan terima kasih serta rasa bangga kita kerana persidangan ini buat pertama kalinya Malaysia diwakili oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Perdana Menteri telah mengambil bahagian di dalam persidangan ini. Cuma harapan saya supaya persidangan menyambut dan memperingati 50 tahun persidangan *Afro-Asia* ini tidak menjadi perkara yang kosong semata-mata, retorik semata-mata.

Kita harap dengan penuh kesedaran, ketua-ketua negara, pemimpin-pemimpin negara yang 100 lebih itu akan dapat benar-benar mengotakan dan membulatkan azam bagaimana keamanan, kedamaian, kemakmuran dan keadilan sosial dapat dilahirkan dengan erti kata yang sebenar-benarnya dan ia memberikan kebaikan kepada negara-negara yang hari ini kebanyakan daripada negara-negara ini sebenarnya masih dijajah. 100 lebih negara-negara ini yang bersidang semalam sebenarnya kebanyakan mereka dijajah tetapi bukan dalam ketenteraan, mereka dijajah dari segi minda, mereka dijajah dari segi ekonomi, mereka dijajah dari segi politik yang menyebabkan mereka sebenarnya masih di bawah telunjuk kuasa besar terutama Amerika.

Amerika yang menjadi kuasa besar tunggal di dalam dunia hari ini, dia mengetepikan apa sahaja keputusan Bangsa-Bangsa Bersatu, persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu sebenarnya

persidangan yang tidak bermakna kerana keputusan-keputusan yang diambil di dalam Bangsa-Bangsa Bersatu boleh dinafikan oleh Amerika yang menjadi kuasa besar yang satu-satunya di dunia ini yang tidak dapat dilawan oleh mana-mana kuasa. Jadi saya berharap dengan adanya persidangan ini, kita boleh memikirkan bagaimana Bangsa-Bangsa Bersatu ini dapat berkesan dengan sepenuhnya dan maruah Bangsa-Bangsa Bersatu dapat dipertahankan supaya keamanan, kedamaian, kemakmuran dan keadilan sosial yang diperjuangkan dalam persidangan kemuncak Asia Afrika itu dapat benar-benar diwujudkan.

Saya berharap peranan Malaysia dalam forum-forum yang seperti ini yang dapat kita banggakan yang dibawa oleh pemimpin kita akan benar-benar.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Sri Gading. Tadi Yang Berhormat Sri Gading ada menyatakan bahawa kuasa Amerika adalah kuasa yang tunggal dan mempunyai kuasa untuk menolak segala keputusan yang telah dicapai di *United Nation* atau Bangsa-Bangsa Bersatu dan kita tahu satu kuasa yang telah dimiliki oleh lima negara iaitu kuasa veto.

Dan adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa segala masalah yang telah berlaku di dunia ini adalah berpunca daripada struktur *event* nya sendiri di mana kuasa veto ini telah diberikan kepada lima negara dan selalunya Amerika ini menggunakan kuasa veto ini untuk mencapai kepentingan ataupun melindungi negara-negara yang ada kepentingan dengan Amerika Syarikat.

Setujukah Yang Berhormat bahawa penstrukturan semula UN ataupun Bangsa-Bangsa Bersatu ini mesti dilakukan jika kita hendak mencapai satu dunia yang lebih aman, saksama dan juga lebih adil. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya amat bersetuju dan sebenarnya apa yang dinyatakan oleh Puchong itu telah pun digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam persidangan ini, di Bandung tempoh hari. Ada lima langkah yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang pertama seperti yang Puchong nyatakan tadi ialah program Pembaharuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, disusun semula. Ini bermakna termasuk kuasa veto yang dipunyai oleh lima negara besar di dunia di mana kuasa veto ini menafikan apa saja keputusan-keputusan yang baik yang boleh menguntungkan negara-negara miskin, negara-negara membangun tetapi kerana bercanggah dengan kepentingan Amerika khususnya, maka Amerika dengan sewenang-wenang tanpa bertanggungjawab hanya kerana kepentingan dirinya dia akan veto keputusan itu dan keputusan yang bersidang berhari-hari, berbulan-bulan akan dapat dinafikan oleh Amerika.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya tidak pertikaikan kemahiran Yang Berhormat mengenai hal ehwal luar negeri. Tapi kalau dapat silalah tumpukan kepada butir-butir dalam maksud ini, luar negeri.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, saya bercakap tentang luar negeri.

**Tuan Pengerusi:** Ya, tapi butir dia ada.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi saya menyentuh tentang luar ni untuk memberikan pandangan di Parlimen ini apa yang seharusnya dilakukan oleh kerajaan kita dan saya rasa tidak bercanggah dengan apa yang digariskan dalam B.15 ini. Tapi kalau Tuan Pengerusi rasa, saya lari saya boleh berhenti, tiada masalah. Saya tidak akan melawan Tuan Pengerusi, saya cuma melahirkan apa yang sepatutnya untuk memperkuatkan apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam sidang *Afro-Asia* di Bandung tempoh hari. Itu sajalah.

Jadi saya hendak supaya Parlimen juga mengiktiraf apa yang dilakukan oleh pucuk pimpinan kita semasa persidangan itu kerana saya tertarik Tuan Pengerusi, ada lima langkah yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Seperti yang dikatakan oleh Puchong tadi, penyusunan semula atau program pembaharuan Penubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu disusun semula termasuk mempertikaikan tentang kuasa veto yang dimainkan oleh kuasa-kuasa besar dengan sewenang-wenangnya hanya hendak menjaga kepentingan mereka.

Ini yang selalu kita kecewa dan rasa hampa. Sebab itu masing-masing menyuarakan tetapi tidak ada muka yang berani bertentangan dengan Amerika secara terus kerana penjajahan ekonomi, penjajahan politik, penjajahan tentang segala-gala yang berkaitan dengan keselamatan yang dicengkam oleh Amerika, tidak ada negara yang angkat muka Tuan Pengerusi kecuali agaknya China lah, negara lain kadang-kadang lain di mulut, lain di hati Tuan Pengerusi.

Yang kedua, membanteras kemiskinan. Walaupun negara sudah maju, globalisasilah dan sebagainya memang tetapi nampaknya kemiskinan masih menjadi kepunyaan negara-negara Asia dan Afrika, kekayaan hanya untuk Amerika dan barat. Ini yang menjadi perkara yang dilaungkan dan diperjuangkan oleh negara-negara Asia dan Afrika yang selama ini tidak pernah selesai Tuan Pengerusi. Itu yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang ketiga, mengotakan janji negara Afrika Asia yang kaya untuk membantu negara-negara miskin di kalangan Afro-Asia ini. Program perlucutan senjata, tambah senjata nuklear. Ini pun *double standard* Amerika, Yahudi, Israel boleh gunakan senjata ataupun menyimpan senjata, ataupun membuat senjata-senjata pemusnah besar-besaran ini. Tetapi negara lain tidak boleh, *double standard* Amerika. Amerika sendiri mempunyai senjata-senjata pemusnah yang besar-

besaran. Sekutu-sekutunya, Britain dan sebagainya tetapi kalau negara-negara lain yang tidak akan menguntungkan Amerika, Amerika bimbang dan takut dan negara itu akan diserang.

**Tuan Pengerusi:** Baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang kelima, mengukuhkan hubungan organisasi masyarakat dengan memperjuangkan pelbagai isu sejagat - soal makanan, kesihatan, pendidikan, rumah dan lain-lain. Jadi Tuan Pengerusi saya bangun menyokong apa yang telah pun digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam sidang di Bandung pada dua hari yang lalu dan berharap apa yang disumbangkan oleh Malaysia akan dapat sedikit sebanyak memberikan keamanan, keadilan, kemakmuran kepada seluruh negara. Saya menyokong Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan 03000 Pertubuhan Serantau Kerjasama ASEAN di mana peruntukan untuk emolumen dan bayaran tetap dipohonkan. Mengenai ASEAN Tuan Pengerusi saya menganggap ia satu gagasan atau kumpulan yang begitu penting sekali untuk kepentingan negara kita.

ASEAN diasaskan oleh negara-negara demokrasi di rantau ini untuk bukan sahaja memberi kerjasama antara satu sama lain, bukan sahaja menghormati antara satu sama lain tetapi memikirkan cara-cara bagaimana hal-hal ekonomi, hal-hal kebajikan serantau dibuat bersama. Kalau kita lihat Eropah berjaya dengan *Europeon Unionnya* walaupun 60 tahun dahulu Eropah mengalami satu peperangan yang dahsyat. Malah sebelum itu pun pada Peperangan Dunia yang Pertama ramai, berjuta-juta rakyat mati mereka mengalami perang saudara yang begitu dahsyat. Tetapi dari pengalaman itu daripada *Treaty of Rome* mereka menubuhkan *European Union* dan hari ini kita lihat negara-negara Eropah begitu makmur, begitu maju dalam ekonominya dan membantu antara satu sama lain.

Tetapi saya lihat ASEAN walaupun telah ditubuhkan begitu lama masih lagi merupakan sebagai satu kelab yang bertemu, bermesyuarat sekali dua kali setahun, membuat satu ketetapan revolusi yang begitu hebat tetapi dari segi kesannya saya rasa amat mendukacita. Bukan sahaja hubungan *bilateral* antara ahli-ahlinya yang tidak begitu baik, hubungan ataupun pendirian mereka juga tidak jelas dalam hal-hal yang penting, khususnya dalam soal pandangan dan pendirian ASEAN mengenai Myanmar. Saya ingin menyentuh perkara ini kerana saya yakin Myanmar kalau ia terus kekal dalam ASEAN akan menggugat ASEAN, kestabilan ASEAN.

Myanmar ialah sebuah negara yang dipimpin oleh kumpulan-kumpulan tentera yang tidak mempunyai mandat, yang tidak mempunyai sokongan rakyat, malah di antara mereka sendiri pun mereka berperang antara satu sama lain. Yang mengecewakan kita ialah negara-negara ASEAN

begitu sukar, begitu malu untuk berterus-terang dalam perkara ini. Kononnya, kita berlandaskan kepada konsep *non-interference* dalam hal-hal negara masing-masing. Tuan Pengerusi, *non-interference* sebagai satu dasar luar memang praktikal bila kita bercakap mengenai negara-negara yang demokrasi, negara-negara yang dipilih oleh rakyat. Kita menghormati negara-negara ini, dan kita tidak mahu campur tangan dalam hal dalaman mereka kerana mereka dipilih oleh rakyat masing-masing. Jadi, *non-interference* boleh kita terima sebagai satu dasar yang luar yang praktikal.

Tetapi kalau *non-interference* dengan *regime* yang bukan dipilih oleh rakyat, malah digulingnya pemimpin-pemimpin, di penjaranya pemimpin-pemimpin yang dipilih oleh rakyat Burma pada tahun 1990 dan *regime* inilah yang kita anggap sebagai pemimpin Myanmar hari ini.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** [*Bangun*]

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** Jadi bila kita kata kita tidak mahu *interfere*, tidak mahu mengambil tindakan yang dianggap *interfering in the internal affairs* saya rasa itu janggal sekali, itu tidak masuk akal. Kalaulah Amerika menganggap bahawa.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu di atas keprihatinan beliau untuk mengukuhkan lagi kredibiliti negara-negara ASEAN terutama sekali dalam isu Myanmar yang menjadi isu besar dunia pada mereka yang cintakan keamanan, demokrasi dan sebagainya. Ada juga pandangan yang mengatakan bahawa kesilapan Myanmar ialah kerana mereka pada satu ketika cuba untuk memberi *legitimacy* ataupun kesahan pada pemerintahan mereka dengan mengadakan pilihan raya.

Tetapi setelah pilihan raya mereka dapati bahawa pihak yang membangkang, *regime* yang memerintah itu menang dan mereka tidak boleh menerima kekalahan lantas mereka mengurung pemimpin pembangkang Aung San Suu Kyi dan mereka meneruskan *regime* mereka yang berasaskan kepada pemerintahan yang diktator. Tetapi ada negara lain yang tidak ada pilihan raya pun, China misalannya, Vietnam misalnya kesalahan Myanmar kerana dia buat pilihan raya.

Ada negara lain yang tidak buat pilihan raya dan meneruskan sistem cara yang sebenarnya tidak bersifat terbuka ataupun menerusi landasan demokratik sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu sebentar tadi. Apakah kita juga mesti bersikap tegas juga pada negara-negara yang langsung tidak ada pilihan raya dan tidak ada amalan-amalan demokrasi yang disebutkan tadi. Myanmar silapnya itu dan saya bersetuju dengan saudara Yang Berhormat bagi Kota Bharu, terima kasih.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi sebenarnya China dan Vietnam yang diberi contoh tidak ada pilihan raya itu tidak benar, mereka pun ada pilihan raya, cuma mereka

ada satu parti. Ada juga usaha-usaha untuk mendapat pandangan rakyat walaupun pemilihan itu khusus kepada satu parti dan bukan multi-parti seperti..., tetapi Myanmar adalah jauh berbeza. Jadi pada pandangan saya walaupun konsep demokrasi dan model demokrasi bukanlah *perfect* di mana-mana, saya harap kita tidak menganggap Myanmar sebagai serupa dengan negara-negara lain.

Berbalik kepada apa yang saya kata mengenai *non-interference* tadi, kalaulah negara-negara barat dan Amerika khususnya tidak campur tangan di Bosnia misalnya lebih ramai rakyat-rakyat Islam akan dibunuh, *genocide* yang begitu besar berlaku. Dan kita tahu juga kalaulah tidak ada *interference* dalam hal-hal yang tertentu, dalam hal-hal di mana hak kemanusiaannya yang perlu kita bela maka negara dunia tidak akan begitu aman. Jadi ada kalanya *interference* itu perlu dan pada saya inilah masanya untuk Malaysia membuat ketetapan bersama-sama dengan negara lain.

Saya kecewa kerana kita tidak begitu berani dalam hal ini sedangkan apa salahnya kita perjuangkan pembebasan kepada orang-orang ini.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [Bangun]

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** Orang Myanmar macam kita juga, ada yang Islam ada yang bukan.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Saya amat tertarik dengan kenyataan dan hujah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat sendiri pun sebagai orang yang menerajui kepimpinan di peringkat ASEAN, di mana kesemua Ahli Parlimen yang ada dalam ASEAN ini mereka bangun untuk menyuarakan pandangan mereka terhadap Myanmar.

Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa prinsip yang digunakan adalah *non-interference*. Kalau tidak silap saya pada tahun 1997, apabila kita Malaysia ini menaja masuk Myanmar ke dalam ASEAN ini, kita juga mendapat komitmen daripada pihak junta, iaitu mereka akan membebaskan musuh-musuh mereka yang masih dalam tahanan dan termasuk juga pemimpin mereka Aung San Suu Kyi yang mana partinya telah memenangi 90% daripada kerusi dalam Parlimen.

Jadi saya hendak mendapatkan pandangan, adakah ini bercanggah dengan apa yang dikatakan *non-interference*. Kalau kita katakan *non-interference* kenapa tahun 1997 kita minta mereka buat perubahan itu dan sampai sekarang apabila dah hampir mereka menjadi pengerusi ASEAN, kita seolah-olah kata, kita gunakan prinsip yang lama iaitu *non-interference*. Jadi saya rasa ada sesuatu yang bercanggah di sini dan sebagai pengerusi dalam Myanmar Kokus ini Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat berasa sedih sekiranya pada 28hb itu tidak boleh

dimasukkan sebagai satu usul yang diperbahaskan, dan apakah pandangan dan perasaan Yang Berhormat tentang perkara ini. Minta penjelasan, terima kasih.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Ayer Hitam. Memanglah saya bukan sahaja sedih, saya kecewa kerana usul kita untuk diperbahaskan itu nampaknya mungkin tidak dapat dilaksanakan. Tetapi berbalik kepada perkara yang disebut oleh Yang Berhormat, ialah seperti yang kita tahu semasa pembunuhan beramai-ramai Pol Pot di Cambodia kita juga campur tangan. Keadaan di Cambodia itu selesai dan aman kerana kita Bangsa-bangsa Bersatu dan Amerika Syarikat campur tangan. Jadi betullah apa yang disebut oleh Yang Berhormat, ada kalanya kita campur tangan. Cuma kali ini bila kita tidak mahu melakukan sesuatu kita juga guna alasan itu.

Itu yang saya hairan mengapa kita begitu takut atau tidak sanggup semata-mata kerana Malaysia ada pelaburan RM900 milion di Myanmar. Apakah kerana RM900 juta itu kita tidak mahu campur tangan, sedangkan kita mungkin rugi lebih daripada itu kalau Myanmar terus dipimpin oleh pemimpin *military role* yang berniaga dadah, yang berniaga perkara-perkara yang tidak sihat seperti senjata, yang membunuh rakyatnya. Kerugian kepada Asia dan Malaysia mungkin lebih daripada RM900 milion.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Inilah sebabnya saya menyeru kerajaan dalam soal ini kita perlu mengambil pendirian yang tegas seperti Filipina, misalnya Senate Filipina membuat ketetapan sebulat suara dan saya harap kita juga di Malaysia dapat membuat ketetapan seperti itu untuk kebaikan kita, untuk keselamatan kita, untuk menjaga kestabilan ASEAN seluruhnya. Sekian terima kasih.

**Tuan Lau Yeng Peng:** [Bangun]

**Dato' Liow Tiong Lai:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Bentong.

**12.03 tgh.**

**Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahaskan dan membincangkan Maksud P.15 - Kementerian Luar Negeri berhubung dengan Butiran 00100.

Tuan Pengerusi, kita menyambut baik ucapan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi memohon maaf secara terbuka berhubung dengan jenayah peperangan yang dilakukan semasa Perang Dunia Kedua. Tetapi kita merasa kesal kerana pada masa yang sama Ahli-ahli Parlimen Jepun membuat lawatan ke Tugu Peringatan *Class A War Criminals* mereka pada hari

tersebut. Ini telah menimbulkan keikhlasan kerajaan Jepun berhubung dengan memohon maaf ucapan Perdana Menteri beliau dan saya rasa yang paling menyakitkan hati dunia sekarang adalah berhubung dengan sengajanya Kerajaan Jepun meminda sejarah Jepun berhubung dengan perang jenayah yang dilakukan dalam Perang Dunia Kedua.

Kita semua tahu bahawa semasa peristiwa di Nanjing, *genocide* berlaku seramai lebih daripada 300,000 orang dibunuh dalam masa yang begitu singkat, tidak sampai satu minggu 300,000 orang telah dibunuh dan ini menunjukkan dalam satu hari lebih daripada 50,000 orang dibunuh dengan begitu kejam sekali.

Oleh itu, kerajaan Jepun bukan sahaja melakukan kekejaman di negara China, malah apabila pada masa itu mereka menawan dan menjajah negara kita askar-askar mereka juga melakukan kekejaman yang begitu teruk sekali. Oleh itu kita rasa rakyat daripada kebanyakan negara telah bangun membantah Kerajaan Jepun untuk menukar sejarah ini. Kerajaan Jepun perlu ikhlas dan jujur mengakui kesilapan ini dan juga perlu memastikan bahawa sejarah ini tidak diputar belit dengan sewenang-wenangnya kerana kita tahu bahawa sejarah itu satu pengajaran, sejarah itu satu bahan rujukan yang boleh mengingatkan kita supaya kita perlu tidak mengulangi kesilapan yang berlaku pada masa yang akan datang.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [*Bangun*]

**Dato' Liow Tiong Lai:** Sila Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Bentong tadi yang mengatakan sejarah itu tidak boleh diubah. Nampaknya Kerajaan Jepun suka sangat hendak mengubah sejarah, di mana mereka menganggap mereka datang menjelajah negara lain bukannya menakluk.

Jadi Yang Berhormat boleh atau tidak memberikan satu penjelasan, kita faham bahawa tentera Jepun masuk ke Malaysia selama 3 tahun lapan bulan dan apa yang berlaku di Nanjing itu adalah satu perkara yang amat kejam. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa rakyat Jepun generasi muda itu sepatutnya dibawa ke tugu peringatan di Nanjing dan lihat mayat-mayat yang masih dilonggokkan di situ dan bagaimana orang itu ditindas sampai mati.

Satu lagi, bagaimana kita hendak mengatasi masalah di mana Jepun ini sentiasa hendak tukar fakta sejarah termasuk apa yang berlaku baru-baru ini, dan kita lihat profesor di Jepun pun sendiri yang berada di Malaysia sekarang dah berpuluh-puluh tahun telah membawa kerajaan ke mahkamah kerana mereka juga tidak berpuas hati dengan apa yang telah dibuat itu. Saya rasa apa yang dilakukan itu satu penindasan kita boleh maafkan tapi tidak akan lupakan sejarah yang pedih itu.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Saya amat setuju bahawa sejarah ini kita boleh maafkan, tetapi kita tidak boleh lupakan. Ini satu perkara yang penting dan kita juga tahu bukan semua rakyat Jepun sokong tindakan Kerajaan Jepun ini. Ramai rakyat Jepun termasuk yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi, profesor mereka yang datang ke Malaysia secara terbuka telah pun membantah tindakan Kerajaan Jepun pada masa ini yang menukar fakta sejarah. Ini satu perkara yang amat serius. Kita perlu pandang ini secara *principal*. Mana-mana negara sekalipun bukan sahaja negara Jepun kalau menukar fakta sejarah ia akan dikutuk sekeras-kerasnya oleh dunia pada hari ini.

Oleh itu, saya berharap Kerajaan Jepun perlu insaf dan perlu menghormati pandangan dunia. Saya juga berharap Kerajaan Jepun perlu menjadikan sejarah ini satu bahan pengajaran, dan tidak melakukan perkara yang dilakukan dalam Perang Dunia Kedua. Saya rasa sekiranya Kerajaan Jepun tidak menginsafi apa yang dilakukan dan terus membuat lawatan rasmi ke Tugu Peringatan *Class A War Criminal* mereka, saya rasa rakyat dunia tidak akan menyokong Kerajaan Jepun untuk menduduki di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan bahawa kerajaan Jepun sebagai satu kuasa dunia .....

**Tuan Lau Yeng Peng:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Puchong bangun Yang Berhormat.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Sila, Puchong

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat dari Bentong. Tadi apa yang saya dengar Yang Berhormat kata bahawa untuk menukarkan fakta sejarah memang satu perkara yang serius dan sebagainya. Baru-baru ini negara Jepun juga lobi dengan negara lain supaya negara Jepun ini akan dimasukkan salah sebuah negara yang menyertai Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai satu negara yang duduk di dalam *security council*, alright. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada Kerajaan Malaysia bahawa kita tidak boleh atau tidak menyokong kerana tindakan mereka ini telah menyebabkan banyak masalah dan kekeliruan di dalam dunia ini bahawa Malaysia ini tidak akan mencadangkan atau menyokong bahawa negara Jepun ini akan menjadi sebuah anggota ataupun dicadangkan sebagai sebuah negara yang menyertai anggota di Majlis Keselamatan di Bangsa-Bangsa Bersatu yang akan dibentangkan tidak lama lagi, apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih, Yang Berhormat Puchong. Saya telah nyatakan dengan jelas tadi bahawa Kerajaan Jepun perlu jujur, perlu ikhlas dalam menginsafi apa yang

dilakukan oleh askar-askar tentera mereka semasa Perang Dunia Kedua yang telah melakukan kekejaman sewenang-wenangnya. Sekiranya Kerajaan Jepun tidak menginsafi tindakan mereka saya rasa ramai tidak akan menyokong tindakan mereka untuk memasuki Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu ini.

Saya hendak mengingatkan Kerajaan Jepun bahawa Kerajaan Jepun perlu mengadakan dasar luar yang lebih terbuka, dasar luar yang lebih pragmatik, dasar luar yang dapat menguntungkan dunia global pada hari ini seperti yang kita sedia maklum bahawa Dasar Prosper-thy-neighbour, kita harap Kerajaan Jepun dengan kemajuan dan keunggulan yang ada pada hari ini perlu membantu jiran-jiran mereka, perlu memberikan sokongan dan bantuan kepada negara-negara ASEAN, kepada rantau ini dan juga memastikan bahawa perkembangan yang orang kata aman, damai, tidak mewujudkan ketidakstabilan, mewujudkan kekeliruan dan juga polisi dasar dan polisi luar Jepun ini adalah amat penting.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** [*Bangun*]

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya sangat berharap Kerajaan Jepun dapat menjalankan dasar luar mereka dengan lebih baik lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Jerai bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Sila, Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong, terima kasih Timbalan Pengerusi. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa Kerajaan Jepun ataupun budaya Jepun ini, mereka biasa menjajah kita dahulu dan ada juga benda-benda yang baik yang kita pelajari daripada penjajahan tersebut. Pada hari ini kita dapat lihat bahawa Jepun ini kadang-kadang dia mementingkan diri sendiri, contohnya apabila kita mengadakan perniagaan usaha sama dengan Jepun, dengan perjanjian untuk *transfer* teknologi dan sebagainya, tetapi apabila sampai waktu dan ketika mereka tidak mahu melepaskan ataupun memindahkan teknologi itu kepada kita.

Di samping itu juga apabila kita buka industri sesuatu dengan Jepun boleh dikatakan keseluruhannya alat-alat *supporting* industri kepada industri besar itu mesti datang daripada Jepun ataupun syarikat yang berkaitan dengan Jepun. Jadi, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kerajaan mengkaji kembali dasar-dasar pelaburan Jepun di negara kita ini supaya jangan kita dikongkong ataupun dijajah melalui pelaburan ekonomi mereka ke dalam negara kita ini.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Betullah! Memang benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi. Jepun perlu lebih jujur kepada dunia luar jangan menghantar teknologi second grade kepada dunia luar dengan alasan hendak membantu jiran-jiran mereka. Memang benar banyak telah dijanjikan akan mengadakan transfer teknologi kepada negara-negara membangun tetapi apabila tiba masanya tidak akan menjadi kenyataan.

Oleh itu apa yang saya nyatakan tadi bahawa Kerajaan Jepun perlu mengadakan dasar-dasar luar yang lebih pragmatik, yang lebih terbuka dan yang lebih ikhlas untuk memajukan jiran-jiran mereka dan bukan melalui kuasa ekonomi mereka untuk menekan kita. Kerajaan Malaysia perlu jujur bahawa kita perlu terus-terang kepada Kerajaan Jepun bahawa kita pinjam duit tetapi kita bayar interest dan kita tidak dapat apa-apa manfaat yang boleh diberi oleh Kerajaan Jepun ini.

Saya sangat berharap bahawa dalam soal ini Kerajaan Jepun untuk memastikan di rantau ini dapat mencapai kestabilan, mereka perlu lebih ikhlas untuk berbaik-baik dengan semua negara. Kita tahu bahawa pada masa sekarang, di China, di Korea banyak lagi di negara-negara lain, semua rakyat mereka membantah terhadap tindakan Kerajaan Jepun tetapi nampaknya kerajaan mereka belum lagi menunjukkan kekesalan mereka dan inilah yang akan mengakibatkan ramai negara meneruskan bantahan-bantahan tersebut.

Tuan Pengerusi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, minta gulung Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ya, saya menggulung. Saya juga amat menyokong apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu tadi bahawa kerajaan kita perlu tegas terhadap tindakan Kerajaan Myanmar. Myanmar ini saya rasa kita telah memberi mereka banyak masa. Apabila menjemput mereka masuk ke ASEAN, mereka janji pelbagai janji, macam-macam boleh, termasuk mereka hendak menggubal perlembagaan mereka, mereka hendak mengadakan pilihan raya, mereka hendak memastikan demokrasi kembali di Myanmar tetapi tahun demi tahun, kita lihat itu sekadar alasan.

Semasa tahun 2000 saya dapat berjumpa dengan wakil Myanmar dalam mesyuarat AIPO, mereka menyatakan bahawa mereka tengah membuat rombakan dan juga menulis semula Perlembagaan Myanmar. Pada tahun 2004 iaitu 4 tahun atau 5 tahun kemudian saya jumpa wakil yang sama, mereka memberi alasan yang sama masih lagi tengah menulis Perlembagaan mereka. Ini dengan terang dan jelas bahawa mereka tidak ikhlas, mereka tidak jujur, kerajaan Myanmar tidak telus terhadap tindakan mereka di Myanmar. Sebagai sebuah kerajaan dan kita

telah pun jelas dan tahu bahawa mereka ini tidak jujur terhadap kita, maka kita perlu mengambil tindakan kita yang keras. Kita jangan tertipu dan kita jangan ditipu oleh Kerajaan Myanmar yang sewenang-wenangnya membuat kelakuan mereka sedemikian. Dengan itu saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Maran.

### **12.18 tgh**

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Bismillahir Rahmanir Rahim dan Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh . Yang Berhormat Tuan Pengerusi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005. Tuan Pengerusi, sebelum itu saya ingin mengucapkan selamat datang kepada pemimpin-pemimpin dari kawasan saya di belakang ini terdiri daripada pemimpin masyarakat dan pemimpin PERKIM dan saya kira ada beberapa kumpulan lain dari Setiu dan lain-lain, kita ucapkan selamat datang ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa perkara, secara ringkas sahaja dalam perbahasan ini iaitu berhubung dengan Kementerian Luar B.15 - Kementerian Luar Negeri. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kerana amat serius dalam memperjuangkan hubungan diplomatik dan hubungan baik antara negara-negara dunia. Sebagai sebuah negara Islam, kerajaan kita tidak merestui apa juga kekerasan dan tidak merestui apa juga keganasan. Sebagai sebuah negara kecil dasar win win situation, dengan izin, amat perlu kita laksanakan.

Tuan Pengerusi, Indonesia adalah sebuah negara jiran kita yang terhampir. Terhampir bukan sahaja dari sudut kedudukan negara tetapi terlalu hampir dari aspek-aspek lain termasuk dari segi keturunan dan sebagainya . Saya kira ramai daripada Ahli-ahli Parlimen kita dalam Dewan ini juga, datuk nenek mereka daripada negara Indonesia. Bahkan, hampirnya kita Tuan Pengerusi, bukan sahaja dari segi keturunan, bahkan dari segi bahasa, dari segi adat, dari segi agama dan sebagainya . Insiden pergeseran di antara kapal laut kita dan kapal laut Indonesia baru-baru ini membuatkan saya merasa terlalu bimbang. Kedua-dua pihak telah menambah kekuatan ketenteraan laut di kawasan yang dipertikaikan. Saya minta maaf Tuan Pengerusi, kerana saya serak sedikit selepas forum Islam Hadhari. Namun alhamdulillah.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, tidak apa. Penyokong dengar di belakang dengan jelasnya.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Namun alhamdulillah Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dengan usaha yang dibuat oleh kerajaan dan usaha yang dibuat oleh Menteri Pertahanan kita, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, kedua-dua negara telah bersetuju untuk menarik balik angkatan tentera laut ini dan meninggalkan hanya sebuah kapal laut di kawasan berkenaan. Kita berharap supaya kerajaan mengambil serius dalam perkara ini dan dapat mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Tuan Pengerusi, saya merayu sekali lagi kepada kerajaan agar langkah-langkah yang lebih positif dan proaktif diambil bagi mengawal keadaan yang boleh menyebabkan konfrontasi semula di antara kedua-dua negara. Tuan Pengerusi, saya risau nanti terdapat pihak-pihak luar yang tidak bertanggungjawab terutamanya kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat akan memainkan isu-isu ini dan akan menimbulkan semula rasa panas di antara kedua-dua negara dan akhirnya kita akan terjebak kepada keganasan ataupun konfrontasi semula.

Tuan Pengerusi, kita mempunyai negara dan mempunyai rumah tangga sendiri. Tidak ada lebih aman dan lebih bahagia daripada kita kecuali kita yang menjaga negara kita dan rumah tangga kita sendiri. Justeru itu, saya sekali lagi berharap supaya semua pihak terutama kerajaan kedua-dua negara dapat memainkan peranan yang penting dalam kita memastikan, menjamin keselamatan kedua-dua negara ini, walaupun dalam masa yang sama kita berusaha untuk meningkatkan ekonomi kedua-dua negara.

Tuan Pengerusi, baru-baru kita telah digemparkan dengan malapetaka Tsunami yang mengorbankan lebih kurang 200,000 orang manusia dan memusnahkan banyak harta benda. Baru-baru ini juga, kita pula telah digemparkan sekali lagi dengan gempa bumi yang besar di sekitar Tanah Sumatera yang mengorbankan lebih kurang 2,000 orang. Semalam dan hari ini, masyarakat di Perlis dan di utara tanah air telah digemparkan dengan penemuan hasil laut yang lumayan dan saya bimbang Tuan Pengerusi, apakah ini satu lagi tanda yang akan menunjukkan kepada kita bahawa satu gempa bumi yang besar, satu Tsunami yang besar akan berlaku di perairan kita termasuklah di negara kita sendiri. Kita tidak mahu.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai bangun Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Marang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan. Kita, Yang Berhormat bagi Marang, kita dapati bahawa banyak jenis binatang laut ini sudah sampai ke darat. Macam kita kata siput-siput laut semua sudah lari ke

darat. Jadi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ini adalah amaran daripada Allah S.W.T kepada manusia supaya manusia yang hidup dalam keadaan berbalah pada hari ini berbaik-baik dan bersatu, kerana Tuhan telah menduga kita.

Di Indonesia, bermacam-macam dugaan telah sampai ke sana dan dugaan ini berlaku di negara-negara Islam. Jadi, mungkinkah ini juga amaran Allah S.W.T kepada kita, supaya manusia menjaga alam sekitar ini, tidak merosakkan alam sekitar. Ini kerana, kerosakan alam sekitar inilah menyebabkan negara kita ataupun negara-negara lain menghadapi masalah kesejahteraan dan juga keindahan alam semula jadi ini. Sila Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Tuan Pengerusi, saya kira Yang Berhormat bagi Jerai antara Ahli Parlimen yang sedar dan saya kira saya juga sedar. Sebab itu, saya timbulkan persoalan ini kepada Parlimen ini. Kita harap masyarakat semua sedar. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai bahawa ini adalah satu lagi tanda ataupun amaran Allah S.W.T kepada kita supaya kita berpadu, bersatu dan mengelakkan apa juga yang boleh menimbulkan kesengsaraan, sama ada kepada bumi dan kepada manusia di dunia ini. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya menyambung Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Mengikut laporan yang boleh dikatakan setiap hari gempa bumi yang berukuran kecil ini berlaku di akhir-akhir ini. Bahkan mengikut salah seorang pakar Perancis, satu gempa bumi yang paling dianggap besar, yang lebih besar daripada berlaku pada baru-baru ini, termasuk yang pada tahun lepas akan berlaku di persekitaran tanah kita di Asia ini. Saya bimbang Tuan Pengerusi, apakah kita telah bersedia? Apakah kita telah mendapat maklumat tentang perkara ini dan saya ingin mencadangkan kepada kerajaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan sekalian dan saya kira kita semua tahu bahawa ramai pelajar kita yang sedang belajar di Indonesia dan juga di kepulauan-kepulauan sekitar Indonesia termasuklah di Medan, Sumatera, Bandung dan lain-lain tempat. Apakah tindakan yang diambil kerajaan melalui Kementerian Luar bersama-sama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dalam kita memastikan keselamatan anak-anak bangsa kita ini berada di luar negara? Apakah persediaan yang telah dibuat bagi menentukan anak-anak ini tidak akan terjejas ataupun boleh diselamatkan sekiranya berlaku lagi insiden ataupun peristiwa Tsunami seperti ini?

Tuan Pengerusi, kesempatan ini juga ingin saya ambil untuk meminta Kementerian Luar melihat bersama Kementerian Pendidikan Tinggi. Saya menyokong atas cadangan ini dan saya menyokong pihak kerajaan supaya memberikan peruntukan yang lebih kepada Kementerian Luar bagi mempertingkatkan kemudahan-kemudahan kepada kakitangan dan juga pegawai-pegawai

kita di luar negara. Tentang pendidikan ini, saya minta kepada kerajaan supaya kita melihat balik kemudahan anak-anak kita yang belajar di luar negeri, seperti contoh saya ambil di Indonesia.

Di Indonesia ramai pelajar kita yang belajar seperti yang saya sebutkan tadi di Medan, Sumatera, Aceh dan sebagainya. Tetapi, melalui pengalaman saya, saya lihat anak-anak kita ini sebenarnya belajar bukan mencari tempat pendidikan tetapi mereka sebenarnya mencari tempat penginapan secara perjanjian.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Setiu bangun Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Sila Yang Berhormat bagi Setiu.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Maran. Kita bercakap soal pelajar-pelajar kita yang berada di luar negara yang begitu ramai tetapi saya percaya kita semua sedar bahawa pelajar-pelajar kita yang berada di luar negara, semangat cinta negara mereka, semangat untuk bersama-sama dengan rakyat sebagai warganegara Malaysia ini, yang kita rasa semakin hari semakin berkurangan, mereka ini pulang daripada belajar dari luar negara, balik mengkritik, menghentam dan sebagainya. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Marang mengenai isu-isu ini?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu. Sebenarnya, ucapan saya yang berikut ialah menyentuh tentang apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Setiu. Harapan saya supaya pihak kerajaan melalui Kementerian Luar dan Kementerian Pengajian Tinggi memberi perhatian serius kepada keadaan pelajar-pelajar kita di luar negara, di mana mereka ini rata-rata yang pernah saya pergi termasuk di Cairo, di Jordan, di Indonesia dan sebagainya, mereka tidak mempunyai kemudahan yang sebaik seperti mana yang berada di negara kita walaupun ada usaha-usaha kerajaan bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan ini. Sebab itulah Tuan Pengerusi, dengan adanya perhatian yang serius daripada kerajaan kepada pelajar-pelajar ini, saya yakin bahawa pelajar-pelajar ini akan merasa bahawa mereka disayangi oleh negara mereka sendiri. Mereka disayangi oleh pemimpin mereka sendiri dan insya-Allah, melalui cara ini saya yakin bahawa pelajar-pelajar ini nanti akan merasa sayang kepada negara mereka pula.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua orang bangun Yang Berhormat. Lipis dan Sri Gading.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Lipis dahulu Sri Gading, ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Lipis, sila.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat bagi Lipis dulu.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Marang. Ini berkait dengan kemudahan pelajar-pelajar di luar negara. Berdasarkan daripada pengalaman, apa yang menjadi kesusahan pelajar-pelajar di luar negara ini ialah kadang-kadang sumber kewangan yang tidak mencukupi dan jika mereka mendapat bantuan daripada kerajaan seperti biasiswa dan sebagainya.

Biasiswa ini kadang-kadang lambat diterima. Ini menyebabkan pelajar-pelajar di luar negara yang tiada tempat mengadu menjadi susah dan ada kalanya mereka terpaksa bekerja untuk menampung sara hidup mereka. Ada kalanya badan-badan lain yang berada di luar negara atau di negara asal sebagai contohnya kalau di Australia, badan-badan agama di Australia akan cuba membantu pelajar-pelajar kita di luar negara mana yang kesempitan wang dan ini menyebabkan kadang-kadang ada pelajar kita yang merasakan badan-badan ini lebih prihatin terhadap mereka daripada pegawai-pegawai yang ditugaskan di luar negara sendiri. Bersetuju tidak dengan saya Yang Berhormat bagi Maran supaya pegawai-pegawai yang ditempatkan di luar negara khususnya untuk menjaga pegawai-pegawai ini mestilah mereka dilatih bersungguh-sungguh supaya mengetahui tanggungjawab mereka yang sebenarnya.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Saya amat bersetuju dengan cadangan ataupun pandangan Yang Berhormat tadi. Bahkan saya kira Tuan Pengerusi, pelajar-pelajar kita yang belajar di luar negara ini adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai semangat yang tinggi. Walaupun berhadapan dengan 1001 macam masalah, tentang kewangan, ibu bapa tidak bersama. Terutamanya macam di Indonesia dengan cubaan gempa bumi dan sebagainya, tetapi mereka masih bersedia untuk belajar. Sebab itulah saya menyeru kepada pihak kerajaan, ....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat bagi Sri Gading. Tidak dan habis. Sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya bersetuju sangat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Maran. Cuma, bolehkah Yang Berhormat bagi Maran, membuat sedikit penjelasan. Kerajaan bantu, tolong pelajar-pelajar kita yang di seberang laut, di mana-manalah, kerajaan tidak melepaskan begitu sahaja. Kerajaan sentiasa membantu menolong dengan biasiswa. Tetapi di Mesir, di Jordan, saya tidak faham Tuan Pengerusi. Tidak faham. Tidak faham Tuan Pengerusi. Mereka menentang kerajaan. Menentang kerajaan. Tidak faham saya. Kerajaan bagi bantuan, tetapi dia tentangnya kerajaan. Macam-macam perkara yang dikomen oleh mereka dan jelas komen-komen mereka sebenarnya terpengaruh dengan Parti Pembangkang khususnya PAS.

Rakan-rakan PAS ada di depan saya ini. Saya nak jelaskanlah, tidak selindung-selindung kita..... Matlamat kita supaya mereka terpelajar, lebih-lebih lagi dalam bidang agama. Agama melarang kita mengumpat keji, tidak berterima kasih, tidak bersyukur. Tidak bersyukur kamu dengan Allah, kalau kamu tidak boleh berterima kasih sesama manusia. Jelas....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak minta Yang Berhormat bagi Maran buat apa, Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya nak minta Yang Berhormat bagi Maran membuat penjelasan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak, tidak belum sampai Tuan Pengerusi. Belum habis ayat saya. Tuan Pengerusi, bagi saya peluang berhujah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Nanti bangun, Yang Berhormat boleh bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya tidak perlu bangun Tuan Pengerusi. Bagi dia untuk menyelamatkan masa. Kita pun tidak faham. Patut belajarlah dan agama menyuruh kita berbuat baik, bersyukur, berterima kasih. Tetapi kerana dek dipengaruhi, tetapi memang kerjalah Parti Pembangkang mempengaruhi supaya benci kerajaan, itu memang kerja dialah. Tetapi yang malangnya, engkau ini pelajar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, biar Yang Berhormat bagi Maran jawab. Biar Yang Berhormat bagi Maran jawablah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang):** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat bagi Rantau Panjang nantilah dahulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat bagi Rantau Panjang boleh.bangun...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tadi kata hendak jimatkan masa.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** .....Boleh bangun tanya. Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tadi kata nak jimatkan masa.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jimatkan masa,

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dia fahamlah Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi pun faham.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Faham.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Faham.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sahabat saya dari PAS pun faham juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Minta maaf sahabat-sahabat saya dari PAS. Orang baik-baik semua Tuan Pengerusi. Tetapi apa hendak buat, Parti dia tidak berapa baik Tuan Pengerusi. Orangnya Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila Yang Berhormat bagi Maran.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya bersetuju dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Sri Gading. Bahkan Tuan Pengerusi, saya berasa kecewa kadang-kadang. Pernah saya pergi ke Azhar ini di Cairo di Mesir ini dan memang berlaku. Saya berasa kecewa juga apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi. Sepatutnya pembangkang, sebagai rakyat negara ini tidak perlu membawa ini kepada pelajar kita. Sepatutnya kita memberi anak-anak pelajar ini pendidikan yang betul. Sebab kalau kitalah kerajaan memberikan peruntukan biasiswa yang banyak kepada mereka untuk belajar dan mereka kembali ke mari supaya membina negara sendiri, membina masyarakat di sini, agama dan sebagainya, tetapi ada pihak pula yang mengapi-apikan supaya bencikan negara ini, bencikan pemimpin negara ini di mana letaknya prinsip .....[Bercakap dalam bahasa Arab] Tuan Pengerusi? Dengan izin.

Sebab itulah saya kita tidak ada sebab, kenapa orang yang bukan kerajaan perlu mengapi-apikan pelajar-pelajar kita supaya membenci kerajaan. Saya harap supaya pihak pembangkang sedar, kembalilah semula kepada yang betul.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Hendak sokong sedikit Yang Berhormat bagi Maran. Saya tidak menyalahkan pembangkang, kerja dia membangkang. Hak baik pun dia kata tidak baik, itu tugas dia. So, saya hendak cadangkan setuju tidak, kalau boleh kita tubuhkan *attaché* agama. Beri peruntukan secukupnya. Atur, panggil ahli-ahli Parlimen yang boleh bercakap, macam orang-orang kita yang kuat-kuat yang veteran ini beri penjelasan yang betul-betul. Ini dia PAS, memang tiap-tiap penggal dia pergi. Dia duit, *no limited*. Tiada limit dengan izin. Jadi dengan sebab itu, saya nak supaya.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangunlah.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** .....Mesir, Jordan, Seria dan kalau boleh kita tambahkan London, Amerika, yang ramai pelajar kita, ini kita tubuhkan *attaché*. Setuju tidak? Terima kasih, bukan marah.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Pengerusi, saya bersetuju, amat bersetuju, bahkan bukan setakat *attaché* agama, kalau boleh, saya pernah mencadangkan dalam

Parlimen, kita tubuhkan juga persatuan ibu bapa, janganlah standard dia rendah sangat ya. Sebab orang yang pergi semua cerdik-cerdik belaka. Supaya mereka ini ibu bapa yang kita pilih yang terdiri daripada mereka yang bertanggungjawab, sama ada ahli-ahli politik, pentadbir, pemikir dan sebagainya, kita tubuhkan supaya melihat perkembangan anak-anak kita ini. Ini dia, bahkan saya pernah mencadangkan PIBG ini dan saya setuju dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Maran, sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih dan saya nak lihat sekali, nak sebut sekali lagi bahawa masalah pelajar-pelajar kita ini bukan sahaja masalah mereka, tetapi masalah kita bersama. Saya menyeru kepada pemimpin-pemimpin kita, sama ada peringkat pusat dan lain-lain. Kalau kita pergi ke luar negara, lihatlah anak-anak kita ini. Jangan biarkan mereka. Saya dapat tahu juga sebenarnya, bukan apa Tuan Pengerusi bukan kita nak apa pembangkang suka cari peluang sahaja. Cari peluang melawat. Dia tengok kita tidak pergi, dia pergi.

Tetapi yang saya tidak seronok itu kerana bila pergi, janganlah mengapikan pelajar-pelajar ini supaya mengganti kerajaan. Saya harap kita berikan pelajaran yang terbaik kepada mereka. Berikan tunjuk ajar kepada mereka, supaya mereka balik nanti, pimpin negara ini. Tidak ada orang lain, kecuali rakyat kita. Kita bukannya bukan hendak suruh orang Amerika datang ke mari untuk memimpin negara kita. Ini negara yang kita cintai, yang kita sayangi. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberikan izin kepada saya.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat saya nak bagi dua orang lagi bercakap. Selepas Yang Berhormat bagi kemaman, seorang lagi, selepas itu Kementerian menjawab.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Dengan itu Tuan Dipertua saya mohon.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kemaman.

**12.38 tgh hari**

**Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Maksud B.15 Kementerian Luar Negara yang menuntut tambahan sebanyak hampir RM100 juta dalam mengendalikan Kementerian yang berkenaan. Saya tertarik dengan perbincangan yang telah kita lalui pada pagi ini.

Terdapat dua perkara yang besar yang diperbincangkan. Pertamanya isu mengenai Jepun dan yang keduanya kita menyentuh tentang soal Sidang Kemuncak Bandung yang berlangsung beberapa hari yang lepas. Satu perkara yang perlu saya ingatkan di sini bahawa, kita menyebut tentang Jepun adalah satu fakta sejarah tentang peristiwa kekejaman Jepun, penaklukan Jepun, serangan tentera Jepun dalam negara kita dan negara-negara Asia adalah satu fakta sejarah yang cukup penting dalam menentukan corak perubahan dunia selepas itu.

Tetapi kita mesti ingat, bahawa serangan Jepun, penaklukan Jepun dengan isu Bandung adalah dua perkara yang amat berkaitan, bukanlah dua perkara yang terpisah begitu sahaja.

Sidang Kemuncak Bandung yang pertama yang dipanggil Sidang Afro-Asia Bandung yang begitu bersejarah dalam tahun 1955 ialah sebagai manifestasi kepada kebangkitan negara-negara Asia selepas Perang Dunia Kedua di mana pada waktu itu, dunia terutama negara-negara Asia sedar bahawa oh, rupanya kuasa besar seperti British yang dianggap tidak boleh digoyang pada waktu itu boleh dikalahkan oleh satu kuasa Asia pada waktu itu dan selepas itulah gerakan-gerakan untuk memperjuangkan kemerdekaan negara-negara khususnya dalam negara-negara Asia dan kumpulan negara Afrika tercetis dengan begitu kuat sekali ialah selepas dunia melihat bahawa kuasa Barat boleh dikalahkan. Bukan sahaja boleh dikalahkan, akan terus dikalahkan pada waktu itu.

Sebab itulah, tentang penaklukan Jepun, kita mesti melihat daripada dua aspek. Satunya dari segi yang negatifnya dan yang kedua dari positifnya. Negatifnya ialah apa yang kita sebutkan tentang kekejaman-kekejaman yang kita sebutkan sebentar tadi dan saya tidak mahu mempertahankan Jepun dalam soal ini. Negatifnya lagi ialah peristiwa pengeboman Hiroshima dan Nagasaki yang pertama kali dalam sejarah kemanusiaan, bom atom – bom yang menjadi permulaan kepada perlumbaan kuasa nuklear dunia bermula ialah selepas bagaimana untuk mengalahkan Jepun pada waktu itu. Sehingga pada hari ini pun, apabila gerakan-gerakan antinuklear, ramai yang terlupa bahawa peristiwa bom nuklear yang digugurkan di Hiroshima dan Nagasaki adalah sebagai reaksi kepada kekejaman Jepun yang dikatakan berusaha untuk menakluki sebahagian besar dunia pada waktu itu.

Cuma ada orang berbahas bahawa mengapa Jepun yang dipilih? Tidak Jerman yang dipilih? Tidak kuasa-kuasa lain; Itali misalnya, sebahagian daripada kuasa yang dianggap *evil*, yang dianggap jahat pada waktu itu. Ada perbahasan yang mengatakan Jepun dipilih kerana mereka ini bukan kuasa Eropah, bukannya daripada dunia kulit putih, walaupun dia kuning, tetapi bukannya daripada golongan *caucasian* iaitu golongan Eropah, maka Jepunlah menjadi tempat untuk dieksperimenkan untuk diuji tentang kekuatan kuasa bom nuklear ataupun bom atom pada waktu itu, ini sejarah.

Positifnya, sebagaimana yang kita bahaskan tadi, yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading misalnya tentang yang kita baru lalui, kita ikuti ialah Sidang Kemuncak Bandung Negara Asia-Afrika yang mana selepas daripada penaklukan Jepun itulah kita dapat melihat kebangkitan dunia bersatu untuk menentang penjajah pada waktu itu. Tetapi sudah tentulah selepas itu kita melihat tentang sejarah perang dingin antara dua kuasa besar selepas Perang Dunia Kedua - blok Barat dan blok Timur. Blok Barat yang dipimpin oleh Amerika Syarikat, blok Timur adalah blok Komunis yang terdiri daripada kuasa Soviet Union, China dan sebagainya, maka lahirlah pandangan-pandangan baru bahawa kita mesti ada pilihan antara dua blok ini.

**Tuan Lau Yeng Peng:** [Bangun]

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Silakan.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman. Bom di Jepun itu saya ingat bukan bom nuklear, untuk penjelasan, itu adalah bom atom. Amerika sepakat untuk menyerang Jepun bukan kerana penaklukan mereka di tempat lain tetapi isu dan masalah yang utama ialah di mana semasa Jepun cuba menawan Pearl Harbour di Hawaii. Itu yang menyebabkan Amerika ini telah naik darah dan juga hangat hati untuk menyerang Jepun. Kekalahan Jepun ini bukan kerana mereka dikalahkan oleh kuasa-kuasa lain tetapi kuasa Asia tetapi kerana kekalahan mereka di Hiroshima di mana Amerika Syarikat telah menjatuhkan dua bom atom di Hiroshima. Apakah pendapat Yang Berhormat? Adakah ini kerana mereka masih tidak insaf lagi kerana cuba untuk mengubah fakta-fakta sejarah?

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Saya tidak mahu mempertikaikan fakta tersebut dan saya tidak di sini untuk mempertahankan Jepun. Saya hanya mengatakan ada pandangan kenapa Jepun dipilih pada waktu itu, kenapa Jepun dipilih? Saya tidak mempertahankan Jepun dan saya setuju bahawa ada juga berpendapat bahawa Jepun dipilih pada waktu itu bukannya bom atom yang mengalahkan kerana pada waktu itu Jepun sudah hampir kalah pun dalam keadaan yang sudah lemah pada waktu itu. Cuma bom atom yang digunakan. Benar, bom atom bukannya bom nuklear tetapi ia adalah permulaan kepada perkembangan apa yang disebutkan *proliferation* kepada perlumbaan senjata nuklear selepas itu. Ia adalah sebagai dikatakan, *nail to the coffin* – kerandanya sudah ada, kemudiannya dipakukan lagi untuk mengukuhkan kemenangan kuasa berikat pada waktu itu.

Saya ingin meneruskan perbincangan saya iaitu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, cuma cakap dasar, sekarang kita di peringkat dasar.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Ya, sekarang saya hendak pergi kepada perkara yang berkaitan dengan Kementerian Luar sebab tadi saya hendak menyentuh tentang apa yang disebutkan dua perkara; Jepun dan Bandung. Saya ingin menyokong saranan untuk

menambahkan sebanyak hampir RM100 juta. Kita tahu bahawa sedikit pengalaman saya ketika mewakili Malaysia ke Sidang Bangsa-Bangsa Bersatu pada perhimpunan agungnya yang lepas. Kita patut berasa bangga dengan kegigihan yang telah ditunjukkan oleh pegawai-pegawai kita di bawah kepimpinan duta tetap kita – Datuk Rustam Isa yang ada di sana menunjukkan kegigihan yang luar biasa. Beliau bersama dengan anak-anak buah beliau yang dihormati dan dikagumi bukan sahaja pandangan beliau tetapi setiap kali di bawah kepimpinan kita di sana mengadakan perjumpaan ataupun kita mengadakan seminar-seminar sampingan yang lain sempena dengan perhimpunan agung tersebut, kita dihadiri apa yang dianjurkan oleh Malaysia dihadiri dan dihormati oleh negara-negara lain.

Ini satu perkara yang perlu kita rakamkan di sini kehebatan pihak Kementerian Luar Negeri kita mempunyai tokoh-tokoh besar yang seperti itu. Namun, dalam kesempatan untuk berbincang dengan mereka yang terlibat dengan kerja-kerja di kementerian kita di sana, kita tahu di sebalik apa yang disebutkan kehebatan mereka terbang ke sana dan terbang ke sini berhujah di arena antarabangsa, terdapat kepedihan yang mendalam tentang kebajikan mereka, tentang menyekolahkan anak-anak mereka yang kadang kala mereka terpaksa menggunakan kos sendiri di negara luar yang sudah tentu kosnya jauh lebih mahal sekiranya mereka bersekolah di sini. Saya rasa ini faktor kebajikan yang perlu dititikberatkan bukan sahaja oleh pihak Kementerian Luar Negeri tetapi oleh Kementerian Kewangan dan Kerajaan Malaysia keseluruhannya.

Kita kena ingat bahawa sebuah negara yang kuat tidak boleh lari daripada kekuatan dasar luarnya. Amerika Syarikat sentiasa menganggap bahawa Menteri Luarnya adalah orang nombor tiga, *State Secretary* adalah orang nombor tiga dalam hierarki kepimpinan mereka. Bukan itu sahaja yang ingin saya sebutkan di sini. Parlimen mereka...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading bangun.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Silakan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Kemaman. Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman ini entah yang ke berapa kali dibangkitkan oleh rakan-rakan yang lain. Di Parlimen sejak saya masuk Parlimen, sudah berkali-kali menyuarakan kebaikan Ahli Parlimen yang masyarakat kena tahu. Kebaikan Ahli-Ahli Parlimen yang menyuarakan tentang 'penderitaan' yang ditanggung oleh kakitangan kedutaan kita di luar negara seperti yang diujahkan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman itu benar, amat benar. Tetapi siapa yang harus memperbetulkan? Apa betul perkataan saya Tuan Pengerusi? Memperbetulkan keadaan yang menyeksakan ini. Bagilah kemudahan-kemudahan yang lumayan, yang setaraf dengan mereka di negara-negara luar yang kadang-kadang cara hidupnya berbeza dengan Malaysia ini. Nasi lemak tidak ada Tuan

Pengerusi, di Jordan tidak ada nasi lemak, dekat Sudan. Kadang-kadang kita punya kedutaan - Setiausaha Parlimen pun ada, buka paip pun airnya keruh, kadang-kadang kena mandi dengan air mineral. Ini penanggungan yang ditanggung oleh rakan-rakan kita yang telah pun ditugaskan oleh negara untuk berkhidmat di luar negara tetapi masalahnya mereka dan keluarga mereka diabaikan. Seperti Yang Berhormat bagi Kemaman bangkitkan yang saya nyatakan di sini, berulang kali telah dibangkitkan tetapi kenapa keadaan ini tidak berubah?

Apakah rintihan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen untuk memperjuangkan nasib dan ini bukan sesuatu yang... apa yang hendak saya maksudkan, bukan sesuatu yang payahlah, Tuan Pengerusi. Bukan payah sangat hendak bagi ini, lebihkan peruntukan ini, selesailah masalah. Bagilah dia imbuhan yang sebenarnya, layanan yang secukupnya, kemudahan yang sepatutnya, mereka pun bukan hendak minta lebih-lebih, tetapi biarlah keadilan diberi kepada mereka. Ini masyarakat kena tahulah macam mana...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ... Ahli Parlimen memperjuangkan sesuatu. Ini bukan kita hendak memperjuangkan nasib kita. Kita memperjuangkan nasib rakan-rakan. Betapa mulianya hati Ahli-ahli Parlimen.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Kemaman.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ooo! [Ketawa] Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading kerana berkongsi pandangan dengan Kemaman dan berkongsi pandangan dengan sebahagian besar Ahli-ahli Parlimen yang lain tentang nasib mereka yang berada di *front line*, di barisan hadapan dalam mengangkat martabat negara kita dan perkara ini sepatutnya kita dedahkan kepada masyarakat umum, bukan soal hendak naikkan gaji mereka 10% atau 20%, tetapi seharusnya masyarakat umum tahu tentang *benchmarking* ataupun tanda aras, juga berapa negara besar yang lain dapat, berapa yang kita dapat, berapakah martabat dan kedudukan dan status yang diperolehi oleh duta-duta kita di sana.

Misalnya kalau dibandingkan dengan negara-negara lain barulah kita boleh gahkan diri kita bahawa Malaysia ada kekuatan. Malaysia kaya, kita agungkan kerana ada Menara Berkembar, tetapi bagaimana orang yang membawa nama Malaysia ketika pergi ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kedutaan-kedutaan lain dan sebagainya. Saya rasa itu adalah perkara yang akan terus kita ulang dan kita akan ulangkan lagi sehingga perkara ini akan tercapai.

Satu perkara lagi yang saya sebutkan dalam konteks diplomasi sekarang ini bukan sekadar di kalangan mereka yang memimpin kerajaan ataupun *as such* Kementerian Luar Negeri yang begitu sahaja. Kita tahu bahawa Parlimen sebagai sebuah badan yang mewakili rakyat dalam dunia sekarang ini dilihat semakin penting dalam memainkan peranan diplomasinya yang

tersendiri. Kita aktif, misalnya, dalam IPU, kita aktif dalam CPA misalnya, antara badan-badan yang dikaitkan peranan Ahli-ahli Parlimen pergi ke luar negara dan bercakap mewakili rakyatnya yang kadangkalanya adalah bebas daripada pandangan kerajaan.

Tetapi diplomasi yang dimainkan oleh Ahli-ahli Parlimen penting. Bagaimana Itali misalnya, dalam berusaha untuk melobi supaya mereka menjadi Pengerusi IPU, mereka berjalan ke seluruh negara dan kemudiannya seluruh dunia pada waktu itu kerana pentingnya nama-nama mereka itu diletakkan di tempat yang atas, memimpin organisasi-organisasi Parlimen dan sebagainya.

Di sini sekali lagi saya ingin nyatakan bahawa dalam membahaskan peruntukan yang begini, kita mengharapkan juga Kementerian Luar Negeri memberi sokongan yang kuat kepada organisasi Parlimen seperti IPU, seperti CPA dan kita ada kalau di peringkat ketua-ketua kerajaan ada APEC, iaitu Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Peringkat Asia Pasifik, Parlimen pun ada. Misalnya APPF, *Asia Pacific Parliamentary Forum*.

Saya teringat dalam persidangan yang lepas di Vietnam yang saya berkesempatan berada di sana, delegasi daripada Jepun misalnya, hanya lima atau enam orang delegasi daripada Parlimen tetapi *supporting staff*, dengan izin, Tuan Pengerusi, iaitu kakitangan sokongan mereka, satu bas datang dengan membawa sekretariat mereka sendiri dan sebagainya datang daripada Kementerian Luar Negeri kerana negara yang besar seperti itu seperti China, walaupun Indonesia, negara yang kita rasa tidak ramai Ahli Parlimen yang boleh berbahasa Inggeris membawa kakitangan-kakitangan mereka supaya mereka sentiasa membawa usul-usul penting, yang menjadi agenda negara mereka itu dimasukkan dan diperjuangkan dalam seluruh sidang-sidang antarabangsa.

Ini juga perkara-perkara yang mesti saya harapkan daripada pihak Kementerian Luar Negeri memberi perhatian kerana Parlimen adalah mewakili rakyat. Kuatnya Ahli-ahli Parlimen dalam memperjuangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan agenda negara kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila gulung.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Misalnya, Jepun ada *Kyoto Protocolnya*, terkenal dengan *Kyoto Protocol*. Mereka bercakap mengenai *Kyoto Protocol* ini di merata forum, di merata kesempatan yang mereka ada, kerana mereka ada *team* yang dibawa untuk memenuhi matlamat besar kerajaan dan negara mereka.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Jadi itulah yang saya rasakan perkara-perkara yang begini, saya rasakan sebagai Parlimen dunia yang pertama, yang selalu kita sebutkan melahirkan generasi yang cemerlang, *towering personalities* dan sebagainya, kita rasakan bahawa Parlimen kita bukan sahaja kita bangga kerana mempunyai menara yang tertinggi dalam mana-mana

Parlimen yang ada dalam dunia, tetapi kita percaya bahawa kehebatan, keagungan dan kemuliaan Dewan kita ini dapat kita julang di merata tempat dalam dunia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kudat.

**12.56 tgh.**

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya untuk membahaskan Butiran B.15 – Kementerian Luar Negeri. Tuan Pengerusi, perkara yang penting yang saya ingin bahaskan di sini ialah mengenai isu Palestin. Seperti mana yang kita tahu bahawa setelah pemimpin ELO, Yasser Arafat telah meninggal dunia beberapa bulan yang lalu dan telah pun ada pilihan raya diadakan di Palestin, tetapi tidak ada kemajuan yang dicapai yang benar-benar dapat membantu rakyat Palestin untuk wujud sebagai sebuah negara yang benar-benar merdeka.

Tuan Pengerusi, kalau kita melihat kedudukan kita sebagai Pengerusi OIC sudah tentu kita mempunyai tanggungjawab yang begitu besar untuk memastikan bahawa rakyat Palestin mempunyai kedudukan dan juga negara mereka sendiri kerana Palestin adalah anggota kepada OIC dan juga menjadi tanggungjawab negara-negara OIC untuk melihat keadaan ini. Tetapi yang anehnya, baru-baru ini di dalam satu *conference* yang telah dilaksanakan di London pada bulan Mac 2005, Malaysia telah tidak dijemput di dalam *International Palestine Conference*, dan ini adalah merupakan sesuatu yang amat aneh kerana Malaysia sebagai sebuah negara yang menjadi Pengerusi OIC yang sepatutnya dipanggil untuk berbincang tentang kedudukan dan juga masa depan masyarakat Palestin ini telah tidak dijemput dalam perbincangan ini.

Tuan Pengerusi, kalau kita melihat sejarah rakyat Palestin yang ditindas berpuluh-puluh tahun semenjak November 1917 apabila Deklarasi Balfour telah pun dilaksanakan dan ini telah menyebabkan kita merasa perlunya satu tindakan yang lebih komprehensif, khususnya daripada pemimpin rakyat OIC untuk memastikan bahawa suatu keadaan di mana rakyat Palestin benar-benar mendapat tempat dalam masyarakat antarabangsa.

Kalau kita melihat sejarah misalnya, Palestin telah dimiliki oleh orang-orang Arab lebih 2,000 tahun yang lalu dan ini adalah merupakan suatu sejarah yang membuktikan bahawa penduduk asal Palestin adalah orang-orang Arab. Dan kalau kita lihat pada tahun 1880, hanya terdapat 24,000 masyarakat Yahudi di Palestin sedangkan pada ketika itu terdapat 500,000 masyarakat Arab di Palestin, sedangkan pada tahun 1986 terdapat 3.5 juta orang Yahudi di Israel disebabkan penghijrahan yang telah dibawa oleh rejim ini.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bangun.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Saya terkilan apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Kudat tentang *conference* itu tidak menjemput Malaysia sebagai Pengerusi OIC dan saya rasa ini adalah satu perkara yang amat ganjil.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, walaupun isu Palestin ini bukan sahaja masalah orang Islam, orang bukan Islam pun rasa terkilan dan kita mahu sesuatu perkara dilakukan sebagai Pengerusi OIC. [*Tepuk*] Apakah tindakan yang patut Wisma Putra ambil supaya kita memberi satu pengajaran dan kita kena ajar mereka kalau tidak menghormati Pengerusi OIC itu sebagai satu penindasan mutlak dan kita mahu peranan Malaysia itu diiktiraf. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Saya berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam kerana seperti mana yang kita tahu, selaku Pengerusi OIC, adalah menjadi satu keganjilan sekiranya Malaysia tidak dijemput di dalam perbincangan yang begitu penting.

Tuan Pengerusi, seperti mana yang pernah dijelaskan oleh seorang Ahli Parlimen British, Lord Swettenham di dalam persidangan di House of Lord di Britain dengan mengatakan, "Saya bersimpati dengan hasrat orang Yahudi untuk memiliki tanah air sendiri, tetapi saya berpendapat pembentukan tanah air ini tidak harus terbina dengan cara yang tidak baik. Palestin diduduki setelah mereka menaklukinya dan mereka tidak punya hak ke atas Palestin sebagaimana Rom Purba sudah tidak lagi mempunyai hak ke atas negara ini."

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Berapa minit lagi hendak habis? Sila habiskan dalam satu minit, gulung.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ya, saya akan habiskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, sila duduk, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Tuan Pengerusi, seperti mana yang kita tahu bahawa menjadi komitmen kita untuk menyokong sebuah negara Palestin yang merdeka iaitu negara yang benar-benar berdaulat dan tanpa diganggu-gugat, dan kita juga ingin mengembalikan harta benda rakyat Palestin yang telah dirampas oleh rejim Yahudi dan mereka yang telah dihalau ke kem-kem haruslah dapat kembali ke tanah air mereka sendiri. Kita harus juga meminta supaya Prinsip Hak Asasi dapat dijunjung dan dikembalikan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang saya ingin sentuh ialah berkaitan dengan kes-kes kaunselor yang berlaku di luar negara, di mana ada rakyat Malaysia yang ditangkap di negara-negara tertentu tetapi apabila mereka ditangkap dan mereka telah dicaj di mahkamah, mereka telah dibenarkan untuk *bail out*, tetapi yang menghairankan, kes-kes ini telah menyebabkan

mereka tidak dibenarkan untuk keluar daripada negara tersebut sementara menunggu perbicaraan dan sementara menunggu penghukuman yang mungkin melibatkan bertahun-tahun adalah menjadi satu masalah kepada rakyat Malaysia, kerana mereka tidak dibenarkan keluar sedangkan mereka terpaksa menunggu di negara itu untuk mendapatkan penghukuman.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Saya minta....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Saya minta supaya Kementerian Luar Negeri melihat perkara ini dan juga dapat membantu untuk menyelesaikan satu rundingan dengan pihak-pihak tertentu, khususnya negara-negara yang juga negara-negara jiran seperti Singapura, Taiwan dan sebagainya. Memang kes-kes seperti ini pernah berlaku.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi saya diberitakan bahawa baru-baru ini kerajaan telah memotong peruntukan yang begitu banyak terhadap Kementerian Luar Negeri dan ini telah menjejaskan beberapa program penting, khususnya program mendampingi rakyat Malaysia, iaitu sebuah program yang telah diwujudkan khususnya untuk membantu *mission* kita ataupun kedutaan-kedutaan kita di luar negara untuk dapat membuat program-program bersama dengan rakyat Malaysia, tetapi malangnya program ini saya difahamkan telah pun diberhentikan atas dasar bahawa kita tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi.

Saya meminta kepada kerajaan supaya memberikan peruntukan ini kepada kementerian kerana saya memandangkan bahawa program ini adalah penting untuk menjalinkan perhubungan yang baik dan juga menjelaskan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat Malaysia yang berada di luar negara. Kalau sekiranya program ini dapat diteruskan seperti mana yang telah pernah saya laksanakan, saya percaya ia akan dapat membantu untuk mengurangkan kekeliruan rakyat Malaysia khususnya yang telah dikelirukan oleh pihak Pembangkang.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup, Yang Berhormat. Menteri mula menjawab pada jam 2.30 petang ini.

***Majlis mesyuarat bersidang semula.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.04 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

***[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]***

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri sila beri jawapan.

**2.32 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:**

Tuan Pengerusi, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua tahun 2004 bagi Kementerian Luar Negeri adalah berjumlah RM99,520,050 adalah diperlukan untuk bayaran-bayaran seperti berikut:

Pertamanya, pembukaan pejabat kedutaan baru sebanyak enam buah iaitu di Belgrade, Yugoslavia; di Kunming, China; di Karachi, Pakistan; di Doha, Cape dan Helsinki.

Kedua, kenaikan kadar pertukaran mata wang asing, Euro menyebabkan peningkatan kos pembayaran untuk pembelian perkhidmatan dan pembekalan dibuat di pejabat-pejabat perwakilan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sahaja di tahun 2004 Euro naik sebanyak 6% dan pada tahun 2003 mata wang Euro naik mendadak sebanyak 15%.

Perbelanjaan Luar Jangka juga terpaksa dibayar pada tahun 2004 seperti sumbangan-sumbangan Lawatan Tidak Berjadual dan peranan Malaysia sebagai Pengerusi NAM dan OIC. Antaranya adalah sumbangan Malaysia ke atas mangsa gempa bumi di Bam, Iran; sumbangan ke Bangladesh; sumbangan kereta api di Ryongchon; sumbangan banjir di Fiji; sumbangan kepada *Soft Centre Capitol Fund* dan *Seeds*; sumbangan kepada *Mercy* di Darfur, Sudan; sumbangan kepada Kedutaan Besar Republik Timor Leste di Kuala Lumpur; sumbangan untuk mendirikan sekolah di Jenin, Palestin; dan juga sumbangan sempena lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Pusat Islam London.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, Kementerian Luar membelanjakan jumlah sewaan berjumlah RM25.1 juta untuk tahun lepas dan kenaikan kadar sewa bangunan *chancery* dan rumah kakitangan serta pegawai perwakilan dianggarkan meningkat sehingga 15% hingga 20%.

Pembayaran-pembayaran ke atas sewaan kelengkapan yang terlibat semasa mesyuarat-mesyuarat dan lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Perdana Menteri yang tidak berjadual. Di antaranya ialah lawatan Perdana Menteri ke Perancis pada 20 hingga 22 Julai 2004; lawatan Timbalan Perdana Menteri ke Brunei pada 12 hingga 13 Julai 2004; Mesyuarat Tergempar NAM dan OIC mengenai Isu Palestin di Putrajaya pada bulan April dan Mei 2004 dan juga Mesyuarat Peringkat Menteri Pertama Jawatankuasa Malaysia-Thai mengenai strategi pembangunan bersama di kawasan sempadan JDS, dengan izin, di Bangkok pada 4 hingga 5 Ogos 2004.

Tuan Pengerusi, kita juga membelanjakan wang perkhidmatan sejumlah RM10.377 juta dan juga membuat pembayaran kos perkhidmatan pakar penasihat undang-undang berkaitan isu persempadanan wilayah dan maritim dan isu-isu yang bertindih di antara Malaysia-Singapura-Brunei. Pembayaran ini tidak pernah diberi peruntukan secara berasingan.

Begitu juga terdapat perbelanjaan di bawah program mendampingi rakyat Malaysia (PMRM) yang semakin meningkat berikutan pertambahan lawatan pembesar-pembesar dan pemimpin-pemimpin negara luar negeri.

Dalam pada itu, Tuan Pengerusi, kita juga mengalami peningkatan kos perkhidmatan pasukan keselamatan (*security force*) di perwakilan asing ekoran daripada langkah kementerian untuk mempertingkatkan lagi tahap keselamatan bangunan di luar negara selepas berlakunya tragedi 11 September 2001.

Begitu juga terdapat perbelanjaan kos konsentrasi perubatan di perwakilan yang semakin meningkat, gaji dan bonus para pegawai dan kakitangan ambilan tempatan iaitu KAT, kontrak yang belum lagi memegang jawatan tetap juga telah menambah pada peruntukan kita di samping kementerian perlu membayar perbelanjaan perhubungan utiliti di bawah berjumlah RM5.547 juta.

Peningkatan kos banyak juga terlibat disebabkan peranan Malaysia sebagai Pengerusi OIC dan NAM. Terdapat juga Tuan Pengerusi kenaikan takrif di luar negara terutamanya di negara-negara Dunia Ketiga berikutan dengan kenaikan harga petrol yang meningkat di pasaran dunia.

Tuan Pengerusi,....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Pasir Puteh.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak dengar tadi adakah disediakan peruntukan untuk *summer camp* pelajar-pelajar di luar negara. Sebab saya di JAKIM dahulu saya pernah *spend* RM100,000 semasa cuti bagi satu negara. Tidak banyak, tetapi kalau boleh kita buat untuk memberi penjelasan isu-isu semasa terutama mengenai Islam Hadhari dan sebagainya.

Yang keduanya Kemboja, saya cadangkan kalau boleh kedutaan kita *spend* sedikit duit kerana masjid antarabangsa dahulu yang diserahkan oleh Hon Sen dahulu saya sudah melawat cukup elok. Yang Berhormat Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, dia melawat dahulu dan dia sudah bagi buat pagar tetapi kita bagilah dia sedikit untuk aktiviti dan juga untuk sekolah-sekolah agama kerana minoriti amat mendesak. Bagi saya, terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh kerana mengemukakan soalan di peringkat awal penggulungan saya ini. Kita tidak ada maklumat tentang sebarang peruntukan yang diberi untuk *summer camp* kepada

pelajar-pelajar kita di mana-mana negara. Mungkin kalau ada peruntukan ini sebaiknya ia disalurkan melalui Kementerian Pengajian Tinggi dan tidak terus kepada Kementerian Luar.

Tentang masjid di Kemboja kita ambil perhatian dan kalau kita telah bagi pagar mudah-mudahan kalau ada keperluan yang mendesak mungkin kita boleh bagi kemudahan lain di peringkat yang lebih tinggi untuk memastikan masjid antarabangsa di Kemboja ini dapat kemudahan yang baik sepenuhnya.

Saya sambung, Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Kedua 2005 ini dan juga Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2004 pada 19 April 2005, terutama mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Luar.

Sepanjang perbincangan tersebut, Tuan Pengerusi, terdapat dua orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soalan yang berkaitan dengan Kementerian saya. Yang Berhormat bagi Kinabatangan misalnya ingin tahu tentang perbelanjaan keseluruhan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia untuk membiayai delegasi luar yang datang melawat Malaysia atau menyertai mesyuarat-mesyuarat dan forum-forum di Malaysia dalam tahun 2005.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat 31 Mac 2005, kita telah membelanjakan sebanyak RM997,510 juta, iaitu hampir satu juta untuk membiayai lawatan serta penyertaan delegasi asing dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di Malaysia.

Antara lawatan-lawatan itu ialah lawatan kerja oleh TYT Dr. Kamal Kharrazi, Menteri Luar Republik Iran ke Malaysia pada 7 hingga 8 Februari 2005, lawatan kerja Menteri Sekretariat Kabinet dan Pekerjaan Umum Republik Indonesia ke Malaysia pada 29 Januari dan 1 Februari 2005, lawatan rasmi Presiden Indonesia ke Malaysia pada 13 hingga 15 Februari 2005 dan mesyuarat yang telah diadakan di Malaysia termasuk mesyuarat bersama Panel Pakar Antarabangsa bagi membincangkan isu-isu pekerjaan umum Republik Indonesia ke Malaysia pada 18 dan 22 Februari, begitu juga mesyuarat pertama Suruhanjaya Tokoh-tokoh Kenamaan OIC pada 27 hingga 29 Januari dan mesyuarat kedua Suruhanjaya Bersama antara Malaysia dan Republik Cuba 22 hingga 26 Mac 2005, *Special Meeting of ASEAN Director General*, dengan izin, pada 16 hingga 18 Mac 2005 dan Majlis Pelancaran Program Pendekatan Keupayaan *Capacity Building* Negara-negara OIC pada 29 hingga 5 Mac 2005.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Santubong pula menyuarakan perlunya peruntukkan kewangan daripada pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat di luar negara ditambah terutamanya bagi tujuan membeli kenderaan atau kediaman yang lebih bersesuaian bagi meningkatkan imej Malaysia di mata rakyat asing. Saya sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Santubong itu dan cadangan beliau itu memang kita di Kementerian Luar

amat alu-alukan. Kementerian Luar juga berterima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat bagi Satubong yang Kementerian Luar ambil maklum Yang Berhormat seorang penyokong kuat kepada kementerian ini.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat, saya ingin meyakinkan bahawa Kementerian Luar Negeri sentiasa cuba melakukan yang terbaik untuk pegawai-pegawainya tertakluk kepada peruntukkan kewangan yang telah diberikan kepada kita. Hakikatnya Tuan Pengerusi, kementerian ini memerlukan peruntukkan tambahan adalah jelas bahawa kita memang melakukannya. Walau bagaimanapun, keupayaan kerajaan adalah terhad dan kementerian ini selalu terpaksa mengukur baju mengikut badan sendiri.

Sungguhpun begitu, Kementerian Luar sentiasa prihatin dengan keperluan-keperluan yang disuarakan oleh perwakilan kita dan akan memenuhinya sekiranya ia munasabah daripada peruntukkan yang ada dan membenarkan. Kementerian Luar juga sentiasa memenuhi dan menentukan permohonan peruntukan yang dibuat setiap tahun adalah mencukupi.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada isu Van C20 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya ingin jelaskan bahawa van tersebut bukanlah milik perwakilan kita di Karachi tetapi van yang disewakan. Kadang-kadang kemudahan yang ada di negara asing tidak sama seperti apa yang ada di tanah air kita. Untuk makluman juga, perwakilan Malaysia di Karachi baru sahaja dibuka dan sekarang ini sedang dalam proses membeli kenderaan rasmi dan juga peruntukkan pejabat dengan peruntukkan sebanyak RM325,790.

Bagi perwakilan Moscow pula, kenderaan yang digunakan oleh perwakilan untuk menghantar Yang Berhormat bagi Santubong ke mesyuarat juga bukanlah milik kerajaan Malaysia tetapi yang disewa. Perwakilan Malaysia di Moscow mempunyai sebuah kenderaan rasmi jenis Mercedes S350 yang digunakan oleh duta besar dan dua buah kereta yang baru dibeli jenis Toyota Hichi dan Mercedes E200. Untuk pengetahuan Yang Berhormat walaupun pegawai-pegawai kita di luar negara itu serba kekurangan tetapi demi cinta mereka kepada negara, demi rasa hormat yang tinggi kepada Yang Berhormat, mereka sanggup menggunakan kenderaan yang disewa, yang begitu leceh sekali tetapi sebenarnya tidak padan untuk membawa Ahli Yang Berhormat yang berstatus tinggi tetapi mereka bawa juga demi untuk memastikan mereka dapat melaksanakan tanggungjawab dan memberi rasa hormat yang tinggi dan keupayaan kepada Yang Berhormat, terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, saya hendak buat pembetulan sedikitlah. Saya memang menerima hakikat bahawa pegawai kita menghormati wakil rakyat yang datang, tetapi itu bukan apa yang saya sebut, bukan persoalan penghormatan pada saya dan martabat saya ataupun saya punya kedudukan.

Persoalannya kemudahan yang diterima...yang diberi kepada kedutaan kita yang begitu tidak sesuai sekali. Ini yang saya sebutkan ini bukan soalan. Sebenarnya, saya tidak masukkan kereta itu, pegawai yang bawa saya itu dia tunjuk, "Ini keretanya Yang Berhormat, jadi jangan pakai kereta ini, saya bawa kereta saya sendiri." Saya naik kereta dia sendiri, saya tidak naik kereta itu sebab dia kata, "Saya pun malu hendak bawa Yang Berhormat masuk ini." Bukan saya malu, dia malu. Pada saya mana-mana pun okey. Yang Berhormat, terima kasih penjelasan yang begitu elok tetapi saya hendak perbetulkan bukan saya sendiri yang penting, imej negara itu amat penting. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya tertinggal tadi sedikit Tuan Pengerusi, tentang Kementerian Luar juga bagi tambahan peruntukan untuk pejabat dan bangunan di seberang laut kita minta tambahan sebanyak RM16,569,582, ini adalah keperluan untuk lebihan belanja sebanyak RM14,401,390 untuk membiayai projek-projek seperti berikut iaitu pembelian tanah untuk bangunan *chancellery* di Warsaw, Poland dan saya ingin membetulkan Tuan Pengerusi tentang apa yang ada dalam kertas perintah 15, tahun 2005 ini yang menunjukkan Viena, Austria seperti yang dilaporkan sebenarnya bukan tetapi ia adalah bangunan *chancellery* di Warsaw, Poland, itu pembetulan ia.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, projek ini asalnya tidak disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan bagaimanapun keputusan Jemaah Menteri pada 27 Mac 2002 telah meminta Kementerian Luar Negeri untuk mengenal pasti bangunan yang sesuai di Poland untuk dibeli dan dijadikan Pejabat Kedutaan Malaysia. Urusan pembelian tanah dimuktamadkan pada 29 April 2004, untuk makluman kos pembeliannya ialah RM24,144,970.

Begitu juga untuk yang kedua kompleks Kedutaan Besar Malaysia di Beijing berjumlah RM9,558,792.53. Pembayaran *ex-gratia* bagi tuntutan perbelanjaan tambahan akibat kejatuhan nilai ringgit. Kejatuhan nilai ringgit ini Tuan Pengerusi, berjumlah RM7,148,126.18 dan tuntutan perbelanjaan tambahan disebabkan lanjutan masa, *extension of time* berjumlah RM2.401 juta bagi kompleks Kedutaan Besar Malaysia di Beijing oleh kontraktor Bina Puri seperti mana yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan pada 2 September 2004.

Begitu juga kita memerlukan peruntukkan tambahan untuk membeli perabot dan kelengkapan perwakilan di seberang laut iaitu peruntukkan tambahan sebanyak RM2.16 juta untuk membiayai pembelian perabot dan kelengkapan perwakilan baru kita di seberang laut seperti menambahkan perabot dan kelengkapan bagi kediaman rasmi di Dili, Timor Leste sebanyak RM21,220 ribu dan membekalkan perabot dan kelengkapan dalaman bagi perwakilan kita di Hanoi, sebanyak RM500,000 ribu, memandangkan perwakilan Hanoi yang selama ini menetapi di Hotel berpindah ke bangunan baru.

Untuk pengetahuan rakan-rakan saya Yang Berhormat, perwakilan kita di Hanoi ini letaknya di sebuah hotel di tingkat 16 dan tingkat 17 hotel yang sama adalah rumah urut. Jadi terdapat masalah dengar air bising daripada atas. Oleh itu, kita telah pun berpindah dan sekarang ini berada di satu bangunan baru yang lebih baik dan selesa di Hanoi. Daripada semasa ke semasa kita cuba membaiki apa sahaja kebaikan dan juga pertambahan untuk kebaikan perkhidmatan perwakilan kita di luar negara.

Begitu juga, kita ada peruntukkan tambahan sebanyak RM1,763,640 juta yang diperlukan bagi pembekalan peralatan komunikasi kepada perwakilan Malaysia di luar negara.

Tuan Pengerusi, pada pagi tadi, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Kemaman, Yang Berhormat bagi Puchong, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Yang Berhormat bagi Bentong dan Yang Berhormat bagi Jerai telah membangkitkan hubungan antara Jepun dan China. Saya ingin memberi ulasan sedikit tentang perkara ini iaitu ianya melibatkan isu penstrukturan semula Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, iaitu dua cadangan telah dikemukakan oleh *United Nations High Level Panel of Treats Challengers and Changers* mengenai penstrukturan semula Majlis Keselamatan iaitu model pertama penambahan enam kerusi anggota tetap tanpa kuasa veto dan tiga kerusi anggota tidak tetap. Model yang kedua, tidak ada tambahan kerusi anggota tetap tetapi sebaliknya diwujudkan lapan kerusi anggota tidak tetap untuk tempoh empat tahun dan boleh diperbaharui serta satu kerusi anggota tidak tetap untuk tempoh dua tahun.

Kedua-dua cadangan tersebut untuk makluman Dewan yang mulia ini akan menambahkan jumlah anggota Majlis Keselamatan daripada 15 kerusi menjadi 24 kerusi tetapi ianya masih merupakan satu cadangan dan belum dimuktamadkan. Setakat ini, negara-negara yang telah menyatakan hasrat untuk menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, tambahan kerusi adalah Jerman, Jepun, Brazil, India, Afrika Selatan, *Egypt*, Indonesia dan Nigeria. Tetapi hakikatnya sampai sekarang kerusi tetap itu masih lagi lima.

Seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi, Jepun sebagai negara berdaulat mempunyai hak untuk mencalonkan negaranya untuk mengisi mana-mana jawatan kosong di PBB. Jepun sebagai negara berdaulat juga mempunyai hak untuk melobi sokongan daripada negara-negara lain untuk pencalonannya.

Terpulanglah kepada negara-negara ini untuk memutuskan sama ada hendak memberi sokongan atau tidak kepada negara Jepun atau negara Jerman. Negara-negara ini boleh mengundi sebagaimana mereka memilih atau sebagaimana pilihan mereka bila proses pengundian ini dijalankan sekiranya ada.

Tetapi untuk saya simpulkan pandangan Yang Berhormat Ipoh Timor kita terima baik, kita dengar dan kita teliti apa saja yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor tadi termasuk

juga kawan-kawan daripada Yang Berhormat bagi Kemaman, Yang Berhormat bagi Puchong, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Yang Berhormat bagi Bentong dan Jerai tentang hubungan antara Jepun dan China ini tetapi hakikat yang perlu kita terima sekarang ini adalah kita perlu memahami bahawa masa ini

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sekejap Yang Berhormat ya....bahawa masa ini kata sepakat tentang *expansion* keanggotaan Majlis Keselamatan dalam kedua-dua kategori tersebut belum lagi diputuskan dan belum lagi diperolehi.

**Tuan Pengerusi:** Yang mana?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Bagi Puchong dulu.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Pengerusi, apa yang saya nak tanya ialah pendirian negara kita mengenai pencalonan Jepun ke dalam Majlis Keselamatan yang akan diperkembangkan. Apakah pendirian sekarang ini dengan sejarah dan juga apa yang sedang berlaku di negara Jepun di mana ia cuba menukar fakta sejarahnya dan sebagainya. Apakah pendirian kerajaan kita? Adakah kita menyokong negara Jepun menjadi calon kepada penstrukturan semula Majlis Keselamatan PBB, apakah pendirian negara kita?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Puchong. Saya mendengar dengan penuh teliti pagi ini segala perbincangan, rintihan, pandangan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Puchong, Ipoh Timor, Bentong, Jerai, Kemaman tentang apa yang berlaku 60 tahun dahulu tentang negara Jepun. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini, setakat ini Kerajaan Malaysia belum lagi membuat keputusan secara rasmi mengenai sokongan kepada mana-mana kuasa-kuasa besar atau negara-negara yang ingin menjadi wakil tetap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kita perlu membuat keputusan secara rasmi memandangkan isu tentang *expansion* ataupun penambahan anggota ini masih belum diperolehi. Yang Berhormat Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa hak Jepun sebagai sebuah negara berdaulat untuk mencalonkan sendiri untuk kerusi tetap Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan untuk melobi sokongan.

Tetapi soalan di sini ialah bukan sahaja mengenai kedudukan ahli tetap Majlis Keselamatan tetapi oleh sebab isu tidak akan selesai di sini sungguhpun Koizumi ada minta maaf, oleh kerana tanpa kecuali Kerajaan Jepun rela membuat tindakan yang konkrit sebagai tindakan susuli selepas minta maaf, semacam berhenti untuk melawat kepada *shrine*, penjenayah perang dan kedua mengenai buku teks-buku teks sejarah yang *revisionist* yang tidak betul.

Selain daripada Kerajaan Jepun rela untuk tukar pendirian dalam kedua-dua perkara ini khasnya, isu ini akan dicetuskan dari satu masa ke satu masa dan akan menjadi satu krisis yang akan menjejaskan ketenteraman, kestabilan antarabangsa dan Asia. Adakah Kerajaan Malaysia rela dalam perkara ini untuk menyampaikan pendirian negara bukan sahaja dalam pendirian kalau maksud mendapat sokongan untuk keahlian tetap dalam Majlis Keselamatan yang distruktur semula tetapi untuk *bring to rest one and for all* dengan izin, isu ini bahawa Jepun perlulah mengambil tindakan yang konkrit selepas apology mengenai perkara ini.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timor, saya sesungguhnya menghormati pandangan Yang Berhormat dan kita akan membuat keputusan sekiranya keadaan timbul untuk penambahan kerusi ini apabila kita buat keputusan kita akan perelaskan sebaik-baiknya, sedalam-dalamnya keputusan tentang apa yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia.

Saya mengambil kesempatan di sini Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk menyatakan bahawa permohonan negara Jepun bagi mendapat kerusi tetap di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan buku sejarah terbaru yang dikeluarkan oleh Kerajaan Jepun ini telah menimbulkan kemarahan amat sangat oleh rakyat China.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Sri Gading.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sekejap, saya habiskan sikit lagi.... sehingga tercetusnya demonstrasi di kedutaan Jepun semasa lawatan Perdana Menteri Jepun Koizumi ke tempat penyemadian penjenayah Jepun semasa Perang Dunia Kedua. Ia turut menimbulkan kemarahan yang amat sangat oleh rakyat China. Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak nampak apa-apa perbezaanlah kalau penstrukturan PBB tidak dibuat. Tambah anggota Keselamatan PBB 15 jadi 24 pun tidak ada faedah. Kerana kalau mereka hendak mengundi pun, nak tengok apa Amerika punya cakap. Sebenarnya berapa tambah pun kerusi, tidak ada apa-apa faedah pasal Amerika akan *bulldoze* semua keputusan dan kemudian divetonya. Tidak ada apa-apa faedah selagi penstrukturan PBB itu tidak dibuat, macam persidangan Bandung baru-baru ini, Asia Afrika tidak dibuat, PBB tidak menjalankan tugasnya sebagai badan dunia yang bebas, tidak ada faedah langsung. Tambahlah 15 lagi jadi 30 pun tidak ada apa-apa faedah pasal Amerika yang *control*. Semua keputusan nanti tengok, pergi ke mana? Kepada Amerika. Tidak ada apa-apa faedah, Kofi Annan semua tidak ada bendalah, itu semua hamba Amerikalah, tidak ada faedah. Kadang-kadang soal Bangsa-Bangsa Bersatu ini jelaklah kita Tuan Pengerusi. Apa pandangan Setiausaha Parlimen?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading saya lihat sepanjang pagi tadi bangun menyatakan pandangan beliau pada isu-isu antarabangsa, bukan setakat itu sahaja, apabila Ahli-ahli Yang Berhormat lain membuat pandangan, beliau pula bangun meminta penjelasan. Jadi begitu hebat sekali Yang Berhormat bagi Sri Gading tentang keprihatinan beliau di peringkat antarabangsa. Tetapi tentang veto, Amerika yang menguasai PBB sekarang ini, ramai pihak yang mungkin bersetuju dengan Yang Berhormat Sri Gading tetapi inilah piagam PBB, pertubuhan PBB yang sedang mahu distrukturkan setakat mana yang berkesan dan boleh menolong menyasat dunia.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ini cuma merupakan alat Amerika Syarikat ataupun merupakan satu boneka Amerika untuk memerangi negara-negara orang lain. Sebab terdapat banyak contoh di mana Pertubuhan ini langsung tidak diberi hormat oleh negara-negara besar. Jadi bagaimanakah kita masih berkeyakinan dengan Pertubuhan ini. Apakah kerajaan kita, dulu saya minta menteri mencadangkan supaya organisasi PBB ini dirombak, kuasa veto itu ditiadakan memandangkan tuntutan semasa. Tetapi nampaknya usaha kita ini langsung tidak berhasil.

Jadi apakah Yang Berhormat ada keyakinan, kalau pun tidak ada harapan, ada keyakinan bahawa satu hari nanti Pertubuhan Organisasi PBB ini dapat diselaraskan mengikut tuntutan dunia masa kini tanpa perlu berperang. Kenapa perlu berperang untuk mendapatkan kedamaian? Kenapa perlu pembunuhan untuk mendapatkan kekayaan? Minta penjelasan.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya bagi pihak Kementerian Luar ingin menyatakan bahawa Malaysia tetap yakin dan komited kepada konsep Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun materialisme secara berterusan semenjak kemerdekaan. Bukti kepada komitmen kita ialah sejak daripada negara merdeka dalam sejarah negara kita, kita terus mengadakan evolusi dasar luar kita tetapi kita terus komited kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai satu organisasi yang boleh sebagai sistem pelbagai hala yang diiktiraf sebagai menyelaraskan hubungan yang lebih di antara negara-negara di bawah PBB sejajar dengan prinsip-prinsip amalan secara umum iaitu prinsip-prinsip yang mengaturkan perlakuan yang wajar bagi satu kelas atau kategori-kategori tindakan.

Malaysia telah menjadi ahli PBB yang ke 52 pada tahun 1957 dan telah aktif dan mengambil bahagian dalam berbagai-bagai bidang, pelbagai hala. Sebagai menjawab soalan Yang Berhormat daripada Kinabatangan kita yakin dan percaya terhadap PBB sebagai badan walaupun tidak sebaik mana itulah yang kita ada, tidak ada pilihan lain. Balik semula kepada hubungan antara China dengan Jepun tadi saya ingin mengatakan bahawa Malaysia

berpendapat bahawa perbalahan antara China dan Jepun hendaklah diselesaikan di antara kedua-dua negara.

Kedua-dua negara sepatutnya mempunyai matlamat untuk memperkukuhkan persahabatan melalui kerjasama serantau dan percaya antara satu sama lain demi membangunkan keamanan manusia sejagat. Mesyuarat ketua negara bagi Cina dan Jepun yang telah diadakan semasa sidang kemuncak ASEAN Summit di Jakarta baru-baru ini di antara kedua-dua menteri luar adalah diharapkan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi. Malaysia berpendapat masalah ini perlu diselesaikan dengan kadar yang segera.

Perdana Menteri Jepun telah memohon maaf di atas penderitaan yang dialami oleh rakyat negara ASEAN semasa perang dunia kedua. Bekas Perdana Menteri Jepun juga telah memohon maaf di atas peristiwa yang sama beberapa tahun yang dahulu. Langkah ini telah diambil oleh Jepun sebagai satu daripada langkah penyelesaian mereka. Oleh yang demikian Malaysia merasa yakin bahawa Cina dan Jepun dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi secara diplomatik dengan aman mengikut undang-undang antarabangsa dan.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** ..... Jepun dan Cina seharusnya mengadakan usaha sama di peringkat tertinggi seperti mengadakan lawatan perancangan strategi bagi memperkukuhkan hubungan antara Cina dan Jepun. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa Jepun telah minta maaf kepada Cina di atas kerja berat mereka satu ketika dahulu, apakah kita juga perlu memohon Jepun meminta maaf kepada kita kerana menyeksa datuk nenek kita satu ketika dahulu dan mereka telah buat macam-macam dekat kita dahulu, dekat tok wan dan tok nenek kita.

Yang keduanya baru-baru ini Jepun juga telah mengatakan iaitu laut Selat Melaka ini tidak selamat, seolah-olah mereka memperkecil-kecilkan pasukan keselamatan yang mengawal Selat Melaka dan mereka juga ada mencadangkan supaya laut Selat Melaka itu dijaga bersama dengan negara-negara lain. Ini seolah-olah memperkecil-kecilkan kemampuan kita untuk mempertahankan kedaulatan perairan kita. Apakah pihak kementerian tidak melahirkan rasa kekecewaan kita dan juga yang satu lagi itu mungkin kita minta Jepun minta maaf pada kita juga.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Walaupun mereka sekarang melabur banyak di negara kita, itu hal lain dan tadi saya mengatakan bahawa pihak Jepun juga begitu sukar sekali untuk memindah teknologi mereka kepada pelaburan mereka di Malaysia jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang dua isu tersebut? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Pandangan Yang Berhormat tentang penyeksaan rakyat Malaysia, nenek moyang kita dahulu oleh tentera Jepun saya ingin bagi sedikit pandangan meminjam kata-kata Yang Berhormat Ayer Hitam, "Maaf boleh lupa tiada." Tentang kawalan Selat Melaka yang berlaku waktu rakyat Jepun diculik bersama dua rakyat lain baru-baru ini mereka membuat satu *coverage* yang hebat di negara mereka menyatakan tentang kawalan keselamatan yang tidak begitu disenangi oleh mereka di Selat Melaka.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Kita sebagai negara yang berdaulat dan merdeka percaya bahawa laut kita, negara kita, darat kita mampu kita per tahankan dengan jiwa dan raga kita, dengan kemampuan kita sendiri. Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Setiausaha Parlimen Kementerian Luar. Maaf boleh lupa tidak. Saya rasa maaf pun tidak lupa pun tidak. Apa yang berlaku kepada rakyat negeri Cina itu yang berlaku di Malaya waktu itu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sabah, Sarawak.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yalah di Malaya itu termasuk Sarawak, Sabah termasuk di Indonesia kekejaman, kezaliman tentera Jepun. Rogol, ambil isteri orang, anak dara orang dirampas malam-malam, tunang orang dirampas.....

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Eh betul, cerita betul. Apa yang berlaku di Cina itu yang berlaku kezaliman tentera Jepun waktu Perang Dunia Kedua itu sama sahaja di mana-mana. Kalau rakyat Cina minta Jepun minta maaf kita pun harus minta Jepun minta maaf pada kita. Kalau Cina dapat ganti rugi, orang Malaysia pun harus dapat ganti rugi apa pasal beza pula? Bukan hendak menyentuhlah hubungan baik kita dengan Jepun tetapi sejarah mengatakan begitu, jelas, zalim, zalim, zalim betul Jepun ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bukan main-main tentera dia. Susup-sasap anak dara kampung saya, saya ingatlah. Emak saudara saya cerita, menconteng arang ini Tuan Pengerusi siang-siang menconteng arang sembunyi balik belukar, tidak makan dua tiga hari, sembunyi takut askar Jepun. Main-mainkah? Waktu itu maruah manusia sudah jadi macam maruah binatang, suka hati dia sahaja suruh orang panjat kelapa 'benet' dekat bawah ini turun kalau pasal kelapa yang dia ambil itu bukan kelapa muda.....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dia marah minum air sabun, tekan dengan papan. Ini jenis apa? Takkan kita boleh lupa, ini terlibat macam kata Yang Berhormat Jerai tadi, datuk nenek kita. Siapa tidak kira lah Cina, Melayu pun itu datuk nenek kita lah juga, rakyat negara kita. Kalau orang China minta supaya Jepun minta maaf, betul. Betul, China betul!. Jadi kalau China betul kita pun betul minta supaya China minta maaf. Minta Jepun apa ini?.....[*Dewan riuh seketika*]

**Seorang Ahli:** Minta maaf.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Minta Jepun supaya minta maaf. Minta Jepun supaya minta maaf. Minta Jepun?

**Seorang ahli:** Minta maaf.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Macam mana itu bahasa saya betul Jerai saya punya bahasa? Minta Jepun?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Minta maaf.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Minta maaf. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading kerana membawa persoalan antara hubungan Malaysia dengan Jepun. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, hubungan antara Malaysia dengan Jepun pada hari ini amat baik sekali tetapi apabila kita melihat lipatan sejarah, sejarah tetap sejarah kita tidak boleh menukar fakta sejarah. Sejarahnya 60 tahun dahulu, kita diseksa, nenek moyang kita dihina, maruah kita hilang, tetapi itu adalah sejarah telah berlalu kita terimalah pengalaman yang pahit itu sebagai satu perkara yang akan mengajar kita bahawa kita tidak akan dijajah lagi.

Tetapi sekarang ini masa telah berlalu, 60 tahun telah berlalu dan kita akan mengeratkan hubungan kita dengan Jepun untuk mempertingkatkan perdagangan kita, ekonomi kita, pelaburan kita dan juga *tourism* kita untuk memastikan kita mengorak sebagai negara ke hadapan, ke hadapan dan ke hadapan kita menoleh ke belakang untuk mengajar kita tetapi kita jangan biarkan sejarah menghalang kita untuk terus maju ke hadapan.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sejarah memang tetap sejarah memang tetap sejarah tetapi nampak-nampaknya Jepun cuba menghilangkan sejarah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Haah!.... Itu yang kita mahu.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Seolah-olah mereka tidak bersalah, *innocent*.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Oh...Ho!

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Jadi kalau Cina, rakyat Cina boleh menuntut supaya Jepun memohon maaf terhadap kesilapan-kesilapan, kita dengan hubungan yang baik pada hari ini kita *reluctant* kita tunduk sahaja sebab melihat masa depan. Memang saya setuju kita perlu melihat masa depan tidak berguna lagi kita menoleh ke belakang tetapi persoalannya apa langkah kerajaan kita? Apa langkah Kementerian Luar kita dalam usaha meyakinkan rakyat kita yang pernah dicerca, dihina, dimalukan, dihilangkan kelayakan mereka. Apakah kita berdiam diri Tuan Pengerusi?

Kenapa Kementerian Luar, apa yang kita susah sangat kita panggil kedutaan dia kita pun mengikut langkah rakyat Cina supaya Jepun memohon maaf kepada bangsa kita, negara kita supaya mereka lebih insaf bahawa mereka adalah zalim dalam dunia ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Betul!

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Soal kita rasa saya berdiam diri tidak betul. Kita perlu membuka langkah panggil kedutaan Jepun bahawa kita pun mahu mereka minta maaf kepada bangsa kita.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Betul!

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Sila Menteri jawab.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Kinabatangan. Sejarah tetap sejarah Yang Berhormat. Sejarah telah menyatakan bahawa mereka bersalah dan sejarah telah menyatakan bahawa mereka kalah.

Mereka bersalah dan mereka kalah. Itu hakikat yang tidak boleh kita pinda. Jadi saya hormati pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, tentang soal sama ada kita perlu meminta Kerajaan Jepun memohon maaf kepada negara kita adalah satu perkara yang boleh ditentukan sebagai keputusan dasar di Kementerian Luar Negeri, yang saya akan bawa balik untuk menyuarakan pandangan-pandangan Yang Berhormat seperti yang diutarakan pada petang yang cukup damai ini. Saya juga.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Liow Tiong Lai:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Saya juga.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** .....tetap bersemangat dan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi sama juga seperti Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, yang mana?

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sungguhpun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa sejarah tetap sejarah, tetapi adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa perkara ini bukan sahaja sejarah tetapi satu isu masa kini.

Oleh kerana masih ada tuntutan oleh mangsa-mangsa *massacre* Jepun 60 tahun dahulu yang masih menunggu keadilan khasnya mereka dalam Titi Kampung Parit Tinggi di Kuala Pilah, Negeri Sembilan di mana 2,000 orang telah dibunuh beramai-ramai dan mereka masih menunggu keadilan. Adakah tuntutan mereka masih *outstanding* kerana masih belum diselesaikan. Adakah Kerajaan Malaysia rela *talk* dan beri *official blessing* kepada tuntutan-tuntutan mereka dan menyampaikan tuntutan-tuntutan mereka kepada Kerajaan Jepun supaya satu penyelesaian yang *definitive* dan muktamad boleh diadakan, yang menunjukkan bahawa mereka sebenarnya *remorseful* dan kontrak dalam dosa dan jenayah perang 60 tahun dahulu.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timor yang juga mempunyai semangat patriotisme yang tinggi seperti Ahli-ahli Parlimen yang lain.

Menjawab kepada soalan Yang Berhormat, saya sebenarnya sedar tentang beberapa tuntutan yang dibawa oleh mangsa-mangsa pembunuhan kejam tentera Jepun. Saya juga maklum tentang tuntutan pekerja-pekerja kereta api buruh paksa yang membuat landasan kereta api ke Thailand dan Burma, tapi saya tidak ada maklumat terkini.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *Labour* .....

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** .....*labour* .... Saya cuma dengar tidak ada maklumat terkini. Saya akan balik ke kementerian saya untuk dapatkan apakah status tuntutan-tuntutan ini, adakah dikemukakan secara rasmi sebelum ini dan apakah masih di kementerian kita ataupun telah diketengahkan kepada Kerajaan Jepun. Saya akan periksa dan maklumkan kepada Yang Berhormat Ipoh Timor. Boleh?

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen rela menerima rombongan dengan rasmi daripada kumpulan ini yang ada menunggu sehingga selesai tuntutan mereka supaya kerajaan boleh dengan rasmi menyampaikan tuntutan mereka.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Yang Berhormat, sebagai negara yang berdaulat dan merdeka pimpinan kerajaan sedia menerima sesiapa sahaja dengan..... [*Tepuk*] .....menerima sesiapa sahaja yang ingin membawa apa-apa sahaja perkara yang menjadi kepentingan rakyat dan kita akan nilai dan analisa. Terima kasih.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Ya, sila.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Selain daripada tuntutan itu, saya rasa banyak lagi tuntutan rakyat Malaysia terhadap negara Jepun ini. *Comfort women*, masalah itu tidak selesai lagi.

Memang kita hendak Kerajaan Jepun meminta maaf tambahan pula sekarang ini tukar fakta sejarah. Saya rasa kerajaan kita perlu mengambil tindakan dan juga berpendirian tegas atas isu ini, kerana apabila kerajaan Jepun ini dia tukar sejarah seolah-olah dia datang ke Malaysia ini hendak tolong kita, sebenarnya dia menjajah. Dia tukar sejarah mengatakan dia datang ke sini untuk lepaskan kita daripada penjajahan. Itu salah. Fakta sejarah salah. Kita sebenarnya dijajah oleh Jepun.

Saya berharap kita perlulah menghantar pendirian kita dengan jelas kepada negara Jepun untuk membantah fakta sejarah yang diputarbelitkan oleh kerajaan Jepun.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Saya mengikuti perbahasan Yang Berhormat pagi tadi tentang fakta sejarah yang telah ditukar, saya ambil maklum dan saya percaya kita tidak akan sekali-kali menerima sekiranya sejarah diputarbelitkan menyatakan, bahawa Jepun datang ke negara kita untuk membantu kita, tidak kerana kita bukan dibantu tetapi kita diseksa, kita dianiaya, kita dihina.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dibunuh!

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Itu adalah hakikat dan kita dibunuh.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Yang Berhormat bagi Putatan.

**Tuan Pengerusi:** Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tambah sedikit berkenaan dengan golongan-golongan keluarga yang terseksa semasa penjajahan Jepun pada 60 tahun dahulu. Di kawasan saya ada satu tanda perkuburan pemimpin-pemimpin masyarakat bumiputera dan semua rakyat di kawasan Penampang, Kota Kinabalu dan Sabah, di Lapangan Terbang Kota Kinabalu di Putatan, Petagas.

Jadi keluarga-keluarga ini berdiam diri sahaja. Jadi minta penjelasan daripada kementerian membuat satu kajian mana-mana keluarga yang terseksa membuat satu kajian, penyelidikan yang dibunuh dengan zalim supaya mereka ini membuat tuntutan sama dengan lain-lain rakyat kita di seluruh negara ini.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan yang memaklumkan kepada Dewan ini tentang perkuburan di Putatan Petagas, mereka yang tumbang sewaktu penjajahan Jepun dahulu. Tentang kajian penyelidikan dan tuntutan yang ingin dibuat itu saya akan maklumkan kepada Kementerian Luar Negeri dalam melihat polisi-polisi dasar kita pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya mohon untuk membawa perkara-perkara lain. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor meminta penjelasan Malaysia yang didakwa telah membelanjakan sebanyak RM5.3 juta bagi mendapatkan jemputan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu Tun

Dr. Mahathir Mohamad, bekas Perdana Menteri untuk berjumpa dengan Presiden Amerika di *White House*.

Untuk makluman Yang Berhormat Ipoh Timor, bekas Perdana Menteri Malaysia Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad sememangnya telah melakukan satu lawatan kerja ke Washington DC Amerika Syarikat pada tahun 2002. Lawatan tersebut telah diatitkan melalui saluran diplomatik.

Untuk makluman Yang Berhormat Ipoh Timor lagi, Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melawat Rumah Putih (*White House*) atas jemputan Presiden Amerika Syarikat, George Bush dan segala perbelanjaan, saya ingin maklumkan segala perbelanjaan ditanggung oleh Kerajaan Malaysia sepenuhnya dan telah diakaunkan dan telah diaudit.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tentulah itu lawatan bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada *White House*, US memang melalui saluran diplomatik. Tetapi sebelum itu iaitu proses sama ada penglibatan wang rakyat khasnya melalui *heritage foundation* dan badan-badan yang ada disebut dalam laporan-laporan sama ada di United State atau *international media* mengenai kemudahan-kemudahan yang disiapkan supaya diadakan jemputan dan lawatan itu. Kita pun ada baca nama-nama yang diheret dalam kemudahan-kemudahan itu termasuk seorang bekas Menteri Kabinet di negara kita.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya rasa apa Yang Berhormat maksudkan ialah sama ada perbelanjaan untuk melobi sebelum lawatan itu dibuat sama ada melalui *heritage foundation* ataupun *international media*, Yang Berhormat katakan tadi termasuk juga penglibatan bekas Menteri kabinet. Saya ingin maklumkan di sini bahawa saya tidak ada maklumat berkenaan dengan perkara tersebut Yang Berhormat, kerana saya baru duduk di Kementerian Luar Negeri dalam setahun. Tidak ada maklumat pada saya dan apa yang dapat saya katakan di sini ialah perbelanjaan itu adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia dan telah pun diperakaunkan dan diauditkan secara lunas dan baik. Terima kasih.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Kota Bharu, Yang Berhormat bagi Kemaman dan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga membangkitkan soalan tentang Myanmar.

Saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada segala pandangan Yang Berhormat tentang negara Myanmar. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Pengerusi saya telah membahaskan usul ini secara panjang lebar lebih kurang 30 minit waktu perbahasan Usul Menjunjung Titah Ucapan Seri Paduka baru-baru ini tentang isu Myanmar.

Cukuplah kalau saya dapat simpulkan di sini bahawa yang terakhir tentang Myanmar ini, United Nations Commission on Human Rights (UNCHR) dalam sidanganya di Geneva pada 11 April 2005 yang lepas, turut dihadiri oleh Malaysia telah meluluskan sebulat suara tanpa pengundian.

Satu resolusi tentang Myanmar yang dapat saya rangkumkan iaitu:

- (i) pencabulan hak asasi manusia di Myanmar seperti yang terkandung dalam resolusi Myanmar yang telah diterima adalah satu pencabulan sistematik hak asasi manusia dari aspek hak politik dan sivil ekonomi dan hak kebudayaan, culture right, dengan izin, rakyat Myanmar terutama dari segi deklamasi ke atas kumpulan minoriti wanita dan kanak-kanak. Ini diterima sebagai usul.
- (ii) gangguan berterusan ke atas anggota National League for Democracy dan anggota-anggota parti-parti pembangkang juga diterima sebagai resolusi pencabulan hak asasi manusia. Penahanan Aung San Suu Kyi dan pemimpin-pemimpin kanan National League for Democracy yang berlangsung, menolak hak asasi mereka terutama dari segi kebebasan untuk bergerak, dengan izin, freedom of movement, juga diterima sebagai resolusi.
- (iii) mengehendkan penyertaan anggota *National League for Democracy* dan parti-parti politik lain di konvensyen kebangsaan yang diadakan semula baru-baru ini juga adalah satu pencabulan hak dan *extra judicial killings*, rogol dan keganasan seksual lain yang dilakukan oleh sepasukan bersenjata Myanmar serta penyeksaan dan penahanan ahli politik juga adalah pencabulan. Resolusi ini diterima dan termasuk dalam persidangan ini adalah Menteri Luar kita sendiri.

Yang Berhormat bagi Kudat juga telah mengemukakan persoalan kenapa....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ipoh Timor bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bagi saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, beralih kepada perkara yang lain. Bukankah kelulusan resolusi oleh UNCHR di mana Malaysia melalui Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ada menghadiri dan ada menyokong resolusi itu, dan yang membayangkan, yang menunjukkan bahawa Myanmar adalah antara 4 negara di dunia yang terburuk sekali mengenai hak-hak asasi. Apakah ini satu kutukan yang hebat, satu perkara yang ASEAN dan juga semua negara-negara ASEAN yang lain yang perlu mengambil perhatian?

Kalau Myanmar selepas dikutuk oleh *United Nations Commission on Human Rights* sebagai satu antara 4 negara yang buruk sekali mengenai hak asasi, dibenarkan untuk mempengerusikan ASEAN 2006. Bukankah ASEAN akan dianggap sebagai satu rot *organization* oleh kerana Pengerusinya ialah rot negara? Adakah kerajaan Malaysia rela mengambil pendirian yang tegas bahawa ini akan berlaku, tidak mahu ASEAN selepas 30 tahun dianggap sebagai rot negara, di mana Pengerusi ialah antara satu daripada 4 negara yang mempunyai rekod hak asasi yang terburuk sekali. Bukankah ini satu malu atau satu *disgrace* kepada semua negara, semua rakyat ASEAN?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Seperti yang saya rangkumkan waktu perbahasan baru-baru ini, Pengerusi ASEAN ini dilakukan secara konsensus oleh semua negara-negara ASEAN yang dibuat secara mengikut susunan abjad, sesiapa yang menjadi pengerusi. Sekiranya kerusi ini hendak ditarik-balik, ia mesti mendapat persetujuan semua, konsensus daripada semua anggota dan juga kalau Myanmar sendiri hendak menarik diri, itu juga satu *possibilities*. Itu sahaja yang dapat saya terangkan dalam isu ini dan saya harap Yang Berhormat maklum dan banyak daripada pandangan-pandangan Yang Berhormat itu dikongsi bersama oleh Kerajaan Malaysia juga tetapi samalah kita berharap bahawa junta di Myanmar akan berubah hasil daripada kutukan semua negara-negara di dunia ini, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Satu lagi, satu lagi, yang terakhir mengenai perkara ini. Oleh kerana selepas perbahasan kita di Dewan yang mulia ini ada berlaku mesyuarat luar negara iaitu negara-negara ASEAN di serbu Filipina di mana semua Ahli-ahli Parlimen ASEAN termasuk Ahli-ahli Parlimen Malaysia dan berharap bahawa satu keputusan yang lebih tegas akan diambil dalam perkara ini supaya Myanmar tidak diberi kerusi Pengerusi ASEAN 2006 kecuali ada pertukaran yang radikal mengenai pendemokrasian.

Apa yang berlaku dalam Forum of ASEAN Ministers, diserbu? Adakah ini sahaja satu *conference* di mana tidak ada apa-apa perkembangan yang positif kepada hakikat ini supaya dalam tahun 2006, ASEAN dan Malaysia tidak akan perlu menanggung satu *international shame* dengan Pengerusi Myanmar sebagai Pengerusi ASEAN.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN di Sibu baru-baru ini bukanlah satu mesyuarat atau pun satu *conference*, Yang Berhormat tetapi ia lebih merupakan satu *retreat* menteri-menteri luar dan saya tidak ada maklumat yang lebih terperinci tentang apa yang dibincangkan dalam *retreat* yang lebih merupakan satu persemukaan antara Malaysia dengan negara lain dalam pakatan ASEAN.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kudat telah membangkitkan satu isu yang cukup menarik tentang kenapa Malaysia tidak dijemput menghadiri Conference on Palestine di London pada awal Mac baru-baru ini. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa An International Palestine Conference telah dianjurkan di United Kingdom pada 1 Mac 2005. Conference ini adalah satu konsep ataupun idea Prime Minister Tony Blair untuk initiate ataupun untuk menggerakkan proses pendamaian dan membawa kedua-dua pihak iaitu Palestine authority dan juga Kerajaan Amerika untuk identify perkara-perkara yang perlu dibuat untuk memastikan perjanjian-perjanjian ini dapat diteruskan.

Sebanyak 23 negara dan 26 international intersession telah dijemput. Malaysia tidak dijemput dan saya ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan ini untuk menyatakan rasa kecewa dan rasa kesal negara kita kerana tidak dijemput dalam submitted tersebut. Kita sebenarnya telah memaklumkan kepada penganjur tentang kita mahu hadir untuk kongres ini tetapi mereka menyatakan bahawa kita tidak perlu hadir kerana mereka ingin memfokuskan perkara yang lebih praktikal dan bukan political. Jadi, kita tidak dijemput walaupun kita Pengerusi OIC.

Kita juga amat kesal kerana negara-negara Arab lain tidak juga dijemput secara ramai di conference tersebut kecuali negara Kuwait, Bahrain, Qatar dan UAE. Satu langkah yang dilihat lebih untuk mendapatkan kewangan daripada negara-negara yang kaya tetapi melupakan peranan dan juga kesetiaan kita sebagai Pengerusi OIC dan NAM dengan track record yang baik tentang dokongan kita kepada penderitaan rakyat Palestin.

Yang Berhormat bagi Kudat juga telah membangkitkan isu tentang program mendampingi rakyat Malaysia iaitu PMRM. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, untuk tahun ini Kementerian Luar Negeri telah dipotong peruntukannya sebanyak RM70 juta tetapi walaupun peruntukan kita cukup atau kurang kita tidak sekali-kali akan abandoned ataupun melupakan program mendampingi rakyat yang dikatakan diberhentikan, itu tidak diberhentikan Yang Berhormat bagi Kudat, kita akan teruskan.

Di bawah program ini, Kementerian Luar Negeri masih lagi memberi peruntukan kepada semua perwakilan Malaysia di luar negara untuk mengadakan sambutan Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Hari Kemerdekaan dan sebagainya. Perwakilan kita yang mempunyai komuniti rakyat Malaysia yang besar dan juga bilangan pelajar-pelajar yang tinggi, kedutaan memberi kerjasama yang baik dengan penuntut Malaysia di luar negeri untuk mengadakan lawatan-lawatan ke pusat pelajar dan bertemu dengan pelajar-pelajar bagi memantau segala masalah dan mengawasi, dengan izin, kebajikan rakyat Malaysia. Di samping itu, semua ketua-

ketua negara Malaysia yang mengadakan lawatan ke luar negara juga mengadakan pertemuan dengan pelajar-pelajar Malaysia di luar negara.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Maran telah memberi cadangan supaya latihan secukupnya diberikan kepada pegawai-pegawai Malaysia yang ditempatkan dan berkhidmat di Kedutaan Malaysia untuk menjaga kebajikan pelajar-pelajar. Kementerian Luar Negeri mengambil maklum perkara ini. Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan Yang Berhormat bagi Maran bahawa Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Perkhidmatan Awam adalah agensi yang bertanggungjawab sepenuhnya mengendalikan hal-hal kebajikan dan pelajar Malaysia di luar negara. Contohnya *Malaysian Student Department* (MSD) dengan izin.

Saya harap ada wakil pegawai-pegawai daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam supaya rintihan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Maran ini dapat diketengahkan dan dapat diselesaikan dengan kadar segera. Yang Berhormat bagi Kemaman juga telah menyatakan.....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh masalah MSD yang disebutkan tadi. Saya hendak tanya, sejauh mana peranan MSD yang menyebabkan kegelisahan di kalangan Ahli-ahli Parlimen khususnya daripada UMNO yang mengatakan sebahagian besar pelajar-pelajar itu khususnya di Mesir yang telah dipengaruhi oleh PAS, sedangkan kita mengetahui semua kedutaan kita di seluruh dunia ini, yang kita ada kedutaannya telah pun menempatkan pegawai-pegawai untuk memantau pelajar-pelajar khususnya Akta Pelajaran.

Jadi, saya hendak mengetahui bagaimana cara pihak pentadbiran kedutaan kita di luar negara sehingga PAS yang sekecil itu boleh mempengaruhi pelajar-pelajar di luar negeri khususnya pelajar-pelajar agama.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Kita ada 11 MSD di seluruh dunia dan saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini, pada pandangan saya sekiranya pemimpin-pemimpin PAS lebih mahu bekerjasama dengan MSD dan pergi ke negara-negara yang kita ada pelajar-pelajar ini untuk membangkitkan semangat mereka, untuk membantu kerajaan dan pulang untuk membantu dan mendukung kerajaan ini, kerja-kerja

pegawai MSD ini akan lebih mudah. Tetapi masalahnya, parti Yang Berhormat bagi Rantau Panjang ini pergi menanam racun kepada pelajar-pelajar kita dan ini memberatkan lagi dan menyusahkan lagi pegawai-pegawai MSD untuk mentadbir pelajar di sana.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sekejap. Sekejap. [*Mengetuk-ngetuk mikrofon*]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sila Yang Berhormat bagi Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita tahu memang itulah sikap dan perangai PAS terutamanya mengambil kesempatan untuk meracuni pelajar-pelajar kita yang terpaksa kadang-kadang dengan kata-kata manis daripada pembangkang. Saya tidak tahulah sama ada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang terlibat ataupun tidak. Soalnya sekarang, apakah pihak Wisma Putera dan kedutaan-kedutaan kita di negara-negara yang berkenaan telah pun mengenal pasti mana-mana individu daripada pembangkang ini yang telah mengambil kesempatan ketika berada di luar negara, cuba meracuni pelajar-pelajar kita. Jika ada, apakah tindakan kita? Kalau tiada, apakah juga tindakan kita? Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya rasa perkara ini sebenarnya dipantau oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar kita ini sebenarnya diberi masa untuk mereka belajar. Berilah peluang dan masa untuk pelajar-pelajar kita ini belajar dan Kementerian Pengajian Tinggi memantau segala rombongan-rombongan, program-program yang dibuat oleh pemimpin pembangkang seperti PAS.....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Rantau Panjang.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Saya ingin menyarankan di sinilah ....sekejap. Saya ingin menyarankan di sinilah supaya Yang Berhormat daripada PAS dapat sama-sama balik kepada parti dan berceritalah, dan fahamlah. Bagilah masa untuk pelajar-pelajar kita di luar negara ini untuk belajar. Hentikan menghasut mereka. Hentikan mengelirukan mereka. Bagi mereka belajar dan pulang dengan ijazah yang berjela untuk membangunkan negara kita ini. Lebih baik dan lebih mulia daripada membakar semangat mereka.....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:**... yang keliru dan tidak pasti tentang kebenaran.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, banyak lagikah?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sikit sahaja.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sebenarnya tidak banyak dah.....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sikit sahaja Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** tetapi kalau banyak celahan, dia akan banyaklah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau tidak banyak, perlu pendekkanlah.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sikit sahaja, sikit sahaja. Beri peluang.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Okey. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya cukup kagum apabila pihak Setiausaha Parlimen menjawab demikian, seolah-olah PAS yang sekecil ini berjaya dalam mempengaruhi pelajar-pelajar di luar negara. *[Disampuk]* Saya kagumlah, terima kasihlah itu. Tetapi, apa yang saya hendak sebutkan di sini, apa peranan MSD yang disebutkan tadi? Peranan MSDnya? Peranan Akta Pelajar kita? Peranan pegawai-pegawai kita? Peranan pegawai-pegawai yang ada di Malaysia yang dihantar oleh pihak kerajaan ke seluruh pelosok dunia ini, setiap tahun hantar untuk mempengaruhi pelajar-pelajar ini, apa peranan dia?

Kalau PAS yang kecil ini tidak boleh mengatasi, apatah lagi pihak yang besar. Barangkali pelajar-pelajar di luar negara ini dia lebih selesa, lebih senang untuk memberi pandangan dan pendapat dia kerana dalam negeri ini terkongkong dengan akta-akta universiti khususnya. Jadi, di luar negara ini tidak terkongkong sangat. Jadi peluang dia lebih ceria. Sebab itu, kita tengok pelajar-pelajar yang balik daripada Mesir, peringkat awal ini boleh dikatakan sebahagian besarnya menentang kerajaan termasuk Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, termasuk sahabat kita ini, bekas Menteri kita dan ramai lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Peringkat awal dia menentang, balik itu lama, barulah UMNO berjaya mempengaruhi mereka itu, selepas itu boleh balik kepada pihak kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ketereh, hendak jawabkah?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Tentang peranan MSD ini, cukup panjang lebar saya boleh terangkan di sini. Tetapi, untuk pengetahuan Yang Berhormat, ini adalah di bawah skop Kementerian Pengajian Tinggi. Nanti, apabila membahaskan Kementerian Pengajian Tinggi nanti, kita bangunkan perkara ini. Tetapi, saya ingin menyatakan di sini, kerja pegawai-pegawai MSD di luar negara akan lebih mudah dan lebih ringan kalau dapat kerjasama sepenuhnya daripada semua pemimpin-pemimpin PAS. Silakan Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Tuan Pengerusi dan sahabat saya Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Saya baru

masuk sebab ada urusan di luar sekejap dan saya tertarik dengan perdebatan yang berlaku. Saya hendak bagi contoh apa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebut. Semalam saya balik ke Ketereh, dia kata tadi, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang kata tadi PAS parti kecil berjaya mempengaruhi. Sebenarnya bukan berjaya mempengaruhi, berjaya meracuni dan *offensive*. Saya ada satu contoh gambar Tuan Pengerusi. Saya hendak serah kepada Ahli Parlimen bagi Rantau Panjang baca dan saya akan serah satu kepada Tuan Pengerusi. *[Memberikan gambar tersebut kepada Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang]*.

Di depan pejabat PAS Ketereh, ayatnya "Islam Hadhari, Al-Ghazali Yang Ku Cari, Jeslina Yang Kutemui, JAWI Yang Dimaki". *This is a laughing stock to PAS*, dia ketawa sebab kononnya ini adalah satu benda yang boleh diketawakan. Tetapi *this is very offensive*. Ini menikam kalbu. Ini menghina Perdana Menteri. Saya ulang, Islam Hadhari, Al-Ghazali yang ku cari. Ini ialah sajak Perdana Menteri. Dia tulis di sini, Jeslina yang kutemui seolah-olah Perdana Menteri jumpa Jeslina. Tengok ulama pun ketawa. *This is not a laughing stock*. Kemudian JAWI yang dimaki. Siapa yang maki? Ini contoh parti PAS yang kerjanya meracuni pemikiran. Saya setuju dengan Yang Berhormat. Ini contoh, contoh besar. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya setuju....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, bolehlah kita balik kepada tajuklah.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya tutup isu ini. Saya setuju sangat dengan Yang Berhormat bagi Ketereh. Yang Berhormat Perdana Menteri adalah seorang ahli politik dan sebagai ahli politik, boleh kadang-kadang perkara-perkara yang bercerita dengan politik, boleh ceritalah Yang Berhormat. Tetapi, tentang Islam Hadhari ini, jangan sentuhlah sampai menghina begitu sekali kerana niatnya baik dan elok. Tetapi, jangan sampai kita menghina dengan isu Islam Hadhari ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin meneruskan perbahasan ini tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat oleh Yang Berhormat bagi Kemaman tentang hak-hak asasi manusia. Saya ada laporan sebanyak 11 muka surat resolusi tentang hak-hak asasi manusia yang telah dicabul di negara Myanmar. Jadi, saya akan sampaikan ini secara bertulislah kepada Yang Berhormat bagi Kemaman untuk menjimatkan masa. Tuan Pengerusi, boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kemaman dan Yang Berhormat bagi Sri Gading tentang kebajikan perwakilan-perwakilan Malaysia, pegawai-pegawai Malaysia di luar negara dan terima kasihlah atas keprihatinan Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang

Berhormat bagi Kemaman di atas kebajikan pegawai-pegawai kita yang bertugas di luar negara. Kementerian ini menyokong cadangan yang dibawa kepada Dewan ini tentang kemudahan-kemudahan yang perlu dipertingkatkan dan kita ada beberapa cadangan yang kita akan bawa kepada Kementerian Kewangan supaya dapat diberi kelulusan sewajarnya untuk mempertingkatkan kebajikan pegawai-pegawai kita di luar negara.

Tentang kepedihan, kedukaan yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman, saya ingin juga menjelaskan kepada Dewan ini, keadaannya kadang-kadang lebih teruk ataupun lebih serius daripada apa yang kita tahu. Terdapat ramai sekali kakitangan perwakilan kita di luar negara yang terpaksa dipisahkan dengan anak-anak mereka. Ini adalah kerana di sekolah rendah, di luar negara kerajaan membiayai seratus peratus kos pendidikan anak-anak pegawai-pegawai kita di luar negara. Tetapi, apabila mereka meningkat usia 13 tahun dan pergi ke sekolah menengah, mereka terpaksa membiayai 15% daripada pembiayaan kos ini dan cuma 85% dibayar oleh kerajaan dan 15% ini Tuan Pengerusi, kadang-kadang mengambil sebahagian besar daripada gaji pegawai kita dan kalau dia ada tiga anak sekolah menengah, 15% kali tiga, ia telah mengambil sebahagian besar daripada gaji pegawai-pegawai kita dan mereka ini ada yang cukup terseksa tentang undang-undang yang ada sekarang ataupun peruntukan yang ada sekarang.

Saya ingin ambil satu contoh untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada pegawai-pegawai kita yang selepas universiti bekerja dengan Wisma Putra, diberi kursus, kemudian dihantar ke seberang laut. Mereka bekerja dengan penuh dedikasi kepada tanah air tercinta. Mereka kekal dengan budaya tradisi keagamaan kita.

Apabila jodoh dan pertemuan ini Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah di tangan Tuhan tetapi keadaan, suasana, persekitaran di luar negeri menyebabkan yang perempuan ini susah sekali mahu mencari lelaki orang Malaysia dan yang lelaki ini juga susah untuk mencari perempuan orang Malaysia di luar negeri dan akhirnya membuatkan ada pegawai-pegawai kita yang terpaksa membujang hinggalah ke pencen. Mereka ada tidak dapat berkahwin hingga ke pencen. Inilah pengorbanan mereka kepada bangsa, agama dan negara.

Yang Berhormat bagi Kemaman juga membangkitkan tentang bantuan organisasi Kementerian Luar untuk membantu organisasi-organisasi Parlimen, IPU, CPA, IPPF dalam sidang-sidang antarabangsa. Saya ingin maklumkan kepada Dewan ini Tuan Pengerusi, bahawa pegawai-pegawai kedutaan sememangnya bersedia membantu ahli-ahli Parlimen semasa menghadiri mesyuarat di luar negeri dari segi logistik seperti penambahan kereta, hotel, mengaturkan program lawatan dan sebagainya.

Di samping itu kementerian juga memberi *brief* dalam nota-nota maklumat mengenai isu-isu antarabangsa berkenaan. Kita mahu menolong sebaik mungkin dan ada juga para pegawai

yang *go all the way* secara peribadi juga bawa kereta sendiri, pembantu Yang Berhormat supaya mereka lebih selesa di negara asing dan cuba memenuhi tanggungjawab mereka sebagai pegawai yang cukup baik dan prihatin. Tetapi kadang-kadang kedutaan kita menghadapi masalah untuk membantu apabila mesyuarat diadakan di luar daripada lokasi perwakilan ditempatkan. Kalau ada kawasan kedutaan itu senang, tentang kalau kawasan di negara lain itu yang tidak ada tempat lokasi perwakilan adalah sukar untuk membantu dan sekiranya peruntukan kewangan ditambah, para pegawai dapat memberikan bantuan yang lebih dan menyeluruh secara lebih baik.

Secara keseluruhannya Tuan Pengerusi, itu sahajalah yang dapat saya katakan dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah menyokong perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Kedua 2004 2005 dan Anggaran Perbelanjaan dan Mengurus Tambahan Kedua 2004 di peringkat jawatankuasa bagi pihak Kementerian Luar. Kalau ada pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat yang tidak dapat saya kupas secara terperinci di sini, percayalah setiap pandangan Yang Berhormat berikan itu saya hormati dan saya sanjung tinggi nilainya dan saya akan membawa balik ke Kementerian untuk di ceritakan dan di bahas secara lebih terperinci untuk menentukan polisi-polisi luar kita ini adalah yang terbaik demi untuk kebaikan rakyat dan negara kita. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM99,520,050 untuk Maksud B.15 Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM99,520,050 untuk Maksud B.15 dan diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] :** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM16,569,562 untuk Maksud P.15 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM16,569,562 untuk Maksud P.15 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004.

**Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004] -**

**Tuan Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] :** Hanya token sahaja, dan tidak perlu dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2004 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004.

**Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Hanya token sahaja, dan tidak perlu dibahas.

*[Tiada perbhasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] :** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2004 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004.

**Maksud P. 29 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004] -**

**Tuan Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] :** Hanya token sahaja, dan tidak perlu dibahas

*[Tiada perbhasan]*

**Tuan Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] :** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.29 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2004 di bawah Kementerian Tenaga Air, dan Komunikasi hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004.

**Maksud B.41 [Jadual] -  
Maksud P. 41 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Serdang.

**3.46 ptg**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hanya menyentuh dengan butiran 001100 berkaitan dengan pembinaan sekolah rendah. Saya dianggarkan bahawa perancangan dan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Lim Bee Kau:** Teruskan. Teruskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa perancangan dan susun untuk membina Sekolah Rendah Kebangsaan merata tempat tidak diseimbangkan. Kadang-kadang satu-satu kawasan itu tidak perlu membina sekolah itu terpaksa dibuat demikian. Tadi atau apa berdasarkan apa kriteria yang tersebut di mana kawasan-kawasan perumahan yang begitu ramai orang, tidak dapat membina sekolah kebangsaan seperti Bandar Sri Mahkota, Bangi, seperti Bandar Sri putera, Bangi di mana beribu-ribu rumah terus dibina. Tetapi tiada sekolah didirikan. Walaupun saya difahamkan, Kementerian Pelajaran telah bersetuju untuk merancang membina sekolah kebangsaan di kawasan tersebut dalam Rancangan Malaysia Ke lapan.

Dukacita dinyatakan bahawa peruntukan tidak ada dan terpaksa melanjutkan. Difahamkan dilanjutkan Rancangan Malaysia Ke sembilan. Tetapi kalau ikut keadaan demikian, ibu bapa di kawasan-kawasan tersebut begitu susah untuk menghantar anaknya - ke pusat bandar Bangi dekat 10 kilometer jauhnya. Ini satu masalah sedang dihadapi. Bukan kawasan ini sahaja, di kawasan Parlimen Serdang ini memang terdapat masalah yang dihadapi oleh ibu bapa-ibu bapa dan masyarakat tersebut.

Saya mintalah sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan untuk membina sekolah rendah dan apa sebabnya begitu mendesak, begitu dikehendaki sekolah itu tidak dapat dilaksanakan, terlebih dahulu. Itulah saya minta penjelasan. Apa sebabnya. Apa caranya? Apa perancangan, apa kriteria akan dirancangan untuk menentukan lokasinya untuk membina sekolah rendah di sesuatu kawasan tersebut. Di mana kawasan-kawasan begitu terdesak tidak dapat dilaksanakannya.

Tuan Pengerusi, seperti dikehendaki mengubahsuai atau menaikkan taraf sekolah. Saya mendapat surat daripada pihak Kementerian melalui Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, pada

dua tahun dahulu, setuju untuk memberi bantuan RM35 ribu untuk menambah kemudahan asas untuk Sekolah Menengah Sri Kembangan dan juga RM135 ribu untuk SRJK (T) Serdang.

Walaupun jaminan telah diberi, sehingga kini peruntukan dia tidak sampai. Sebab apakah terjadinya sedemikian. Sebab ini perlu untuk sekolah-sekolah tersebut telah dikaji, telah disemak dan telah disetujui oleh Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dan surat-surat berkaitan telah di hantar ke pihak sekolah itu , tidak dapat dijalankan. Ini adalah satu masalah yang sedang dihadapi dan juga makmal komputer. Isu ini memang saya ingat merupakan satu masalah yang telah dinyatakan begitu luas. Tetapi masih terdapat banyak sekolah lagi termasuklah kawasan Parlimen Serdang yang masih tidak ada pusat komputer.

Saya hendak tahu, bilakah sekolah-sekolah yang masih belum dapat kemudahan pusat komputer ini dapat diadakan, sebab rancangan untuk membina pusat komputer untuk sekolah-sekolah telah dirancang beberapa tahun dahulu dan telah ada satu jadual untuk membina pusat komputer untuk sekolah-sekolah tertentu dan telah dimaklumkan kepada PIBG sekolah tersebut. Sehingga dua, tiga tahun ini masih tidak ada tanda untuk membina pusat komputer untuk sekolah tersebut. Jadi ini membuktikan akan menafikan kemudahan asas untuk sekolah tersebut untuk membolehkan pelajar-pelajar menggunakan komputer di sekolah tersebut. Jadi saya minta penjelasan daripada kementerian, bilakah perancangan untuk membina pusat komputer ini dapat diselesaikan di seluruh sekolah yang telah dijadualkan.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan panduan kepada PIBG, pada waktu ini PIBG telah menjalankan aktiviti-aktiviti untuk sekolah tersebut melalui kutipan daripada ibu bapa ataupun masyarakat.. Ini menjadikan satu isu dan satu masalah yang dihadapi oleh PIBG yang sukar untuk mendapat bantuan kewangan daripada lapisan masyarakat di kawasan tersebut, sama ada pihak kementerian akan menimbang untuk memberi bantuan kewangan kepada aktiviti-aktiviti PIBG supaya PIBG akan lebih memainkan peranan atau berfungsi lebih aktif dan berkesan pada masa akan datang. Tanpa bantuan daripada kementerian itu, maka saya yakin bahawa fungsi atau peranan yang dimainkan oleh PIBG tidak begitu berkesan dan tidak akan menjadi lebih aktif lagi untuk menganjurkan pelbagai aktiviti di sekolah tersebut. Maka dengan demikian saya minta pihak kementerian untuk memberi penjelasan sama ada pihak kementerian akan menimbang untuk memberi panduan kewangan kepada PIBG supaya lebih aktif lagi di dalam sekolah yang berkenaan itu. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ramai ya. Setiap ahli lima minit. Kuala Terengganu.

**3.52 ptg.**

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini iaitu Maksud B.41 Kementerian Pelajaran – 020300 dan 020400 iaitu berhubung dengan tambahan sebanyak lebih kurang RM960 juta untuk imbuhan tahunan dan juga khas prestasi 2004.

Harus difahami bahawa keluarga Kementerian Pelajaran adalah yang terbesar dengan kurang lebih 300 ribu orang guru dan jumlah ini adalah terlalu besar. Malah ia adalah merupakan kakitangan awam yang terbesar selain daripada bilangan sekolahnya yang cukup banyak, yang berjumlah kurang lebih 10 ribu buah sekolah dan kira-kira lima juta orang murid berada dalam sistem pendidikan kita. Soal pemberian imbuhan adalah soal yang penting kepada guru-guru kita, namun ia adalah hanya merupakan faktor *hygiene*, dengan izin, yang membawa kepada faktor kecemerlangan dan produktiviti, prestasi yang lebih adalah aspek-aspek yang disentuh dalam buku-buku pengurusan disebut sebagai faktor pemuas.

Dalam konteks ini saya ingin menarik perhatian Kementerian Pelajaran supaya memberi perhatian dan keprihatinan yang tinggi kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan guru-guru kita. Pertamanya ialah berhubung dengan Skim Perkhidmatan Guru-guru. Sekarang ini berlaku satu kesempatan bagi guru-guru kita untuk naik pangkat. Ditambah pula kesempatan itu apabila adanya pula kemasukan kakitangan daripada PTD yang menyerap masuk dalam skim perkhidmatan profesional guru ini. Ini boleh menyempitkan lagi keadaan dan ini boleh menimbulkan satu keadaan tidak stabil dari segi hubungan guru-guru dan juga dalam perkhidmatan yang lain.

Perkara yang kedua, yang ingin saya tarik perhatian untuk memastikan berlakunya satu anjakan dan *booster* kepada kerja-kerja guru adalah tentang usaha meringankan beban kerja guru. Kadang-kadang guru lebih banyak membuat kerja-kerja perkeranian. Misal kata sekarang ini dengan makmal komputer yang semakin banyak, pengurusan makmal komputer itu pun dibuat oleh guru-guru kita. Ini menambahkan lagi kerja-kerja guru, menghilangkan fokus mendidik guru kepada anak-anak, kepada pelajar-pelajar kita. Maka di sini, saya ingin mencadangkan supaya aspek perkeranian, kerja-kerja mengurus makmal komputer selain daripada peringkat tadika lagi, iaitu jawatan pengasuh itu harus diisi dengan secepat mungkin selain daripada aspek-aspek peralatan di sekolah yang harus diberi perhatian. Selain daripada itu juga, kemajuan kerjaya yakni kursus-kursus dalam perkhidmatan kepada guru-guru kita harus dipertingkatkan untuk memastikan motivasi yang tinggi di kalangan guru-guru kita. Demikian juga khidmat sokongan, staf sokongan harus ditambah dari masa ke semasa untuk memastikan guru-guru kita dapat memberi satu impak kerjaya yang lebih cemerlang.

Satu perkara yang menarik perhatian ialah tentang PTK iaitu Penilaian Tahap Kecekapan yang menimbulkan banyak masalah di kalangan pendidik kerana hampir 90% lebih gagal dalam PTK ini. Di sini satu perkara harus disemak semula. Pelbagai pihak harus menyemak tentang kenapa berlakunya banyak kegagalan dari segi PTK ini. Saya juga ingin menarik perhatian dalam usaha untuk meningkatkan kualiti guru ini, sebenarnya pengetua-pengetua telah pun diberi kursus yang disebut dengan izin, dalam bahasa Inggeris, *National Professional Qualification for Head Teachers* (NPQH) tetapi di manakah perginya guru-guru yang dilatih ini, yang sepatutnya diarahkan dan diletakkan untuk menjalankan tugas mereka di sekolah-sekolah sama ada sebagai pengetua ataupun penolong kanan. Cukup ramai telah dilatih, tetapi mungkin sebahagian mereka itu tidak diletakkan pada kedudukan dan jawatan yang telah mereka lalui melalui kursus-kursus NPQH ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, Sri Gading.

**Dato' Razali bin Ismail:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya harap Datuk dalam keadaan ceria.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jangan buang masa.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Apa buang masa? Tuan Pengerusi, ini macam orang Melayu kata, satu doa, pasal penting Datuk ceria waktu petang-petang macam ini, kalau tidak layu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak buat doa, buat di luar Dewan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah buang masa Dewan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]* Oh, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Ini soal guru-guru ini memang saya dengar dan kita semua dengar, biasa dengar dan sentiasa dengar. Dikursuskan, kursus demi kursus, itu satu tindakan yang baik daripada Kementerian Pelajaran, kita sokong. Tetapi yang jadi masalah ini, ini yang menjadi musykil kita Tuan Pengerusi, ada murid-murid, bukan ramai tetapi ada, tidak ramai, tetapi ada. Sampai ke sekolah menengah, baca pun tidak pandai, menulis pun tidak pandai.

**Seorang Ahli:** Menyanyi boleh!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Menyanyi bolehlah. *[Ketawa]* Kita pelik Datuk, enam tahun di sekolah rendah ini. Guru macam-macam kursus diterima, macam-macam hendak meningkatkan prestasi guru-guru. Ini pengalaman Kuala Terengganu memang luas, dia boleh jawab ini Datuk, tidak payah Menteri jawab, dia boleh jawab. Tetapi tidak boleh membaca, tidak boleh menulis, kita pelik macam mana boleh jadi begini? Ada kawan-kawan mengatakan guru-

guru ini Datuk, di sekolah, ini tidak tahu, Kuala Terengganu betulkan kalau saya salah, kalau saya betul, cakap betullah. Dia takut dengan pengetua ataupun guru besar. Guru besar pula takut dengan pegawai pendidikan daerah. Pegawai pendidikan daerah takut dengan pengarah negeri. Pengarah negeri pula takut dengan bos-bos di kementerian. Jadi, cerita takut...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ini tanya atau berucap?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak berucap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat,...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, Datuk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat boleh buat ucapan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya masih mempertahankan hak saya sebagai bertanya. Ini Datuk punya pentafsiran berbeza kita Datuk, biar ceria Datuk, biar ceria, petang-petang, pukul empat ini. Kita hendak bermesyuarat sampai ke malam, kalau tidak ceria, berat. Ini pun rakyat kata kita ini macam-macam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, soalan sudah keluarkan ya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Inilah soalan saya pada Kuala Terengganu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, sila duduk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi macam mana benda ini boleh berlaku, sepatutnya tidak boleh berlaku.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik, akan dijawab. Sila duduk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi yang baik hati, yang tidak boleh lawan di dunia ini, Datuklah satu-satunya Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** Yang Berhormat bagi Sri Gading yang baik hati. Memang perkara tentang anak-anak kita yang dikatakan sebagai lemah, tercicir ataupun menghadapi defisit pembelajaran adalah merupakan satu isu yang besar. Malah ini bukan merupakan satu isu yang hanya dihadapi di negara kita sahaja. Rata-rata dianggarkan kira-kira 10% daripada anak-anak kita itu menghadapi masalah lembam daripada segi pembelajaran ataupun disebut sebagai *Educational Sub-Normal* (ESN).

Ini adalah merupakan satu perkara yang sedang dihadapi di mana-mana. Namun, usaha-usaha saya kira harus dilakukan dan memang guru-guru kita ini diberi pelbagai kursus dan latihan untuk mereka mengamalkan apa yang disebut sebagai pendidikan pemulihan ataupun *remedial education*.

Saya ingin mencadangkan di sini supaya pendidikan rendah ini diberi keutamaan yang utama kerana di sesetengah negara, kalau di Amerika mereka melihat pendidikan rendah itu sebagai *national security of the first order*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sudah berucap lapan minit.  
[Disampuk]

**Dato' Razali bin Ismail:** Ini kerana menjawab Yang Berhormat bagi Sri Gading itu tadi. Jadi ini adalah merupakan satu lagi perkara yang saya kira penting untuk disebut di sini ialah kita hendak membangunkan modal insan, budak-budak sekolah ini adalah sebagai modal insan kita, tetapi usaha membina modal insan ini perlu disokong dengan modal sosial dan modal budaya. Ertinya persekitarannya, pemakanannya, zatnya dan suasana pendidikan asuhan di rumah tangga, bagaimanakah ibu bapa itu mengasuh mereka. Ini semuanya faktor yang disebut sebagai modal sosial ataupun modal budaya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat, balik kepada butiran.

**Dato' Razali bin Ismail:** Saya ingin tarik perhatian Ahli Dewan ini iaitu Maksud B.41 dan P.41 iaitu tentang projek pendidikan prasekolah. Tentang prasekolah ini, saya kira satu perhatian yang serius harus diberikan sebab ini adalah merupakan pendahulu kepada sistem pendidikan, dengan izin, disebut sebagai *the head start program*. Maka saya kira peruntukan yang besar harus diberikan kepada pendidikan awalan ini kerana kalau sekiranya pendidikan awalan ini diberi, anak-anak kita menghadapi defisit pembelajaran, maka kesan defisit pembelajaran ini akan membawa satu kesan yang disebut sebagai, dengan izin, *cumulative deposit* yang akan bertimbun dan bertambah-tambah.

Maka oleh yang demikian peruntukan kita harus sentiasa difikirkan tentang kita menambahkan peruntukan yang seberapa banyak bagi pendidikan prasekolah terutamanya dan satu perkara lagi saya perhatikan di sini dari segi pendidikan prasekolah terlalu banyak sangat atau rencam sangat program-program tadika atau tabika KEMAS ini dan bermacam-macam lagi itu. Di dalam sistem pendidikan sekolah kita sekarang ini sudah ada sekolah-sekolah pra yang dikendalikan di sekolah-sekolah yang disebut sebagai *annex school*. Di sini saya mencadangkan supaya ada satu penyelarasan supaya pendidikan pra kita ini atau pendidikan sekolah rendah ini benar-benar mendapat keprihatinan yang pertama.

Dan saya juga, akhir sekali, Tuan Pengerusi, berhubung dengan pendidikan menengah dan matrikulasi ini, saya ingin mencadangkan di bawah peruntukan tambahan ini supaya diberikan perhatian yang serius kepada mata pelajaran yang disebut sebagai MPV, mata pelajaran vokasional, sebab daripada pemerhatian kita sekarang ini bahawa mata pelajaran ini dapat menghindari masalah-masalah pelajar kita yang tercicir sebab mata pelajaran MPV ini menekankan kepada aktiviti *hands on*, aktiviti-aktiviti yang bersifat teknikal dan vokasional.

Dan ini juga saya rasa bagus bagi anak-anak kita yang kurang, apa yang disebut sebagai *academically inclined* supaya mereka dapat terlibat dalam kerja-kerja yang bersifat *hands on* dengan kerja-kerja praktikal ini. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya peruntukan

tambahan untuk menengah ini benar-benar diberi perhatian dan diuruskan kepada mata pelajaran MPV.

Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut. Yang Berhormat bagi Larut tiga minit bolehlah.

#### **4.03 ptg.**

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin turut bersama mengambil bahagian dalam Maksud B. 41, Butiran 020300 – Pendidikan Rendah dan Butiran 020400 – Pendidikan Menengah.

Kita tahu ilmu itu adalah pelita hidup. *[Disampuk]* Guru-guru memainkan peranan, kita tidak nafikan, saban tahun guru-guru yang dilahirkan sama ada di peringkat universiti, maktab dan sebagainya. Kita tahu masalah yang sering kali dihadapi oleh pelajar-pelajar di dalam meningkatkan bidang pendidikan ini. Masalahnya ialah ada guru-guru yang mengambil kesempatan, mungkin tidak ramai, iaitu secara tidak langsung mengutamakan kelas-kelas tuisyen di luar yang mana kita tidak dapat nafikan bahawa mungkin mereka ingin mendapat sedikit punca pendapatan apabila mereka mengadakan kelas-kelas tambahan tuisyen ini.

Ini akan menimbulkan masalah kerana mereka sepatutnya menumpukan perhatian kepada mendidik anak-anak di sekolah-sekolah, tetapi berlaku di sebaliknya. Dengan adanya kelas-kelas tuisyen ini yang dikendalikan oleh guru-guru, kita bimbang guru-guru yang sama akan menggunakan kesempatan di luar untuk mendapat pendapatan yang lebih daripada menumpukan tugas mereka di peringkat sekolah.

Oleh itu, kalau ini berlarutan, saya ingin menarik perhatian kepada Kementerian Pelajaran, kita swastakan sahajalah pendidikan sekolah ini kalau mereka lebih tumpukan.

**Beberapa Ahli:** Tidak boleh, jangan!

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Memang tidak boleh, saya tahu. Tetapi keadaan yang sama, sistem yang sama telah dilakukan di sebuah negara di India...

**Beberapa Ahli:** Itu India, India lain.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, kerana kita lihat mereka lebih tumpu kepada kelas tuisyen dan ini berlaku termasuklah di Sabah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Di Sabah?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya.

**Seorang Ahli:** Di Kinabatangan?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya tidak tahu di mana tetapi di Sabah berlaku.

**Cik Tan Lian Hoe:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sila.

**Cik Tan Lian Hoe:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Tuan Pengerusi, sebenarnya kalau kita lihat balik apakah punca yang menyebabkan pelajar-pelajar keluar untuk tuisyen sebenarnya. Sebab kita dapati bahawa kemungkinan besar di sekolah banyak guru yang tidak menjalankan P&P dan ibu bapa hari ini sudah pun tidak ada keyakinan terhadap guru-guru. Sebab itu mereka sebenarnya hari ini lebih menaruh keyakinan kepada...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat minta penjelasan atau memberi penjelasan?

**Cik Tan Lian Hoe:** Tidak, saya akan...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Kalau Yang Berhormat hendak memberi penjelasan, tunggu orang lain. Kalau minta penjelasan, saya bagi.

**Cik Tan Lian Hoe:** Saya akan tanya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya tahu Yang Berhormat ini guru.

**Cik Tan Lian Hoe:** Saya tahu. Sebenarnya saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Larut, adakah Yang Berhormat bagi Larut pasti bahawa di sekolah sebenarnya adakah P&P dijalankan dengan bersungguh-sungguh dan di manakah letaknya pemantauan di peringkat daerah dan juga di peringkat negeri. Minta penjelasan Yang Berhormat Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih jiran saya, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Memang itulah saya hendak pergi tetapi Yang Berhormat tidak sabar, sudah bangun tanya saya [*Disampuk*] sebab saya belum lagi masuk kepada isi, baru mukadimah. Jadi inilah yang kita minta supaya kementerian melihat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah berucap lima minit.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya? Jadi kita tidaklah sampai ke situ sebagaimana yang telah saya katakan, tetapi kalau terpaksa. Jadi kita mintalah Kementerian Pelajaran membuat satu penyelidikan bagaimana kelemahan-kelemahan yang berpunca daripada tumpuan tidak diadakan di sekolah mungkin disebabkan itu mereka lebih mengutamakan kelas-kelas tuisyen di luar dan guru yang sama juga yang akan mengambil kesempatan.

Jadi saya mohon supaya perkara ini dipandang serius supaya tidak dilihat bahawa guru-guru yang menjadi tunjang untuk pelajar-pelajar kita menuntut ilmu tidak dipandang seorang di kalangan masyarakat. Terima kasih, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Mertajam.

**4.09 ptg.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Pengerusi, saya ingin memetik dari Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Dasar Pembangunan Wawasan 2001-2010) dari muka surat 342. Penambahan bilangan penduduk yang pesat terutamanya di kawasan bandar telah meningkatkan permintaan ke atas penempatan di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Walaupun pelajar di SRJK(C) meningkat dari 650,985 dalam tahun 1976 kepada 609,206 dalam tahun 1999, namun bilangan sekolah SRJK(C) telah merosot dari 1,318 buah dalam tahun 1976 kepada 1,284 buah dalam tahun 1999.

Pada masa yang sama SRJK(C) dan SRJK(T) di kawasan luar bandar mudah menghadapi masalah *enrolment* murid-murid yang rendah. Kedua-dua masalah ini timbul akibat dari penghijrahan penduduk-penduduk di kawasan baru. Situasi ini bertambah rumit apabila semakin ramai ibu bapa yang berketurunan bukan China menghantar anak-anak mereka ke SRJK(C). Faktor-faktor ini kini telah menimbulkan situasi kesesakan, terutamanya di kebanyakan SRJK(C) persekitaran bandar-bandar baru. Saiz dan bilangan sekolah-sekolah SRJK(C) tidak dapat menampung keperluan ini dan telah mengakibatkan perasaan tidak puas hati di kalangan ibu bapa kaum China dan bukan China.

Antara faktor-faktor lain yang menyumbang kepada masalah kekurangan SRJK(C) ialah keengganan pihak berkuasa dalam memberi kebenaran untuk membuka SRJK(C) baru dan ketiadaan peruntukan tanah yang sesuai untuk membesarkan sekolah yang sedia ada ataupun untuk pembinaan sekolah-sekolah baru. Walaupun polisi kerajaan sekarang membenarkan sekolah memindahkan SRJK(C) yang mempunyai *enrolment* murid-murid yang rendah ke kawasan pembangunan baru, proses pembinaan termasuk peruntukan tapak tidak memuaskan, permohonan membina SRJK(C) sering terpaksa mengharungi berbagai-bagai masalah.

Isu-isu SRJK(C) ini jika tidak diatasi boleh melemahkan perpaduan negara. Ini adalah cadangannya, di muka surat 665, *"Masalah kekurangan sekolah-sekolah SRJK(C) dan SRJK(T) harus diberi perhatian. Kerajaan harus melicinkan dan menyegerakan segala urusan berkenaan dengan pembinaan SRJK yang baru. Ini terutamanya di kawasan-kawasan yang terdapat ramai penduduk yang memohon agar anak-anak mereka belajar di SRJK(C) dan kawasan-kawasan tapak pembangunan yang baru. Proses pembinaan tapak SRJK ke tapak baru juga harus dipermudah. Kerajaan negeri harus mengambil tindakan khas untuk menyegerakan pembinaan status Tanah Kerajaan Negeri bagi tapak SJK yang sedia ada kepada status Tanah Kerajaan Wilayah.*

*Tanah yang sesuai berkecuali dan khas harus diperuntukkan bagi pembinaan SJK baru serta SJK yang ditempatkan semula. Peruntukan tanah tambahan untuk SJK yang tidak dapat*

menampung bilangan pelajar yang semakin ramai juga perlu diberi pertimbangan. Perkembangan peningkatan enrolment di SJK harus diambil kira dalam segala rancangan yang melibatkan pendidikan termasuk dalam Rancangan Malaysia. SJK yang mengalami kekurangan bilik darjah harus diberi bantuan kewangan untuk membina bilik darjah tambahan serta kemudahan-kemudahan lain sewajarnya. Apa juga tindakan yang berkaitan saranan di atas perlu mengambil kira matlamat perpaduan”.

Jadi, Tuan Pengerusi, baru-baru ini selalunya SRJK(C), penambahan SRJK(C) selalunya dikaitkan dengan perpaduan dan dia kata kalau membina SRJK(C), ia akan menjejaskan perpaduan. Itu sebenarnya tidak benar apa yang ditulis atau dilaporkan dalam MAPEN II. Ini adalah Dasar Pembangunan Wawasan yang sepatutnya dipandu oleh kerajaan yang .....

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Puan Chong Eng:** Nanti, nanti. Yang Berhormat Menteri juga menyatakan pada hari itu bahawa ibu bapa berhak memilih sekolah untuk anak-anak mereka. Jadi, saya haraplah selaras dengan perkataan Yang Berhormat Menteri itu, bantulah Kerajaan Barisan Nasional membina SRJK(C) di mana-mana ada keperluannya. Dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak akan mengetepikan *marginalized*, dengan izin, SRJK(C) dan SRJK(T).

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ayer Hitam.

**Puan Chong Eng:** Saya rasa kalau tidak *marginalized* itu bermaksud tidak boleh berbincang tentang isu penambahan SRJK(C), adakah itu adil? Dan, mengapa isu ini .....

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [Bangun]

**Puan Chong Eng:** Nanti, nanti. Mengapa isu ini harus hanya dibincangkan *close door* di antara UMNO dan MCA. Di mana GERAKAN, di mana SUPP, di mana MIC dalam *power equation* ini? Mereka langsung tidak di dalam pertimbangan ini.

**Seorang Ahli:** UMNO tidak tahu pun.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Puan Chong Eng:** Nanti, nanti. Jadi, apa mengapa?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak beri laluan kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Puan Chong Eng:** Nanti, nanti bukan sekarang. Mengapa dia harus ....., Apakah kerajaan ada benda yang hendak disembunyikan kepada rakyat seperti, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi bukan di dalam Kabinet jadi tidak tahu apa yang dibincangkan, sampai Yang

Berhormat bagi Serdang pun datang tanya, mengapa tidak boleh membina sekolah di sana, walau pun telah menyatakan hendak membina sekolah itu. Jadi, saya.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada orang cakap sudah sampai masa.

**Puan Chong Eng:** Tidak bagi, tidak bagi. Yang Berhormat bagi Kinabatangan, hari itu menyatakan di kawasan beliau tidak ada bank. Bank itu memang penting dan beliau kata dia akan bawa isu itu sampai kawasan dia ada bank. Saya hendak mencontohi beliau bahawa saya akan terus membawa isu ini sampai kerajaan akan membina SRJK(C) dan SRJK(T), mengikut keperluan. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi membaca apa yang saya tulis dengan rakan-rakan saya semasa di MAPEN II, sebab saya sebagai ahli MAPEN II mewakili MCA bersama-sama rakan-rakan lain, 155, kita membincangkan secara musyawarah. Apa yang dibincangkan, yang telah dibaca oleh Yang Berhormat itu sebenarnya pendirian daripada MCA, GERAKAN dan rakan-rakan yang lain. Jadi, sebab itu saya kata, Yang Berhormat, apabila kita mengambil, inilah pendirian kita yang jelas, kita masukkan ia sebagai satu dasar.

**Puan Chong Eng:** Okay, saya faham.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sebab itu kita tidak lari daripada dasar kita dan kita hendak memastikan pelaksanaan itu dapatlah mengikut dasar yang telah digariskan. Dan, saya hendak beritahu Dewan yang mulia ini, sebenarnya DAP tidak menganggotai MAPEN I dan boikot MAPEN II, jadi mereka tidak layak guna apa yang ada dalam cadangan kita. *[Tepuk]*

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, saya hendak mengucapkan sangat syabas, semua yang ditulis di dalam laporan ini tetapi kalau laporan ini tidak dipandu dan tidak diguna apa gunanya. Dia akan seperti sampah sahaja. *[Disampuk]* Apa dia buat? Barisan Nasional di dalam MCA merupakan parti yang kedua besar dalam Barisan Nasional. Adakah MCA duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi? *[Disampuk]* Mengapa ini tidak boleh, sampai hendak memberi memorandum kepada UMNO, kepada Menteri? Bukankah MCA kerajaan? MCA selalu katakan, dengan izin, *[Berbahasa Cina]* bermakna, 'Di dalam kerajaan tetapi tidak ada kuasa'.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, minta izin kepada Tuan Pengerusi ...

**Puan Chong Eng:** Mungkin dia berkaitan dengan ahli-ahli hantu di dalam MCA *[Disampuk]* kerana ramai ahli hantu. Oleh sebab itulah apa yang dia kata itu tidak berkuasa dalam kerajaan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]* *[Sambil memegang buku Peraturan Mesyuarat]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat.

**Seorang Ahli:** Beri jalan pada dia.

**Puan Chong Eng:** Nanti, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya hendak bersokong supaya .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Mesyuarat berapa?

**Puan Chong Eng:** Okay! Berapa?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** 36 (6) - Sangkaan jahat...

**Puan Chong Eng:** Terhadap siapa?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sangkaan jahat melaga-lagakan antara kedua-dua komponen parti tidak boleh.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, buat keputusan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak tepatlah. *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, ini Yang Berhormat bagi Kinabatangan, dia pun penggal kedua, dia bukan penggal pertama.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Point of Order, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Berapa? Peraturan mesyuarat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** 36 (6), menyebut perkataan 'hantu', itu adalah perkara yang menakutkan. Minta Yang Berhormat tarik balik. *[Ketawa]*

*[Dewan riuh seketika]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat takut tetapi saya tidak takut. *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** Ha, tengok! MCA walaupun ada ahli hantu, Tuan Pengerusi pun tak takut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan kaitkan, nanti saya jawab, Yang Berhormat kata saya tidak adil.

**Puan Chong Eng:** Tidak apa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu sebab saya tidak boleh sebut apa-apa, nanti saya sebut sesuatu Yang Berhormat kata speaker tidak adil.

**Tuan M. Kula Segaran:** Tuan Pengerusi boleh duduk sana sekarang. *[Sambil menuding jari meminta Tuan Pengerusi duduk di sebelah wakil rakyat.]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya suka duduk di sini. *[Ketawa]*

**Tuan M. Kula Segaran:** Ada kerusi di sana.

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, saya rasa sebuah kerajaan yang baik ialah sebuah kerajaan yang telus, yang bertanggungjawab, yang adil, yang boleh membincangkan apa sahaja

isu secara terbuka. Kita semua sudah berfikiran matang dan boleh berbincang dengan isu dengan sebaik-baiknya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat, ada tajuk lain supaya boleh beri peluang kepada orang lainlah.

**Puan Chong Eng:** Okey. Oleh sebab itu saya harap kita boleh berbincang mengenai pembinaan SRJK(C) dan SRJK(T) ini secara terbuka, mengapa *close door* di antara MCA dan UMNO sahaja? Bilangan menteri MCA dalam kabinet memang kurang, kalau dalam *close door* itu, saya khuatirlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukup sayang MCA.

**Puan Chong Eng:** Memang, memang.

**Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]:** Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** ...kerana MCA mewakili.....

**Dato' Liow Tiong Lai:** Bagi jalan.

**Puan Chong Eng:** ....masyarakat Cina yang begitu ramai sebilangan besar penduduk di dalam negara ini.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. [*Dewan riuh sebentar*]

**Puan Chong Eng:** Okey.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tadi Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam menyatakan bahawa MCA [*Bercakap dalam bahasa cina*], itu tidak benarlah. Itu saya rasa untuk menyelewengkan pandangan orang ramai. Yang pentingnya sekarang MCA dan UMNO kita duduk bincang, ini parti kerajaan. Parti kerajaan kita selesaikan masalah pembangunan SRJK(C) dengan secara baik.

**Puan Chong Eng:** Okey.

**Dato' Liow Tiong Lai:** DAP melaung-laung, menjerit-jerit dekat luar tidak guna, kalau boleh masuk MCA kita terus selesai masalah itu. [*Dewan bertambah riuh*]

**Dato' Liow Tiong Lai:** Senang sahaja, kita kawan dengan UMNO, kita selesai masalah SRJK (C). Senang. [*Disampuk*]

**Puan Chong Eng:** Cukup, cukup. Sudah faham. Tuan Pengerusi, [*Disampuk*] kalau katakan menjerit-jerit tidak guna, mengapa *back-benchers* selalu menjerit-jerit di sana? [*Dewan bertambah gamat*] Satu prinsip demokrasi yang penting ialah beri suara, beri teguran, itu memang tanggungjawab Ahli Parlimen khasnya dari parti pembangkang. Parti kerajaan harus melaksanakan apa yang ditulis dalam laporan ini dan bukan hanya katakan ia tulis buat apa? Tulis cantik-cantik tidak buat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Puan Chong Eng:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, tentang kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bentong tadi, saya rasa bukti yang kita boleh berikan adalah tentang MCA [*Bercakap dalam bahasa Cina*] adalah bahawa Presiden MCA yang merupakan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi semua Kerajaan Tempatan di seluruh negara bukan dalam bidang kuasa kementerian ini.

Ini adalah bukti yang kukuh menunjukkan yang Presiden MCA dalam kerajaan, dalam kabinet juga ... [*Bercakap dalam bahasa Cina*].

**Puan Chong Eng:** Itu memang satu contohnya dan itu ... [*Bercakap dalam bahasa Cina*] itu pun bukan dikatakan oleh DAP.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sebut ... [*Bercakap dalam bahasa Cina*] - ramai tidak faham. [*Dewan riuh*]

**Puan Chong Eng:** Tidak tahukah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** [*Bercakap dalam bahasa Cina*], dengan izin.

**Puan Chong Eng:** Walaupun di dalam kerajaan tetapi tidak ada kuasa sebagai sebuah parti pemerintah. Ini bukan dikatakan oleh DAP, ini disebut dahulu berapa tahun yang dahulu oleh Ketua Pemuda MCA.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah, cukuplah Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Siapa? Siapa?

**Puan Chong Eng:** Itu, Yang Berhormat bagi Ampang. Saya hendak alih kepada ini....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ampang tidak ada hari ini, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Butiran 0020 nanti selepas ini. Butiran 0020 - Pendidikan Menengah dan Matrikulasi. Saya hendak rujuk kepada ....

**Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** [*Bangun*]

**Puan Chong Eng:** Nanti, nanti. Saya hendak rujuk kepada satu laporan di dalam *China Press* semalam. Di sini ada 12 orang pelajar yang mendapat keputusan dalam SPM 9A sampai 13A. Mereka memohon untuk memasuki kelas matrikulasi. Tidak boleh masuk, tidak diterima. Dikatakan bahawa ada 10% tempat di dalam matrikulasi yang dibuka kepada bukan Melayu dan dikatakan tidak cukup orang hendak pohon, hendak masuk,ke tetapi yang ini yang begitu cemerlang keputusannya, hendak masuk tetapi tidak diterima. Inilah yang menyebabkan ketidakperpaduan di antara kaum. Semua ini adalah Cina dan seorang India. Tidak ada Melayu.

Perkara-perkara seperti inilah yang menjejaskan perpaduan di antara kaum dan bukan kerana SRJK(C). Saya harap kerajaan Barisan Nasional yang telah memenangi begitu banyak kerusi di dalam Dewan ini boleh lebih adil dan juga saya harap Menteri -menteri dan Yang Berhormat MCA yang dikatakan mewakili lima juta rakyat di dalam negara dapat lebih berani untuk mewakili rakyat yang mereka patut wakili di dalam kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Saya juga ingin.... Tadi Bukit Gantang.

**Puan Tan Lian Hoe:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Saya hendak berbalik kepada.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak berterima kasih kepada sendiri. *[Ketawa]*

**Puan Tan Lian Hoe:** ....Bukit Mertajam. Saya hendak berbalik kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina tadi. Bagi saya memang kita dapati pada hari ini bahawa bahasa Mandarin dan juga bahasa Tamil pada hari ini adalah amat penting sebab ianya mempunyai nilai ekonomi dengan kebangkitan negara China dan juga negara India yang akan datang.

Setuju ataupun tidak bahawa pembinaan sekolah Cina ini, saya ingat tidak menjadi masalah tetapi yang penting itu ialah pengenalan, *to introduce*, dengan izin, bahasa Mandarin dan Tamil di sekolah kebangsaan itu adalah amat penting sebab rakyat Malaysia sepatutnya perlu menguasai keempat-empat bahasa itu iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam? Terima kasih.

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, saya memang setuju. Semua rakyat patut menguasai sekurang-kurangnya kalau boleh tiga bahasa, bahasa Mandarin ataupun Tamil. Tamil sangat susah hendak belajarlah, bukan senang ya dan juga bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Tetapi adakah itu bermakna bahawa SRJK(C) tidak boleh mencapai tujuan itu? Sebenarnya adalah sebaliknya, SRJK belajar-belajar dari SRJK(C) yang boleh menguasai tiga bahasa dan bukan dari SK. Dari SK ialah tidak banyak sekali dua jenis sahaja iaitu bahasa Malaysia ataupun bahasa Inggeris.

Kalau saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, adakah parti Yang Berhormat bagi Bukit Gantang akan menyokong bahawa membina lebih banyak sekolah SRJK(C) dan bukan tambahkan kelas POL. Itu adalah berlainan, prinsip dia adalah berlainan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Jadi yang saya rasa, selalunya pemimpin khasnya pemimpin Barisan Nasional baiknya ia dari UMNO, dari MCA, dari SUPP ataupun GERAKAN, selalu mengatakan apabila pilihan raya sampai SRJK(C) sangat baik, sekolah Cina sangat baik dan sekolah-sekolah

lain atau ibu bapa yang bukan Cina patut mencontohi ibu bapa Cina dalam pendidikan tetapi selepas pilihan raya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat. Cukup.

**Puan Chong Eng:** ..dia kata tidak benarkan, tidak boleh bincang, tidak boleh kata pun. Hendak meminta pun tidak boleh. Tolonglah membina lebih banyak SRJK (C), itu pun tidak boleh, rayu pun tidak boleh...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Penjelasan Yang Berhormat.....

**Puan Chong Eng:** Apakah kerajaan ini...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat penjelasan.

**Puan Chong Eng:** Okey.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya kurang senanglah dengan kenyataan Yang Berhormat kerana saya sebagai Ahli Parlimen bagi Jerai, saya membantu sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Saya memberi peruntukkan kepada mereka, buku dan sebagainya.

Kita tidak memilih kerana kita hidup sebagai satu rumpun bangsa Malaysia. Yang Berhormat boleh *check* dengan kawasan saya, begitulah sekolah-sekolah Tamil...

**Puan Chong Eng:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ...saya bantu.

**Puan Chong Eng:** Cukup, saya sudah faham ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ..Cuma saya sekarang belajar bahasa Tamil.

**Puan Chong Eng:** Okey. Saya sudah faham.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sudah faham. Terima kasih.

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, saya sangat terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jerai kerana telah memberi bantuan sebagai seorang Ahli Parlimen. Tetapi Yang Berhormat bagi Jerai, duduk dululah [*Memandang ke arah Yang Berhormat Jerai*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Bolehkah saya minta supaya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Cukuplah, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** Yang Berhormat bagi Jerai ini sekarang ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** .....berdiri dan katakan, Jerai menyokong...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukup, masa cukup.

**Puan Chong Eng:** ...supaya kerajaan melaksanakan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat masa sudah cukup. Cukuplah, cukuplah

**Puan Chong Eng:** Nanti saya akan habiskanlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** ....menyokong kepada dasar untuk membina SRJK (C) mengikut keperluan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup.

Majlis mesyuarat bersidang semula sebab ada usul dan selepas itu kita akan sambung perbahasan di atas butir-butiran inilah

## USUL

### MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

#### Kenaikan Tambang Feri Pulau Pinang

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masa telah pun 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi tadi, satu usul di bawah peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan usul itu. Seperti yang telah diputuskan tadi pihak pencadang akan diberikan 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi Bagan sila kemukakan.

#### **1631 petang**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menolak cadangan projek pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang memandangkan ia akan menelan perbelanjaan lebih kurang RM2.4 bilion dan juga unjuran trafik *volume* tidak mencukupi untuk menjana pulangan hasil yang setimpal dengan jumlah pelaburan yang dilabur. Ini bermakna Jambatan Pulau Pinang yang sedia ada yang sesak teruk keadaannya akan berterusan sekurang-kurangnya selama tiga tahun sehingga pelebaran jambatan ini siap dibina.

Tetapi dalam masa tiga tahun akan datang trafik *volume* juga bertambah dengan begitu mendadak sekali. Pada masa sekarang jambatan mencatat 100,000 kali kenderaan satu hari pada musim cuti awam dan hari raya umum. Had maksimum direka untuk jambatan ini adalah

60,000 kenderaan satu hari. Keadaan kesesakan pengguna-pengguna jambatan ini memaksa mereka memilih perkhidmatan feri untuk tahun-tahun yang akan datang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan mesyuarat**]

Di samping itu, menggunakan perkhidmatan feri adalah pilihan bijak sekiranya rakyat Tanah Besar hendak mengurus niaga di bandar Georgetown. Penumpang berjalan kaki tidak boleh menggunakan jambatan dan juga penunggang-penunggang motosikal memilih jalan yang lebih selamat dan selesa dengan menggunakan perkhidmatan feri. Perkhidmatan feri juga merupakan satu-satu ciri daya tarikan atau destinasi pelancongan kerana makan angin dengan menggunakan kenderaan adalah perkara biasa tetapi makan angin di atas dek feri adalah satu perasaan yang luar biasa untuk pelancong-pelancong baik dari luar atau dalam negeri.

Justeru itu perkhidmatan feri adalah satu jenis pengangkutan yang masih relevan dan juga satu keperluan dan kerajaan atau PPSB iaitu Penang Port Sdn. Bhd., jangan mengambil kesempatan atas desakan ini. Menteri Pengangkutan mengumumkan bahawa operator feri Pulau Pinang telah mengalami kerugian besar iaitu RM65 juta dalam 9 tahun iaitu dari tahun 1994 hingga 2003. Jikalau tidak dibenarkan kenaikan tambang maka pihak operator akan mengalami RM510 juta menjelang 2023 iaitu tarikh tamat konsesi. Jikalau dibenarkan kenaikan tambang maka kerugian boleh dikurangkan kepada RM280 juta menjelang tahun 2023.

Saya mempertikaikan unjuran Menteri Pengangkutan kerana dari masa sekarang sehingga tahun 2023 adalah 18 tahun lamanya. Dalam 18 tahun akan datang adakah beliau boleh menjamin bahawa tiada kenaikan tambang dibenarkan sama sekali. Keadaan pasti bukan sebegini, dalam 18 tahun akan datang, entah berapa kali kenaikan tambang akan dibenarkan. Mengapa kerajaan tidak mahu memikirkan bagaimana pengurusan feri ini boleh mengalami kerugian yang besar sebegini.

Adakah kerana pentadbiran yang kurang cekap? Adakah sebarang penyelewengan dan rasuah berlaku? Pihak kontraktor, pihak operator perlu memikirkan langkah-langkah dan cara-cara mempertingkatkan produktiviti, mengurangkan kos operasi dan juga strategi persaingan dengan jambatan Pulau Pinang di mana pulangnya telah jauh melimpah unjurannya.

Saya nampak perkhidmatan feri di lain-lain tempat seperti di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, di Sabah dan juga di Sarawak, masing-masing di *operate* oleh swasta. Mengapa mereka boleh *survive* dengan izin? Dan mendapat keuntungan malahan boleh membeli feri-feri yang baru untuk ditambah baik mutu perkhidmatannya.

Tuan Yang di-Pertua, pengerusi PPSB iaitu Datuk Abdul Latif Abdullah dalam mempertahankan cadangan menaikkan tambang berkata, kenaikan tambang adalah untuk

memberi perkhidmatan yang lebih baik. Saya menyoal sebaliknya, PPSB perlu mempertingkatkan mutu perkhidmatan feri dan memuaskan cita rasa pelanggan sebelum menaikkan tambang. Pada masa sekarang kecacatan, kelemahan *facilities* di kedua-dua belah pangkalan adalah kurang memuaskan.

1. di kedua-dua belah pangkalan terbuka, tiada bumbung tempat berteduh atau pokok-pokok untuk berteduh dari panas matahari apabila pemandu kenderaan perlu menunggu feri. Kadang kala sejam atau lebih, saya pernah membangkitkan penanaman pokok sebagai peneduh sejak Datuk Paduka Zaleha, Yang Amat Berhormat Ali Rustam dan Tan Sri Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini selaku menjadi Timbalan Menteri Pengangkutan dahulu dalam Dewan yang mulia ini.
2. di kedua-dua belah pangkalan, ruang menunggu bagi penumpang berjalan kaki adalah panas, tidak ada tempat duduk yang cukup.
3. Pangkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth telah runtuh dan dibiarkan begitu saja sejak 1987. Ini membazirkan dan juga keadaan yang hodoh.
4. feri tidak ada tingkap yang boleh ditutup dan dibuka. Apabila mengalami hujan lebat dan ribut, ia boleh membasahkan pakaian penumpang-penumpang yang berjalan kaki.
5. pemandu kenderaan tidak matikan enjin apabila berada di dalam feri dan ini mengeluarkan asap karbon monoksida yang menyusahkan pernafasan orang-orang di luar kenderaan khususnya penunggang-penunggang motosikal. Anak-anak kapal tidak menjaga dan tidak peduli kelakuan pemandu kenderaan jenis ini.
6. terdapat banyak pengguna-pengguna kenderaan menggunakan lorong keutamaan iaitu *priority lane* pada waktu pagi dan balik bekerja. Kebanyakan mereka adalah kakitangan-kakitangan PPC iaitu *Penang Port Commission* dan ini menafikan peluang orang awam.
7. *Link way* dari perhentian bas ke feri kurang mesra kepada orang tua kerana terlalu jauh jaraknya dan terlalu steep dengan izin.
8. perkhidmatan feri larut malam dimansuhkan dan ini menyulitkan penumpang jalan kaki, penunggang motosikal dan basikal.
9. bangunan perhentian bas di sebelah Butterworth yang telah terbakar masih belum dibina semula. Keadaan perhentian bas dan teksis sementara adalah dalam keadaan daif dan huru-hara.

Semua kelemahan-kelemahan *facilities* di atas belum diatasi dan bagaimana ia boleh dikatakan menaikkan mutu perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mencadangkan kesemua feri yang sedia ada digunakan untuk memuat kenderaan kerana kapal direka *double deck vehicular* feri. Kalau *deck* di atas memuatkan penumpang maka hanya 300 orang maksimum boleh dimuatkan. Sekiranya RM0.60 seorang maka ia akan membawa RM180 dan sekiranya ditukar kepada kenderaan pula, ia boleh memuatkan 35 buah kereta dengan sebuah kereta RM7.00 maka ia dapat memungut RM245 iaitu RM65 lebih dari memuat penumpang.

Jadi adalah lebih beruntung kalau *deck* atas dan bawah digunakan untuk memuat kenderaan. Manakala penumpang jalan kaki boleh menggunakan *speed boat* seperti feri di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Sabah dan Sarawak. Ini menjimatkan masa dan lebih selesa. Saya juga pernah mencadangkan supaya Pengkalan Sultan Abdul Halim di sebelah Butterworth juga yang runtuh pada tahun 1987 dijadikan pangkalan baru untuk *speed boat*. Baru-baru ini saya dengar bahawa kerajaan telah mula melaksanakan cadangan tersebut di atas iaitu:

- (i) mengubah suai feri menjadi *double decker* kenderaan,
- (ii) membina pangkalan baru untuk *speed boat*; dan
- (iii) membeli empat buah *speed boat* penumpang.

Saya meminta kerajaan mengesahkan berita-berita seperti di atas sama ada benar atau hanya merupakan khabar angin belaka. Tuan Pengerusi, dengan meningkatkan *efficiency*, mengurangkan kos operasi dan menarik lebih ramai pengguna menggunakan feri saya pasti perusahaan perkhidmatan feri di antara Pulau Pinang dan Butterworth pasti akan membawa perubahan dari segi kerugian, malahan membawa perkhidmatan yang lebih mesra, cekap dan selesa bagi para penumpang feri.

Akhir sekali saya merujuk kepada Laporan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tahun 2003 yang diterima pagi ini iaitu muka surat 49, bab 3 - *Market Rsk*. Dengan izin, *The main customer of PPC is PPSB whereby all the shares are wholly owned by the government (Ministry of Finance) the main activities of PPC are more focus of national interest and does not aim for portably alone*. Sekian sahaja terima kasih.

**Puan Chong Eng:** [Bangun]

**Timbalan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ya, Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa selepas pilihan raya menteri-menteri Barisan Nasional cukup peka, dia peka kepada syarikat-syarikat konsesi. Dia bimbang syarikat konsesi tidak dapat membuat keuntungan yang lebih banyak. Oleh sebab itu, banyak perkhidmatan ke perkhidmatan telah dibenarkan menaikkan ataupun meningkatkan bayaran *fees*, yang contohnya, *North-East Highway* konsesinya PLUS.

Walaupun telah membuat berbilion-bilion ringgit untung tetapi masih dibenarkan, memanjangkan masa untuk mengutip tol dan juga menaikkan kadar tol. Tol Malaysia juga telah membuat banyak keuntungan juga dinaikkan *postage*. Sekarang air pun akan dinaikkan bayarannya. Petrol, diesel, tepung mereka tahu pun semua sudah naik. Hanya gaji kita pun akan naik jugalah, tetapi kita gaji Ahli Parlimen naik 10 peratus ini tambang feri naik untuk pejalan kaki itu naik 100 peratus.

Semua orang tahu feri Pulau Pinang ini sejak dahulu sampai sekarang ia merupakan satu-satunya pengangkutan di antara Pulau Pinang dan Seberang Prai. Kalau tidak ada feri ini orang yang tidak mampu tidak boleh menggunakan Jambatan Pulau Pinang kerana Jambatan Pulau Pinang itu tidak benarkan orang berjalan kaki.

**Seorang Ahli:** Takut dia terjun dari atas jambatan itu Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Kalau boleh berenanglah, saya rasa mungkinlah, mungkin suatu hari kerajaan hendak rakyat di sebelah sini berenang ke Pulau Pinang dan dari Pulau Pinang berenang ke sini kalau mereka tidak mampu membeli kereta atau motosikal ataupun basikal pun tidak boleh, tidak ada basikal *lane* di atas jambatan.

Menteri ini sangat peka kepada syarikat konsesi, dia bimbang syarikat konsesi ini rugi banyak. Jadi dia sebut dengan izin, *“Until 2003 the operators suffer about RM65.1 million in losses. If the rate are not change the losses can raise up to sum RM510 billion by the year 2023.* Dia sudah bimbang nanti dia rugi besar, tetapi sekarang dia tidak bimbang rakyat yang berjalan kaki itu tidak mampu membayar kadar itu. Dia sebut rugi ini sahaja, yang rugi ini ialah perkhidmatan feri tetapi pada keseluruhannya Penang Port Sendirian Berhad membuat keuntungan RM13 juta, RM14 juta untuk tahun lepas. Mengapa menteri sayang pada syarikat orang yang kaya-kaya dan tidak peduli orang yang berjalan kaki. Inikah di katakan kerajaan yang sangat peka, kerajaan yang hendak membina masyarakat penyayang. Mungkin dia sayangkan orang yang kaya-kaya tetapi bukan orang atau rakyat yang miskin. Kami berpendapat bahawa feri ini merupakan satu-satunya *mood of transportation* dan ia memang lah seperti sekolah, seperti hospital, seperti klinik, tidak boleh dikatakan rugi dan hendak tutupkan perkhidmatannya.

Bolehkah kita tutup kan hospital kerana dia rugi?. Mana moral kerajaan?. Mana tanggungjawab sosial kerajaan? Kalau ada alternatif menteri akan kata kalau tidak mahu pakai ini *highway* boleh pakailah jalan alternatif. Ada alternatif kah untuk feri ini?. Berenang kah? Adakah ini alternatif yang kerajaan panggil suruh rakyat menggunakan berenang. Jadi saya tidak dapat memahami kerajaan bagaimana dia fikir dia boleh memberi subsidi kepada syarikat yang besar tetapi tidak boleh memberi subsidi kepada perkhidmatan feri yang merupakan satu-satunya jenis pengangkutan untuk orang atau rakyat yang miskin.

Ada juga dikatakan bahawa kerugian ini bukan kerana kos operasi yang telah meningkat naik tetapi kerana *mismanagement*, kerana tidak mengurus dengan baik, kerana walaupun ada pekerja yang *skill*, memang sudah ada *skill worker* tetapi banyak pekerjaan di *outsource* supaya sesetengah orang atau sesetengah pemimpin di dalam syarikat itu mendapat pendapatan yang lebih mungkin dapat *kickbacks*.

Kerajaan sekarang juga di katakan bahawa kita akan menggunakan *National Health Financial Skim* yang orang kaya *subsidize* kepada orang kurang kaya, yang sihat *subsidize* kepada mereka yang kurang sihat. Kerajaan juga menyuruh supaya syarikat-syarikat ataupun pemaju-pemaju perumahan swasta *cross subsidize* apabila membuat keuntungan dari harga yang tinggi *high cost* dia *subsidize* kepada *low cost*.

Mengapa kerajaan tidak memakai *cross concepts*, *cross subsidy* ini dalam perkhidmatan feri ini? Apa sebabnya? Saya ingin memohon supaya memberi justifikasi kepada Dewan ini, apa sebabnya hendak naik seratus peratus tambang feri untuk mereka yang berjalan kaki, mereka yang menunggang basikal, menunggang motosikal memang mereka ini yang berpendapatan rendah, mengapa membebankan mereka yang miskin-miskin dan memperkayakan mereka yang kaya-kaya.

Adakah ini sudah jadi konsep baru kerajaan Barisan Nasional? Jadi saya merayu untuk rakyat yang miskin ini supaya jangan naik tambang feri untuk mereka yang berjalan kaki kerana memang mereka yang miskin yang tidak berpendapatan seperti pelajar yang menggunakan perkhidmatan ini. Kalau kerajaan ini adalah kerajaan yang dikatakan memang peka kepada rakyat yang berpendapatan rendah, saya harap kerajaan menimbang rayuan ini. Terima kasih.

**Tuan Chow Kon Yeow:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tanjong.

**4.51 ptg.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Selepas ini, Menteri di kementerian menjawab.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Saya memulakan perbahasan ini dengan menggesa Menteri Pengangkutan supaya mengkaji semula prestasi Penang Port Sdn. Bhd. kerana gagal menawarkan perkhidmatan feri yang lebih pantas, lebih cepat dan lebih kerap serta menjadikan feri sebagai laluan yang terpantas di antara Seberang Prai dengan Pulau Pinang.

Sejak 10 tahun kebelakangan ini PPSB telah asyik mengemukakan cadangan untuk menaikkan kadar tambang feri dengan alasan menanggung kerugian jika tidak menaikkan kadar. Mereka telah memberi pelbagai jaminan akan mempertingkatkan perkhidmatan feri setelah perkhidmatan feri dan pelaburan ini diswastakan tetapi ia cuma tinggal janji kosong sahaja.

Bukan sahaja ia tidak dapat mempertingkatkan perkhidmatan feri, syarikat telah ambil tindakan untuk mengurangkan tempoh perkhidmatan. Bermula dari perkhidmatan 24 jam dan sejak 1 Julai tahun lepas perkhidmatan ini dipendekkan kepada 18 jam sahaja dan ia masih bercadang untuk mengurangkan masa perkhidmatan sehingga ia mungkin mahu cuci tangan dan menghentikan perkhidmatan feri sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, pada 23 Ogos 2004, Pengerusi PPSB Datuk Abdul Latif Abdullah telah membuat kenyataan bahawa dia bercadang untuk melepaskan perkhidmatan feri yang merugikan itu dari pegangan syarikat itu. Cadangan ini adalah sebahagian dari cadangan untuk menstrukturkan semula syarikat itu sebelum ia disenaraikan di bursa saham melalui *Initial Public Offering* (IPO) kerana mahu menarik minat lebih ramai pelabur. Ini adalah serupa dengan langkah yang diambil oleh Malaysian Airline System Sendirian Berhad pada tahun 2002 melalui *Wyspread Asset Unbundling Exercise* di mana penerbangan Malaysia Berhad telah mengambil alih operasi domestik MAS yang merugikan wang.

Saya minta Kementerian Kewangan menolak cadangan ini kerana sememangnya menjadi tanggungjawab syarikat itu untuk terus menyediakan perkhidmatan feri. Menteri Pengangkutan pula telah memberi alasan bahawa kalau tidak menambah kadar tambang, syarikat itu akan perlu memikul kerugian terkumpul sebanyak RM510 juta pada akhir tempoh konsesi pada tahun 2023. Dengan kenaikan kadar tambang pun syarikat ini akan rugi sehingga RM280 juta. Menteri berkata kenaikan kadar tambang itu bukan bertujuan untuk mengaut keuntungan tetapi ingin mengurangkan jumlah kerugian yang perlu ditanggung.

Akan tetapi, bukankah pada keseluruhannya PPSB telah mencapai keuntungan dalam lingkungan RM13 juta hingga RM15 juta setiap tahun walaupun perlu menanggung kerugian dalam sektor memberi perkhidmatan feri. Inilah tanggungjawab yang menyeluruh yang patut dipikul oleh PPSB dan bukan cuma ingin menyimpan bahagian operasi yang untung dan lepas tangan dari bahagian perkhidmatan feri yang mencatatkan kerugian.

Menteri Pengangkutan haruslah mengkaji semula apakah sebab sebenarnya PPSB perlu menanggung kerugian dan apakah PPSB telah mengambil tindakan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dalam operasinya yang menyebabkan kerugian ini. Perkhidmatan feri adalah memberi laluan yang amat penting dan perlu bersaing dengan Jambatan Pulau Pinang untuk mendapat pelanggan dan menambah kadar tambang yang lebih mahal dari jambatan Pulau Pinang tidak dapat membantu perkhidmatan feri atau PPSB.

Menteri Pengangkutan harus memberitahu PPSB bahawa ia perlu menggunakan kelebihan strategiknya untuk menarik lebih ramai pelanggan dengan meningkatkan prestasinya dengan menambah bilangan feri dan juga memperkenalkan bentuk feri yang baru seperti Pandamaran dan sebagainya supaya PPSB dapat memberi perkhidmatan yang lebih pantas,

lebih cepat, dan lebih kerap supaya ia menjadi laluan pilihan para pengguna yang ingin menggunakan perkhidmatan. Kesesakan lalu lintas atas Penang bridge dan juga keputusan untuk menangguhkan projek second link sebenarnya menyediakan suasana yang *conducive* untuk menambah baik perkhidmatan feri untuk menambah bilangan penumpang dan kenderaan.

Kementerian Pengangkutan seharusnya menolak permintaan PPSB untuk menaikkan tambang semata-mata atas prinsip untuk menutup ketidakcekapan dan *unreliability* syarikat ini sahaja. PPSB perlu ingat mencari sumber pendapatan yang baru sebagai langkah yang terbaik untuk menambah baik prestasi syarikat itu. Populariti perkhidmatan feri adalah merosot dalam satu dekad kebelakangan ini kerana sejak tragedi keruntuhan pangkalan di Butterworth pada 31 Julai tahun 1988. Pihak pengurusan telah gagal mengambil langkah untuk menambah baik perkhidmatan dan janji-janji untuk menyediakan lebih banyak feri yang pantas masih belum dikotakan.

Perkhidmatan feri boleh memberi pulangan yang baik jika diuruskan dengan baik. Tambahan pula Kerajaan Pusat telah memberi peruntukan sehingga RM100 juta untuk membina anjung laut dan membaik pulih *Port Swettenham* sebagai satu destinasi pelancongan. Semua ini akan mendatangkan hasil kepada PPSB dan oleh sebab ini tidak ada alasan yang munasabah untuk PPSB bergantung kepada kenaikan tambang feri sahaja. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada siapa hendak bahas? Kalau tidak jawapan daripada kementerian. Yang Berhormat Timbalan Menteri jemput.

#### **4.58 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meminta izin untuk menjawab bagi pihak kementerian dan saya akan menjuruskan kepada perkara-perkara yang pokok dan saya rasa pihak pencadang tadi Yang Berhormat bagi Bagan, Yang Berhormat bagi Tanjong dan juga Bukit Mertajam telah pun membahaskan beberapa perkara yang saya rasa boleh dikatakan merangkumi semua yang berkaitan dengan kenaikan tambang ataupun justifikasi kepada kenaikan tambang feri di Pelabuhan Pulau Pinang ini saya akan jawab setakat yang termampu kerana masa tidak mengizinkan juga.

Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 13 April 2005, telah meluluskan kenaikan tambang feri Pulau Pinang yang dikenakan oleh Penang Port Sendirian Berhad iaitu PPSB berkuat kuasa mulai 1 Mei 2005. Kelulusan ini diberikan berasaskan rasional seperti berikut:

Faktor utama yang menyebabkan kerugian dalam menyediakan feri adalah kerana kadar tambang yang sedia ada tidak lagi dapat mengimbangi kenaikan kos operasi tahunan feri. Kali

terakhir tambang feri Pulau Pinang dinaikkan adalah pada tahun 1996 iaitu sembilan tahun dahulu. Keputusan menaikkan tambang feri bukanlah bertujuan untuk membolehkan PPSB mengaut keuntungan tetapi adalah untuk mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh PPSB akibat bertambahnya kos operasi feri.

Kerugian yang ditanggung pada setiap tahun adalah dalam lingkungan antara RM7 juta hingga RM8 juta. Dengan kenaikan tambang feri ini PPSB akan dapat mengurangkan kerugian terkumpul yang akan ditanggungnya dari RM433 juta ke RM280 juta dari tahun 2005 hingga 2023, tahun berakhirnya tempoh konsesi sekarang kepada PPSB.....

**Puan Chong Eng:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat, dia belum bagi, sila duduk.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** .... iaitu pengurangan sebanyak RM153 juta ataupun 35%, ya sila.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah yang dikatakan dalam perjanjian dengan PPSB ini, adakah kerajaan menjamin bahawa syarikat ini akan mendapat beberapa keuntungan dari perkhidmatan feri ini? Apakah keadaan pada tahun 1994, semasa syarikat ini mengambil alih atau operasi port ini diswastakan kepada syarikat ini? Apakah keadaan pada masa itu, adakah perkhidmatan feri pada masa itu membawa keuntungan atau kerugian dan sama ada dalam perjanjian bahawa perkhidmatan feri itu untuk membuat keuntungan ataupun memang menjadi tanggungjawab syarikat ini untuk menanggung supaya dia boleh buat keuntungan dari perkhidmatan yang lain untuk subsidize perkhidmatan feri ini?

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat, perjanjian itu pada satu ketika saya rasa memanglah semua anggapan orang perniagaan apabila dia melakukan sesuatu business dia hendak sedikit sebanyak keuntungan. Sesuatu perhitungan itu boleh menjadi kenyataan dan kerugian boleh berlakunya juga. Tersilap perhitungan boleh merugikan kita apabila kita melaksanakan sesuatu perniagaan, tetapi sebelum diambil alih oleh PPSB memang kerajaan menghadapi kerugian dan apabila diambil alih PPSB kerugian ini berterusan. Jadi kita telah berbincang dengan pihak PPSB untuk mendapatkan cara-cara yang mana kita boleh meningkatkan mutu perkhidmatan feri ini, yang mana mereka tidaklah begitu mencapai kerugian yang lebih besar. Itu sebab macam saya sebutkan tadi faktor utama, yang mana mereka rugi adalah kerana tambang yang ditetapkan pada ketika itu ataupun sedia ada ini tidak dapat mengimbangi kenaikan kos operasi tahunan feri.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih. Alasan yang dikatakan ialah peningkatan kos operasi, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini mana kos yang meningkat dan apakah kos yang meningkat, adakah kos pekerja, adakah kos kerana minyak, atau apa kosnya? Saya juga hendak meminta satu salinan perjanjian pada waktu itu, bolehkah saya mendapat satu salinan dan saya harap Yang Berhormat dapat meyakinkan Dewan yang mulia ini, bahawa peningkatan kos operasi itu adalah sebab yang betul-betul menyebabkan kenaikan tambang ini, terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu daripada kos yang saya rasa yang begitu dihadapi oleh pihak operator ini ialah dari segi penyelenggaraan yang rapi terhadap feri-feri yang sudah berusia 24 atau 30 tahun. Banyak dan perlu diperbaiki dan juga sentiasa dari segi dengan izin, service maintenance. Hanya ada dua feri yang telah dibeli oleh pihak PPSB yang usianya tiga tahun. Selain dari itu apabila feri ini berjalan sudah tentunya spare parts yang perlu diguna ataupun perlu diperbaiki, yang mana kita terpaksa atau mereka terpaksa mengimport barang-barang yang perlu digunakan dan yang diberitahu kepada saya ialah daripada Eropah, yang mana harga atau pricing itu dalam Euro Dollars.

Jadi sekarang pertukaran kewangan antara kita dengan euro yang begitu strong pada hari ini dengan izin dan kita mula wang ringgit kita ini dipeg kepada US Dollar dengan kemerosotan US Dollar ini sudah tentunya kita akan menambah sedikit sebanyak force dan dari segi foreign exchange itu. Berbagai-bagai lagi yang saya rasa, yang terpaksa dikendalikan oleh PPSB untuk memastikan perkhidmatan feri ini berjalan dengan baik dan untuk menyediakan penyelesaian bagi penumpang-penumpang yang menggunakan feri itu. Jadi sudah tentu ini adalah di antaranya yang mana menyebabkan kos urusannya yang meningkat.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Boleh saya teruskan, banyak lagi yang saya hendak habiskan.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Teruskan, teruskan, teruskan.  
*[Menyampuk]*

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, dia tidak beri Yang Berhormat, sila duduk.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Kenaikan tambang feri ini juga akan membolehkan PPSB meningkatkan lagi mutu perkhidmatan feri. Pada masa ini, PPSB mempunyai 8 buah feri dan 6 buah daripadanya berusia antara 24 hingga 30 tahun seperti apa yang telah saya sebutkan tadi, yang mana dua lagi berusia 3 tahun. 6 buah feri yang usang tersebut memerlukan penyelenggaraan yang rapi dan kerap dengan kos yang tinggi. Bagi mengatasi masalah ini PPSB mempunyai perancangan untuk membeli 4 buah feri penumpang yang berkuasa tinggi ataupun fast passenger ferries dan mengubah suai 4 feri penumpang kepada feri kenderaan sepenuhnya ataupun fully .....ferries pada tahun 2006. Di samping itu PPSB akan membaik pulih terminal feri dan membina terminal baru. Sebelum kenaikan tambang feri ini diluluskan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun memberi pandangan mereka dan bersetuju dengan cadangan kenaikan tersebut. Dari segi kesan kepada penumpang yang berulang-alik tiap-tiap hari beban kenaikan ini tidaklah tinggi memandangkan terdapatnya pilihan untuk membeli tiket bulanan, season tiket ataupun yang memang telah pun mengurangkan kos perjalanan mereka. Berbandingkan dengan kos perjalanan bagi pemegang tiket bagi bulanan ini adalah seperti berikut, kadar sekarang iaitu RM10 iaitu bagi satu bulan perjalanan kalau dibahagikan kepada 26 hari bekerja sebulan, iaitu kos ini ialah dekat setakat 38 sen berbanding dengan kadar, apa yang kita luluskan baru-baru ini iaitu 60 sen bagi tambang biasa harian.

Kadar dipersetujui daripada RM10 akan dinaikkan kepada RM15 bagi satu bulan perjalanan iaitu season tiket holder. Satu perjalanan kalau kita berikan RM15 kepada 26 hari bekerja sebulan, kosnya bagi satu hari adalah 58 sen berbanding dengan kadar RM1.20 bagi tambang harian.

Bagi penumpang yang tidak memerlukan perjalanan tiap-tiap hari, kesan kenaikan tambang dari 60 sen ke RM1.20 tidaklah membebankan mereka, iaitu tambahan sebanyak 60 sen sahaja. Dengan itu, sekiranya mereka kerap menggunakan feri, mereka perlulah beralih menggunakan tiket bulanan kerana ianya lebih menjimatkan. Penumpang-penumpang yang sedang menerima subsidi kos perjalanan, umpamanya pekerja-pekerja kilang, kesan kenaikan tambang yang akan ditanggung oleh pihak majikan amatlah kecil sahaja.

Untuk tahun 2004 dari jumlah RM2.7 juta penumpang pejalan kaki, hanya 6,586 orang dewasa dan 82 orang pelajar atau 0.28% yang membeli tiket bulanan. Yang lain adalah pelancong, pelawat dan orang yang tidak kerap menggunakan khidmat feri ini. Kadar kenaikan tambang feri yang diluluskan adalah tidak bertujuan untuk PPSB mengaut keuntungan, sebaliknya akan dapat memperbaiki dan mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan feri di Pulau

Pinang. Di samping itu, kenaikan tambang ini telah pun mengambil kira beberapa faktor lain seperti kenaikan kos yang saya telah sebut lebih awal lagi tadi. Kenaikan kos-kos ini adalah dianggap munasabah dan tidak membebankan pengguna dan kadar tambang feri ini adalah yang termurah di rantau ini berbanding dengan tambang feri di Hong Kong dan di Singapura serta lain-lain tempat di Malaysia.

Saya hendak bagi sedikit contoh kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa bantahan terhadap kenaikan kos ini. Saya bagi contoh iaitu dari Kuala Perlis ke Kuah ataupun Langkawi, jarak perjalanan adalah 20 nautika *mile*. Untuk sehalu ia adalah RM12.00. Lumut ke Pulau Pangkor yang mana jarak perjalanannya 8 batu nautika, untuk sehalu adalah RM5.00. Butterworth ke Pulau Pinang, jarak perjalanan adalah 1.6 nautika *mile* dengan izin hanyalah RM1.20, tambang untuk dua hala. RM1.20 untuk dua hala, bahkan di tempat-tempat lain satu hala sahaja, RM12.00, RM5.00. Lagi satu contoh saya hendak bagi kepada Yang Berhormat, kita ambilkanlah tambang teksi mengikut meter. Dua kilometer pertama kita sudah terpaksa membayar RM3.00. Selepas itu, setiap tambahan bagi 150 meter, dikenakan 10 sen. Bagi bas, satu kilometer adalah 10 sen secara purata. Selalunya dikenakan 70 sen untuk perhentian pertama. Jadi, kalau kita mengambil dengan kenaikan walaupun dari segi peratusannya 100%, tetapi dalam masa 9 tahun kita yang sebenarnya menaikkan harga 60 sen sahaja bagi dua hala punya perjalanan, 60 sen selepas 9 tahun. Bagi saya, tuntutan ini amat munasabah dan saya rasa keseluruhan rakyat boleh terima terutamanya masyarakat atau rakyat di Pulau Pinang. Terima kasih.

**Puan Chong Eng:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi penjelasan Yang Berhormat? Cukup?

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Boleh, sila, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kerajaan tidak boleh membuat bandingan perkhidmatan feri dengan perkhidmatan feri di Langkawi ataupun di Kedah, Kuala Perlis dan di Pulau Pangkor. Ini kerana, kemudahan-kemudahan yang ada itu telah dibina yang dahulu oleh kerajaan dan itu pun kepunyaan rakyat yang sepatutnya beroperasi ataupun dia tidak dikenakan. Syarikat swasta ini, dia tidak membina semua kemudahan ini. Jadi, tambang dia ada sejarahnya, bukan kerana murah hati syarikat ini. Jadi, dia tidak boleh dibandingkan dengan perkhidmatan feri di Kuala Perlis, kerana jenis feri adalah lain dan sejarah adalah lain. Walaupun dikatakan kepada Timbalan Menteri, tentulah RM1.20 bukan banyak. Tetapi, kepada keluarga yang miskin yang selalunya perlu menggunakan perkhidmatan feri ini dan tambahan lagi, feri ini merupakan satu-satunya pengangkutan di antara pulau dan seberang sini. Jadi, itu memang

menjadi tanggungjawab sosial kerajaan dan dia membuat keuntungan, bukan tidak buat keuntungan, RM13 juta sampai RM15 juta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Jadi, bukankah kerajaan selalu mengatakan bahawa *corporate citizen* yang baik, dia mempunyai tanggungjawab sosial juga. Bukankah dalam perjanjian itu, sudah tahu perkhidmatan feri ini bukan untuk membuat keuntungan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat, ya.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Memanglah kerajaan kita ini ialah satu kerajaan yang bertanggungjawab kerana kita hendak pastikan khidmat feri ini akan berterusan. Tetapi, kerajaan juga tidak zalim apabila menengok pengusaha feri ini berhadapan dengan satu kerugian yang begitu besar dan mereka juga adalah terdiri daripada rakyat Malaysia yang perlu kita bantu. Kita diberitahu oleh pihak pengusaha untuk beri *even kos* untuk menjalankan khidmat feri ini ialah RM3.40 dan bagi satu trip kosnya adalah RM500. Kalau kita penuhkan, sesakkan feri itu walau dengan harga tambang yang sedia ada pun, mereka masih lagi rugi RM10. Maknanya kos perbelanjaan untuk satu perjalanan feri ini adalah RM500. Saya rasa kerajaan tidak begitu zalim dan dia kena menolong semua pihak. Rakyat pun dia kena tolong dan juga pihak-pihak yang mana menceburkan perniagaan di dalam sesuatu bidang itu perlu juga dibantu apabila mereka berhadapan dengan satu masalah.

**Tuan Lim Hock Seng:** [Bangun]

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Dan ini bukan hendak mendapatkan keuntungan bagi PPSB, hanya setakat untuk mengurangkan beban kerugian mereka, itu sahaja. Saya rasa kerajaan perlu bantu orang-orang seumpama ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat. Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jikalau Penang bridge iaitu Jambatan Pulau Pinang boleh menawarkan pakej iaitu sekiranya menggunakan *Touch 'n Go*, kalau tidak guna *Touch 'n Go*, dia perlu membayar RM7 tunai. Kalau menggunakan *Touch 'n Go*, dia boleh dicaj RM5.60. Jadi, bolehkah Yang Berhormat juga menimbang cara ini diguna pakai oleh feri di mana pengguna-pengguna kenderaan, motosikalkah, motokarkah boleh juga memakai *Touch 'n Go* di mana ia boleh meringankan kegunaan tenaga manusia.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Yang pertamanya, saya rasa Yang Berhormat kenalah bersetuju dari kenaikan tambang ini. Selepas itu, bolehlah kita hendak berbincang tentang apa kad pun kita mahu pakai, kita boleh bercakap dengan pihak pengusaha,

apakah cara-cara yang terbaik untuk memberi khidmat kepada masyarakat di Pulau Pinang itu untuk kebaikan kita semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) ini telah selesai dan dengan demikian saya tutup perbahasan ini. Majlis bersidang semuala sebagai jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua ((Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kita sambung perbahasan di bawah B.41 dan P.41.

**5.19 ptg.**

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya ingin mengambil kesempatan hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Najib, Timbalan Perdana Menteri, kerana pada hari ini mengumumkan untuk mewujudkan guru-guru sokongan di luar bandar bagi membantu pelajar-pelajar miskin, terutamanya di sekolah-sekolah kekurangan murid di luar bandar.

Saya ingin menyentuh tentang Skim Makanan Tambahan. Tujuan pihak kerajaan mewujudkan Skim Makanan Tambahan ialah untuk memastikan pelajar-pelajar miskin di luar bandar mendapat pemakanan yang baik dan berzat. Saya kira skim ini banyak membantu pelajar-pelajar miskin di luar bandar. Cuma masalahnya ialah setakat ini Skim Makanan Tambahan hanya diadakan di sekolah-sekolah rendah sahaja.

Saya mencadangkan supaya skim ini dipanjangkan ke sekolah-sekolah menengah, kerana dari segi pemakanan yang baik, bukan sahaja pelajar-pelajar sekolah rendah berhak mendapat makanan yang baik dan berzat, tetapi pelajar-pelajar sekolah menengah juga berhak mendapat makanan yang berzat dan makanan yang baik. Saya percaya pelajar-pelajar yang miskin di sekolah rendah tidak bermakna apabila ke sekolah menengah ibu bapa mereka akan menjadi kaya. Jadi sebab itulah saya kira, ibu bapa yang miskin, yang mempunyai anak di sekolah rendah juga mempunyai taraf yang sama apabila anak mereka ke sekolah menengah. Dengan itu makanan tambahan perlulah dipanjangkan hingga ke sekolah menengah.

Yang kedua juga mengenai Skim Makanan Tambahan. Makanan tambahan yang ada hanyalah untuk makanan pagi. Bagi pelajar-pelajar yang jauh dari sekolah, yang mengikuti kokurikulum di waktu petang dan juga kelas-kelas tuisyen di waktu petang akan menghadapi masalah,terutamanya bagi pelajar-pelajar yang tinggal jauh dari sekolah yang sebahagian

besarnya adalah masyarakat Orang Asli. Masyarakat Orang Asli yang jauh dari sekolah apabila pulang ke rumah tidak akan ke sekolah lagi. Apabila balik, mereka akan terus di rumah dan tidak akan kembali untuk mengikuti pelajaran tuisyen dan sebagainya. Dengan ini saya mencadangkan, jika pihak kerajaan boleh mewujudkan makanan tambahan untuk waktu tengah hari kepada pelajar-pelajar yang tinggal jauh, terutamanya daripada kalangan masyarakat asli ini, ini akan memberi kesan yang baik terutamanya untuk mengikuti pelajaran tuisyen dan kokurikulum di waktu petang.

Satu lagi perkara yang perlu difikirkan oleh Kementerian Pelajaran ialah dari segi harga yang dibayar kepada setiap yang menyediakan makanan tambahan itu. Harga yang dibayar pada hari ini adalah sebanyak RM1.20 sahaja. Ini tidak mencukupi. Jika tidak mencukupi, peniaga-peniaga yang terpaksa mencari untung akhirnya akan memberi makanan yang kurang bermutu dan sebagainya. Dengan itu hasrat kerajaan untuk memberikan pelajar-pelajar makanan yang bermutu dan berzat akan tinggal harapan sahaja, kerana seperti kita tahu, pengusaha-pengusaha makanan ini akan juga terpaksa mengambil keuntungan daripada RM1.20 tadi. Jadi saya mencadangkan supaya RM1.20 tadi dinaikkan sekurang-kurangnya menjadi RM1.50 ataupun RM2.00.

Satu perkara lagi yang saya nak sebutkan ialah mengenai PPD, pejabat pelajaran daerah. Saya mencadangkan supaya pejabat pelajaran daerah diwujudkan mengikut daerah-daerah, iaitu satu daerah satu pejabat pelajaran kerana kawalan pejabat daerah adalah besar, bukan sahaja termasuk menjaga kebajikan guru, termasuk juga menjaga kebajikan murid dan menentukan pembelajaran dapat diikuti dengan baik dan sebagainya. Tetapi, apa yang berlaku terdapat kawasan-kawasan yang mempunyai satu PPD menjaga dua daerah dan sebagainya. Saya ingin mengambil contoh, di daerah saya di Bera. Daerah Bera telah pun diwujudkan sejak tahun 1992 dan mempunyai 50 buah sekolah rendah dan menengah. Tetapi, sehingga ke hari ini, Bera masih lagi di bawah PPD Temerloh, sedangkan daerah Bera luasnya adalah seluas negeri Melaka. Negeri Melaka tidak tahu mempunyai berapa PPD.

**Seorang Ahli:** Tiga PPD.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Tiga PPD, sedangkan Bera tidak ada PPD langsung dan diletakkan di bawah PPD Temerloh. Kalau daerah Temerloh campur Bera besarnya sama besar dengan Negeri Sembilan. Bekas DO Temerloh pun ada di sini, Yang Berhormat bagi Parit. Jadi, kalau kita lihat agensi-agensi lain diwujudkan mengikut daerah. JKR diwujudkan apabila ada daerah baru, JPS diadakan mengikut daerah baru, MARA pun ada MARA daerah, sedangkan MARA bidang kuasa dia tidaklah besar, cuma ada Pusat Giat Mara dan sebagainya. Tetapi, pendidikan yang saya kira amat besar, tanggungjawabnya terpaksa diletakkan di bawah

satu PPD yang terpaksa menjaga beberapa daerah. Rakan saya dari Padang Terap baru masuk. Saya difahamkan Padang Terap juga berkongsi satu PPD dengan Pendang. Jadi.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amirudin:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat masuk, terus ada penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amirudin:** Saya dok monitor.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Silakan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amirudin:** Saya amat gembira kerana Yang Berhormat bagi Bera mengeluarkan iaitu, berkehendakkan tiap-tiap daerah ada satu PPD. Saya menghadapi masalah yang sama Tuan Pengerusi. Ibarat dimadukan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Madu tidak apa Yang Berhormat, dia sama rata, anak tiri.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amirudin:** Yan/Kuala Muda. Bila Yan/Kuala Muda, terutamanya pegawai ini pun menghadapi masalah, kerana dia hendak *tackle* dua-dua daerah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Madu tidak apa Yang Berhormat, dia sama rata, anak tiri.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amirudin:** Ini tidak boleh, dia ada masalah. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Bera mencadangkan melalui saya kepada Yang Berhormat Menteri supaya diwujudkan tiap-tiap daerah satu pengarah pendidikan supaya ia dapat menjaga daerah itu. Contohnya daerah saya itu hari .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat, bagi Yang Berhormat Bera jawab.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amirudin:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bagi Yang Berhormat Bera menjawab.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amirudin:** Terima kasih.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Dia terbalik tadi, patut Yang Berhormat Jerai cadang melalui saya, bukan saya melalui Yang Berhormat Jerai kan? Ok. *[Ketawa]* Sebab saya yang bercakap. Ok, jadi saya pun bersetuju dan masalah ini bukan sahaja terdapat di Jerai, tetapi saya difahamkan banyak daerah menghadapi masalah yang sama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, minta gulung Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Termasuk Mambong. Akhir sekali adalah dari segi peruntukan untuk penyelenggaraan dan sebagainya. Peruntukan pembangunan dan perkara-perkara kecil. Baru-baru ini, tahun lepas, dikeluarkan arahan daripada pihak PPD, bahawa semua PIBG tidak boleh memohon daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk pembangunan

projek-projek kecil di dalam sekolah. Masalahnya ialah, mereka tidak mampu menunggu peruntukan daripada PPD. Mereka memohon, kadang-kadang perkara yang melibatkan keceriaan pusat sumber misalnya, baru RM2000-RM3000, tetapi mereka terpaksa menunggu bertahun-tahun untuk dapat peruntukkan, akhirnya mereka terpaksa meminta daripada Yang Berhormat untuk meluluskan perkara-perkara kecil seperti ini. Jadi dikeluarkan arahan, tidak boleh minta. Tetapi dalam masa yang sama, pihak Kementerian Pelajaran tidak mempercepatkan peruntukan-peruntukan yang diperolehi.

Jadi saya minta, kita memang amat bersetujulah, jikalau kita tidak perlu menyalurkan peruntukan-peruntukan tersebut kepada pihak sekolah dan sebagainya. Tetapi, saya rasa jika pihak Kementerian Pelajaran masih tidak cepat dari segi meluluskan peruntukan-peruntukan yang dipohon, kita wakil rakyat terpaksa juga memberikan peruntukan-peruntukan daripada peruntukan kita dan memang peruntukan tidak mencukupi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Jadi, sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tuaran selepas ini, walaupun ramai nak bercakap, kita kesuntukan masa, berhenti menjawablah lepas ini, Yang Berhormat bagi Tuaran.

### 5.30 ptg.

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta dalam perbahasan bagi Maksud B.41. Dalam perkara ini saya ingin membangkitkan perkara-perkara tentang kebajikan guru-guru, khususnya di negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian sedar bahawa ada guru-guru di negeri Sabah yang di akhir bulan, ia tidak mendapat apa-apa gaji. Perkara ini telah berlaku kerana guru-guru ini telah mengambil pinjaman yang berlebihan. Pinjaman ini telah diambil daripada satu agensi yang dipanggil Biro Angkasa dan akibatnya ialah ramai guru ini tidak lagi dapat menumpukan perhatian dalam mengajar, mendidik kanak-kanak oleh kerana masalah kewangan. Saya minta pihak kementerian supaya mengkaji perkara ini dan mengambil tindakan yang bersesuaian supaya guru-guru yang berkenaan, yang terlibat ini diambil tindakan.

[Timbalan Tang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin beralih ke Butiran 03000 iaitu ubahsuai dan naik taraf pembangunan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya

ingin menarik perhatian pihak kementerian tentang pelaksanaan pengubahsuaian sekolah-sekolah di negeri Sabah yang dijalankan sekarang. Pertamanya, saya mengucapkan bagi pihak rakan-rakan, khususnya Ahli Parlimen daripada Sabah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kerajaan Persekutuan di atas langkah memberi peruntukan untuk membaik pulih sekolah-sekolah rendah di negeri Sabah yang sedang dilaksanakan sekarang.

Cuma sedikit perkara tentang pelaksanaannya di mana guru-guru dan PPD tidak terlibat dalam proses ini. Saya difahamkan bahawa peruntukan ini telah disalurkan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah dan bukannya melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. Jadi, oleh sebab itu ramai guru dan PPD yang tidak tahu menahu langsung. Kontraktor datang ke sekolah untuk melaksanakan projek-projek tersebut dan guru besar sendiri tidak terlibat dalam membuat skop kerja. Ada juga sekolah yang tindakannya sudah dibuat terlebih awal untuk membaik pulih sekolah tetapi tersenarai lagi.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya ada sebuah sekolah, saya baru sahaja melawat dalam dua hari yang lepas – S.K. Sungai, di mana terdapat empat buah rumah guru yang dibina dari bambu dan sudah begitu usang. Saya pernah bawa Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar dahulu dan beliau sendiri melihat tempat ini dan peruntukan telah diluluskan pada tahun 2003 tetapi sehingga hari ini tidak dilaksanakan. Saya sendiri telah menyusuli dengan beberapa surat kepada pihak kementerian tetapi apabila datang peruntukan untuk membaik pulih sekolah-sekolah di negeri Sabah yang dijalankan sekarang, sekolah ini tidak tersenarai. Saya lihat dalam beberapa hari yang lalu, bila saya melawat sekolah ini, keadaan rumah-rumah guru yang dibina daripada bambu ini semakin usang dan barangkali kalau ada angin kuat, ia boleh roboh.

Oleh sebab itu saya amat terkilan bagaimana pihak kerajaan mengenal pasti di mana satu sekolah yang mahu dibaik pulih. Seperti mana yang saya katakan tadi, pihak sekolah, pihak guru besar, pihak PPD pun tidak terlibat, hanya Jabatan Pembangunan Persekutuan. Oleh sebab itu niat baik kerajaan untuk membaik pulih sekolah-sekolah ini tidak sampai ke sasaran. Untuk makluman, di kawasan saya di Parlimen Tuaran, terdapat 85 buah sekolah rendah dan dua PPD, saya minta supaya semua sekolah ini dibuat audit dari segi prasarana yang ada, kerosakan-kerosakan dan sebagainya supaya dapat diberi keutamaan.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya beralih ke Butiran 00100, pendidikan prasekolah dan rendah. Seperti mana yang saya katakan tadi, di kawasan saya terdapat 85 buah sekolah rendah dan mengikut kelayakan untuk mengadakan prasekolah ini, murid-murid dalam sebuah sekolah ataupun untuk masuk ke prasekolah ini hendaklah tidak kurang daripada 25 orang murid. Untuk makluman, di kawasan saya, sebahagian besar daripada sekolah-sekolah rendah yang 85 buah itu adalah tergolong dalam apa yang dikatakan sekolah kurang murid seperti mana juga yang dilaporkan oleh Timbalan Perdana Menteri bercerita tentang keadaan di Pahang di mana

banyak sekolah yang dikatakan sekolah kurang murid. Apabila saya terbaca di akhbar semalam tentang kewujudan sekolah kurang murid ini dan apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri meminta supaya dikaji, saya juga ingin mencadangkan supaya kajian tentang kewujudan sekolah kurang murid ini dibuat kajian di seluruh negara.

Pernah saya utarakan di Dewan yang mulia ini pada persidangan Parlimen yang lepas dan salah satu pesannya ialah, pihak kerajaan telah mengambil tindakan untuk mewujudkan apa yang dikatakan sekolah berpusat. Di negeri Sabah, sebuah sekolah berpusat telah diadakan di Bum Bum dan juga telah diumumkan pada ketika itu bahawa sebuah lagi sekolah berpusat akan dibina di kawasan saya iaitu di S.K. Lokos – secara kebetulan kampung saya. Sehingga pada hari ini sudah diumumkan dan tempat itu sudah disurvei, disukat dan sebagainya tetapi sehingga pada hari ini belum ada lagi tanda-tanda yang sekolah itu akan dilaksanakan. Semasa pengumuman itu dibuat, kita juga menghadapi masalah sebab setelah dibina sekolah berpusat ini nanti, ini akan mengakibatkan beberapa buah sekolah rendah yang kurang murid ini akan ditutup sebab pelajar-pelajar lain akan dimasukkan di sekolah yang berpusat itu. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan dan pihak kementerian membuat kajian tentang kedudukan sekolah-sekolah kurang murid.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin bersama-sama dengan Yang Berhormat bagi Bera tentang ....

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Okey, silakan.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Yang Berhormat bagi Tuaran, saya ingin minta penjelasan. Sekarang pun di Sabah dan Sarawak, kampung-kampung jaraknya jauh dari sekolah rendah dan juga apabila sekolah berpusat ini wujud nanti, masalah ini akan menjadi lebih ketara iaitu anak-anak yang berumur tujuh tahun dihantar ke sekolah sebagai murid asrama. Saya rasa kita di Dewan yang mulia ini tidak ada seorang pun rela melihat anak kita berumur tujuh tahun duduk di asrama, tidur di asrama, cuci pakaian sendiri, tidur tidak dijaga, hendak pergi ke jamban buang air besar, buang air kecil, takut hantu. Jadi, saya pun telah merayu di Dewan ini supaya lebih ramai lagi jawatan pembantu asrama diwujudkan. Macam mana Yang Berhormat....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, itu pun terkeluar daripada butiran.

**Tuan Jimmy Donald:** Ya, ini kerana Tuaran bercakap tentang sekolah berpusat. Apakah pendapat Yang Berhormat tentang hal ini?

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Pertamanya saya setuju dengan cadangan permintaan lebih ramai pembantu asrama itu. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, saya juga, tidak ada di antara kita di sini inginkan anak kita tinggal di asrama pada umur tujuh tahun dan lapan tahun

tetapi hakikatnya di kawasan saya, budak-budak tujuh tahun sudah tinggal di asrama dan asrama ini dibina oleh ibu bapa sendiri dalam pondok-pondok dan sebagainya. Saya boleh bawa Yang Berhormat untuk datang ke sekolah itu dan inilah hakikatnya. So sekolah berpusat itu amat relevan dalam keadaan-keadaan seperti ini. Oleh sebab itu saya meminta tadi supaya dibuat kajian.

Yang terakhir yang saya sebutkan tadi...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jerai bangun.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Ya, silakan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuaran, terima kasih Tuan Pengerusi. Kerana tidak boleh bercakap, Tuan Pengerusi, saya hendak salurkan permintaan dan kehendak Sekolah Tamil Tok Pawang di Parlimen Jerai dan Sekolah Harvard Dua, Tamil di Jerai. Sekolah itu sudah teruk, Yang Berhormat tolong sampaikan kepada Menteri ya, saya *channel* pada Tuaran, Tuaran beritahu pada Menteri bahawa sekolah ini sekarang mereka kongsi, jadi dia tidak ada sekolah. Begitu juga Sekolah Harvard, sekolah pun sudah teruk. Jadi, boleh atau tidak boleh, ada pegawai tolong catat sekejap, saya pun sudah tulis surat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak minta penjelasan ataupun berucap?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan melalui Yang Berhormat bagi Tuaran kepada Menteri. *[Ketawa]* Kerana saya tidak boleh *direct*, saya minta penjelasan melalui dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab keputusan telah dibuat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, mintalah kalau boleh tolong ya, kasihan budak-budak itu hendak terus. Jadi saya pun sudah segan hendak pergi ke sekolah, sudah tiga, empat kali depa minta, takut depa mengamuk, saya susahlah. Jadi saya harap Yang Berhormat bagi Tuaran tolong sampaikan kepada Menteri, terima kasih, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Tidak perlu sebut, Timbalan Menteri pun ada di sana, dia sudah dengar. Terima kasih.

Saya juga ingin menyokong pendapat Yang Berhormat bagi Bera tadi tentang PPD. Di kawasan saya, kawasan Parlimen Tuaran terdapat dua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Di Sabah ini kita mempunyai apa yang dikatakan gabungan PPD dan ini amat mengelirukan sebab di bawahnya itu penyelia sekolah tidak banyak tetapi gabungan PPD banyak kakitangan.

Perkara ini sudah kita utarakan, sudah kita bincang beberapa kali di Dewan yang mulia ini dan saya minta supaya soal pentadbiran pendidikan daerah ini dapat dikaji. Dahulu apabila

diadakan penstrukturan semula di negeri Sabah dalam soal PPD, akhirnya kita dapati apa yang ada sekarang tetapi masih banyak lagi kelemahan yang perlu dipertingkatkan di peringkat PPD dan saya bersetujulah dengan Yang Berhormat bagi Bera, bila dibuat kajian penstrukturan semula pentadbiran peringkat PPD, buatlah di seluruh negara secara komprehensif.

Yang terakhir sekali - ini yang terakhir, Tuan Pengerusi, ialah masalah *mission school*. Di kawasan saya ada sebuah *mission school*, St. John, di antara sekolah yang terbaik di daerah saya iaitu sekolah menengah dan sekolah ini amat daif sebab bukan sahaja yang kita ini Ahli-ahli Parlimen tidak boleh menyalurkan peruntukan tetapi mereka juga sukar mendapat bantuan daripada pihak kerajaan.

Saya mohon supaya sekolah *mission* ini, St. John sebagai contoh, di Tuaran ini, pihak kerajaan dapat menyalurkan peruntukan...

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bangun.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Silakan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi tentang *mission school*. Semalam saya menghadiri satu majlis perasmian Sekolah Kebangsaan Yong Peng yang dahulunya *mission school* dan saya tengok sekolah itu 98% adalah pelajar Melayu tetapi masih lagi sekolah bantuan modal dan keadaannya daif sangat.

Dalam usaha kerajaan memperkasakan sekolah kebangsaan, adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa golongan ini patut dibantu? Walaupun dahulunya *mission school*, sekarang sudah sekolah kebangsaan, jadi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan ini dan pagar mereka pun sudah hampir hendak runtuh. Oleh kerana bantuan modal, maka tidak dibuat. Minta pandangan.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih. Saya amat bersetuju dan itulah sebenarnya maksud saya, sekolah ini sekolah bantuan modal tetapi sekolah ini adalah di antara sekolah yang terbaik sebenarnya. Ia sudah mempunyai budaya cemerlang dari segi pendidikan dari dahulu sampai sekarang, sebagai contoh, sekolah St. John ini telah mengeluarkan ramai pemimpin, wakil rakyat dan sebagainya, tetapi sekolah itulah sekolah yang paling daif di daerah sebab pihak kerajaan tidak memberi peruntukan yang cukup sebab ini adalah sekolah bantuan modal.

Jadi setakat itu sahaja perbahasan saya, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, minta maaf sebab keputusan pun telah dibuat.

**Datuk Bung Moktar bin raden [Kinabatangan]:** Apa ini, Tuan Pengerusi, keputusan apa? Pendidikan ini melibatkan rakyat, masyarakat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Selepas Yang Berhormat bagi Tuaran...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Buat apa kita mahu berhenti cepat? Kita banyak waktu, berhenti jam 11.00 malam pun boleh, tidak apa.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Keputusan telah dibuat, tidak apalah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Banyak yang kita mahu salurkan masalah-masalah sekolah kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tengok pun ramai lagi, lapan orang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Keputusan kita berhenti jam 9.00 malam. Takkan Menteri bercakap dua jam?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat. Keputusan sudah dibuat, saya pun minta maaf. Kalau tidak buat, saya boleh beri. Lagipun ramai, kalau satu atau dua orang, saya boleh bagi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Yalah, keputusan ini pun orang buat juga. Orang boleh ubah juga keputusan. Takkan keputusan tidak boleh dibuat. Yang tidak boleh diubah, mati sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau ada apa-apa, nanti minta penjelasan daripada Menteri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Kalau ini macam, pulanglah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**5.44 ptg.**

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada enam Ahli Yang Berhormat yang telah berhujah yang telah mengeluarkan pandangan dan cadangan terhadap Kementerian Pelajaran Malaysia. Saya ucapkan berbanyak terima kasih.

Yang Berhormat bagi Serdang telah membangkitkan di kawasan perumahan baru beliau memerlukan sekolah kebangsaan yang masih tidak dapat dibina oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, saya juga ucapkan terima kasih kerana telah membangkitkan perkara ini, memang kawasan Yang Berhormat merupakan satu

kawasan yang begitu pesat membangun. Kawasan-kawasan perumahan, kawasan perumahan Taman Mahkota seumpamanya, merupakan satu kawasan perumahan yang cukup besar.

Sebenarnya Kementerian Pelajaran memang telah merancang untuk membina sekolah di kawasan tersebut, tetapi oleh kerana beberapa sebab, ia tidak dapat kita laksanakan pada masa yang singkat. Oleh kerana itu saya minta Yang Berhormat memberi sedikit masa kepada kementerian saya supaya projek Sekolah Seri Putra dapat dilaksanakan dalam kadar masa yang terdekat.

Sebenarnya cadangan sekolah itu pun telah kita rangka dan tapak pun telah dikenal pasti dan pelan projek pun telah kita siapkan dan kita harap sekolah itu dapat kita laksanakan tidak lama lagi.

Yang Berhormat bagi Serdang juga membangkitkan masalah makmal komputer. Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, memang hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia bercadang supaya...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron :** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

**Dato' Hon Choon Kim:** Nanti, nanti saya habis dahulu.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Saya hendak tanya Tuan Pengerusi sekejap. Boleh tidak saya minta penjelasan apa yang saya hendak cakap tetapi tidak dapat cakap tadi, jadi saya hendak minta penjelasan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Terpulang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Hon Choon Kim:** Memang Kementerian Pelajaran berhasrat untuk membina banyak makmal komputer dan sebenarnya kita pun telah mensasarkan bahawa pada satu-satu tempoh kemudian, semua sekolah mempunyai kemudahan komputer...

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jasin.

**Dato' Hon Choon Kim:** ...untuk digunakan oleh pelajar kita.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jasin dan Lipis.

**Dato' Hon Choon Kim:** Jasin.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Ini tentang makmal komputer. Kementerian telah buat kenyataan bahawa masalah makmal komputer ini sudah selesai tetapi kita lihat di kawasan-kawasan kita banyak lagi yang belum siap. Bagaimana pula boleh *contradict* dengan kenyataan kementerian?

Yang kedua tentang sekolah ini, Yang Berhormat bagi Serdang mengatakan dia tidak dapat sekolah, di Jasin, saya alhamdulillah dapat sekolah tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, apabila pembesaran sekolah berlaku, padang sekolah menjadi mangsa. Bila padang sekolah menjadi mangsa, akhirnya orang kampung tidak dapat hendak menumpang sekolah itu. Itulah sebabnya bola sepak yang dipimpin oleh Yang Berhormat bagi Larut hari ini rendah, turun, kerana orang di kampung-kampung tidak dapat mengeluarkan pemain-pemain bola. Sekarang padang bola habis. Apabila pembesaran sekolah dilakukan di luar bandar, yang menjadi mangsa ialah padang bola. Jadi terserah kepada menteri, apakah cadangan kementerian pada masa akan datang?

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jasin. Memang kita tidak bersetuju supaya padang permainan dijadikan sebagai tapak persekolahan, tetapi ada kalanya oleh kerana keperluan begitu mendesak, maka mungkin itu dijadikan sebagai sekolah. Walau bagaimanapun, kita akan sentiasa memantau supaya memberikan keutamaan kepada pelajar kita mempunyai kawasan untuk mengambil bahagian dalam sukan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Boleh saya cadang sedikit, Yang Berhormat? Kalau hendak diwujudkan padang pada masa ini mungkin kementerian menghadapi masalah untuk mendapatkan tanah-tanah yang luas. Kalau boleh, saya cadang kepada kementerian supaya mewujudkan gelanggang futsal iaitu hanya satu perempat daripada saiz padang bola.

Yang ini mungkin ada tanah-tanah lapang di sekolah-sekolah dan mungkin kosnya tidak begitu tinggi. Saya rasa kalau dijadikan gelanggang untuk kemudahan latihan kosnya mungkin sekitar RM70 ribu lengkap dengan pagar dan juga *flood light* dengan izin. Ini kalau boleh dicadangkan kepada Kementerian. Padang-padang yang telah diambil alih oleh kementerian dijadikan gelanggang futsal yang boleh digunakan bukan sahaja oleh sekolah tetapi juga oleh masyarakat di luar siang dan malam. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Yang Berhormat saya mengucapkan terima kasih dan sudah tentu pandangan Yang Berhormat akan diambil kira. Tentang ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** : Yang Berhormat, Lipis.

**Dato' Hon Choon Kim:** Sila.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini berkaitan dengan komputer jadi makmal komputer rasa saya tidak ada masalah sangat. Mungkin sekolah dibekalkan komputer untuk PMP tetapi saya agak terkejut apabila sebuah sekolah sukan di kawasan saya hanya ada satu komputer sahaja untuk pengurusan. Untuk mengurus pengurusan sekolah hanya ada satu set komputer

sahaja jadi saya pun hairan juga bagaimana kita sekarang ini yang bercakap tentang pembestarian sekolah, pembestarian pengurusan sekolah tetapi kita tidak membekalkan komputer yang secukupnya untuk pengurusan sekolah. Mohon penjelasan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Yang Berhormat, soalan yang telah dibangkitkan agak spesifik yang memerlukan saya buat satu siasatan. Kalau memang kalau ikut rancangan yang kita buat memang banyak komputer telah berikan kepada pihak sekolah. Jadi saya akan buat satu siasatan.

Yang Berhormat Serdang juga menyebut tentang PIBG menyatakan bahawa kerajaan haruslah memberikan bantuan kewangan kepada pihak PIBG supaya dapat pihak PIBG dapat melaksanakan lebih banyak program lagi demi kepentingan para pelajar di sekolah kita. Saya ingin memaklumkan bahawa kementerian saya tidak memberikan sebarang peruntukan kewangan kepada pihak PIBG. Walau bagaimanapun, di bawah Akta Pendidikan Seksyen 130(2) .....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]** Tuan Pengerusi,

**Dato' Hon Choon Kim:** .....Memang telah memperuntukkan bahawa pihak PIBG boleh mengutip peruntukan sumbangan daripada orang awam untuk menjalankan aktiviti yang dirancang oleh PIBG.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Peraturan, peraturan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, peraturan.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Kuorum tidak cukup 26 hari ini. Tidak cukup. Malu ini malu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Setiausaha, sila kira.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Malu ini, Ahli Parlimen dua ratus lebih 26 tak cukup mana boleh. Bilang dahulu.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** PAS ada seorang sahaja mana yang lain PAS?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Luar tidak kira.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ah, sama jugalah. Alah!, PAS mana, PAS, PAS?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Bilang dahulu.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** PAS mana? PAS?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Tak cukup ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak cukup locenglah.

*[Yang Berhormat Santubong mengira bilangan Ahli Parlimen yang berada di dalam Dewan]*

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ha, kurang lagi. Berapa ada?

**Beberapa Ahli:** 30, 30.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukupkah?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Lagi sekali?

*[Yang Berhormat Rantau Panjang terus keluar Dewan]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Apa ini, buang masa sahaja. Cukup. Ha, ha, tengok dia keluar, nampak.

**Beberapa Ahli:** Woo, woo, haa. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Hah, kourum cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tuan Pengerusi, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat kita kena menghormati Dewan jangan buat macam itu. Ini memalukan Yang Berhormat. Saya mintalah Yang Berhormat dah pun keluar Dewan, dia tak patut dia kena minta maaf ni kerana memaikan Dewan ini.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya cadangkan keputusan mesyuarat supaya Yang Berhormat Rantau Panjang itu menghormatilah Peraturan Mesyuarat. Kalau boleh minta dia menarik balik, main-main itu lepas itu dia keluar pulak. Ya, minta.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang itu jangan ikut.

**Dato' Hon Choon Kim:** Ok saya sambung jawapan saya. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu seorang bekas pegawai kanan Kementerian Pelajaran Malaysia yang cukup peka dan prihatin terhadap beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat telah membangkitkan bahawa pra sekolah. Memang saya setuju amat bahawa pra sekolah merupakan pelajaran atau sistem pendidikan yang cukup penting bagi anak-anak kita.

Oleh kerana itu Kementerian Pelajaran sedang membina lebih banyak kelas tadika pra sekolah untuk pelajar kita. Setakat 30hb Januari 2005 sebanyak 3,931 buah kelas pra sekolah telah dibuka di bawah Kementerian Pelajaran. Rancangan perluasan program pendidikan pra sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia adalah seperti berikut:

Pada tahun 2006 – 700 buah kelas

Pada tahun 2007 – 1,000 buah kelas

Pada tahun 2008 – 1,500 buah kelas

Pada tahun 2009 – 850 buah kelas

Pada tahun 2010 – 850 buah kelas

Jadi ini untuk menampung keperluan dari pelajar yang ingin mengikuti pelajaran pra sekolah di sekolah kita.

Yang Berhormat Kuala Terengganu juga sebut MPV. MPV ini mata pelajaran Vokasional bukan *Multi Purpose Vehicle*. MPV ini merupakan satu mata pelajaran yang kian mendapat sambutan baik daripada kalangan pelajar. Kementerian Pelajaran juga menyasarkan bahawa 33% pelajar tingkatan 4 dan 5 mengikuti kursus bentuk kemahiran vokasional menjelang tahun 2010. Untuk mencapai matlamat tersebut kementerian bercadang supaya membina 1,000 bengkel MPV baru iaitu 200 buah setahun dengan *enrolment* 123,000 menjelang tahun 2010. Membekal dan peralatan yang mencukupi kami menyediakan bantuan per kapita RM300 setahun dan juga menjalankan kursus peningkatan kemahiran guru untuk 22 mata pelajaran vokasional dengan kerjasama industri.

Yang Berhormat Kuala Terengganu juga menyebut tentang beban para guru di bawah Kementerian Pelajaran. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menyebut perkara ini. Memang masyarakat kita patutlah menghayati sumbangan atau perkhidmatan yang diberikan oleh para guru di negara kita ini. Walaupun diberikan banyak tanggungjawab banyak kerja tetapi mereka sanggup menerima beban untuk memikul tanggungjawab demi kepentingan anak-anak kita di sekolah.

Kementerian Pelajaran juga ada rancangan atau usaha untuk memartabatkan profesion perguruan dan banyak pun yang telah kita rancang dan inilah semua dengan satu tujuan ialah untuk meningkatkan profesionalisme di kalangan para guru berkhidmat di negara kita ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat,

**Dato' Hon Choon Kim:** Jerai.... peminat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya hendak tanya sedikit.

**Dato' Hon Choon Kim:** Sila, sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, saya hendak tanya sedikit masalah guru ini bila kita hantar ke kawasan-kawasan yang jauh pedalaman dan sebagainya, saya kurang arif tetapi Yang Berhormat Kalabakan dia kata di belah pulau-pulau di Sabah ini guru-guru tidak mahu pergi fasal susah. Jadi adakah .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masalah Kalabakan Yang Berhormat Kalabakan akan bangkitkan. Kalau Jerai bangkit ...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya bincang, saya berbincang Tuan Pengerusi.....

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Saya bangunlah. Saya bangunlah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Biar saya habis ayat saya. Jadi boleh atau tak boleh pihak kementerian beri *hardship* elaun ataupun ada atau tidak *hardship* elaun, elaun susah payahlah untuk guru-guru yang kita hantar ke kawasan-kawasan yang jauh. Macam duta-duta kita kalau dia pergi ke negeri yang susah macam Bangladesh, dia dapat *hardship* elaun. Jadi guru-guru kita ini dapatkah atau tak dapat, saya nak tanya menteri?

**Dato' Hon Choon Kim:** Memang Kementerian Pelajaran telah menyediakan jenis elaun untuk diberikan kepada guru yang berkhidmat di luar bandar, memang ada. Tetapi kadarnya saya tidak ingat. Ya, silakan.

**Datuk Ronald Kiandee:** Tentang elaun guru, saya ingin tahu sama ada kementerian akan mengkaji Elaun Perumahan yang berbeza antara guru-guru daripada Semenanjung yang mengajar di Sabah dengan guru-guru berasal daripada Sabah ini mengajar di luar kawasan tempat tinggal mereka. Saya mendapat maklumat ini daripada guru-guru yang berada di kawasan saya, Tuan Pengerusi, ada di kalangan mereka yang berasal daripada Semenanjung yang mengajar di kawasan saya mendapat Elaun Perumahan yang lebih tinggi berbanding dengan guru-guru yang berasal daripada Sabah tetapi bukan daripada kawasan Beluran, bukan daripada kawasan saya itu berasal dari Sabah yang jauh daripada kawasan tempat tinggalnya tetapi mengajar di kawasan saya mendapat Elaun Perumahan yang lebih kecil berbanding dengan guru yang berasal daripada Semenanjung mengajar di kawasan saya. Ini menimbulkan rasa tidak senang di kalangan mereka kerana dari segi kesukaran untuk membayar sewa rumah itu sama, sama ada daripada Semenanjung ataupun mereka yang daripada Sabah sendiri dan mengajar di luar kawasan asal mereka.

Saya ingin tahu sama ada kerajaan akan mengkaji agar masalah ini dilihat dan diselesaikan untuk memberikan penyeragaman terhadap Elaun Perumahan bagi guru-guru yang ditugaskan di luar daripada kawasan mereka sama ada daripada Semenanjung begitu juga daripada Sabah yang mengajar luar daripada kawasan kampung halaman mereka sendiri. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Memang benar kadar elaun yang diberikan kepada seorang guru daripada Semenanjung yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak memang ada beza daripada orang Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Ini bukan untuk guru sahaja, saya rasa pegawai-pegawai yang lain daripada kementerian lain juga menerima elaun yang berbeza. Ini memang satu amalan yang telah lama kita pakai.

**Datuk Ronald Kiandee:** Dato', masalahnya tidak diaddress, mereka yang katakan berasal daripada Kota Kinabalu yang mengajar di daerah Beluran akan menghadapi masalah yang sama seperti guru yang berasal dari Semenanjung mengajar di kawasan Beluran. Jadi soal sara hidup, dari soal *hardship*, ia memberi masalah yang sama kepada mereka yang berasal

daripada Kota Kinabalu dan yang berasal daripada Semenanjung. Saya tahu bahawa ini sedang dipraktikkan sekarang ini, sedang berkuat kuasa sekarang ini tetapi saya ingin mencadangkan agar kementerian melihat isu ini dan mencari jalan yang terbaik untuk menangani masalah ini.

Guru-guru yang berasal dari Kota Kinabalu umpamanya banyak mengeluarkan rasa tidak senang dan kecil hati kerana bagi mereka, mereka mempunyai masalah yang sama seperti guru yang berasal daripada Semenanjung. Soal gaji dan soal untuk mendapatkan rumah merupakan soal yang sama tetapi dari segi elaun yang mereka terima ada perbezaan. Saya ingin agar kementerian mengkaji, tidak payah jawab sekarang tetapi mengkaji keadaan ini agar setiap guru yang berada di daerah itu tidak akan ada perasaan kecil hati, sakit hati terhadap guru yang lain.

Saya rasakan bahawa masa telah tiba untuk kementerian mengkaji agar tidak ada rasa berlainan antara guru-guru yang berasal dari Semenanjung dan mereka yang berasal daripada Sabah. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih Yang Berhormat, saya akan bawa balik tentang cadangan Yang Berhormat yang dapat satu kajian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bandar Kuching.

**Dato' Hon Choon Kim:** Sila.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih Yang Berhormat. Masalah yang disebutkan tadi, bukanlah saja guru yang berasal dari Semenanjung dihantar ke Sabah mendapat elaun yang lebih tinggi tetapi misalan guru yang berasal dari Melaka yang berkhidmat di Negeri Sembilan akan mendapat Elaun Sara Hidup, Housing Allowance yang lebih tinggi daripada guru yang berasal dari Kuching berkhidmat di Miri dalam satu negeri, kerana mereka masih dalam satu negeri. Oleh itu Housing Allowance, Elaun Sara Hidup semuanya lebih rendah berbanding dengan mereka yang berasal dari Melaka yang berkhidmat di Negeri Sembilan kerana dia berkhidmat di negeri yang bukan negeri asalnya. Itulah tidak adil kerana jarak dari Kuching ke Miri adalah lebih jauh dari jarak Melaka ke Negeri Sembilan. Oleh itu, sistem ini saya cadangkan supaya menteri dapat mengkaji lagi kerana permukaan Sabah dan Sarawak amatlah besar berbanding dengan Semenanjung sini.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih dengan cadangan itu. Yang Berhormat bagi Larut telah menimbulkan persoalan tentang tuisyen yang diadakan oleh para guru.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Lipis?

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini berbalik kepada guru tadi, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana mengadakan Skim Guru Cemerlang dan juga mengucapkan tahniah kepada guru-guru yang telah menjadi guru cemerlang. Hanya apa yang saya lihat ialah guru-guru cemerlang ini ada yang daripada sekolah harian biasa apabila mereka menjadi guru cemerlang mereka ditempatkan ke sekolah berasrama

penuh. Jadi ini rasa saya agak merugikan kerana kepakaran mereka itu sepatutnya mereka memberi latihan ataupun terutamanya kepada guru-guru permulaan bagaimana hendak mengajar dalam bidang mereka itu sepatutnya.

Jadi di sini saya hendak mencadangkan supaya guru-guru cemerlang ini ditempatkan di Pusat Kegiatan Guru (PKG), mereka boleh berada di sana dan pada masa yang sama mereka membuat alat-alat bantu mengajar dan juga menulis kaedah-kaedah mengajar yang terbaik di dalam mata pelajaran yang mereka menjadi guru cemerlang. Dan apabila ada sekolah-sekolah yang kekurangan guru ataupun ada gurunya terpaksa pergi berkursus dan sebagainya, guru cemerlang ini bolehlah menggantikan tempat. Jadi dengan cara ini tidak perlu lagi pihak sekolah mengambil guru sementara, contohnya kalau seseorang guru yang cuti bersalin, mereka mengambil guru sementara yang tidak terlatih. Jadi dengan cara ini kualiti pendidikan dapat kita kekalkan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih Yang Berhormat. Tentang soalan ini, guru cemerlang walaupun bertugas di asrama penuh bukan bermakna beliau tidak boleh memberi sumbangan kepada mata pelajaran atau memberi nasihat, tunjuk ajar kepada guru-guru yang memerlukannya. Walaupun fizikalnya tidak bertempat di sekolah seperti yang disebutkan Pusat Kegiatan Guru tetapi kepakaran guru ini sudah tentu boleh diminta oleh guru-guru biasa supaya dapat nasihat dan bantuan daripada guru cemerlang ini.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Larut, seorang guru memang tidak boleh mengadakan kelas tuisyen tanpa kebenaran daripada Kementerian Pelajaran Malaysia. Yang ini telah begitu nyata diberitahu kepada semua guru - "Seorang guru tidak boleh mengadakan, menjalankan tugas atau kerja selain daripada tugas rasmi melebihi empat jam seminggu." Ini memang telah ditetapkan, jelas dan pekeliling pun telah dihantar kepada pihak sekolah untuk memaklumkan kepada para guru.

Oleh kerana itu, guru yang mengadakan kelas tuisyen hendaklah mendapat kebenaran daripada Kementerian Pelajaran kalau tidak dia memang melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Jelas bahawa guru-guru yang mengadakan tuisyen memerlukan kelulusan atau kebenaran daripada pihak kementerian. Masalah yang ditimbulkan ialah tentang adanya guru-guru yang disedari ataupun tidak mungkin tidak begitu menumpukan tugas mereka di sekolah, tetapi di luar dengan mengambil kesempatan mengadakan kelas-kelas tuisyen kerana mereka akan mendapat satu lagi punca pendapatan. Itu yang saya maksudkan, yang telah saya bangkitkan tadi.

Bagaimanakah kementerian melihat supaya tidak timbul lagi perkara ini, apakah nasihat dan tindakan yang telah diambil kerana kalau ini berterusan berlaku ia akan menyulitkan lagi

tumpuan murid-murid, yang mana ibu bapa semuanya tidak mampu kebanyakannya untuk menghantar anak-anak mereka untuk ke kelas-kelas tuisyen. Kalau ini yang seperti kita katakan tadi, kita sudah tentu tidak akan mengikut sesetengah negara seperti di India yang dilaporkan, bahawa oleh kerana ramai sangat guru yang terlibat dalam mengadakan kelas-kelas tuisyen ini mereka akan menswastakan. Itu apa yang berlaku di India sebagaimana yang telah dilaporkan kerana memang soal menswastakan kakitangan kementerian kita lihat memang ada *in house*, dengan izin ke atas sesetengah kakitangan - memang berlaku. Umpamanya macam kakitangan membersihkan kawasan, tukang kebun dan sebagainya sekarang sudah dikontrakkan. Tetapi bukanlah kehendak kita ke arah itu, tapi sekiranya ini berterusan sudah tentu keadaannya akan boleh jadi berubah.

Jadi saya meminta satu penjelasan daripada pihak kementerian apakah tindakan daripada kementerian tentang perkara yang telah saya bangkitkan ini. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih Yang Berhormat. Pada hemat saya kebanyakan guru memang mempunyai dedikasi terhadap tugas mereka. Kalau ada pun segelintir sahaja yang tidak menumpukan tenaga untuk mengajar murid kita.

Walau bagaimanapun saya rasa tidak perlu untuk guru itu mengadakan tuisyen kalau semata-mata untuk menambahkan pendapatan mereka, kerana kerajaan juga mempunyai satu Skim Baucar Tuisyen yang telah kita mulakan dan juga diberikan kepada guru yang berhasrat untuk mengajar murid-murid dalam kelas tuisyen. Semua telah kita luluskan dan setiap tahun lebih kurang RM200 juta telah digunakan dalam Skim Baucar Tuisyen yang telah kita laksanakan setahun dua tahun yang sudah.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** *[Bangun]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Jadi saya.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Pandangan Yang Berhormat sudah tentu akan diambil kira dan saya akan mengingatkan guru kita supaya janganlah mengadakan kelas tuisyen atau sengaja mengadakan kelas tuisyen seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Lagi satu Yang Berhormat, tidaklah bermakna mereka ini tidak boleh memberikan kelas tambahan atau kelas tuisyen ini secara sukarela. Kemungkinan ada pelajar-pelajar yang tidak boleh menumpukan tutor di sekolah, mereka boleh mengadakan secara sukarela. Saya rasa ini tidak ada masalah kalau mereka hendak lakukan. Cuma yang saya maksudkan tadi ada dua isu yang timbul di sini, maknanya kalau yang sukarela saya rasa itu tidak ada masalah di pihak kementerian. Terima kasih.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** *[Bangun]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih, kita akan mengambil perhatian terhadap apa yang dibangkitkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Parit.

**Dato' Hon Choon Kim:** Parit, sila.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik dengan perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan Skim Baucar Tuisyen. Daripada laporan ataupun pemerhatian saya dan laporan yang diterima daripada pihak ibu bapa, terdapat juga guru-guru yang mengajar di bawah Skim Baucar Tuisyen ini membuat tuisyen di dalam waktu kelas biasa.

Sepatutnya tuisyen ini sebagai satu *addition*, dengan izin tetapi ada berlaku maknanya guru yang berkenaan itu mengajar tuisyen pada waktu kelas biasa. Jadi saya harap pihak kementerian kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut RM200 juta, jadi harus dipantau dengan lebih mendalam supaya tidak berlaku kerana jika berlaku ini merupakan satu penyelewengan dan pembaziran. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih Yang Berhormat. Kami memang mengalu-alukan kalau Yang Berhormat ada maklumat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, ada guru sengaja untuk mengadakan tuisyen pada waktu persekolahan. Saya minta tolong kalau Yang Berhormat boleh sampaikan di mana sekolah itu, siapa guru itu supaya kita boleh dapat memantau dan buat satu siasatan.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah menyebut beberapa perkara. Yang pertama ialah mengenai Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Kita memang sedar bahawa Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bukan kali pertama menyebut tentang perkara ini. Tetapi ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran tidak menghalang sesiapa untuk membangkitkan perkara ini. Tidak menghalang sesiapa untuk membangkit, meminta membina lebih banyak sekolah Cina atau sekolah Tamil, tidak membangkitkan.

Cuma kita rasakan lebih baik kita bincang dalam dalaman dengan wakil daripada parti-parti dalam komponen Barisan Nasional. Ini merupakan cara yang lebih berkesan dan lebih baik. Yang Berhormat juga sebut bahawa wakil daripada MCA tidak berani. Kenyataan ini tidak timbul sama sekali kerana seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi, memang Ahli-ahli Yang Berhormat daripada MCA, Gerakan dan lain-lain memang merupakan anggota dalam MAPEN 1 dan MAPEN 2, mereka telah membincangkan perkara-perkara ini.

Walaupun parti-parti Pembangkang telah dijemput, tetapi telah ditolak jemputan dan di sinilah bangkit macam-macam bagai seorang hero untuk memperjuangkan hak orang Cina, memperjuangkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, saya rasa ini tidak benar. Sebenarnya pihak

Kementerian Pelajaran memang telah membina beberapa buah sekolah sejak beberapa tahun yang sudah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** *[Bangun]*

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Sebenarnya.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** .....empat buah sekolah Cina telah pun siap dan dua buah sekolah Cina lagi dalam pembinaan. Jadi ini menunjukkan bahawa kerajaan juga memberi peluang atau berusaha untuk menambahkan bilangan tempat untuk murid-murid kita. Dalam masa yang sama tidak dapat kita nafikan bahawa sekolah kebangsaan merupakan sekolah untuk semua.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada dua yang bangun.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tidak perlulah saya rasa. Nanti habis dahulu.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Nanti saya akan.....

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Tengok.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Itu yang saya sebut, kalau hendak bincang kalau dalam suasana macam ini tidak dapat pergi mana-mana tempat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Pengerusi, tadi kami tidak diberikan peluang. Sekarang penjelasan sahaja pun tidak diberikan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Beri, beri. Nanti, nanti. Saya siap dahulu.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ada berhubung kait dengan.....

**Dato' Hon Choon Kim:** Boleh, boleh, boleh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bagilah! Bagilah!

**Dato' Hon Choon Kim:** Bagi, bagi tidak apa. Bos sudah cakap. Bos Yang Berhormat sudah cakap bagi, bagi tidak apa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dengar sini, bukan dengar bos dia.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tidak apa. Kalau Tuan Pengerusi izinkan.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Jangan takutlah, bagi sekarang.

**Dato' Hon Choon Kim:** Siapa takut? Tidak ada takut. Ini bukan soal takut atau tidak takut. Ini bukan soal takut. Kita melaksanakan tanggungjawab cara kita membuat keputusan, cara untuk menyelesaikan masalah. Ini adalah cara Barisan Nasional.

**Puan Chong Eng:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Jadi oleh kerana itu tidak perlulah bangkit perkara ini.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ingin berikan laluan atau tidak?

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya berikan kepada Cheras.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu kerana saya berpendapat apa yang dikatakan oleh pihak beliau adalah tidak benar. Yang Berhormat kata sejak beberapa tahun yang lalu empat buah sekolah baru SJK (C) siap dan dua dalam pembinaan tetapi soalan yang saya ingin timbulkan di sini ialah dan saya tujukan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejak tahun 1999, semasa bulan November semasa pilihan raya umum yang digunakan oleh Barisan Nasional untuk memancing undi daripada pengundi masyarakat Cina, enam buah sekolah Cina baru yang dijanjikan untuk dibina tetapi sehingga kini kecuali dua sekolah yang siap dibina; satu ialah SJK (C) Pui Choy yang telah pun siap dibina semasa pilihan raya umum setahun itu tetapi diubah dan menjadikan yang sepatutnya SK dijadikan SJK (C) kerana permintaan dan keperluan untuk sekolah adalah lebih kurang daripada kemudahan sekolah.

Maka akses sekolah itu diberikan SJK (C) untuk memenangi pilihan raya. Sekolah Taman Connaught pula, telah siap, ini memang benar tetapi apa pula empat buah lagi yang belum siap dan saya difahamkan ada yang masih dalam peringkat pembinaan yang awal dan ada yang masih dalam terbengkalai, ada yang belum lagi cari tapaknya. Saya ada bukti, SJK (C) Kepong, SJK (C) Kepong 3, SJK (C) Desa Jaya Dua, kedua-dua ini dalam peringkat pembinaan yang sangat awal, baru mula sahaja. Bila siap? Tidak ada orang yang tahu. Sekolah SJK (C) Ampang 2, sekarang sudah terbengkalai dan rakyat seperjuangan Yang Berhormat iaitu Timbalan Menteri dari Pandan beberapa hari dahulu sahaja melalui surat khabar mengemukakan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa soalan, Yang Berhormat?

**Tuan Tan Kok Wai:** Mengeluarkan ketidakpuasan mereka, bahawa sekolah SJK (C) Ampang itu walaupun kerja-kerja tanah sudah bermula sejak awal tahun yang lepas, sampai sekarang tidak ada kerja kemudiannya. Maka di Kuantan pula, Sekolah Tong Ching, Tong Ching.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah....*[Dewan menjadi riuh seketika]*

**Beberapa ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Langsung tanah tidak dapat diperuntukkan, tidak ada kerja permulaan pun. Apakah penjelasan yang dapat diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, empat sudah siap, dua masih dalam peringkat pembinaan. Ini satu, Yang Berhormat Timbalan Menteri memutarbelitkan Dewan ini, ini adalah fakta yang tidak benar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang memesongkan! Ada banyak lagi oh....

**Cik Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Beberapa ahli:** *[Juga menyampuk]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Cheras, biar saya jawab. Yang Berhormat dengar, tidak payah meninggikan suara, Yang Berhormat, *loud speaker* memang berkesan, saya boleh dengar. Tanya dengan tidak terlalu emosi.

**Beberapa ahli:** Takut!

**Dato' Hon Choon Kim:** Mana ada takut, saya tidak takut, saya tidak lari, saya masih di sini, pasal apa saya hendak takut? Sebenarnya Yang Berhormat pun ingatkan saya dan saya ucapkan banyak terima kasih, Yang Berhormat sebut Brinchang 2 pada masa pembinaan memang untuk sekolah kebangsaan. Betullah, Yang Berhormat sebut. Yang Berhormat pun sebut, lepas ditukar kepada sekolah Cina, apa maksudnya? Ini bermaksud Kementerian Pelajaran memang liberal untuk memberi, kalau ada permintaan daripada orang awam dan kita rasakan di kawasan itu memerlukan sebuah sekolah Cina. Kita tukar sekolah kebangsaan dan menjadikannya sebagai Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini putar belit!

**Dato' Hon Choon Kim:** Jadi, inilah.....

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini putar belit, tadi saya kata kerana.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perlu mendapatkan kebenaran.

**Tuan Tan Kok Wai:** SK di Petaling Jaya itu, bilangannya adalah melebihi daripada permintaan. Dalam bahasa Tionghua *[Bercakap dalam bahasa Cina]* Dijadikan SJK (C) untuk memenangi pilihan raya, ini gimik politik MCA.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Pengerusi, kalau begini saya tidak beri peluang.....

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Sorak]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya tidak beri peluang lagi. Memang Yang Berhormat sebut Brinchang 2 asalnya memang sekolah kebangsaan, dia sebut. Yang Berhormat pun ada dengar, selepas itu dia ditukar kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Jadi, ini memang, itu pun selepas pilihan raya, bukan semasa pilihan raya, siapa yang putar belitkan? Terimalah hakikat,

ini satu hakikat, saya sebut empat buah sekolah, biar saya sebutkan namanya. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Taman Johor Jaya; Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tun Tan Ching Loke; SJKC Connaught 2, empat buah telah kita siap.

Kita ada lagi dua buah masih dalam pembinaan iaitu Ompong 2. Ompong 2, bukan salah Kementerian Pelajaran. Itu ada sangkut-paut dengan kontraktor yang masih belum dapat menyiapkan projek itu, bukan diarah oleh Kementerian Pelajaran supaya menjadikan projek sakit atau ia tidak dapat menyiapkan dalam tempoh telah kita tetapkan. Memang kontraktor itu telah diberikan *warning* dan telah diberikan lanjutan masa dan kalau masih tidak boleh siap, kita akan batal kontraknya. Lagi satu buah ialah Desa Jaya 2, masih tengah pembinaan dan projek itu berjalan dengan licin dan tidak ada masalah dan kita jangka akan siap pada tahun ini.

Jadi, Yang Berhormat, empat buah sekolah dan dua buah sekolah masih dalam dan tengah pembinaan. Yang Berhormat sebut Kepong 3, memang Kepong 3 telah diberikan kelulusan untuk dibina oleh Lembaga Pengurus Sekolah dan saya pun telah pun membantu mereka supaya mendapat sekeping tanah kerajaan untuk tujuan pembinaan sekolah tersebut. Mereka tengah merancang untuk membina sekolah itu. Jadi, siapa yang memutarbelitkan fakta-fakta yang benar? Siapa yang putar belitkan? *[Tepuk]* Siapa yang putar belitkan.....

**Tuan Tan Kok Wai:** Ampang dan Kuantan, macam mana?

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Pengerusi ....

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam?

**Dato' Hon Choon Kim:** Tidak payahlah, Yang Berhormat, saya pun telah jawab apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, cukup jelas.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ampang dan Kuantan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Selain daripada itu beberapa sekolah, hampir dekat 40 buah sekolah telah diluluskan untuk dipindah dari satu kawasan ke satu kawasan di mana penduduk yang lebih banyak, itu pun telah kita lakukan.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Puan Chong Eng:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Sila.

**Puan Chong Eng:** Sangat terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.....*[Ketawa]*

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** Apa yang diberitahu ini, tujuh buah sekolah, yang empat buah sekolah telah disiapkan, tiga buah sedang dibina dan empat puluh empat buah dalam proses ataupun telah diberi kebenaran untuk meminda. Tuan Pengerusi, saya rasa kenyataan ini sekurang-kurangnya 10 kali telah dikatakan di dalam surat khabar. *[Ketawa]* Tidak apalah, tidak apalah..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu pun tidak salahlah, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Itu pun tidak ada salahlah, tidak ada salah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada perkara yang sama juga, Yang Berhormat bangkit banyak kali!

**Puan Chong Eng:** Itu tidak salahlah, itu tidak salah. *[Dewan riuh dengan ketawa]* Yang saya hendak tanya ialah adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dan MCA sangat puas hati dengan tujuh buah sekolah ini yang dikatakan empat sudah siap dan *[Disampuk]* dua dalam pelaksanaan. Adakah ini sudah cukup? Adakah kawasan, Tuan Pengerusi ada kekurangan SRJK (C), ada atau tidak? Dan juga Gelang Patah, sedang semua datang ke sini merayu, itu menunjukkan bahawa tidak cukup, tidak cukup.

**Puan teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Puan Chong Eng:** Yang kita hendak ialah bukan *tokenism* yang sudah dikatakan, bukanlah seperti *charity*.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan berucap. Berikan hujah.

**Puan Chong Eng:** Saya tahu. Apakah dasar kerajaan? Adakah pertimbangan *case by case* ini sudah cukup adil kepada ibu bapa-ibu bapa yang hendak menghantar anak mereka ke SRJK(C). Saya bukan hero. Kalau saya hero, adalah kerana dasar kerajaan. Saya hanya menyuarakan hasrat ibu bapa-ibu bapa yang ingin, yang hendak menghantar anak mereka ke SRJK(C) sahaja dan saya lebih suka tidak mencari hero dalam isu ini. Saya lebih suka kalau kerajaan dalam Dewan ini memberi jaminan bahawa kerajaan akan membina SRJK(C) mengikut keperluan dan ini saya rasa.....

**Seorang Ahli:** Tuan Pengerusi, macam mana dia hendak jadi hero, dia perempuan.

**Puan Chong Eng:** .. akan membantu MCA juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kalau hendak membantu MCA, masuk MCA lah. *[Sorak]*

**Puan Chong Eng:** .... dan juga tidak perlu. Kalau saya masuk MCA, tidak akan menolong dan juga SRJK(C) bukan.....

**Seorang Ahli:** Siapa yang berucap?

**Puan Chong Eng:** .....bukan hanya dihadiri oleh.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang siapa yang berucap? *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** Yang saya hendak penjelasan ialah SRJK(C) bukan untuk pelajar Cina sahaja. Ada 70,000....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawablah.

**Puan Chong Eng:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Haa, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** Jadi, yang saya hendak tanya ialah.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

**Puan Chong Eng:** ... hendak tanya ialah adakah Menteri sudah sangat puas hati dengan apa yang telah tercapai oleh MCA ataupun semua yang diminta pada hari ini, yang SRJK(C) sudah cukup.

**Dato' Hon Choon Kim:** Cukuplah Yang Berhormat. *[Ketawa]* Okey. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat. Banyak soalan telah dikemukakan. Soal puas hati atau tidak puas hati, itu soal lain. Dalam dunia ini, siapa yang puas hati? Siapa yang puas hati?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Yang Berhormat berminat? Yang Berhormat berminat? Okey, sila.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**].

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, soalan puas hati tidak boleh dibangkitkan. Saya cukup yakin kalau saya jadi Timbalan Menteri, saya akan jawab dan katakan memang tidak puas hati. Tetapi, pembinaan sekolah-sekolah macam ini memang secara berperingkat-peringkat. Di kawasan saya Tuan Pengerusi, kementerian belum buat lagi berapa banyak sekolah-sekolah kebangsaan. Belum buat lagi sekolah-sekolah kebangsaan di pinggir bandar ini. Jadi, kita belum berpuas hati. Memang tidak ada orang pun yang dapat berpuas hati dengan keadaan yang ada sekarang. Anak-anak beribu-ribu tiap-tiap tahun akan masuk ke sekolah dan sumber kewangan kerajaan belum mencukupi untuk memuaskan hati tiap-tiap Ahli Parlimen di sini.

Jadi, jangan katakan orang Cina tidak berpuas hati mengenai pembinaan sekolah Cina ini. Sekolah kebangsaan ini, kita pun tidak puas hati juga. Ada juga sekolah Cina dalam kawasan saya, saya tidak puas hati juga. Jadi, soalan puas hati bukanlah satu kayu pengukur Tuan Pengerusi. Kayu pengukur yang sebetulnya yang saya hendak tanya di sini ialah sumber kewangan yang kerajaan berikan sudah pakaikah keseluruhannya, RM100 juta ini untuk luar bandar? Sudah pakai ataupun tidak? Kalau sudah pakai, adakah menggunakan cara dulu, diberi dengan satu syarikat dan kalau syarikat sudah gunakan, sudah pakai duit semua sekali, sudah masuk poket dia orang, macam mana prestasi syarikat ini? Saya hendak tanya, macam mana prestasi syarikat? Ini baru soalan puas hati boleh pakai. Puas hati atau tidak kementerian dengan soalan duit RM100 juta dibelanjakan dan apa kata RM100 juta yang dipakai, puas hati atau tidak dengan syarikat ini? Kalau tidak puas hati, adakah akan dipakai pula tahun akan datang dengan syarikat yang sama juga? Apakah mekanisme supaya boleh memuaskan hati pihak kementerian, duit yang dipakai ini. Tuan Pengerusi, minta sedikit penjelasan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya amat setuju Yang Berhormat bagi Santubong. Tadi kita dengar Yang Berhormat bagi Bera, Yang Berhormat bagi Tuaran bangkitkan macam-macam kesulitan yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar. Mereka pun tidak puas hati. Siapa ada puas hati? Kalau puas hati, semua puas hati, tidak payah kita bangkitkan dalam persidangan, bersidang untuk bincang, untuk mengemukakan masalah rakyat. Jadi Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, soal puas hati atau tidak itu soal lain. Apa yang kita usahakan ialah untuk ikut keperluan, ikut kemampuan masyarakat kita, negara kita dan inilah cara yang kita buat.

Jadi Yang Berhormat, saya beralih kepada matrikulasi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Ini, saya mahu memaklumkan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat sebut ada orang dapat 10 A1 tidak dapat masuk.

Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, tadi semasa di luar lobi, Yang Berhormat daripada Barisan Nasional pun ada bertanya saya, mengapa mereka tidak dapat masuk. Antaranya Yang Berhormat bagi Ayer Hitam pun tanya saya, Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau pun tanya saya, Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah pun tanya saya. Mereka pun tidak puas hati mengapa 10 A1 tidak boleh masuk. Ingin saya menjelaskan kepada Yang Berhormat, sebenarnya program matrikulasi ini, Kementerian Pelajaran memberikan 10% tempat kepada pelajar bukan bumiputera. Ini sudah nyata. Saya harap semua orang faham. Kriteria untuk memilih seorang pelajar untuk mengikuti kursus matrikulasi berasaskan kepada beberapa mata pelajaran sahaja.

Pertama, untuk jurusan Sains ialah Matematik Moden, Matematik Tambahan dan dua mata pelajaran Sains - empat mata pelajaran yang diambil kira. Kalau jurusan perakaunan, Matematik Moden, Matematik Tambahan, Prinsip Akaun dan salah satu mata pelajaran daripada

Ekonomi Asas, Perdagangan, Sains Tambahan, Fizik, Kimia, Biologi, mata pelajaran teknikal dan sebagainya . Jadi, hanya empat mata pelajaran yang diambil kira. Untuk pelajar kaum bukan bumiputera, 80% diberikan berasaskan kepada merit, 20% diberikan kepada faktor di mana pelajar berada iaitu luar bandar atau bukan luar bandar. Kedua, tentang pendapatan keluarga mereka.

Jadi, inilah cara kita pilih. Kalau seorang pelajar dia dapat 4 A1 dalam mata pelajaran yang ditetapkan, tidak ada beza dengan seorang pelajar yang dapat 10 A1 juga sama dapat kira hanya empat mata pelajaran sahaja. Jadi yang 20% kita kena lihat sama ada pelajar tinggal daripada luar bandar atau bandar dan pendapatan keluarganya. Jadi inilah.....

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ayer Hitam bangun Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Nanti ya. Jadi inilah kriteria untuk kita memilih calon untuk mengikuti kursus matrikulasi. Sila Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang sudah boleh hafal kriteria pemilihan sebab saya sudah terima pada bulan Mei tahun lalu tentang kriteria pemilihan. 10% bagi mereka yang duduk di luar bandar dan lagi 10 markah lagi kalau pendapatan keluarga kurang daripada RM500 bagi 10 markah, RM501 sampai RM1,000 itu adalah lima markah. Saya sudah faham. Tetapi, saya ingin menyampaikan kepada kementerian, polisi yang telah ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri mungkin jelas.

Tetapi, sampai masanya kita mengemas kini masalah ini sebab kita lihat, pelajar-pelajar pada setakat pukul 5 tadi, saya sudah terima 679 kes rayuan. Mereka yang mendapat keputusan 1 A sampai 15 A dan saya juga dapat perhatikan apa yang berlaku sekarang di kawasan luar bandar dan apa definisi luar bandar. Berdasarkan kepada sekolah, tempat asal dan dalam luar bandar itu juga wujudnya orang yang dapat 2 A masuk, 11 A tidak dapat. Jadi, pertanyaan daripada masyarakat adalah mungkin mereka tidak ada syak wasangka terhadap Menteri dan Timbalan Menteri. Memang baik, satu keputusan bijak yang dibuat oleh pihak Jemaah Menteri membenarkan bukan bumiputera memasuki matrikulasi. Itu tindakan yang baik dan kita nampak sambutan begitu baik sekali, 17,000 memohon kekosongan sebanyak 2,750.

Saya minta pandangan dan penjelasan Yang Berhormat Menteri adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa sampai masanya kita mengemaskinikan kriteria pemilihan. Sama juga dengan pelajar bumiputera. Saya kagum dengan orang-orang Melayu dan bumiputera kerana mereka kini dipilih berdasarkan meritokrasi. Peruntukkan 90% tempat itu adalah berdasarkan 100% markah akademik dan bagi bukan bumiputera pula, oleh kerana ada kesulitan dalam kita menentukan kriteria 10 markah, 10 markah dan telah menimbulkan banyak

perasaan yang kurang senang dan saya rasa inilah sampai masanya kita mengkaji dan saya minta Yang Berhormat supaya bolehlah mempertimbangkan peratusan kes ini kerana bulan depan akan dibuat satu keputusan, sama ada rayuan mereka akan diterima. Saya akan bawa kes ini kepada Timbalan Menteri minta pertimbangan supaya kriteria itu boleh dikaji semula kalau ada kekosongan bagilah mereka untuk dibuat rayuan dan menerima masuk dalam Kolej Komunikasi. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Inilah cadangan yang baik, kita akan menerima rayuan mereka. Pusingan pertama kita pilih untuk mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Kalau ada Yang Berhormat datang untuk berjumpa 11A atau 15A tolong sampaikan kepada Bahagian Matrikulasi dan kita akan memberi pertimbangan sewajarnya. Itu tidak menjadi masalah kepada kami di Kementerian Pelajaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini 102,323 orang memohon untuk mengikut kursus matrikulasi. Tempat yang ditawarkan cuma 28,808 tempat sahaja. Dari angka ini bolehlah lihat bagaimana *competition* yang begitu kuat untuk memasuki dan diikuti kursus matrikulasi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Apa lagi Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Dato' Hon Choon Kim:** Sila.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, masalah sebenarnya timbul kerana tidak menggunakan satu *common exam* kerana ada *matriculation*, melalui Tingkatan 6 (STPM). Saya rasa kalau kita boleh menggunakan hanya satu sama ada semua melalui matrikulasi ataupun semua melalui STPM, saya rasa dia akan mengurangkan banyak masalah. Masalah untuk memasuki *matriculation*, memasuki universiti dan sama ada kementerian akan menimbang pada masa yang akan datang, kalau tidak boleh tahun depan atau lima tahun yang akan datang, bagaimana 10 tahun yang akan datang. Bilakah, adakah harapan? Anak semua anak-anak Malaysia menggunakan satu jenis peperiksaan. Adakah harapan? Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Yang Berhormat dalam dunia ini harapan tentu ada. Tetapi harapan untuk pembangkang memerintah tidak ada. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, saya ucapkan terima kasih. Memang di mana-mana negara pun, kita ada satu sistem kemasukan ke IPTA atau IPTS, tidak ada. Di mana negara ada satu sistem, sudah tentu banyak cara, banyak sistem untuk memasuki universiti di England, di USA macam-macam lagi. Tidak perlu kita adakan satu sistem.

Kalau adakan satu sistem, Yang Berhormat akan bangkit, mengapa satu sistem? Mengapa tidak boleh diberikan lebih daripada satu sistem. Sebenarnya perkara ini pun telah dibangkitkan pun beberapa kali oleh Yang Berhormat. Tiap-tiap kali bersidang Yang Berhormat

akan membangkitkan perkara ini. Tiap-tiap kali berbangkit, tidak apalah kita jawab, tidak apa. Tiap-tiap kali kita jawab macam inilah. Tetapi jawapan kita bahawa negara kita ini sistem pendidikan memang bukan ada satu sistem peperiksaan. Kita iktiraf beberapa sistem peperiksaan dan matrikulasi, STPM adalah antara dua sistem kita perakukan untuk memasuki universiti tempatan.

Yang Berhormat, saya rasa tidak perlulah kita bincang lagi. Saya telah pun jelaskan dan saya pun sudah janji kalau ada pelajar yang dapat keputusan yang baik, kemukakanlah. Bantu mereka kemukakan rayuan kepada pihak matrikulasi.....

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Dato' Hon Choon Kim:** .... supaya dapat kita timbangkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat..

**Dato' Hon Choon Kim:** Tidak perlulah saya rasa masa pun tidak mengizinkan saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masih tidak bagi jalan.

**Cik Fong Po Kuan:** Soalan terakhir saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tidak perlulah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah cukuplah. Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Yang Berhormat bagi Bera saya mengucapkan banyak terima kasih juga sebut beberapa perkara skim makanan tambahan. Program pemakanan sekolah memang telah kita amalkan dan kita praktikkan begitu lama. Saya rasa lebih kurang 20 tahun yang sudah. Memang ini sistem atau bantuan ini diberikan kepada anak-anak yang miskin untuk dapat makanan sekurang-kurangnya dapat makanan supaya mereka boleh ikut pelajaran di sekolah dan juga tidak jejas kesihatannya dengan batuan RM1.20 sehari itu dapat membantu mereka. Saya mengakuilah ini tidak begitu cukup, tidak puas hati. Saya tahu Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya melanjutkan di lanjutkan kepada pelajar di sekolah menengah. Ini memang satu cadangan yang baik, tetapi kita hendak juga kira kemampuan Kementerian Pelajaran. Setakat ini banyak wang telah digunakan. Untuk program pemakanan sekolah, ada dua jenis Yang Berhormat. Satu ialah Rancangan Makanan Tambahan dan satu lagi ialah Program Susu Sekolah.

Untuk Rancangan makanan tambahan untuk tahun 2004 kementerian telah menggunakan RM123 juta melibatkan seramai 532,500 orang murid yang dapat manfaat daripada program ini. Untuk program susu sekolah pula, sebanyak 494,700 murid yang telah mendapat bantuan daripada program susu sekolah dengan kosnya RM16.1 juta. Ini menunjukkan bahawa Kementerian Pelajaran sudah menggunakan banyak wang untuk melaksanakan program pemakanan sekolah ini.

Memang kita hendak lihat anak-anak kita di luar bandar dapat bantuan daripada pihak kerajaan. Ini adalah memang satu agenda pihak Kementerian supaya kita bantu orang miskin, kita bantu anak-anak di luar bandar. Saya akan bawa balik cadangan Yang Berhormat sama ada boleh kita lanjutkan kepada pelajar yang belajar di sekolah menengah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Beluran bangun Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Kita tidak akan bangkitkan perkara ini.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Cadangan Yang Berhormat Bera itu kita alu-alukan supaya diambil perhatian oleh kementerian. Untuk sekolah rendah bantuan makanan tambahan ini, saya mendapat makluman daripada beberapa sekolah di kawasan saya. Disebabkan oleh masalah *supplier*, kontraktor yang menghantar makanan, beberapa sekolah yang terpencil, sekolah mengambil keputusan untuk memberikan wang kepada pelajar, *instead of* makanan tambahan disebabkan oleh masalah *supplier*. Adakah kementerian mengetahui perkara ini, maklum dengan perkara ini dan adakah ini dibenarkan, *instead of* makanan tambahan. Ada sekolah kerana ada masalah *supplier*, dia bagi duit. Duit itu saya tidak tahu berapa banyak, sama RM120 ribu ataupun *less than that* ataupun *more than that*, tidak pasti. Adakah ini dibenarkan oleh kementerian dilakukan dalam pendekatan yang sedemikian.

**Dato' Hon Choon Kim:** Ini merupakan satu cadangan Yang Berhormat dan saya setakat ini memang tidak ada, kita memang memberikan kepada kantin sekolah untuk membekalkan makanan seperti yang ditetapkan dengan kadar yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

Walau bagaimanapun, saya akan membawa balik cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat di kawasan-kawasan mana tidak dapat membekalkan makanan yang dapat kita tetapkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Panjang lagi Yang Berhormat? Panjang lagikah?

**Dato' Hon Choon Kim:** Sedikit lagi, kalau tidak ada gangguan Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Bera juga menyebut tentang perwujudan PPD. Sememangnya sekarang ini kita menggunakan beberapa syarat tentang; pertama, bilangan sekolah, bilangan murid, bilangan kakitangan, bilangan asrama dan juga keluasan daerah. Walau bagaimanapun, permintaan untuk mewujudkan PPD berkenaan akan dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bera yang sentiasa mengemukakan banyak soalan tentang pendidikan. Terima kasih, syabas dan tahniah.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** [Bangun]

**Dato' Hon Choon Kim:** Ada lagi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Ada satu lagi tadi iaitu mengenai makanan waktu tengah hari bagi anak-anak Orang Asli yang tinggal jauh daripada kawasan sekolah.

**Dato' Hon Choon Kim:** Yang Berhormat, itu pun tidak diamalkan pada masa sekarang dan kalau ada peluang, memang kita berhasrat untuk membantu orang miskin khususnya anak-anak di luar bandar. Kita akan bincangkan selanjutnya tentang cadangan Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Tuaran juga membangkitkan beberapa perkara tentang kakitangan kita, guru kita, tidak dapat gaji, saya kena ambil masa untuk siasat, mengapa dia tidak dapat gaji atau selepas membuat potongan macam-macam, tidak ada gaji, itu saya tidak begitu jelas lagi Yang Berhormat.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Tuaran.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Timbalan Menteri. Ini soal dia tidak dapat gaji – sebenarnya masalahnya ialah guru-guru ini telah mengambil pinjaman terlalu berlebihan. Dia ambil melalui satu agensi yang dipanggil Biro Angkasa. Barangkali ada guru-guru yang terlibat untuk memalsukan slip gaji dan sebagainya. Jadi akhirnya bila dibuat potongan, di akhir bulan, dia tidak mendapat apa-apa gaji lagi. Dia telah mengambil pinjaman lebih daripada gaji dia dan ramai yang terlibat di seluruh negeri Sabah dan ada yang terpaksa membuat kerja lain termasuk menoreh getah untuk menampung perbelanjaan keluarga dia. Cadangan saya tadi ialah pihak kementerian mengkaji perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya sebab ini menjejaskan prestasi kerja mereka. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya kena siasat mengapa guru itu begitu mendesak dalam keadaannya. Mungkin guru itu tidak pandai jaga pengurusan kewangan diri sendiri. Kalau seseorang itu mesti ikut *income*, kalau terlalu banyak meminjam, memang kita akan menghadapi satu masalah. Wakil rakyat pun sama juga, kita mesti berbelanja ikut apa yang kita dapat, elaun yang kita dapat. Kalau kita belanja lebih daripada pendapatan, maka satu masalah akan timbul. Walau bagaimanapun, saya rasa perkara ini harus kita lihat. Kalau guru itu tidak ada baki wang untuk keluarga mereka, memang ini merupakan satu masalah sosial, masalah peribadi guru itu dan sudah tentu mungkin akan menjejaskan tanggungjawab sebagai seorang guru di sekolah. Walau bagaimanapun, saya akan siasat kalau Yang Berhormat boleh memberikan sekolah mana dan sebagainya...

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pensiangan bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** .....untuk membantu kita bagi membuat satu kajian atau siasatan, sila.

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ini mengenai elaun guru-guru. Saya mendapat perhatian khususnya di daerah pedalaman, umpamanya di pedalaman Pensiangan, guru-guru yang mengajar di sekolah rendah dibebankan dengan bermacam-macam aktiviti termasuklah menggunakan kewangan mereka sendiri. Umpamanya bila mereka menganjurkan sukan-sukan di peringkat perkampungan, kebanyakan guru ini akan menggunakan wang-wang mereka untuk berbelanja umpamanya tambang-tambang perahu dan pemakanan anak-anak murid ini yang akan berjalan jauh daripada sekolah-sekolah di pedalaman untuk dibawa berdekatan dengan pekan dan sebagainya.

Saya yang melihat ini masalah besar sebab kenapa Kementerian Pelajaran tidak mempunyai satu dana sukan untuk guru-guru ini menggunakan peruntukan tersebut. Kalau kita lihat bahawa di pedalaman ini adalah orang-orang yang berpendapatan rendah ataupun mereka ini miskin ataupun terlalu miskin sangat iaitu miskin tegar. Jadi untuk memberi elaun atau memberi sumbangan-sumbangan kepada apa jenis aktiviti sukan dan sebagainya akan membebankan mereka. Tidakkah ada satu cadangan bagi Kementerian Pelajaran untuk mengadakan satu dana sukan kepada sekolah-sekolah di jauh di pinggir dan pedalaman ini? Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih. Saya juga akan membawa balik tentang cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Last Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Okey, silakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Fasal guru-guru tadi Yang Berhormat. Memang kita mengalu-alukan usaha kementerian untuk menganjurkan seminar, kursus untuk guru-guru ini sebagai satu pendedahan (*exposure*), dengan izin. Cuma saya hendak minta pada kementerian, kalau bolehlah kursus-kursus dan seminar ini jangan diadakan waktu sekolah kerana apabila diadakan pada waktu sekolah kursus dan seminar ini, guru akan kurang dan ini akan menimbulkan masalah terutama dekat-dekat dengan menjelangnya masa-masa penting seperti UPSR, PMR yang hampir periksa dan sebagainya. Bolehkah tidak kementerian menjadualkan semula.

Kita tahu ini untuk kebaikan mereka sebagai satu pendedahan kepada guru-guru untuk menghadiri kursus, seminar dan sebagainya yang dianjurkan oleh jabatan dan kementerian, tetapi kalau boleh janganlah di waktu sekolah, dibuat di waktu cuti dan sebaliknya. Minta ini dapat dijadualkan semula tentang kursus-kursus dan seminar kerana kalau terlalu kerap sangat bagi mereka ini, kita bimbang pengajian di sekolah akan terbantut. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Ini memang satu cadangan yang cukup baik. Sebenarnya saya setuju pandangan Yang Berhormat. Kalau seorang guru kerap kali keluar dari sekolah untuk mengikuti kursus, ini memang akan menjejaskan pembelajaran dan pengajaran di sekolah itu. Memang kita sedar dan kita telah pun dapat ramai yang datang untuk memberikan pandangan seperti yang diperlukan oleh Yang Berhormat, kita tengah cari satu penyelesaian kerana kita pun tidak mahu guru-guru kita dalam hujung minggu untuk mengikuti kursus kerana guru menganggap bahawa hujung minggu itu merupakan hari kelepasan mereka. Hari yang mereka berpeluang untuk bersama dengan keluarga mereka, oleh kerana itulah terpaksa mengadakan di waktu persekolahan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Mungkin Yang Berhormat, masa cuti penggal sekolah boleh dihantar mereka ini kursus dan seminar.

**Dato' Hon Choon Kim:** Kalau cuti, guru pun cuti juga, Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yalah, kalau hendak dibuatlah.

**Dato' Hon Choon Kim:** Ya, ya, betul, betul. Kita juga kena mengambil kira tentang masa guru-guru ini. Saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Yang Berhormat bagi Tuaran sebut masalah yang dihadapi oleh penduduk luar bandar. Saya memang bersimpati dengan Yang Berhormat ya. Saya pun pernah pergi ke kawasan Yang Berhormat, memang kawasan luar bandar menghadapi sebarang kekurangan. Saya memang bersetuju. Walau bagaimanapun, untuk melaksanakan projek-projek pembangunan pendidikan di negeri Sabah, tetap dijalankan, tetap kita pergi, tetap dijalankan kerana kita telah meletakkan satu agenda yang penting iaitu untuk membantu sekolah-sekolah di luar bandar. Di Sarawak juga kalau ikut apa yang ada pada saya, memang banyak projek telah dilakukan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Misal katanya projek membina rumah guru, menambahkan bilik darjah, untuk projek bekalan air bersih, bekalan elektrik dan sebagainya, kerajaan melalui Kementerian Pelajaran juga menggunakan banyak wang.

Yang Berhormat juga menyoal cara untuk melaksanakan projek. Jadi bab ini saya tidak begitu fasih. Walau bagaimanapun, saya rasa inilah cara Kerajaan Persekutuan melaksanakan program yang telah diluluskan oleh kementerian kerana biasanya Kementerian Pelajaran memberikan projek itu terus kepada jabatan pembangunan Persekutuan yang berada di Sabah untuk mengendalikan dan melaksanakan program-program yang telah diluluskan.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Tuaran bangun.

**Dato' Hon Choon Kim:** Sila.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan dan penjelasan tadi. Persoalan di sini ialah dari segi peruntukan itu ada dan kita memang akui kerajaan amat prihatin, tetapi persoalannya di sini ialah dari segi penglibatan pihak pentadbiran daerah, PPD dan guru-guru besar. Peruntukan ada tetapi ia tidak disalurkan ke tempat yang amat memerlukan sebab mereka ada terlibat. Mereka ada terlibat dalam mengenal pasti di mana harus didahulukan mengikut keutamaan. Jadi di sini yang saya rasa perlu dipertingkatkan dan perlu diperbaiki dari segi pentadbiran dan pengurusan peruntukan untuk membaik pulih dan menaik taraf sekolah.

Yang satu lagi dalam soal yang ini sentiasa ditanya oleh pegawai-pegawai pendidikan daerah. Kita mempunyai Jabatan Pelajaran dan ini soal pendidikan, kenapa tidak disalurkan melalui jabatan untuk membaik pulih atau membaiki sekolah, kenapa tidak ada peruntukan khas yang dipegang oleh pegawai pendidikan daerah supaya apabila ada kerosakan dan sebagainya, kita boleh membina dan membaiki dengan serta-merta, kenapa mesti menunggu daripada Jabatan Pembangunan Persekutuan. Itu persoalannya, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih Yang Berhormat. Cara kita buat, memang kita dapat cadangan daripada pihak pendidikan negeri atau daerah untuk mencadangkan projek-projek yang harus dilaksanakan. Ini memang amalan biasa. Jadi saya kena siasatlah mengenai projek mengikut apa yang dihujah tadi, projek yang dilaksanakan, tetapi tidak ikut kemahuan atau kehendak pejabat pelajaran negeri atau pejabat pelajaran daerah, jadi inilah saya akan buat satu siasatan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Dato' Hon Choon Kim:** Ok, sila.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang mana satu Yang Berhormat hendak bagi?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri, terima kasih juga daripada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands kerana bagi peluang kepada saya.

Tuan Pengerusi, saya cukup bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat Dato' sebut mekanisme yang kita buat. Saya mengetahui sendiri, Yang Berhormat Dato', kawasan saya yang dahulu, Batang Lupar, 31 sekolah, tiap-tiap sekolah itu saya tahu berapa bilik darjah, berapa bilik sumber, mana suraunya, berapa tandas hendak dibuat, semua disebut. Tetapi bila sampai peringkat pelaksanaan, syarikat yang diberi kontrak secara *central contract* melaksanakan ini

hanya bila roboh bumbung, ganti atap, mungkin duit tidak sebagaimana dipakai, selepas itu siap macam itu – kelas tambahan tidak ada, bilik sumber tidak dibuat, tandas tidak dibuat.

Jadi pengauditan perbelanjaan itu tidak dibuat selepas itu. Itulah sebab saya bangkitkan soalan puas tak kementerian dengan kerja yang dibuat oleh syarikat ini. Jadi kalau perkara ini berlaku, akan datang lagi sekali, begitulah sentiasanya orang dari kawasan tidak puas hati, wakil rakyat pun marah dan masyarakat walaupun kerajaan telah berbelanja beratus juta, tidak sampai. Mungkin duit itu tersepit di dalam poket syarikat ini sahaja. Jadi, Yang Berhormat Dato' kena ubahkan pelaksanaan ini.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih Yang Berhormat, saya memang setuju. Sebenarnya kalau tanya sayalah, saya pun tidak puas hati tentang sesetengah kontraktor yang telah dapat kontrak, sebelum dapat kontrak janji macam-macam, selepas dapat kontrak, bermacam-macam alasan diberikan. Seperti yang disebut tadi, sebuah sekolah tidak dapat disiapkan mengikut jadual.

Saya memberi jaminan, Yang Berhormat, kita akan meneliti, kita akan berasaskan pengalaman atau prestasi seseorang kontraktor sebelum kita menawarkan kontrak baru kepada sesiapa. Saya akan janji untuk menyampaikan hasrat Yang Berhormat atau ketidakpuasan hati Yang Berhormat kepada...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** ... pegawai-pegawai kanan kita supaya lebih berhati-hati. Sila Yang Berhormat Cameron Highlands.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Minta maaf, Tuan Pengerusi, minta maaf. Ini bukan tidak puas hati dengan pegawai, Yang Berhormat Dato'. Yang tidak puas hati ialah dengan syarikat yang buat ini. Apabila pegawai hendak tegur, dia kata, "Ini kontrak daripada Pusat, Kuala Lumpur, you diam sahajalah. Specs ini kita yang buat tetapi pelaksanaan kita berhubung terus." Itu kata dia, bukan saya tidak puas hati dengan pegawai. Saya puas hati dengan pegawai. Yang tidak puas hati ini, syarikat ini. Jadi apa kawal selia kita?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, dia sudah jawab tadi, Yang Berhormat.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Cuma satu sahaja penjelasan saya ingin tanya berkaitan dengan yang dikatakan tadi, baru-baru ini ada satu syarat yang dikatakan 20 sekolah Tamil mungkin seorang

pegawai akan ditempatkan di PPD. Ini soalnya berkaitan dengan maklum balas yang diterima dari bawah untuk dijadikan dasar pelaksanaan bagi Rancangan Malaysia Kesembilan.

Saya rasa ada masalah antara *feedback*, maklum balas daripada akar umbi di peringkat atasan. Kalau maklum balas itu dapat diperkasakan dan diperhalusi dengan jitu, saya rasa mungkin pelaksanaan kita lebih teratur. Maka wakil-wakil rakyat macam kami betul-betul tahu senario di peringkat bawah, berapa sekolah, berapa pelajar dan sebagainya.

Maka bila pelaksanaan itu sampa, baru-baru ini saya dapat senarai dari PPD, apa yang mereka akan rancang untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, saya rasa seolah-olah ada *mismatch* di antara keperluan dan kehendak pegawai. Inilah satu masalah yang harus diteliti oleh kementerian secara mendalam sebelum melaksanakan program Rancangan Malaysia Kesembilan kerana lima tahun.

Satu lagi perkara yang ingin saya dapat penjelasan daripada Timbalan Menteri adalah soal rakyat ataupun penduduk-penduduk ataupun pelajar-pelajar Orang Asli, 0% rata-rata sekolah Orang Asli, 0% UPSR. Maka saya rasa mereka disogokkan untuk belajar sukatan yang sedia ada, buku-buku teks tetapi mereka tidak ada literasi, numerasi - langsung tidak ada.

So, saya rasa mungkin satu program khas diwujudkan seperti pemulihan untuk pelajar-pelajar seperti ini. Kalau tidak, kita 'menanam tebu di bibir sahaja', 'indah khabar dari rupa', tidak guna. Kita harus berani menghadapi realiti. So, itulah saya minta mungkin sesuatu yang baru boleh dibuat untuk Orang Asli ini, kerana langsung tidak boleh pakai, tidak boleh baca, susah. Itulah saya minta supaya kementerian dapat benar-benar melihat Orang Asli ini sebagai golongan warga rakyat Malaysia yang berjiwa dan lahir di sini. Kalau tidak, mereka jauh ketinggalan. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau Yang Berhormat hendak jawab semua isu baru, saya ingat sampai tengah malam pun tidak selesai.

**Dato' Hon Choon Kim:** Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ambil kira semua pandangan yang telah dikemukakan, Orang Asli, luar bandar. Maklumlah Kementerian Pelajaran mempunyai 10,000 buah sekolah dan 300,00 kakitangan dan guru, maka sudah tentu ada kekurangan di sana sini, saya minta Yang Berhormat bersabar. Projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan, kita akan teruskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya patuh arahan Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hentikan setakat ini sahaja dan dengan ucapan berbilang-banyak terima kasih kepada pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran. Saya juga ucapkan berbilang terima kasih

kepada kakitangan dan pegawai-pegawai saya di luar yang tolong saya untuk menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM960,064,800 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM960,064,800 untuk Maksud B.41 dan diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM386,000,000 untuk Maksud P.41 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM386,000,000 untuk Maksud P.41 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004.

#### **Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas.

*[ Tiada perbincangan ]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM211,763 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2004 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM211,763 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004.

#### **Maksud B.50 [Jadual]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepala Bekalan B.50 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Ya, Kelana Jaya.

#### **7.13 mlm.**

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian untuk membincangkan isu maksud B.50 Kementerian Pertahanan yang

melibatkan tambahan sebanyak RM311 juta lebihnya dikehendaki untuk perbelanjaan termasuk sebanyak RM54 juta untuk membiayai bayaran pendahuluan kepada 35 buah kem tambahan dan membayar yuran khidmat perunding iaitu *consultancy fees* dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, tahun lepas kerajaan telah membelanjakan lebih daripada RM600 juta untuk program Latihan Khidmat Negara. Pada tahun ini pula berbelanja lebih kurang RM400 juta untuk program Latihan Khidmat Negara. Kesemua ini termasuklah bayaran kepada pihak perunding supaya program Latihan Khidmat Negara ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan mencapai objektifnya. Walau bagaimanapun, kita mengambil iktibar daripada apa yang berlaku di tahun lepas iaitu pernah berlaku huru hara semasa di tempat-tempat *pick up point* untuk mengambil peserta-peserta ke kem-kem tertentu. Masalah yang timbul pada masa itu ialah masalah pengangkutan dan selepas itu kementerian pun mengadakan *brain storming session*, mengadakan perbincangan dengan kontraktor-kontraktor bagaimana menambah baik penghantaran peserta-peserta. Malangnya pada masa itu telah dijawab dan diberi jaminan bahawa kesemua kesulitan dan masalah akan diselesaikan tetapi malangnya Tuan Pengerusi, tahun ini ia berlaku lagi.

Lima hari yang lepas berlaku lagi, di mana ada kontraktor bas yang mogok tidak mahu membawa peserta ke kem-kem kerana tidak dibayar. Pada tahun lepas ada satu perkara yang berlaku juga iaitu jurulatih tidak dibayar maka mereka meninggalkan kem. Hari ini tentang pengusaha-pengusaha pengangkutan ini Tuan Pengerusi, mereka marah kerana tidak menerima bayaran dan nampaknya pembayaran dilakukan oleh sub kontraktor. Maksudnya sistem pembayaran ini adalah melalui *main contractor*, melalui *sub contractor* dan bayar kepada pihak bawahan. Ini seperti satu sistem payung dijalkan.

Saya rasa Tuan Pengerusi, apabila kontraktor memohon kontrak daripada Kementerian Pertahanan sepatutnya mereka telah pun menghantar senarai jumlah bilangan bas mereka yang ada dan siapa yang menerima bayaran dan sebagainya. Hari ini berlaku lagi, di mana kontraktor induk kata telah bayar kepada sub kontraktor sementara sub kontraktor tidak bayar kepada pihak bawah. Saya rasa perkara ini perlu dilihat semula supaya mereka yang mendapat kontrak-kontrak ini tidak menjejaskan usaha-usaha kerajaan - usaha-usaha Kementerian Pertahanan untuk melaksanakan PLKN ini dan saya minta supaya mekanisme pembayaran ini dikaji semula dan janganlah membenarkan adanya kontraktor yang sub kan kerja-kerja ini. Semua sub kontraktor ini macam pacat menghisap darah dan mereka tidak membuat kerja langsung. Ini merugi dan membazirkan sumber kementerian dan saya rasa perkara ini perlu dilihat dan dikaji dengan sebaik mungkin. Ini hanyalah satu perkara yang saya ingin bangkitkan kerana lain-lain perkara telah pun dibangkitkan banyak kali. Perkara ini saya bangkitkan supaya pihak kementerian mengambil pengajaran di sini agar ia tidak berulang lagi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Gajah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.50 berkenaan RM54 juta untuk membiayai bayaran pendahuluan kepada 35 buah kem tambahan serta yang lain-lain.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu daripada pihak kementerian berapa buah lagi kem yang masih gagal memenuhi keperluan asas yang perlu dipatuhi oleh operator-operator tersebut dan saya ingin tahu mengapakah pihak kementerian memberi bayaran pendahuluan kepada 35 buah kem tambahan ini sebab saya pernah melawat kem dan juga menerima banyak aduan berkenaan kemudahan-kemudahan di kem yang tidak mencapai standard yang sepatutnya.

Saya bagi satu contoh aduan yang saya terima iaitu di Kem Cancun Park, Pasir Mas di mana saya telah menulis kepada Ketua Pengarah dan ada tindakan yang diambil di mana para ibu bapa mengadu bahawa tidak ada bekalan air minuman yang bersih. Apabila saya menulis mengenai perkara ini kepada pihak Ketua Pengarah, tindakan yang diambil buat masa kini ialah para pelatih kena mengeluarkan RM4 hingga RM6 setiap minggu untuk jurulatih membeli 10 liter air. Para pelatih diminta agar membeli sebanyak yang boleh kalau anda minum banyak air pada hujung minggu. Mengapakah perkara ini timbul? Saya percaya oleh kerana pihak kementerian tidak mempunyai kem yang mencukupi dan kerana tergesa-gesa melaksanakan program ini pihak operator diberi masa terlalu singkat untuk menyiapkan kem yang mematuhi standard dan asas bagi infrastruktur ini .

Saya berharaplah pihak kementerian akan memberi perhatian yang lebih teliti terhadap isu infrastruktur ini dan tindakan yang akan diambil terhadap operator yang sedang menjalankan kem ini apabila aduan dikemukakan tindakan tidak diambil atau melambat-lambatkan tindakan. Jadi saya harapkan supaya pelatih-pelatih ini tidak menjadi mangsa akhirnya.

Sebelum ini saya ada bangkitkan berkenaan isu pada 5 April di mana pelatih-pelatih dipanggil untuk membersihkan najis di tandas-tandas pelatih di kem Port Dickson. Pada ketika itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyatakan bahawa perkara ini akan disiasat. Saya hendak tahu apakah keputusan dari hasil siasatan ini?

Isu berkenaan latihan kepada *trainers* dengan izin. Saya ingin tahu siapakah yang melatih jurulatih-jurulatih ini sebab sebelum ini ada laporan menyatakan bahawa seramai 79 orang jurulatih telah di *fired* dengan izin dibuang kerja kerana pelbagai masalah yang mereka timbulkan seperti gangguan *sexual* atau ponteng. Saya hendak tahu siapakah yang menjalankan latihan kepada mereka? Sebab saya juga tahu banyak arahan daripada pihak kementerian, Majlis Latihan Khidmat Negara atau jabatan ini tidak sampai kepada komander-komander ini. Apakah pihak komander ini kurang peka atau tidak mengambil berat terhadap arahan-arahan yang dikemukakan oleh jabatan sehingga menimbulkan masalah dalam kem?

Satu lagi perkara yang ingin saya bangkitkan, sebelum ini saya ada mengemukakan berkenaan dengan skop perlindungan kemudahan insurans untuk para pelatih di mana jawapan yang saya terima adalah para pelatih hanya dilindungi dari jangka masa hari pertama mereka mendaftar diri dan juga hari akhir mereka menjalani latihan. Pampasan yang mereka terima menerusi jawapan adalah kematian biasa RM30,000, kematian akibat kemalangan RM90,000, kos hospital dan pembedahan akan ditanggung seperti kadar hospital kerajaan dan masuk wad akan menerima RM20 sehari sehingga maksimum RM500. Bayaran premium insurans pula, kos bagi setiap pelatih yang ditanggung oleh kerajaan untuk pelatih ialah RM14.25 sen dan jurulatih RM19.18 sen.

Saya pohonlah kalau boleh pihak kementerian mempertimbangkan, memperluaskan skop perlindungan insurans ini kepada para pelatih sebab pihak saya dan pihak Yang Berhormat Bukit Gantang ada menerima aduan di mana pelatih yang cedera masa menjalani kem. Selepas keluar dari kem mereka terpaksa melalui pembedahan walaupun ditanggung oleh pihak insurans, tetapi jangka masa *pain and suffering*, ia terpaksa melalui, ibunya tidak boleh bekerja kerana kena menjaga anaknya. Jangka masa itu, ulang-alik ke hospital, tidak ada langsung dibayar. Ibu dia menelefon saya, budak perempuan ini menelefon saya, dia kata kaki saya sangat sakit tetapi ibu bapa kata, apa-apa bantuan tidak ada tambahan diberi.

*At least*, kalau kita tengok insurans *accident*, kemalangan jalan raya, mereka ada dibayar *pain and suffering* oleh pihak yang *negligent*. Saya harap pihak premium insurans ini boleh diperluaskan meliputi *pain and suffering*, seorang *trainee has to go through*, dengan izin, sebab mereka pergi bukan kerana rela hati, kerana mereka dipilih, kerana akta, mereka diwajibkan. Saya haraplah aspek ini boleh dipertimbangkan.

Kes yang saya sebutkan tadi, seorang pelatih dari Taiping *on humanitarian grounds* pihak insurans bayar RM1,000. Itu sahaja. Ibu bapa kata yang lain-lain itu tidak ada lagi. Hanya RM1,000. Tiap-tiap hari kena tengok anak dia menangis kerana proses birokrasi yang terlibat, anak dia terlewat untuk ke tingkatan enam dan kelas ada di tingkat tiga. Masalah untuk naik tangga, *so the pain and suffering* saya haraplah pihak kementerian boleh ambil perhatian berkenaan perkara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kudat, selepas ini kementerian menjawab.

**7.23 mlm.**

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyertai perbincangan berkaitan dengan Kementerian Pertahanan iaitu Butiran B.50.

Tuan Pengerusi, selepas kemerdekaan Malaysia berhadapan dengan ancaman Komunis. Pada tempoh ini angkatan Tentera Darat Malaysia merupakan aktor dominan di dalam

mempertahankan keutuhan wilayah. Namun, beberapa insiden di laut pada tempoh ini juga menunjukkan bahawa kawasan maritim turut diancam oleh *agent subversive*.

Pada tahun 1964 misalnya, KD Sri Selangor, milik Malaysia telah diserang oleh tentera Indonesia, seterusnya, pada tahun 1965 KD Sri Perak menawan 15 orang penceroboh tentera Indonesia dan KD Panglima menawan 4 tentera Indonesia. Rentetan tragedi ini merupakan antara contoh yang menunjukkan bahawa kawasan perairan Malaysia sentiasa terdedah kepada unsur jahat yang menggugat kestabilan negara.

Kepentingan pertahanan di darat yang mendominasi sistem pertahanan

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat cakap kepala berapa itu?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** B50 - Kementerian Pertahanan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, tetapi ia khusus, Yang Berhormat. Itu dasar.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ya! Apa yang ingin saya jelaskan di sini ialah keperluan negara kita untuk meningkatkan keupayaan kita dalam usaha untuk mempertahankan negara kita, khususnya untuk melindungi kawasan zon ekonomi eksklusif yang seluas 598,450 km persegi dengan kepanjangan pantai sejauh 4,490 km.

Oleh sebab itu, kalau kita lihat baru-baru ini berlaku beberapa serangan yang telah berlaku ke atas kapal-kapal dagang khususnya di Selat Melaka, khususnya kapal Jepun dan ini telah menyebabkan reputasi kita sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan di Selat Melaka sudah terjejas. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Malaysia, khususnya memberikan penekanan untuk meningkatkan keupayaan kita di dalam usaha melindungi kawasan maritim kita.

Bukan setakat itu sahaja, perairan Malaysia juga adalah dikatakan sebagai kawasan paling penting kepada laluan dagang yang juga sehingga ini adalah dikenali sebagai *sea line of communication*, yang menjadi nadi ekonomi, khususnya laluan Timur-Barat. Dianggarkan bagi kawasan maritim Laut China Selatan dan Selat Melaka merupakan kawasan yang tiga kali ganda lebih sibuk daripada Terusan Swiss dan lima kali ganda lebih sibuk daripada Terusan Panama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kudat, ia di bawah tajuk insentif dengan Pusat Khidmat Negara.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sudah bercakap soal antarabangsa.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Berkaitan dengan Program Khidmat Negara. Seperti mana yang kita tahu bahawa Program Khidmat Negara ini adalah diwujudkan untuk

meningkatkan bukan sahaja disiplin dan keharmonian di antara rakyat Malaysia yang berbilang kaum tetapi juga ialah untuk meningkatkan ketaatsetiaan rakyat kepada negara.

Oleh sebab itu, walaupun telah berlaku beberapa kelemahan di dalam Program Latihan Khidmat Negara ini tetapi kita tidak dapat menafikan bahawa telah terdapat banyak kejayaan yang telah diperolehi dan ini telah pun dibuktikan bahawa ramai daripada pelatih-pelatih ini telah pun memberikan *testify* dengan kejayaan ini. Bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mengkaji, kalau kita lihat misalnya Program Latihan Khidmat Negara ini adalah diasaskan kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh perunding-perunding Barat sebab itu beberapa aspek-aspek daripada kursus Latihan Khidmat Negara ini adalah tidak bersesuaian kerana penekanan, misalnya di dalam soal membangunkan kerohanian bagi pelatih-pelatih ini adalah tidak begitu ditekankan.

Tuan Pengerusi, beberapa perkara dan masalah-masalah yang timbul, misalnya masalah pelatih-pelatih yang tidak berdisiplin dan berlakunya kes-kes rogol dan gangguan seksual seperti mana yang sering kita dengar, ianya serba sedikit akan menjejaskan imej Latihan Khidmat Negara ini. Bagaimanapun, apa yang penting kita harus memastikan bahawa pelatih-pelatih yang dilantik untuk menjadi Jurulatih kepada Program Latihan Khidmat Negara ini haruslah datangnya daripada mereka yang mempunyai kualiti, mempunyai keupayaan dan mempunyai disiplin dan mempunyai ilmu pengetahuan yang boleh memberikan tunjuk ajar yang begitu baik kepada pelatih-pelatih yang terlibat. Tuan Pengerusi dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jawapan. Lima minit Yang Berhormat.  
7.27 mlm.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bolehlah, bolehlah. Memandangkan masa yang begitu lewat. Tuan Pengerusi, permintaan permohonan bagi pihak Kementerian Pertahanan ialah antara terbesar sekali, nombor dua atau nombor tiga dalam permohonan *second supplementary estimated* di sini dan saya akan mengehendkan pemerhatian kepada satu isu sahaja bahawa kita perlulah ada keyakinan, bahawa semua perbelanjaan termasuk dalam perkara yang spesifik di sini, di bawah Anggaran Perbelanjaan Pengurus Tambahan Kedua 2004, ada *accountability* dan ada ketelusan. Saya timbulkan perkara ini kerana prestasi yang tidak begitu memuaskan sampai sekarang, khasnya dalam jawapan kementerian yang berkenaan mengenai isu-isu yang ada ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini, khasnya masa perbahasan Titah Diraja.

Yang Berhormat bagi Tanjung ada timbul mengenai isu masalah pembinaan 27 buah kapal peronda luar bersisir atau *off shore petrol diesel* (OPD) yang berharga .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, itu tidak ada dalam ini.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Sampingan itu sahaja, berharga RM24.3 bilion untuk bukan sahaja mengelakkan menjadi skandal kewangan terbesar dalam sejarah Malaysia tetapi juga menjejaskan keberkesanan Tentera Laut Diraja Malaysia. Kalau dalam perkara ini kita tidak boleh ada satu penjelasan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri masa itu, tentulah sampai sekarang sudah cukup masa untuk tahu apa aspek masalah ini supaya satu penjelasan yang memuaskan hati boleh diberikan, bagaimana kita boleh percaya bahawa peruntukkan ataupun permohonan harta milik kita akan digunakan dengan bijaksana, tidak ada apa-apa penyelewengan. Saya rasa ini sangat mustahak dan penting kerana kalau ada *amount* yang begitu besar, RM24 bilion, Kementerian Pertahanan atau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh memberi penjelasan yang memuaskan, apa RM311 juta.

Ini saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi penjelasan mengenai isu ini yang sudah dibangkit begitu lama. Supaya kita boleh percaya bahawa setiap permohonan bukan sahaja tepat tetapi akan dibelanjakan dengan baik, *accountability* dan dengan bertanggungjawab. Saya harap bahawa saya tidak perlulah untuk bangkit hal ini, mungkin esok mengenai prestasi-prestasi Menteri-menteri atau Timbalan-timbalan Menteri supaya kita ada *accountability*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

### **7.33 mlm.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai Maksud B.50 dari Kelana Jaya, Batu Gajah, Kudat dan daripada Ipoh Timor.

Apa yang dibangkitkan oleh Kelana Jaya sama dengan perkara-perkara yang dibangkitkan pada masa yang lepas, tentang *pick up point* dan masalah pengangkutan. Saya percaya bahawa perkara ini telah dapat disusun, tetapi kita ketahui kalau perkara ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu benar, bahawa terdapat subkontraktor-subkontraktor yang sepatutnya subkontraktor ini juga memaklumkan kepada kita untuk mengetahui perkara yang benar, tetapi perkara ini hanya dapat kita ketahui apabila ditimbulkan oleh orang-orang yang tertentu dan perkara ini dilaporkan kepada Yang Berhormat yang berkenaan.

Saya suka perkara subkontraktor mengenai pengangkutan ini, di mana Yang Berhormat telah dimaklumkan dapat diberitahu kepada kita tentang masalah pembayaran kepada subkontraktor-subkontraktor. Kementerian telah mengambil keputusan mana kontrak yang telah diberi untuk menjalankan tugas dan secara diam-diam, dia telah memberi tugas ini kepada satu subkontraktor lain. Dan sekiranya terdapat masalah pembayaran, begitu juga masalah yang dibangkitkan oleh subkontraktor kepada kontraktor yang berkenaan, mereka hendaklah menyelesaikan sendiri. Tetapi jika berkaitan dengan pembayaran kewangan, ia dapat dilaporkan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kelana Jaya.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** ..... dan laporkan kepada kita untuk kita dapat selesaikan.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bangkitkan isu ini kerana tahun lepas saya telah membantu kerja sukarela untuk menyelesaikan masalah pengangkutan di *pick up point* dan masa itu kita dalam perbincangan, kita telah dijanjikan bahawa pihak kementerian akan membuat satu pemantauan yang teliti supaya masalah yang sedemikian tidak akan timbul lagi.

Dan dikatakan bahawa pada masa itu kita akan benarkan kontraktor-kontraktor yang tidak mempunyai kemampuan dari segi pengangkutan, tidak mempunyai bas yang cukup untuk pengangkutan, tidak akan diberi kontrak itu. Jadi apa yang berlaku lima hari yang lepas, tidak perlu saya berikan siapa itu, perkara ini telah pun dilaporkan, ini berlaku di Kem Setia Ikhlas di Semenyih, di mana kontraktor kata mereka tidak mahu menjalankan tugas kerana tidak menerima bayaran dari subkontraktor.

Apakah ini berlakunya kecuaihan atau kelemahan dari segi sistem pemantauan oleh pihak kementerian semasa membuat pemilihan kontraktor dan membuat pemilihan main kontraktor. Ini adalah masalah yang timbul, maka timbullah masalah bahawa orang-orang yang betul-betul membuat kerja pengangkutan tidak menerima bayaran dan sebab itu mereka tidak mahu membuat kerja lagi. Inilah sistem payung yang wujud itu. Maka kita haraplah pihak kementerian apa yang telah dijanjikan dulu dapat dikotakan, dan saya nak tanya sejak tahun lepas sehingga sekarang berapakah kontraktor pengangkutan yang telah disingkirkan kerana tidak dapat menjalankan tugasnya seperti mana yang tertera di dalam perjanjiannya? Berapa yang telah disingkirkan kerana tidak dapat menjalankan tugas? Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih Yang Berhormat, saya telah katakan bahawa kita tidak mengetahui main kontraktor memberi kerja kepada subkontraktor kecuali bila perkara ini ditimbulkan oleh orang yang terbabit. Memang kita tidak benarkan bahawa sistem kontrak dan disubkan ini. Tetapi kalau ia berlaku masalah pembayaran yang akhirnya kita terpaksa timbang dan nilai dan kalau kita boleh bantu, kita bantu.

Tapi perkara ini mesti diselesaikan oleh subkontraktor itu sendiri. Sekiranya terdapat masalah pengangkutan, biasanya di kem yang berkenaan, dia akan laporkan ataupun pihak yang bertugas di kem berkenaan akan menyelesaikan perkara ini. Yang Berhormat sendiri maklumkan kepada kita hari ini, saya telah maklumkan saya sangat setuju seperti apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Batu Gajah, walaupun kita tidak ada dalam sidang, Yang Berhormat Batu Gajah menimbulkan perkara ini dan kita cari cara penyelesaiannya.

Tapi walau bagaimanapun ada penyelesaian yang kita tidak dapat selesaikan mengikut kehendak laporan Yang Berhormat, tetapi sebahagiannya dapat kita selesaikan. Inilah pendekatan yang baik, kerana tanggungjawab ini dan tugas ini, kita mahu melihat perkara ini berjalan dengan sempurna. Saya tidak dapat memaklumkan kepada Yang Berhormat mana kontraktor pengangkutan yang telah kita batalkan kerana terdapat kontraktor-kontraktor yang telah diluluskan mengikut tempat dan keadaan masa yang tertentu. Insya-Allah, untuk Yang Berhormat mengetahui secara *detail*, saya akan dapatkan detail ini, dan saya akan beritahu kepada Yang Berhormat.

Mengenai sistem pembayaran seperti saya katakan tadi, sistem pembayaran para kontraktor, sistem pembayaran kepada perkara-perkara lain adalah macam biasa saja. Ia tertumpu pada tuntutan dan masa yang telah dijadualkan. Tetapi apa yang kita ketahui ada terdapat umpamanya bekalan kuih-muih ataupun bekalan bahan-bahan mentah yang sepatutnya dibuat oleh main kontraktor, tetapi main kontraktor sendiri kadang-kadang dia tidak dapat mengadakan semua umpamanya masak, dia tidak akan dapat mengadakan bekalan ikan bilis kerana keperluan ikan bilis yang begitu banyak pada ketika sepanjang dia menjadi kontraktor kepada ini ataupun membekalkan ayam, telur, ikan dan sebagainya. Perkara-perkara seperti ini biasanya kita bayar kepada main kontraktor, tetapi kalau main kontraktor menghadapi tindakan atau subkontraktor pada pembekalan ini menghadapi tindakan, kita sentiasa memberi layanan kepada rungutan ataupun surat bantahan yang telah disampaikan kepada kita. Insya-Allah, perkara ini kita akan sentiasa memberi kerjasama yang baik.

Batu Gajah telah bangkitkan berkenaan dengan penubuhan kem tambahan ini, Tuan Pengerusi, kem tambahan yang kita buat ialah untuk tahun ini. Pada tahun lepas tidak ada kem tambahan, hanya 71 kem dan sebulan yang akhir kita bawa peserta-peserta di kem 71 ini ke pusat-pusat pengajian tinggi. Cuma kem yang kita tambah ialah bermula daripada bulan Disember 2004 untuk fasa tahun kedua iaitu kita kata *batch* pertama pada 13 ke 14hb Disember sehingga bulan Januari ini. Dan yang timbul masalah sekarang iaitu ada lima kem yang telah sepatutnya dibuka pada bulan Disember, tetapi tidak dapat dibuka dan mereka telah memohon untuk mereka dapat diberi kelonggaran bagi menyiapkan ini.

Kita telah bersetuju untuk beri kelonggaran ini kerana dalam pandangan kita kalau kita tahan mereka ini, kerana kesalahan umpamanya oleh sebab terdapat masalah tidak ada kebenaran mengadakan bangunan kekal, oleh sebab tanah yang mereka gunakan itu adalah tanah TOL. Tanah TOL syarikat ini tidak boleh membina bangunan kekal, kita telah bertukar kepada kem dua bulan dan akhirnya sebulan di institusi pengajian tinggi iaitu kem sementara. Tetapi apabila kita tukar semua bangunan di kem ini mesti ada bangunan kekal, ada pejabat tanah dah memang peraturan kita tidak boleh dirikan bangunan kekal, mereka berusaha untuk mendapatkan kebenaran daripada pejabat tanah bagi mereka mendirikan bangunan kekal.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ini satu di antara masalah, ada beberapa masalah yang lain maka terdapat 5 kem yang menghadapi masalah sehingga berakhir bulan Disember masuk Januari, 5 kem tidak dapat menjalankan keperluan

**Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** yang dikehendaki oleh Jabatan Khidmat Negara ataupun Latihan Khidmat Negara ini. Mereka kita lanjutkan sehingga fasa ini, fasa yang ada sekarang.

**Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Kem yang telah diluluskan ini setelah mereka tidak dapat menyiapkannya dan diberi tempoh lanjutan dan masih lagi tidak dapat disiapkan, apakah pihak kementerian akan mengambil tindakan untuk menukarkan kontraktor yang pertama tadi kepada kontraktor-kontraktor yang lain, yang berkemampuan jika tidak ini akan merugikan wang kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih Yang Berhormat, ini pandangan yang dalam pemikiran kita pun begitu, dalam pemikiran pun begitu *short cut* yang paling baik ialah membatalkan kontrak yang telah diberi kepada pengusaha-pengusaha di kem yang berkenaan. Tetapi oleh kerana mereka telah mengadakan satu *investment* dan penilaian yang telah kita berikan atas kesanggupan mereka, kita lanjutkan sehingga *batch* yang kedua ini. Kita lanjutkan sehingga *batch* yang kedua, saya sendiri telah melawat satu kem di Mersing tentang masalah yang telah saya sebutkan tadi dan kem di Mersing ini berjanji akan siapkan dan kita buat keputusan kelima-lima buah kem ini kalau boleh disiapkan pada akhir fasa yang kedua dan mesti bersedia untuk mengambil fasa yang ketiga.

Sekiranya satu atau mana-mana kem yang tidak dapat menjalankan tugas ini satu tindakan yang akhir akan kita ambil sebelum fasa yang kedua ini berakhir. Kemungkinan kita tidak akan memberi peluang lagi tetapi Yang Berhormat juga mesti berfikir kalau 30 *percent* ataupun 20 *percent* tidak dapat disiapkan dan kita mengambil keputusan untuk membatalkan terus, kita beri kepada yang baru dan yang baru ini belum bermula bermakna kita tidak akan tunggu yang 20 *percent* kita kena tunggu 100 *percent* lagi untuk menyelesaikan masalah yang kita akan hadapi kekurangan satu kem.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Sungguh pun demikian kekurangan kem ini tidak menimbulkan masalah kepada kita.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jerai, Larut bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ya.

**Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat, saya timbulkan perkara ini kerana ada satu.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Jerai bangun dahulu.

**Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya hendak sambung balik sebab saya bangkit tadi sebab di kawasan saya ada satu kem sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri mana satu hendak beri laluan dahulu?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Bagi Selangor dahulu,

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar :** Larut.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Eh!.....Larut, larut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Larut.

**Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih sebab saya timbulkan yang ini Yang Berhormat kerana di kawasan saya, saya cuma tahu selepas projek ini diluluskan. Sehingga ke hari ini orang kampung sudah tahu pembinaan kem tersebut di Parlimen Larut iaitu di Mukim Ijok. Tetapi sehingga ke hari ini masih belum siap dan ini telah menimbulkan masalah kerana pengambilan tanah, penggunaan jalan-jalan di kampung-kampung dan sudah tahulah bila ada satu projek di peringkat kampung, orang ramai tertanya-tanya bila projek ini akan siap.

Maka sebab itu oleh kerana Yang Berhormat mengatakan tadi perkara ini akan dilihat di masa depan, mungkin mereka yang memperolehi projek ini dikenakan dalam perjanjian dengan pihak kementerian, mereka tidak hanya mengambil kesempatan dapat projek lepas itu tidak bertanggungjawab ke atas projek yang telah diluluskan. Mungkin adakan satu kontrak *clause* syarat ke atas kelulusan yang telah diberikan supaya tidak ada mereka yang telah diberikan hak untuk membina kem ini tidak bertanggungjawab mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian, terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi, biasanya masalah yang ditimbulkan bukan masalah kemudahan kita berikan tetapi masalah yang mereka tidak dapat daripada segi pembangunan. Mengikut jadual ataupun kefahaman, kontrak mesti menyediakan semua

kemudahan ini sebelum peserta PLKN dimasukkan dan kita tidak mahu kerajaan tidak bayar kemudahan bagi mereka menyediakan peralatan dan berbagai-bagai lagi.

Sekiranya mereka pilih untuk mempersendakan, untuk mempermainkan atas kesabaran dan timbang terima kita, mereka akan menghadapi satu kerugian dan ini kita hendak maklumkan kesabaran kita sudah sampai kepada saat akhir.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Eh nanti, saya. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa birokrasi jabatan-jabatan kerajaan contoh pejabat daerah dan sebagainya untuk menyelesaikan masalah dan sebagainya tetapi apakah kita tidak boleh ataupun jabatan-jabatan, pejabat-pejabat daerah memahami bahawa ini adalah satu projek negara yang perlu diadakan mengikut jadual.

Apakah mereka tidak boleh mengetepikan sedikit sebanyak peraturan-peraturan supaya projek ini dapat *take off* kerana ini adalah satu projek yang baik untuk rakyat. Mungkin kalau kita menyuarakan kepada mereka supaya membantu program kerajaan ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya benda ini dapat diatasi dengan pejabat-pejabat daerah dan mungkin pejabat-pejabat tanah yang terlibat, terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat saya setuju macam kata-kata Yang Berhormat itu dan saya sendiri turun berunding yang di Mersing ini yang Kerajaan Negeri Johor dan mereka melalui proses timbang tara dan penilaian. Saya dimaklumkan bahawa setelah seminggu saya balik daripada perjumpaan dan berdialog dan penulisan surat saya kepada yang berkenaan, kem ini dapat dijalankan. Itu birokrasi yang ada timbang terima.

Tetapi kalau tidak ada proses permohonan yang sesuai dan orang memikirkan itu birokrasi dan dia langgar maka besok orang juga akan beritahu Yang Berhormat kalau dia boleh langgar buat tanah TOL ini jadi macam mana Yang Berhormat hendak kata ini pasal kepentingan negara. Dia kata rumah saya pun kepentingan negara juga jadi itu yang jadi masalah. Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa dalam konteks mengimplementasikan sistem birokrasi ini....

**Cik Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** .....perundingan dan timbang terima masih boleh dijalankan dan saya telah menjalankan usaha ini. Insya-Allah ia dapat diselesaikan.

**Cik Fong Po Kuan:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tahu apakah kelemahan yang ada dalam proses pemilihannya kontraktor-kontraktor atau operator-operator kem sehingga mereka yang paling asas ini infrastruktur seperti tandas, seperti air, pili

bomba ini tidak dapat disediakan pada masa yang tepat dan kerosakan-kerosakan yang sedia ada di kem tidak diperbaiki dalam jangka masa yang terpendek. Apakah kelemahannya yang sedia ada wujud yang menyebabkan masalah asas ini timbul yang membawa kesulitan kepada para pelatih. Saya pohon penjelasan.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat, kita pun hanya mengetahui kesulitan apabila ianya berlaku, kita menganggapkan bahawa kontrak mana kontraktor yang mengambil tanggungjawab perkara-perkara yang mesti disediakan dan peraturan-peraturan yang ada berserta dengan peraturan-peraturan sosial budaya yang berbagai lagi mesti mereka berhati dan mereka jaga dengan sempurna dan pihak lembaga sewaktu membuat penilaian ini amat yakin dengan cadangan dan kemampuan yang mereka jalankan.

Tetapi bila sampai ianya berlaku umpamanya, macam Yang Berhormat tadi ada satu insiden kes cuci najis umpamanya ataupun satu insiden di mana berlaku perogolan atau pun pengawasan yang tidak sempurna seperti tidak cukup air, tidak cukup tenaga elektrik ataupun tidak ada pili bomba.

Perkara ini kita hanya sedar apabila dilaporkan kepada kita dan spesifikasi yang dikehendaki memang telah ditetapkan. Tetapi saya percaya bahawa pengarah dan semua pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam masalah ini, kita sentiasa awasi secara terus-menerus dengan syarat kita mendapat cerita. Ramai orang yang melakukan kesalahan. Kontraktor yang menghadapi kecacatan ini mereka tidak maklumkan kepada kita.

Jadi kita harap pegawai kita yang di peringkat kem itu sendiri akan maklumkan kepada kita. Tetapi dalam *business* sektor ini ada orang yang bekerja dengan kita dan berpakat dengan orang lain pun ada. Ini yang sangat susah, yang sangat payah bagi kita untuk mengatakan *you can guarantee 100% performance kita satisfactory*, dengan izin, itu saya minta maaf. Kita tidak boleh, kita hendak supaya ianya jadi baik. Tetapi untuk sehingga ketika ini saya percaya berbanding dengan tahun 2004 keadaannya adalah lebih baik daripada masa yang lepas termasuk kisah insurans yang telah Yang Berhormat bangkitkan.

Insurans dahulu pun kita tidak ambil lagi kita pergi kepada insurans yang baru dan insurans yang baru ini pun telah mengambil sebahagian daripada tanggungjawab yang insurans lama tidak selesaikan. Ini adalah yang baik. Tapi kalau mengikut cadangan Yang Berhormat kita mesti bagi kelonggaran, bagi kelebihan permintaan kita ialah dengan *company* insurans yang berkenaan dan kalau kita boleh dapat mana syarikat insurans yang boleh memberi imbuhan dan pampasan yang lebih baik, itu adalah harapan kita dan bukan niat kita untuk mengambil insurans yang murah tetapi tidak boleh memberi satu pampasan yang sempurna. Insyallah, dalam perkara ini syarikat insurans yang bersama dengan kita sekarang ini pun adalah sama-sama mengambil tanggungjawab seperti yang kita kehendaki. Tuan Pengerusi.....

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan. Boleh saya tambah sedikit?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ya.

**Cik Fong Po Kuan:** Tadi saya minta agar skop insurans boleh diperluaskan agar melindungi para pelatih, jika mereka cedera boleh dapat sejumlah pampasan *for pain and suffering*, itu yang saya bangkitkan. Satu perkara yang saya tertinggal tadi ialah berkenaan dengan lanjutan masa perlindungan. Buat masa ini adalah tiga bulan, masa mereka daftar diri sehingga tamat. Sebab kadang-kadang kesakitan akan timbul selepas mereka keluar dari kem. Kecederaan mereka didapati tidak sembuh selepas mereka keluar kem. Jadi haraplah kalau boleh lanjutan jangka masa *maybe half a year* dengan izin tiga bulan selepas keluar dari kem juga dilindungi.

Saya percaya ia boleh *trace effect* dengan izin sama ada masa kejadian itu dia dari pergi buat *medical check up* atau tidak di kem. Itu boleh *trace effect*. Jadi tidak akan timbul masalah macam tadi saya bangkitkan kes pelatih dari Taiping. Insurans enggan *cover* kata you sudah keluar kem. Tetapi sebelum itu dia telah minta rawatan semasa di kem. Haraplah boleh dipertimbangkan *extend the coverage* dari segi *pain and suffering* dan juga jangka masa perlindungan kepada pelatih selepas keluar dari kem. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Secara individu, *on humanitarian ground* pandangan Yang Berhormat itu sangat baik, saya pun bersetuju. Tetapi dari segi pandangan korporat ya, ahli-ahli perniagaan dia setujukah hendak bagi sampai tiga bulan? Adakah kita yakin setelah kita merayu untuk tiga bulan lagi selepas peserta ini keluar daripada kem kita esok rasa puas hati, *why must* kenapa kita beri tiga bulan, tidak beri lima bulan?

Tuan Pengerusi, ini yang jadi masalah, tetapi saya janji kita akan bawa balik kes ini dan bukan kementerian, bukan PLKN yang hendak beri lebih masa. Insurans itu yang sanggup atau tidak sanggup untuk beri lebih masa. Tetapi permintaan ini kita ambil sebagai satu permintaan yang kita rasa daripada segi semangat simpati, semangat belas kasihan kepada pelatih-pelatih kita. Tetapi saya tidak berani berjanji kerana kebenaran ini bukan daripada kementerian tetapi mesti daripada syarikat insurans yang berkenaan, insya-Allah.

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau kita ada niat untuk memperbaiki dan untuk melindungi pelatih kita agar mereka tidak perlu melalui kesakitan. Kalau kita sudi bayar lebih kepada pihak insurans perkara ini boleh dibincangkan. Itu senang sahaja kalau pihak kerajaan sudi bayar lebih saya percaya perkara ini boleh dibincangkan dengan pihak insurans. Itu sahaja.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ya, boleh. Baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Memang ada niat kalau tidak ada niat tidak adalah kita melanggan insurans yang berkenaan. Cuma yang kita bincangkan sekarang kerana niat kita dahulu dan niat insurans untuk beri *coverage* kepada

mangsa yang berkenaan. Yang Berhormat minta sambung lagi. Kalau kita dah sambung dua hari sekarang Yang Berhormat dah minta sambung kepada tiga bulan. Tetapi adakah insurans mahu dan di manakah insurans yang mahu buat *coverage* yang sepanjang itu. Itu yang menjadi masalah. Bukan masalah kementerian tidak mahu minta tetapi masalah insurans mahu beri atau tidak mahu beri. Kita juga mesti tahu bahawa kalau kita tidak boleh beri seorang kepada pelanggan ataupun pelatih PLKN ini untuk dapat *coverage* yang begitu lumayan. Maknanya kita mesti beri kepada 85,000 orang. Kita juga mesti lihat dari segi kemampuan peruntukan yang kita berikan kepada pelatih-pelatih kita daripada peruntukan-peruntukan untuk kita dapat ataupun kepentingan yang akan kita berikan kepada pelatih-pelatih dalam bidang yang lain.

Tuan Pengerusi, latihan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai siapa yang melatih kepada pelatih-pelatih kita ini. Semua pelatih ini kita tentukan daripada segi moral, daripada segi kepimpinan ataupun semangat patriotik, semangat kebangsaan dan sebagainya kita telah tetapkan kepada mereka yang mahir dalam bidang gini. Maka setelah kita beri latihan ini barulah orang-orang ini kita terima menjadi pelatih.

Tuan Pengerusi, kita latih kursus *training* kepada *trainers* ini ialah 4,800 orang dan mana-mana yang kita anggap sampai kepada satu tahap dia tidak mampu menjalankan kehendak yang kita susur-galurkan peraturan-peraturan kita gugurkan mereka ini termasuk sama ada daripada pihak angkatan tentera yang kita pinjamkan untuk berkhidmat ataupun daripada mana-mana jabatan yang lain. Kita akan gugurkan dan mereka mesti menjalankan tanggungjawab mengikut kehendak dan peraturan kita dan disiplin kita. Ini yang kita jalankan. Tuan Pengerusi, insya-Allah saya percaya bahawa pelatih-pelatih kita ini dapat menyampaikan tanggungjawab mereka dan menyempurnakan disiplin yang telah kita tetapkan.

Saya masuk kepada Yang Berhormat Kudat. Kudat bangkit hampir sama dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah dan Kelana Jaya iaitu mengenai pelatih yang tidak berdisiplin dan sebagainya. Mana-mana jurulatih atau pelatih-pelatih kita yang tidak berdisiplin ataupun pelatih kita sendiri yang tidak berdisiplin kita ada *special session* untuk orang-orang individu ini, pelatih-pelatih individu ini supaya kerja-kerja dan faal kelakuan yang tidak baik itu dapat kita bimbing ianya menjadi lebih baik dan jadi lebih sempurna kerana kita mahu melahirkan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Larut bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** .....pelatih-pelatih daripada PLKN yang baik yang bukan sahaja memuaskan hati kita tetapi kita harap memuaskan hati keluarga, ibu bapa di kampung dan di rumah masing-masing.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang *last* saya hendak tanya. Untuk mengurangkan masalah sosial yang berlaku di kem-kem

latihan di bawah Program Khidmat Negara ini, apakah kementerian melihat supaya diasingkan peserta lelaki dan peserta wanita di kem-kem yang berbeza untuk mengelakkan - tiga bulan tidak lama. Kita asingkan yang lelaki dan perempuan ini di kem-kem yang berbeza.

Jadi ini mungkin boleh melihat masalah sosial atau masalah yang telah ditimbulkan dari segi kes-kes yang menjatuhkan moral kurang disiplin ini dapat dielakkan. Jadi saya mencadangkan kalau boleh peserta dalam kem ini dapat diasingkan daripada yang sekarang ini mereka lelaki dan perempuan ini bercampur. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Pengerusi, permintaan Yang Berhormat ini terdapat beberapa puluh tahun dahulu, daripada sesetengah kalangan pimpinan di dalam negara supaya mesti diasingkan yang lelaki dan perempuan. Dahulu sebelum kita mengimplemenkan sistem pendidikan sekolah yang bercampur lelaki dan perempuan, orang memberi pandangan yang agak tidak sesuai, bahawa campuran ini akan menjejaskan moral, tetapi terdapat juga sekolah yang tidak bercampur moralnya juga terjejas.

Di dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) ini, Yang Berhormat baru sahaja mencadangkan banyak dalam tinjauan kita mereka suka dicampur ini, tetapi sistem dalam kelolaan Program Latihan Khidmat Negara ini kita campur waktu menjalankan latihan, waktu makan tetapi waktu di hostel kita tidak campur dan kita kawal rapi. Tetapi orang berkata kemungkinannya dalam kem elok tetapi bila keluar esok jadi tidak elok. Akhirnya mereka ini bermula dari dalam kem, itu tidak benar. Apakah yang menjadikan campuran ini tidak baik, kita tidak ada, kejadian tidak berlaku dalam kem yang tidak baik. Kejadian yang tidak baik berlaku di luar kem, kalau Yang Berhormat dapat mencadangkan apakah yang boleh memperkuatkan saya untuk mencadangkan kepada lembaga bahawa pemisahan ini perlu dilakukan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, saya tidak hendak membandingkan dengan peringkat sekolah kerana di sekolah mereka tidak tinggal dalam satu tempat yang sama sedangkan di kem-kem ini mereka tinggal selama 3 bulan. Jadi soal pergaulan dan kebebasan tidak dapat kita kawal, saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan tadi dalam kem tidak berlaku cuma di luar kem semasa pergaulan. Biasanya soal pergaulan ini kita tidak dapat menyekat, ini pandangan saya supaya dalam tempoh 3 bulan ini mereka hanya menumpukan kepada latihan. Jadi ini akan dapat mengurangkan pergaulan yang bebas, yang boleh menyebabkan mereka tidak terdorong dengan kes-kes yang membatasi masalah akhlak dan moral. Itu pandangan supaya kita dapat mengurangkan kerana ini akan menjaga imej peserta yang menjalani latihan di kem-kem tersebut, itu pandangan yang telah saya katakan tadi. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih Yang Berhormat, saya juga telah menerangkan apakah disiplin yang telah kita tetapkan di kem-kem ini dan sehingga sampai pada waktu malam, pada tahap jam waktu yang tertentu sahaja, walaupun mereka ada di dewan bacaan, dewan makan ataupun dewan riadah, mereka tidak boleh berada di dewan itu atau di tempat itu lagi umpamanya sehingga pukul 10 malam, mereka mesti masuk ke asrama masing-masing. Ini kawalan oleh pihak kita dan kalau dikatakan ia di luar, biasanya waktu kumpulan ini, dia tidak boleh keluar berseorangan, mesti keluar berkumpulan. Ini juga dikawal di dalam kawasan dan juga dalam kumpulan dan juga dalam lawatan dan sebagainya. Sementara ini pihak Program Latihan Khidmat Negara tidak membenarkan bahawa kumpulan-kumpulan pelatih daripada Program Latihan Khidmat Negara ini boleh keluar sewenang-wenang, sesuka hati mengadakan program dan kehendaknya kecuali dengan kebenaran dan diawasi oleh pegawai Program Latihan Khidmat Negara. Sementara ini Yang Berhormat kita tidak pun ada berniat untuk memisahkan program latihan dan tinggal di Program Latihan Khidmat Negara ini kecuali seperti yang telah kita tetapkan. Insya-Allah kalau kita mendapat pandangan yang banyak - kerana sehingga kini tidak ada lagi pandangan daripada keluarga, pemimpin, masyarakat, orang-orang yang tertentu mengatakan Program Latihan Khidmat Negara ini jangan ada campur, dia tidak ada yang itu, dia kata, seperti Yang Berhormat berkata, Yang Berhormat Batu Gajah berkata, Yang Berhormat Putrajaya kata, perkara-perkara ini mesti kita ambil berat dan tidak timbul masalah campur lelaki dan perempuan boleh mengurangkan kredibiliti sistem Program Latihan Khidmat Negara di dalam negara kita.

Saya rasa, saya sudah menjawab pasal Program Latihan Khidmat Negara dan saya hendak beritahu seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ipoh Timor. Saya telah menjawab dahulu dan saya telah menyatakan apa yang telah dibangkitkan oleh Tanjong, Yang Berhormat tidak bangkit dalam masalah bajet, dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tentang petrol vessel yang diberi kepada satu syarikat yang diterima oleh kerajaan untuk baik pulih. Kalau itulah Yang Berhormat maksudkan, kita ingin menerangkan bahawa kerajaan telah bersetuju untuk menerima tawaran daripada satu syarikat untuk membina petrol vessel dan mengadakan semua kemudahan termasuk kemudahan latihan dan alat-alat yang diperlukan bagi kemudahan petrol vessel ini.

Saya tidak tahu di mana Yang Berhormat mengambil sehingga ada 230 bilion ini apa yang ada dalam 32 bilion ini, yang ada dalam pengetahuan kita ialah 5.35 bilion....

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebenarnya Timbalan Menteri 5 bilion ialah untuk 6 buah bukan, tetapi pakej yang semuanya ialah 27 bilion....

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Itu sebenarnya.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Itu sebenarnya kita tidak beri lagi, kita dalam rancangan dan kita dalam perancangan, umpamanya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, begitulah lebih kurang ya, tetapi yang kita telah terlibat ataupun yang telah commit ialah 5.35 bilion. Ini berdasarkan kepada 6 petrol vessel yang mesti dibuat oleh satu syarikat yang telah disebutkan tadi. Syarikat ini sepatutnya menyiapkan pada bulan September 2005, tetapi syarikat ini tidak dapat menyiapkannya walaupun sistem pembayaran, sistem tuntutan dan persefahaman yang telah dijalankan telah dilalui. Sehingga pada masa ini apa yang telah dijanjikan oleh syarikat ini untuk mengadakan ataupun untuk memberi kepada Pasukan Laut Diraja Malaysia siap 6 petrol vessel ini tetapi tidak ada yang siap.

Yang kita boleh katakan hampir siap ialah 2 iaitu PV1 dan PV2. Seperti yang telah kita perkatakan di dalam Program Latihan Khidmat Negara dan dipersetujui apabila syarikat ini iaitu PSC membina dan membekalkan balik kepada Angkatan Laut Diraja Malaysia, tetapi mereka telah memberi kemudahan kepada syarikat German, membina 2 dan mereka membina 4 lagi petrol vessel di sini, di Malaysia. Yang dua itu sudah sampai kepada tahap satunya 98.3% dan PV2, 95.26%. Yang lainnya tidak sampai kepada tahap yang memuaskan hati walaupun kita telah membayar 3.58, kalau tidak salah saya dan semua pembayaran ini dibayar melalui tuntutan. Proses meluluskan tuntutan ini mestilah dianalisa oleh dua badan, iaitu Badan Penganalisan Pembayaran, tuntutan ini hendaklah diluluskan oleh lembaga yang ditubuhkan kerajaan. Yang satu lagi lembaga yang ditubuhkan oleh kementerian.

Daripada segi nilai, pembayaran ini RM3.58 kalau tidak salah saya, mengikut apa yang telah diluluskan dan sehingga ini, kenapa mereka, syarikat PSN ini tidak dapat membekalkan seperti yang telah dijanjikan kerana tidak siap. Oleh sebab itu, syarikat ini memohon RM260 juta kepada kementerian supaya dia dapat menyiapkan beberapa keperluan lagi.

Memandangkan kelewatan dan ketidakpuasan hati dan rungutan daripada pembekal-pembekal yang lain, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, iaitu Menteri Pertahanan dalam mempengerusikan mesyuarat *Post Cabinet*, telah membuat keputusan, kita tidak boleh membayar tuntutan RM260 juta ini dan kita mesti menilai apakah kecacatannya, *effect* yang menjadikan *late delivery* itu pada 28 April ini. Yang membekal, yang mendapat kontrak dipanggil oleh kementerian khususnya, Ketua Setiausaha Kementerian akan bermesyuarat bagaimana, sama ada kita perlu membayar ataupun apa tindakan yang akan diambil bagi menyelesaikan perkara ini. Tuan Pengerusi...

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah benar, Yang Berhormat Menteri berkata bahawa 27 buah kapal ini, OPD 27 buah kapal ini ialah rancangan jangka panjang dan sebenarnya kontrak ini ialah untuk enam buah sahaja? Bukankah benar bahawa syarikat berkenaan ialah *PSC Industries Berhad* atau PSCI ada buat tuntutan daripada kerajaan sebanyak RM3.7 bilion atas pecahan kontrak, *breach out contract* mengenai pemberian *award*, mengenai kesemua 27 buah kapal itu dan bukan sahaja masalah mengenai enam buah kapal dan *PSC Naval Dockyard Sdn. Bhd.*, yang memiliki PSCI dengan subsidiari ini, sebagai subsidiari dengan 79% ada terlibat dalam perkara ini.

Kenapa perkara semacam itu boleh berlaku, mengenai sama ada untuk 27 buah kapal atau enam buah kapal dan sama ada untuk RM32 bilion atau RM5 bilion ringgit sahaja. Kenapa satu pelantikan yang semacam ini, kontrak yang begitu besar boleh berlaku? Adakah apa-apa hubung kait dengan seorang yang ada milik di dalam PSCI, Tan Sri Amin Shah Omar Shah, orang yang sangat terkemuka di negeri Pulau Pinang.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, apa pun mereka boleh sebutkan tentang keseluruhannya tetapi kita tidak menawarkan kerana kita ada *batch by batch* Untuk ini, kita terlibat hanya enam. Maka, sebarang tuntutan mesti berasaskan kepada kerja menyiapkan dan memberikan kepada angkatan tentera laut sebanyak enam.

Sekiranya pihak lembaga ataupun jawatankuasa, kementerian bercadang untuk menambahkan yang lebih dalam proses melengkapkan bilangan *petrol vessels* pada masa yang akan datang, dia akan berterusan dengan lanjutan, kemampuan dan prestasi yang mereka jalankan. Ini adalah satu kenyataan. Kalau apa pun yang berlaku tentang apa yang saya jawab ini, saya percaya pada 28 hari bulan ini, PAC akan mengumumkan perkara-perkara tuntutan yang dikehendaki dan kita akan membuat penilaian dan keputusan terhadap tuntutan mereka dengan hasrat untuk menyelesaikan masalah persiapan enam *petrol vessels* yang telah saya sebutkan tadi. Tuan Pengerusi, saya rasa Insya-Allah.....

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Cik Fong Po Kuan:** Perkara berkenaan tindakan.....

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, *hold on*, ya. Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, sekiranya Yang Berhormat perlukan penerangan yang lebih jelas untuk secara bertulis, dalam pengetahuan Yang Berhormat, kementerian dan saya sendiri amat berasa gembira kerana ada perkara yang kita tidak dapat ketahui, Yang Berhormat dapat ketahui, ini adalah proses menolong kementerian dan menolong kerajaan. Saya sangat hormati pandangan ini dan saya ucapkan terima kasih. Berkenaan dengan masalah najis ini,

saya percaya bahawa dalam penyiasatan, ini berlaku dalam pentadbiran dan sebagainya tetapi sekiranya Yang Berhormat mendapat satu bukti bahawa ini adalah satu pemberian kerja kepada pelatih-pelatih sebagai satu *oppress* ataupun sebagai satu penganiayaan, sehingga hari ini kita tidak mendapat kebenaran keterangan ini.

**Cik Fon Po Kuan:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, *burden of proof is not on my side*, dengan izin. Di mana ketika saya bangkitkan perkara ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa berkenaan dakwaan, bahawa ada pelatih diminta untuk meminta membersihkan najis di sebuah kem.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bukankah perkara ini telah kita selesaikan tadi?

**Cik Fong Po Kuan:** Saya sedang menyiasat perkara itu. Jadi, saya hendak tahu apakah keputusan siasatan dan apa tindakan yang ada? Jika ada, diambil terhadap mana-mana pihak? Itu sahaja saya hendak tahu. Saya tidak menuduh penganiayaan. Jadi, saya pohonlah. Ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata dia akan siasat. Sekarang saya tanya, apakah siasatan, itu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya rasa pembersihan najis ini bukan satu perkara yang amat mengaibkan. Kemungkinan ada kejadian-kejadian yang bukan merupakan satu aktiviti pembersihan najis. Oleh sebab itu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga setelah menyiasat perkara ini, kita tidak diberitahu apakah ini merupakan satu yang mengaibkan. Kalau ianya yang mengaibkan dan satu penganiayaan kepada pelatih, sudah tentu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memaklumkan kepada kita. Sehingga ini, saya menganggapkan bahawa ini adalah satu kejadian yang mungkin *by incidents* dan bagaimana najis boleh berselerak di pusat latihan, ini satu perkara yang susah untuk kita lihat ini satu penganiayaan, satu amalan. Insya-Allah Yang Berhormat, biar saya pula akan menyiasat dan akan menulis kepada Yang Berhormat seperti pernah saya janjikan. Saya menulis laporan lengkap. Saya menulis kepada Yang Berhormat dan Yang Berhormat tulis kepada saya, *let me compare*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM311,790,240 untuk Maksud B.50 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM311,790,240 untuk Maksud B.50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud P.52 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Pembangunan P.52 di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Oleh sebab P.52 hanya token sahaja, ia tidak perlu dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud B.52 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Kedua bagi tahun 2004 di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004.

**Maksud P.70 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Pembangunan P.70 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Puchong.

**8.21 malam**

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya teruskan kepada Maksud P.70 - Kementerian Pengajian Tinggi di bawah Butiran 04800 iaitu kolej komuniti. Pembinaan kolej komuniti memang satu rancangan yang baik untuk masyarakat kita kerana bukan sahaja dia boleh memberikan peluang kepada pelajar-pelajar yang lemah secara akademik untuk melanjutkan pelajaran mereka, tetapi pada masa yang sama juga boleh mengurangkan masalah-masalah sosial yang mungkin ditimbulkan oleh pelajar itu.

Saya terus kepada butiran. Saya hendak bertanya sedikit kepada kementerian mengenai peruntukan tambahan sebanyak lebih kurang RM 40 juta bagi membiayai bayaran kemajuan projek pembinaan kolej komuniti. Saya hendak tahu berapakah projek ataupun apakah projek yang sedang dibiayai dengan jumlah sebanyak RM 40 juta ini? Saya juga hendak tahu apakah rancangan kementerian terutamanya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, mengenai jumlah kolej komuniti yang telah dipinda dan juga apakah kriteria-kriteria ataupun syarat-syarat yang tertentu? Saya memang menyokong supaya rakan-rakan saya yang daripada kawasan luar bandar diberikan keutamaan. Tetapi pada masa yang sama, kawasan-kawasan bandar dan pinggiran bandar juga perlu mendapat keperluan kolej komuniti yang adalah sangat penting kerana hujah ataupun.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Sedikitsahaja ya. Cepat sedikit.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sedikit sahaja. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Puchong bahawa kolej komuniti ini akan membawa banyak manfaat kepada rakyat di luar bandar ataupun dalam bandar. Contohnya macam Pusat Giat Mara. Ia banyak membantu ..... kerana mereka yang tidak pintar dalam pemikiran dan pelajaran, jadi mereka boleh membawa diri mereka ke kolej komuniti ini. Macam dalam kawasan saya pun, saya hendak tahu jugalah...melalui Yang Berhormatlah, ya? Kawasan Jerai ini agak-agak bila boleh dapat satu?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak adakah Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Di Jerai tidak ada kolej komunitikah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Belum ada lagi. Saya sedang berusaha dan Menteri beritahu saya, bolehlah. Tetapi tidak tahu bila.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bantu saya jugalah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kulai pun tidak ada.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kulai pun minta juga? Ha, Kulai pun.... Kesianlah. Di kawasan Tuan Pengerusi pun tidak ada kolej. Jadi, Setiausaha Parlimen tolong catatkan Kulai dengan Jerai. Tolong sedikitlah. Ipoh Timur tidak payahlah, depa bandar. Tidak ada pun tidak apa. Bukit Mertajam pun .....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak kasi....

**Puan Chong Eng:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sedikit sahaja sudah marah. Apa fasal ini. Okey. *[Ketawa]* Bagi semualah, Setiausaha Parlimen. Bagi kepada semualah. Prioriti Kulai dengan Jerai dahulu.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Okey, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Tetapi saya ingat keutamaan kepada kawasan Jerai dengan Kulailah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kemungkinan besar kawasan Setiausaha Parlimen pun tidak ada. *[Ketawa]*

**Tuan Lau Yeng Peng:** Ada tidak? Saya tidak tahu. *[Ketawa]* Okey. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Jerai bahawa pembinaan kolej komuniti ataupun pusat-pusat latihan teknikal yang lain, yang memang boleh membantu kerajaan ataupun masyarakat kita supaya ia

bertindak sebagai satu sumber tenaga kerja pada masa depan. Persoalan yang ketiga saya ingin bangkitkan di sini.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lau Yeng Peng:** *Last, last.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ringkaskan.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Akhir sekali mengenai apakah kursus yang diberikan keutamaan di bawah konsep kolej komuniti? Adakah Kementerian ini berusaha ataupun bekerjasama dengan Kementerian Sumber manusia di mana penggunaan sumber manusia di masa depan negara kita dapat diselaraskan supaya jangan ada yang teknikal atau kemahiran yang lebihan itu dan juga dalam sektor-sektor tertentu kita kekurangan tenaga kerja pula. Saya ingat itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

#### **8.25 mlm**

**Tuan Markiman bin Kobiran:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya membincangkan berkenaan dengan Maksud P.70 - Kementerian Pengajian Tinggi bagi Butiran Projek 14800 Kolej Komuniti. Tidak dapat dinafikan Tuan Pengerusi, bahawa kolej komuniti ini adalah merupakan satu pusat latihan yang sangat berguna, bukan sahaja untuk maksud memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang lemah, tetapi untuk memberi peluang kepada mereka yang telah mendapat pekerjaan untuk menambah kepakaran dalam bidang-bidang tertentu.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan beberapa perkara. Yang pertama ialah berkenaan dengan kaedah pembinaan. Saya dimaklumkan bahawa kaedah pembinaan kolej-kolej komuniti ini dibuat dengan dua kaedah, satu dengan cara pembinaan kampus baru dan yang kedua ialah dengan cara membeli bangunan sedia ada.

Tetapi malangnya Tuan Pengerusi, saya telah difahamkan bahawa, dalam kaedah peruntukan untuk membina bangunan baru, peruntukan tidak diberi untuk tujuan membeli tanah. Seolah-olah, pihak kementerian berharap bahawa tanah ini boleh diperoleh secara percuma dan ini sangat menyulitkan. Terutama sekali saya ingin merujuk terus kepada masalah yang ditimbulkan di Kolej Komuniti Hulu Langat. Untuk saya, Tuan Pengerusi, Hulu Langat sudah ada kolej komuniti. Walaupun kolej komuniti ini telah diluluskan sejak tahun 2001, tetapi kolej ini masih menumpang di sekolah menengah teknik. Kebanyakan peruntukan yang diberikan kepada kolej komuniti ini telah digunakan untuk membaik pulih bangunan lama untuk tujuan kolej ini dan sebahagiannya pula digunakan untuk membaiki kemudahan guna sama di antara kolej komuniti dengan sekolah berkenaan. Ada juga peruntukan yang terpaksa digunakan untuk membayar bil

elektrik dan bil air secara bersama. Kaedah ini akan menyebabkan banyak belanja yang digunakan akhirnya mengalir keluar, bukannya untuk tujuan kolej komuniti itu sendiri.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan, sebenarnya kolej komuniti ini ditubuhkan bagi tujuan memberi latihan lanjut kepada pekerja-pekerja yang sekarang bekerja dan bertugas untuk mendapatkan pengetahuan atau pengalaman yang lebih dari segi teknikal. Kalau kolej komuniti ini ditempatkan di sebuah sekolah dan pelajar-pelajar atau pelatih-pelatih ini ada hanya masa waktu malam, dia tidak dapat datang ke kolej tersebut kerana terikat dengan peraturan sekolah atau peraturan ketika cuti minggu atau cuti panjang sekolah. Akibatnya, kolej komuniti ini terpaksa pula akur dengan peraturan yang ditetapkan oleh sekolah tersebut. Mengenai Kolej Komuniti Hulu Langat ini Tuan Pengerusi, peruntukan yang diberikan kepada kolej ini ialah lebih kurang RM 6 juta saya difahamkan, tetapi sejumlah hampir RM 2 juta diperlukan untuk membeli tanah. Jadi kosnya sudah menurun dan sehingga sekarang, walaupun sudah hampir empat tahun, kolej ini tidak pun berdiri dengan megahnya di kawasan Hulu Langat. Oleh itu Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**8.29 mlm.**

**Tuan M. Kula Segaran:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya hendak bahas mengenai butiran projek 04800. Tuan Pengerusi, saya telah mencari kolej komuniti di kawasan saya, tetapi masih sedang cari. Saya difahamkan mungkin Kementerian boleh memberi satu jawapan. Mungkin ia tersembunyi dan tidak di mana-mana dan saya tidak tahu sama ada ia wujud atau tidak.

Saya hendak satu pengesahan dari kerajaan, adakah ia wujud di kawasan seluruh Ipoh di mana ada lebih daripada 700 ribu orang. Kalau ada, di mana? Kalau tidak, kenapa tidak?

Kedua, saya hendak tahu apakah kursus-kursus yang diberi oleh kolej komuniti ini? Setakat ini berapa orang graduan yang telah keluar dari kolej-kolej ini? Tuan Pengerusi, saya juga ingin bangkitkan mengenai kekurangan *web site* mengenai kolej komuniti. Saya baru pergi ke *web site* di Amerika, saya ingin katakan lebih daripada berpuluh-puluh ribu kolej yang ada dan semua boleh kita dapati, *community colleges online, career schools and community colleges*, apakah kriteria-kriteria yang perlu untuk memasuki kolej komuniti? Siapakah berhak? Apakah *scholarship* dan sebagainya? Bolehkah kementerian memberi satu keterangan, adakah ia akan mewujudkan ini dan juga memberitahu di mana ia berfungsi selain daripada di Ipoh, di mana lagi di Perak? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Batu Gajah.

**8.31 mlm.**

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Perkara P.70, [*Disampuk*] perkara kecil pun hendak ketawa.

Saya ingin merujuk kepada Perkara P.70 pada isu berkenaan peruntukan tambahan kepada pihak kementerian ini di mana saya menyokong, kita kena beri kemudahan infrastruktur kepada kolej-kolej komuniti, politeknik dan juga universiti yang sedia ada agar kita boleh melahirkan graduan-graduan, generasi muda belia yang mempunyai intelek yang tinggi, daya kreativiti yang tinggi dan mempunyai dengan izin, *analytical thinking* dan golongan yang cerdik pandai, yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Baru minggu lepas, tujuh orang pelajar yang dituduh mengadakan perhimpunan haram telah diputuskan oleh Mahkamah Majistret, bahawa mereka tidak bersalah dan dibebaskan. Saya masih ingat pada ketika itu pihak Kementerian Pelajaran ada menyeru mereka agar balik untuk meneruskan pendidikan mereka di IPTA, sebab pihak IPTA telah menggantung hak pendidikan mereka apabila mereka dituduh di mahkamah. Pihak Menteri berkata, kalau hendak balik meneruskan pendidikan, saya boleh tarik balik penggantungan mereka jika mereka mohon maaf kepada saya. Pihak SUHAKAM pula mengatakan bahawa pelajar ini, kalau tidak menerima *deal* dengan izin, oleh pihak Menteri, *they are very stubborn*, dengan izin, mereka adalah degil dan menyeru mereka memohon maaf kepada Menteri. Jadi sekarang, pihak mahkamah telah memutuskan ketujuh-tujuh orang pelajar ini tidak bersalah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Saya hendak tanya, apakah bentuk bantuan yang akan dikemukakan kepada para pelajar ini kerana pihak kementerian, pihak SUHAKAM telah menghukum mereka bersalah sebelum mahkamah berbuat demikian. Saya rasa adalah patut pihak kementerian bagi bekas Kementerian Pendidikan, sebaliknya sekarang memohon maaf balik kepada ketujuh-tujuh orang pelatih ini. Kes mahkamah ini mengambil masa empat tahun dan mereka telah dinafikan hak pendidikan. Imej mereka dijejaskan oleh keputusan yang diambil oleh IPTA, pihak kementerian dan juga SUHAKAM yang telah menghukum mereka bersalah sebelum mahkamah berbuat demikian.

Saya ingin tahu apakah bentuk bantuan yang akan dikemukakan? Saya rasa adalah adil jika pihak kementerian memohon maaf sebaliknya kepada mereka, memberi biasiswa kepada mereka untuk melanjutkan pendidikan kepada mereka dan juga pampasan ganti rugi kepada mereka, di mana mereka telah kerugian masa selama empat tahun. Saya hendak tahu apakah

tindakan susulan yang akan diambil bagi memperbaiki balik imej yang terjejas oleh Kementerian akibat daripada keputusan yang salah yang telah diambil oleh pihak IPTA, dan pihak Kementerian dan juga dalam kes SUHAKAM yang menyokong keputusan yang diambil oleh IPTA. Itu sahaja yang ingin saya bangkitkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ayer Hitam, selepas itu Ipoh Timor, kemudian menjawab selepas itu.

**8.35 mlm.**

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus pergi ke Maksud P.70 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Kolej komuniti ini telah ditubuhkan sejak beberapa tahun yang lalu dan pada asalnya ia hendaklah dibina di setiap kawasan Parlimen iaitu sebanyak 192 kawasan. Akhir sekali, disebabkan tidak ada peruntukan yang mencukupi, maka pada masa sekarang cuma 34 buah kolej komuniti yang wujud. Bagi kawasan saya, kawasan Parlimen baru di Ayer Hitam, saya mintalah, sejak saya jadi wakil rakyat, pertama kali saya hendak utarakan kehendak masyarakat, keperluan yang begitu mendesak untuk membina sebuah kolej komuniti di kawasan saya, sebab saya melihat di sempadan ataupun jiran-jiran saya, kalau di Sri Gading ada KUITTHO, kalau di Parit Sulung ada MRSM dan Maktab Perguruan di Batu Pahat dalam daerah Batu Pahat. Cuma kawasan Parlimen Ayer Hitam yang ketinggalan, tidak ada satu pun satu institusi ataupun kolej komuniti atau apa-apa jua Institut Latihan Perindustrian yang....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sipitang pun belum ada Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sipitang pun belum?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya memohon bagi pihak Ayer Hitam dan juga Sipitang. Itu sangat penting sebab kita lihat kawasan pembangunan di kawasan Ayer Hitam ini memang begitu cepat, dan ia memerlukan sokongan dari segi pendidikan di kawasan saya.

**Tuan Loh Seng Kok:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kelana Jaya bangun.

**Tuan Loh Seng Kok:** Minta penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat bagi Ayer Hitam mengatakan bahawa kerajaan pernah mengatakan ingin membina kolej komuniti di setiap kawasan Parlimen, itu pada beberapa tahun yang lalu. Tetapi sekarang ini, ada kawasan Parlimen yang baru, adakah wajar kerajaan patut membina kolej komuniti di setiap kawasan Parlimen termasuk kawasan Parlimen yang baru? Kalau setiap kawasan itu dibina kolej komuniti ini, apakah Yang Berhormat bagi Ayer Hitam merasakan bahawa kerajaan dapat menyediakan tenaga pengajar yang secukupnya untuk setiap kolej komuniti ini dan kalau dibina juga semua ini,

apakah ada pertindihan pembinaan kolej komuniti dengan institut-institut yang dibina oleh kementerian lain seperti di Kementerian Sumber Manusia adanya Institut Latihan Perindustrian di bawah Kementerian Belia dan Sukan, adanya Institut Kemahiran Belia Negara dan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, adanya Institut Kemahiran Mara, apakah adanya pertindihan? Perlukah di setiap kawasan Parlimen ada semua jenis institut ini? Terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Yang pertamanya, saya memang, kalau hendak bagi kepada setiap kawasan Parlimen, kenalah berpandukan kepada pilihan raya 2004, dan bagi saya perkara itu mungkin sukar sedikit dilaksanakan kerana disebabkan ia akan membawa satu implikasi kewangan yang begitu besar. Tetapi biarlah kita mula dari satu dasar iaitu dalam satu daerah, kalau tidak ada sebarang institusi pendidikan yang lain termasuk ILP, Institut Latihan Kemahiran Mara ataupun Belia dan kita harus memberi pertimbangan, keutamaan kita bagikan kepada kawasan sebegini.

Sebagai contoh, Ayer Hitam adalah sebagai contoh yang paling baik dan perlu diwujudkan satu kolej komuniti, itu yang pertama. Yang kedua mengenai tenaga pengajar. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya bahawa kita tidak boleh membina infrastruktur, sekolah, institusi pendidikan tetapi tidak ada tenaga pengajar. Jadi kenalah kementerian memikirkan satu cara, kita menyediakan tenaga pengajar yang mahir dan dari segi jumlahnya, saya rasa kita tidak boleh bertindih dengan ILP, IKBN, Air Tech, GMT dan sebagainya sebab masing-masing ada kekuatan. Kursus yang dianjurkan memang ada dia punya kekuatan dan bagi kolej komuniti, saya rasa konsep yang perlu kita terap, ianya bukan satu pendidikan formal semata-mata. Ia harus diberikan kepada mereka yang ingin belajar, pembelajaran sepanjang hayat – konsepnya, yang harus diterap dalam konsep ini dan tidak menentukan semata-mata berdasarkan pengambilan, berdasarkan kepada kelayakan semata-mata. Saya rasa pengalaman itu amat penting.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Pasir Puteh.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, terima kasih kerana memberi laluan.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak tanya melalui Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Kelantan adalah satu-satunya dalam Malaysia ini, negeri yang diperintah oleh Pembangkang. Kerana Pembangkang, saya tidak ada di sini, bukan Pembangkang saya, Pembangkang tidak ada (PAS), seorang pun tidak ada. Jadi, adakah bercadang untuk membina kolej komuniti di Kelantan khususnya Parlimen Pasir Puteh melalui Yang Berhormat? Terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya rasa memang tepat. Soal pendidikan ini tidak patut dicampuradukkan dengan politik dan saya rasa kita memang hendak melatih tenaga mahir yang boleh memberi sumbangan kepada sektor-sektor swasta ataupun industri dalam negara ini. Sebab itulah saya katakan kolej komuniti itu berperanan untuk melahirkan tenaga mahir yang boleh digunakan oleh pihak industri. Itu amat penting.

Dalam pada itu saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dua hari yang lalu Timbalan Menteri Pengajian Tinggi pernah datang ke kawasan saya telah meninjau satu tempat. Tempatnya ialah di Taman Berlian, 11 buah rumah kedai dan di mana sekarang saya nampak konsep yang digunakan oleh pihak kementerian tidak lagi beli tanah dan bina. Mereka akan gunakan rumah kedai yang sedia ada diubahsuai menjadi kolej komuniti.

Saya rasa itu adalah satu permulaan dan saya mintalah pertimbangan sewajarnya di Taman Berlian, Yong Peng, boleh digunakan sebagai satu tapak untuk kita mulakan kolej komuniti. Begitu juga di Pasir Puteh dan di tempat-tempat lain. Ini akan menjimatkan kos.

Yang keduanya, saya juga tertarik dengan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia. Saya rasa kalau di negara kita, kita lihat universiti dengan kolej universiti ada bezanya. Kolej universiti disebabkan *enrolment* pelajar tidak lebih daripada 10,000 seperti mana yang dikatakan oleh bekas Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa dahulu. Sebab itu mereka tidak boleh dinaiktaraf sebagai universiti. Tetapi saya ingin memberitahu kepada pihak kementerian, sampai masanya kita mengkaji perkara ini.

Saya mengambil contoh di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) dan saya nampak pelajar yang dilahirkan lebih daripada 5,000 orang dan pengambilan pelajar sekarang sudah mencapai 6,000 dan saya rasa statusnya dari segi akademik dan juga graduannya ada yang akan mendapat kelulusan dalam Ph.D. dan sebagainya patutlah memikirkan masanya untuk mempertingkatkan KUiTTHO ini sebagai satu universiti dan inilah harapan orang Johor supaya KUiTTHO itu dijadikan sebagai Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dan saya tidak nampak kenapa tidak boleh. Universiti Darul Iman pun telah ditubuhkan walaupun pengambilan belum ada tetapi kita patut mempunyai satu garis panduan yang jelas.

Begitu juga dengan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan dan pada satu tahap nanti kita kena mempertingkatkan statusnya sebagai universiti penuh. Saya rasa perlu kita menetapkan satu garis panduan supaya perkara ini tidak akan menimbulkan masalah kelak. Kita tidak hendaklah orang rasa di hati kenapa universiti baru dapat nama universiti dan kolej universiti yang selama ini telah melahirkan begitu ramai graduan tetap lagi kolej universiti. Saya rasa ini adalah satu perkara pokok yang harus diberi pertimbangan sewajarnya.

Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, selepas itu kementerian menjawab.

**8.43 mlm.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud 70 mengenai pembangunan untuk IPTA. Saya berdiri untuk memberi sokongan yang kuat kepada apa yang diketengahkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah, sebenarnya kita ada lima Ahli Parlimen DAP di sini sampai sekarang, bukan semacam Barisan Nasional tidak sampai 10% daripada jumlah Ahli-ahli Parlimen oleh kerana kita sangat berminat dalam perkara ini.

Dalam perkara ini di mana tujuh pelajar universiti masa depan negara kita menjadi mangsa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, itu kepala berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, 70, Universiti Malaysia Sarawak, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak ada kena-mengena dengan kehadiran Ahli Parlimen, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak ada kena-mengena.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada kena-mengena. Kita mahu meneruskan peruntukan-peruntukan..

**Seorang Ahli:** Merapu!

**Tuan Lim Kit Siang:** ... untuk infrastruktur-infrastruktur universiti. Kita tidak mahu mensia-siakan peruntukan-peruntukan ini di mana pelajar-pelajar dihalau dan dipecat tanpa alasan yang baik. Apa yang berlaku kepada tujuh pelajar ini kita tidak mahu berlaku lagi di masa depan. Itulah kenapa relevan dan kita perlu ambil masa *first opportunity*, inilah *first opportunity* di mana Dewan dan saya harap supaya Ahli-ahli Parlimen termasuk Barisan Nasional pun boleh menunjukkan prihatin dalam perkara ini dan *solidarity* kepada mereka, empat tahun mereka hilang peluang untuk terus melanjutkan pendidikan universiti mereka.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, itu tidak berkenaan, ini pembangunan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sama, kita tidak mahu membuang perkara ini. Apa guna kita meluluskan peruntukan kalau pelajar-pelajar yang patut menikmati kemudahan boleh dipecat kerana Youth MCA oleh kerana undang-undang yang *draconian* dan inilah mustahak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** Inilah mustahak, jangan takut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan takut mengenai perkara keadilan. Kita lihat masalah kenapa Youth MCA takut ambil pendirian dalam perkara ini. Adakah disokong bahawa universiti-universiti patut meminta maaf, bayar ganti rugi, *reinstate* mereka...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** ...dan akhirnya bahawa kita dengarlah suara mereka. Akhirnya kita boleh tengok apa mereka kata...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ini Kepala Pembangunan. Itu di luar Pembangunan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Pembangunan juga, jangan kita mensia-siakan pembangunan. Itulah ketujuh-tujuh pelajar, Rafzan Ramli, Helmen Zainudin, Wan Sanusi Wan Mohd. Nor, Khairul Amal Mahmud, Nik Nor Faizi Nik Ibrahim, Ahmad Kamal, apa suara mereka. Itulah akhirnya kita dengar...

**Seorang Ahli:** Jumpa UMNO selesai.

**Tuan Lim Kit Siang:** ...with one ... to withdraw the Malaysia statement made against us and to apologize. Itulah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu sahaja, *apologize*, oleh kerana mereka dianggap sebagai *traitors*. Kita patut ucap tahniah kepada mereka, ada itu *conviction*, lawan Operasi Pos. Saya harap bahawa dalam perkara ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh berdiri nanti dan kata bahawa minta maaf bagi pihak kerajaan atas apa yang berlaku kepada mereka dan buat jaminan bahawa mereka dikembalikan peluang untuk terus berada di universiti dan *public university* dan bayar ganti rugi

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** ...dan bahawa perkara ini tidak akan diulangi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jawapan daripada Kementerian Pengajian Tinggi. Setiausaha Parlimen, sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Lari daripada keadilan lebih malu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, cukup.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, ya, teruskan Setiausaha Parlimen.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**8.47 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:**  
Tuan Pengerusi, saya merakamkan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan, teruskan.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** ....ucapan terima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Saya akan cuba memberikan penjelasan yang terbaik, sama-sama untuk kita pastikan perkhidmatan pendidikan di peringkat pengajian tinggi kepada anak kita akan diperbaiki dari semasa ke semasa.

Perkara. P.70 melibatkan kolej komuniti, politeknik, UNIMAS dan KUTKM Melaka. Kepada Yang Berhormat bagi Puchong saya ucapkan terima kasih kerana telah pun membangkitkan tentang kebaikan penubuhan kolej komuniti dan peruntukan RM40 juta diperlukan untuk bayaran interim bagi 13 buah kolej komuniti dalam pembinaan dan juga pembelian peralatan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Larut, dia belum menjawab lagi sudah bangun.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Yang Berhormat, saya minta kalau tidak boleh jawapan hari ini, saya minta direkodkan tentang pembinaan kolej komuniti di Larut. *[Ketawa]* Saya minta sangat kerana ini kawasan luar bandar, Yang Berhormat, harap dapat direkodkan. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Memang menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan permintaan-permintaan membina kolej komuniti di seluruh negara dapat direalisasikan. Terima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Larut atas keprihatinan untuk memohon sebuah kolej komuniti.

Kriteria penubuhan kolej komuniti merupakan satu buah institusi yang diperlukan pada hari ini sejak 8 September 2004. Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa penubuhan sebuah kolej universiti di sebuah kawasan adalah mengikut keperluan yang tidak lagi mengikut kawasan setiap Parlimen. Kriteria-kriteria yang diambil kira dalam penubuhan kolej komuniti, antaranya

ialah kepadatan penduduk serta kegiatan ekonomi masyarakat setempat kolej komuniti akan dibina.

Selain daripada itu penubuhan kolej komuniti mengambil kira kawasan yang tiada institusi-institusi lain seperti Institut Kemahiran MARA (IKM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBM) dan juga Institut Latihan Perindustrian (ILP) dari Kementerian Sumber Manusia. Begitu juga kalau ada politeknik dan sebagainya.

Buat masa ini terdapat 30 buah kolej komuniti yang sedang beroperasi di seluruh negara dan 19 kursus penuh masa ditawarkan dan *enrolment* pelajar sehingga Januari 2005 adalah seramai 8,945 orang dan bilangan tenaga pengajar sehingga kini adalah seramai 136 tenaga akademik.

Dan yang menggembirakan kita ialah masyarakat setempat telah mengambil bahagian dengan aktif dan sehingga kini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat daripada 961 buah kursus yang ditawarkan 25,628 telah pun mengambil bahagian oleh masyarakat setempat. Ini menunjukkan bahawa pandangan Yang Berhormat Puchong terhadap pembinaan Kolej Komuniti bertepatan dengan keperluan masyarakat. Untuk Ahli Parlimen Jerai dan juga kawasan-kawasan lain pihak kementerian sentiasa membuka pintu untuk bekerjasama pada masa-masa yang akan datang.

Memang pada peringkat awal setiap kementerian yang mengadakan kursus-kursus kemahiran seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pelajaran dan hari Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Keusahawanan dan juga Sumber Manusia mengadakan program-program separa kemahiran. Memang ada penyelarasan di sini bahawa kita ingin menambah seberapa ramai jumlah bilangan separa profesional melalui program-program kemahiran tetapi yang melebihi Kolej Komuniti ialah ia merupakan satu *hub life long learning* iaitu bagi mereka yang ingin mendapatkan pengetahuan peluang kedua ataupun tercicir daripada peluang pertama dan juga peluang untuk pekerja untuk menambah pengetahuan maka di sinilah tempatnya dan mereka telah pun mengambil bahagian ketika ini.

Yang Berhormat Hulu Langat telah pun menyatakan bahawa Kolej Komuniti di Hulu Langat masalahnya ialah berkenaan dengan pengambilan tanah. Memang diakui Kolej Komuniti Hulu Langat telah pun diluluskan dalam RMK-8 tetapi pelaksanaannya belum bermula kerana masalah tapak yang kos tanahnya sebanyak RM3.9 juta. Kementerian sedang menunggu pengurangan premium tanah daripada PKNS dan anggaran keseluruhan projek ialah RM12.9 juta dan insya-Allah akan dibina tidak lama lagi.

Yang Berhormat Ipoh Barat ada menyatakan bahawa tiada Kolej Komuniti di Ipoh Barat atau pun di kawasan Ipoh. Projek Kolej Komuniti Ipoh Barat tidak lagi disenaraikan ke dalam RMK-8 dan seperti yang saya maklumkan tadi hanya 34 buah Kolej Komuniti di dalam RMK-8

berikutan kekurangan peruntukan. Insya-Allah pada masa akan datang kita bersama-samalah memastikan ada di peringkat Ipoh dapat membina Kolej Komuniti.

Kekurangan *web site* sebenarnya buat masa ini Kolej Komuniti berusaha keras, dalam iklim yang kita ada sekarang ini selama setahun kita ada dalam Kementerian Pengajian Tinggi membina *web site* sendiri dan telah saya kesan ada Kolej Komuniti yang *very creative* ataupun dengan izin sangat kreatif dan mempunyai *web site* sendiri seperti *wwbbkk.edu.my* yang mempunyai *linkages* ataupun mempunyai penyelarasan beberapa Kolej Komuniti seperti Kolej Komuniti Arau, Kolej Komuniti Bandar Darul Aman dan Kolej Komuniti Kuantan. Ini menunjukkan bahawa kita sentiasa ingin menambah baik ataupun memastikan setiap apa yang kita inginkan supaya masyarakat tahu menjadi kenyataan.

Yang Berhormat Batu Gajah saya rasa isu yang dibangkitkan ialah berkenaan dengan graduan tujuh pelajar yang telah pun dikenakan tindakan oleh pihak IPTA. Ini kes spesifik tetapi saya fikirkan nanti pihak Kementerian akan memberikan ulasan. Memanglah setiap pelajar yang telah diambil tindakan digantung pelajarannya dan sekiranya pihak mahkamah telah memutuskan tidak bersalah maka tindakan sewajarnya memang kita akan ambil dan memastikan semua masyarakat yang belajar dapat pembelaan.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya mohon penjelasan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah Yang Berhormat berjanji akan memberi saya satu jawapan bertulis mengenai apa yang telah saya bangkitkan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian ekoran keputusan mahkamah tersebut, apakah bantuan, apakah pihak kementerian akan memohon maaf terhadap pelajar-pelajar ini. Saya harap pihak kementerian boleh bagi saya satu jawapan sebelum sesi ini tamat. Sekian, terima kasih. Secara bertulis sebelum sesi ini tamat, terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat, mahkamah baru sahaja putuskan mereka tidak bersalah maka biarlah pihak mahkamah menghantar surat kepada kementerian atau IPTA untuk kita putuskan. Jadi sewajarnya Yang Berhormat boleh bersabar sedikit. Kita ambil perhatian dalam ini.

Yang Berhormat Ayer Hitam telah pun membangkitkan .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timur bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata tunggulah laporan mahkamah, kenapa pihak universiti tidak tunggu keputusan mahkamah boleh memecat tujuh pelajar itu, sekarang mahu tunggu makluman dari mahkamah. Bukankah itu menunjukkan bahawa keadilan tidak dijunjung dan adakah untuk dalam perkara ini kementerian rela untuk *redeem itself* kembalikan keadilan dengan ambil tindakan serta-merta dan satu

pengumuman prinsip bahawa mereka akan dikembalikan ke tempat universiti awam dan ganti rugi akan diberi dan satu permohonan maaf akan dibuat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ini tidak ada kena mengena dengan pembangunan.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat, kementerian sentiasa meneliti semula status mereka dan akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya. Seperti yang saya maklumkan tadi bahawa perkara ini baru diputuskan di mahkamah jadi .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada lagi Bandar Kuching. Isu yang samakah Yang Berhormat Bandar Kuching?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, bukan, bukan, jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menunjukkan dia langsung tidak faham prosedur *court* (mahkamah) kerana dalam kes jenayah (*criminal case*) setelah orang yang dituduh itu dibebaskan (*equated*) pihak mahkamah tidak akan beritahu sesiapa pun. Itulah prosedur asas mahkamah jenayah. Saya harap Setiausaha Parlimen jawab baik-baiknya. *Don't treat as a joke.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hulu Langat.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Tuan Pengerusi, saya kurang bersetuju dengan pendirian Yang Berhormat Bandar Kuching kerana dalam kes-kes jenayah bukanlah mahkamah yang sepatutnya memaklumkan kepada pihak kementerian tetapi pihak pendakwa raya yang mewakili kerajaan yang sudah tentunya memaklumkan kepada kementerian. Dan ini adalah satu maklumat yang perlu diperolehi dengan cara bertulis sebelum pihak kementerian memaklumkan keputusan mereka. Terima kasih.

*[Yang Berhormat Bandar Kuching bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Bandar Kuching cukuplah mengenai hal ini. Setiausaha Parlimen teruskan topik lainlah.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat terima kasih. Saya sudah kata bahawa hal ini spesifik. Yang disebut oleh Yang Berhormat bukannya pecat tetapi digantung daripada pengajian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah cukuplah. Setiausaha Parlimen jawab topik lain.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat Ayer Hitam telah pun membangkitkan hal yang berkaitan dengan pembinaan Kolej Komuniti di Ayer Hitam. Memang saya tahu Ayer Hitam mempunyai kawasan yang khusus ada kolej yang berdekatan dengan Quito, ada sebuah Kolej Komuniti di situ lebih kurang 15 km ataupun 20 km tidak jauh. Memang kita membangkitkan bagaimana dalam RMK-9 akan kita perhalusi permohonan daripada Ayer Hitam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Semua kawasan Parlimen Yang Berhormat kajilah semua.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Peningkatan Quito kepada universiti, sebenarnya asal Quito adalah politeknik. Politeknik ditingkatkan kepada Kolej Universiti dan Kolej Universiti ditubuhkan seperti Yang Berhormat sebut kepada fokus tertentu. Dan ia sebenarnya tidak menawarkan berbagai-bagai kursus seperti di universiti dan ia berkonsepkan *hands on* dan taraf Kolej Universiti sebenarnya sama cuma fokusnya tertakluk kepada bidang yang kita lihat merupakan tertakluk kepada bidang-bidang seperti kejuruteraan dan juga perdagangan serta komersial.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Pengerusi, saya mendengar jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, saya rasa ada satu konsep yang tidak berapa jelas di mana apa yang saya nak tanya sebenarnya kalau kita lihat perkembangan KUiTTHO, tahun 2000 sepatutnya ia menjadi Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Oleh sebab pada masa itu *enrolment* tidak sampai 10,000, kriteria yang digunakan dari jumlah *enrolment* tidak sampai 10,000 maka hanya gunakan nama kolej universiti.

Dan sekarang dari kursus yang ditawarkan telah banyak termasuk *aerospace engineering* akan dibuka. Sudah sampai masanya KUiTTHO dipertingkatkan sebagai sebuah universiti. Jadi saya mintalah supaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mempertimbangkan perkara kerana ini adalah satu perkara yang amat dibanggakan oleh orang Johor kerana Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn ini sebenarnya tidak ada bezanya dengan universiti lain dan kalaulah Universiti Darul Iman boleh ditubuhkan belum ada pengambilan, saya rasa memang boleh Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dinaik taraf sebagai universiti. Minta penjelasan, terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Kolej universiti berbeza dengan universiti seperti yang disebut, *enrolment*nya tidak lebih daripada 10,000 dan ia khusus atau fokus kepada bidang-bidang yang memberikan kursus-kursus teknikal seperti kejuruteraan. Dan sekiranya KUiTTHO dapat memberikan keyakinan kepada masyarakat dan juga tenaga akademik mampu untuk menjadikan ia sebagai sebuah universiti, tidak salah untuk kita pada masa akan datang memberikan penerapan universiti kepada KUiTTHO.

Yang akhir sekali saya mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam kerana telah pun memberikan Menteri Pengajian Tinggi laluan untuk melawat ke Taman Belian dua hari lepas untuk melihat dan meninjau tapak untuk kolej universiti dan saya harap perkara itu akan berlaku dan saya mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat.

Setakat itu sahaja saya dapat memberikan jawapan terhadap semua perkara yang dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM190,893,958 untuk Maksud P.70 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2004 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM190,893,958 untuk Maksud P.70 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004.

**Maksud P.71 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepala Pembangunan P.71 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, ini adalah token sahaja, ia tidak perlu dibahas.

*[Tiada Perbincangan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.71 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Kedua bagi tahun 2004 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk maksud P.71 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004.

**Fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2004 dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 2004 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Kedua 2004 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**USUL****Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima ratus sembilan puluh tujuh juta sembilan ratus sembilan puluh lapan ribu sembilan ratus tujuh puluh satu ringgit (RM597,998,971) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2004, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2004 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 2005 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke sebelas dan ke dua belas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima ratus sembilan puluh tujuh juta sembilan ratus sembilan puluh lapan ribu sembilan ratus tujuh puluh satu ringgit (RM597,998,971) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2004, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2004 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 2005 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke sebelas dan ke dua belas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah penat. Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 10.00 pagi besok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 9.08 malam***

21 Mac 2005

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP.** (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.J.N., P.I.S. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang) - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO

- 
10. " Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
  11. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
  12. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
  13. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
  14. " Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
  15. " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO
  16. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
  17. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
  18. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
  19. " Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
  20. " Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
  21. " Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
  22. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
  23. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
  24. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
  25. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
  26. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
  27. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO

28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin **Haji** Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA

14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO

34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

#### SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO

15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

#### **AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO

- 
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
  20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
  21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
  22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
  23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
  24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
  25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
  26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
  27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
  28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
  29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
  30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
  31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
  32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
  33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
  34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
  35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
  36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
  37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
  38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
  39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
  40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
  41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
  42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
  43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
  44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
  45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
  46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
  47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
  48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
  49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
  50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
  51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
  52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS

- 
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Dato’ Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
- 64. “ Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA**
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO

- 
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
- 88.** “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
- 90.** “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO

- 120.       “           Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
- 121.       “           Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
- 122.       “           Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
- 123.       “           Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
- 124.       “           Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
- 125.       “           Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat  
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha  
Roosme binti Hamzah  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang  
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha  
Muhd Sujairi bin Abdullah  
Lavinia a/p Vyveganathan  
Bazlinda binti Bahrin  
Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Saadiyah binti Jamaludin  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Hairan bin Mohtar  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah binti Mohd. Azir  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK

Mazidah binti Mohamed  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Cik Lee Jing Jing

PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PERUNDANGAN

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Hindun binti Wahari  
Rozaimah binti Mohamad Ariffin  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi

Ropiah binti Tambi  
Suhairi bin Othman

BENTARA MESYUARAT  
Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN KOMPUTER  
Zunaini bt. Mohd Salleh  
Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Siti Rohaini bt. Roslan  
Mohamad Faizal bin Harun  
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh  
Zaini Azlina bt. Zawawi

PETUGAS-PETUGAS  
UNIT CETAK  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif  
Alias bin Mohd. Nor